

PENGETAHUAN TRADISI: ANTARA KEPUNAHAN DAN HARAPAN DALAM KONSERVASI DAN PEMBANGUNAN¹

***(TRADITIONAL KNOWLEDGE: BETWEEN HOPE AND VANISH
IN DEVELOPEMENT AND CONSERVATION)***

Ali M.A.Rachman²

Abstrak

Kertas kerja ini membincangkan “Pengetahuan Tradisi” dalam pandangan ekologi manusia. Dalam pandangan ini Pengetahuan Tradisi, iaitu salah satu bentuk kerystalisasi interaksi antara sistem sosial manusia dan sistem ekologi. Pengetahuan Tradisi itu telah turun temurun daripada satu generasi ke generasi seterusnya. Sepatutnya ia merupakan warisan “dikawal” berkelanjutan. Berbanding dengan “Pengetahuan Moden” yang didapat di Perguruan Tinggi pada umumnya saat ini. Pengetahuan Tradisi amatlah sedikit digunakan ataupun diajarkan untuk diterapkan dalam pembangunan semua bidang kehidupan bahkan acapkali tertinggal. Padahal Pengetahuan Tradisi berisikan kearifan dan merupakan soko guru bagi segala bidang pembangunan yang berkelanjutan. Sayangnya

¹ Kertas Kerja ini dibentangkan pada Persidangan Penterjemahan Antarabangsa Ke 11 Prince Hotel & Residence, Kuala Lumpur 21-23 November 2007. Isi Kertas Kerja ini sebagian besar adalah pengalaman langsung saya bekerja dan meneliti di dalam masyarakat. Sumber inspirasi menuliskan kertas kerja ini berasal dari kertas kerja saya berjudul “INDIGENOUS KNOWLEDGE Between Collapsion and Prospect of Genetic Conservation and Development” yang saya bentangkan sebagai Keynote Speaker dihadapan alumni Jerman di Manado Indonesia dalam Workshop bertema “Utilization and Conservation of Natural Resources for Sustainability Development through the Harmonies of Human-Animal and Environment on Empowering of Society through the Animal Health and Production Activities with the Appreciation of Indigenous Knowledge” yang berlangsung tanggal 3-5 May 2007.

² Ali M.A.Rachman adalah Ph.D Antropologi & Sosiologi minat Ekologi Manusia, Profesor Pelawat di Jabatan Sosio-budaya Melayu, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya 50603 Kuala Lumpur

Pengetahuan Tradisi sudah hampir atau sudah mulai banyak yang punah. Kertas kerja ini mengajak memandang berat perlunya konservasi dan meluncurkan bahasa Melayu yang tepat dalam konservasi bagi pembangunan masyarakat Melayu kini sejalan dengan sosiobudaya Melayu agar terjadi sambungan antara pengetahuan tradisi dan pengetahuan moden yang asalnya kebanyakan berasal dari barat.

Abstract

This paper discusses Traditional Knowledge (TK) in perspective of human ecology. According to this field, TK is a production form of interaction between social system and ecosystem. In history of human being TK is a key strategies to understand about human involvement in genetic resources of natural ecosystem of its evolution and revolution. Evidently, TK is used as a form in orally as accumulation of direct experiences. It had been transferred and distributed and collected as wisdom in the community by generation to generation in any variety of ethnicity of world wide people interaction with their specific natural ecosystem through exchange information flow. Today, TK is not common in community practice and unlucky lag in modern publication.

Pendahuluan


Pengetahuan Tradisi sepatutnya menjadi strategi bagi generasi hari ini untuk menyambungkannya dengan Pengetahuan Moden bagi menghadapi cabaran global. Alasannya adalah Pengetahuan Tradisi merupakan pengetahuan untuk memahami keterlibatan manusia dalam interaksi dengan sumber genetik alami sepanjang zaman terhadap sesuatu sistem ekologi (ekosistem). Pengetahuan Tradisi ini menjadi Pengetahuan Tradisi setelah mengalami perkembangan terus menerus secara akumulasi (evolution). Ia menjadi mantap sebagai Pengetahuan Tradisi kemudian diwariskan kepada generasi lebih muda.

Isi Pengetahuan Tradisi itu adalah tentang selok belok ekosistem dengan segala kaedahnya dari sisi pengalaman langsung masyarakat yang hidup dan matinya (*survive*) di ekosistem bersangkutan. Pemahaman selok belok ekosistem seperti ini adalah berpatutan menjadikan sambungan Pengetahuan Tradisi kepada Pengetahuan Moden yang banyak

dikaji di Perguruan Tinggi. Dengan kata lain Pengetahuan Tradisi merupakan akumulasi pengalaman langsung melibatkan seluruh jiwa raga sedang Pengetahuan Moden masih banyak dibantu dengan perangkat alat sehingga tidak seluruh pengetahuan moden melibatkan diri dalam keberadaan survival di ekosistem secara langsung. Apabila keduanya disambungkan maka menjadilah suatu pengetahuan terkini yang tidak lepas dari akar rumpunnya.

Pentingnya sambungan kepada Pengetahuan Moden kerana cepat atau lambat proses keterlibatan interaksi manusia kini dengan teknologi moden itu dari masa ke masa boleh menjejaskan berkelanjutannya sumber genetik ekosistem kerana penggunaan sumber genetik itu dilakukan tanpa dasar dan kaedah pengalaman langsung. Akibatnya menghasilkan penurunan kualitas ekosistem bahkan merosakkanya.

Model Ekosistem Masyarakat Tradisi



Rajah 1: Model Ekosistem Masyarakat Tradisi

Rajah 1 ini adalah rajah ekosistem masyarakat pada umumnya termasuk Melayu mahupun Indonesia yang berisi konsep Orang Darat (terjemahan daripada "Man Land Dwellers") dan Orang Laut (terjemahan

daripada Man Sea Dwellers) dan interaksinya (dilambangkan dengan tanda garis panah tebal putus-putus) dengan hutan (terjemahan “forest”), tanah pertanian (terjemahan daripada “cultivation”), sungai (terjemahan daripada “river”) dan laut (terjemahan daripada “sea”). Dalam Rajah 1 juga diperlihatkan tanda garis panah titik-titik kecil yang menghubungkan Orang Darat dan Orang Laut melalui suatu interaksi dengan Lingkungan Sosial Luar disingkat dengan LSL (terjemahan “External Social Environment” disingkat ESE). Kebalikan daripada Lingkungan Sosial Luar adalah Lingkungan Lokal disingkat LL (terjemahan daripada “Local Environment” disingkat LE). Model ini dilukis jadi rajah berdasarkan pengalaman empiris di dalam kajian meluas pada masa menuliskan disertasi Ph.D di perkampungan pantai Barat Semenanjung dan Indonesia serta daripada sejumlah literatur Ekologi Manusia, iaitu pendekatan holistik daripada berbagai disiplin ilmu termasuklah antropologi-sosiologi dan ilmu-ilmu biologi.


Pengetahuan Tradisi merupakan salah satu bentuk kristal lintas disiplin ilmu *beragam bidang kehidupan* yang tumbuh hidup dan berkembang di dalam masyarakat. Pengetahuan Tradisi yang dimaksudkan diperoleh melalui suatu interaksi yang panjang prosesnya. Secara beransur pengetahuan tersebut diturunkan kepada generasi lebih muda dalam masyarakat bersangkutan. Orang Darat pakar dalam hal ekosistem hutan. Orang Laut pula amat pakar dalam hal kelautan. Kedua-dua masyarakat mampu mencipta teknologi tepat guna dengan pengetahuan tradisi. Kalendar masyarakat misalnya bagi Orang Laut mahupun Orang Darat dalam ekosistem semula jadi merupakan panduan memulakan setiap langkah untuk pertanian, berburu, menangkap ikan mengatur perjalanan, dan sebagainya. Kalau diikuti kalendar itu tak kalah dengan kalendar moden. Betapa pentingnya pengetahuan tradisi dapat dilihat keterlibatan memahami ekosistem sebagaimana diperlihatkan pada Rajah 2.

Keterlibatan Manusia dalam Ekosistem Sumber Genetik Hutan Hujan Tropis

Pengetahuan Tradisi melalui suatu proses panjang. Ia melibatkan kurun waktu awal pertanian. Para pakar arkeologi sepakat hal itu mula sekitar 10000 tahun yang lalu. Manusia memulakan pertanian dengan tebas,

tebang dan bakar dalam bentuk perladangan berpindah (*shifting cultivation*). Sementara itu untuk mendekatkan antara jarak kediaman (*settlement*), manusia memulakan menjinakkan tumbuhan mahupun haiwan (*domestication*). Jauh sebelum pertanian bermula manusia hanya menjadi pemangsa (*predator*) sahaja. Namun demikian masih boleh tampak dalam kehidupan sehari-hari pada masyarakat tradisi awal ini yang masih ada kini seperti halnya orang asli yang sudah berkenalan dengan proses pembangunan oleh kerajaan masih ada yang melangsungkan pekerjaan berburu dan meramu (*hunter-gatherer*).

Macam jenis Pengetahuan Tradisi banyak sekali terkumpul dalam proses interaksi kurun waktu pra pertanian hinggalah pertanian menetap. Pengalaman-pengalaman selama masa pra pertanian tersebut dihimpun dalam ingatan dan diteruskan kepada generasi lebih muda dalam masyarakat. Demikian secara beranting sesuatu pengetahuan berkesinambungan menjadi panduan dalam kehidupan sehari-hari yang meliputi bidang mengenal tumbuhan dan haiwan untuk dikonsumsi, dijinakkan bahkan untuk mula digembalakan (*pastoralism*). Pada gilirannya interaksi dengan genetik hutan semula jadi ini kelak sampai kepada menternakkan haiwan dan menanam tumbuhan sendiri. Kertas kerja ini bukanlah untuk menghuraikan jenis-jenis Pengetahuan Tradisi itu secara terperinci tetapi untuk menjelaskan betapa pentingnya Pengetahuan Tradisi itu berakar melalui proses kurun waktu yang panjang sekali sebelum terjadi keristalnya sebagai Pengetahuan Tradisi yang tak boleh dipandang ringan (perhatikanlah Rajah2).



Rajah 2: Keterlibatan Manusia dalam Ekosistem Sumber-sumber Genetik Hutan Hujan Tropis

Dalam Rajah 2 terlihat bahawa Pengetahuan Tradisi melalui suatu proses evolusi (*evolution*) dan revolusi (*revolution*). Kedua-dua proses ini terlibat dalam perubahan masyarakat yang semuanya adalah masyarakat tradisi (lihat Rajah 1) yang kerana hendak mencapai kesejahteraan telah banyak dipengaruhi lingkungan sosial luar. Fakta sehari-hari menunjukkan di dalam masyarakat ada keinginan cepat (revolusi) berubah dalam mencapai kesejahteraan itu. Hal ini tidak salah tetapi sudahkah mempertimbangkan pengetahuan yang pernah hidup berkembang dalam proses mantap menjadi Pengetahuan Tradisi masyarakat melalui proses evolusi yang banyak mengandung kearifan (*wisdom*) di dalam ekosistem masyarakat itu sendiri ?

Rajah 2 juga memperlihatkan evolusi di dalam interaksi dengan sumber genetik suatu ekosistem belum selesai. Hal itu dapat dilihat bahawa masyarakat masih melakukan uji coba. Terkadang ia berpola tempat tinggal menetap (*settled*) terkadang mengembara dalam hutan (*nomadic*) terkadang mereka campur antara menetap dan mengembara (*composit*) bahkan berpencar (*dispersed*). Kesemua itu tergantung kepada kondisi genetik hutan yang hendak diguna dan musim serta situasi

pertumbuhan genetik sesuatu jenis tumbuhan dan haiwan dalam hutan yang bersangkutan. Mula sesuatu aktiviti berpandu kepada Pengetahuan Tradisi berupa kalendar ekologi mereka. Apa yang bakal terjadi dengan perkembangan Pengetahuan Tradisi yang hari ini kalau genetik hutan sudah diguna berlebihan? Dapat diyakini jawapannya adalah Pengetahuan Tradisi tak dapat tumbuh berkembang. Apakah dapat pengetahuan moden menggantikannya? Tergantunglah jawapannya kepada upaya yang ditempuh para ilmunan.

Para ilmunan yang sayangkan Pengetahuan Tradisi ada yang berpendapat bahawa koevolusi (*coevolution*) suatu jawapannya. Jadikanlah Pengetahuan Tradisi sebagai inti (*core*) pembangunan. Hal ini dipilih kerana mesti terjadi perubahan cepat ataupun lambat. Campur lebih baik, iaitu mencari sambungan Pengetahuan Tradisi dengan Pengetahuan Moden dengan cara mengkaji Pengetahuan Tradisi sebelum ia punah sama sekali dan gabungkan sebagai suatu titik temu agar kesejahteraan terjamin dengan tidak membawa cedera ataupun musibah sebagai akibat dampak ekosistem melakukan tendang balik (*kick back*) kepada manusia. Oleh kerananya manusia perlu berhati-hati dalam berbuat sesuatu terhadap ekosistem (perhatikanlah Rajah 3).


Sosiobudaya Koevolusi dan Konservasi

Koevolusi merupakan satu upaya melanjutkan Pengetahuan Tradisi dalam suatu laju percepatan pembangunan mencapai kesejahteraan. Untuk itu di dalam masyarakat pertanian yang menetap yang semula telah banyak belajar daripada masyarakat mengumpul dan meramu patutlah dibawa serta konservasi (*conservation*) yang berasaskan koevolusi. Pemahaman konservasi yang dikenalkan dalam masyarakat pertanian menetap tak lain adalah Pengetahuan Tradisi yang pernah ada daripada masyarakat berburu dan meramu yang tak dapat berlanjut kerana proses revolusi menimbulkan banyak kepunahan sumber genetik dalam ekosistem.

Dalam Rajah 3 diperlihatkan juga kemungkinan perubahan dalam masyarakat feudal dan masyarakat industri (perhatikan kotak1)mesti diperkenalkan pula pemahaman koevolusi sehingga timbul rasa sayang terhadap sumber hutan hujan tropis yang semakin hari semakin punah. Contoh Pengetahuan Tradisi mampu menjaga air persekitaran berasaskan

koevolusi masih layak difahami masyarakat Bandar atau industri. Oleh itu, perhatikan pula kotak no.2 yang mencakupi pemahaman ekologi, kebijakan atau polisi dan politik sesuatu kerajaan mestilah pula mengandungi pemahaman koevolusi itu. Kesemuanya itu guna mencapai kesejahteraan berkelanjutan (*sustainability development*).

Keberlanjutan Pengetahuan Tradisi bukanlah bermakna pembangunan masyarakat kembali ke kondisi masa lalu. Suatu yang tak dapat dipungkiri masa lalu tak dapat diputus ke masa depan. Ia sepatutnya bersambung pertanda manusia pandai berterima kasih kepada leluhurnya. Selain itu, agar manusia bersyukur banyak kepada Allah yang mencipta sesuatu dengan berdaya guna kepada manusia bukan untuk dirusak. Maha Besar Allah dengan segala FirmanNYA.




Rajah 3: Koevolusi Sosiobudaya dan Konservasi

Konservasi Pengetahuan Tradisi

Pada masa ini Pengetahuan Tradisi sudah mulai pudar bahkan boleh dikatakan ditinggalkan masyarakat luas. Hal ini dibuktikan pengalaman dalam kehidupan sehari-hari banyak sekali genetik asli hutan hujan tropis sudah berubah bentuk oleh pengetahuan moden. Misalnya beras dan

kentang. Pengetahuan bioteknologi telah mampu memperbanyak beras persatuan areal (*yeald/hactare*) lebih tinggi capaiannya berbanding beras daripada padi umur panjang yang genetik hutan semula jadi. Seorang teman di Bogor, Indonesia tidak boleh makan beras bioteknologi ia akan sakit. Menurut dia kondisi cernaannya perutnya tak sesuai. Agar terpenuhi keperluan karbohidrat teman tersebut beralih makan ubi kayu yang belum kena bioteknologi. Hal yang serupa juga terjadi dengan kentang yang masa ini tak ada lagi jenis kentang asli. Seorang pakar biotek mengatakan kepada saya seluruh dunia kentang asli sudah punah.

Dampak bioteknologi amat luas. Memang diperlukan bioteknologi sebagai suatu revolusi pertanian maupun kedokteran dan sebagainya namun pada pemikiran saya Pengetahuan Tradisi masih dapat dikombinasikan dengan bioteknologi itu dan perlu dicarikan jalan mempersambungkan bioteknologi tersebut dengan Pengetahuan Tradisi dalam masing-masing bidang agar dampak negatif ekosistem berkurangan terhadap manusia sebagai pemegang amanah khalifah dimuka bumi.



Rajah 4: Konservasi Pengetahuan Tradisi


Hikmah Pengetahuan Tradisi patut dipelajari . Hal ini adalah sebagai tugas penelitian (*research*) akademisi. Walaupun Pengetahuan Tradisi

dijangka hampir punah tetapi ilmuan masih boleh melakukan kajian terhadap tinggalan dalam berbagai rupa.

Penggalakan mengenal Pengetahuan Tradisi patut dilakukan khususnya di Perguruan Tinggi. Tidak dinafikan kajian telah bermula agaknya tetapi tak boleh setengah-setengah atau tanggung. Kajian apabila telah berjaya mendapatkan temuan sebagaimana dapat dilihat pada Rajah 4 di atas perlulah membuatkan program koevolusi.

Makna Keberlanjutan

Keberlanjutan Pengetahuan Tradisi dan memadukannya ke dalam pengetahuan moden adalah cabaran bagi ilmuan secara holistik. Secara kenyataan dalam hidup sehari-hari kemusnahan itu disebabkan tangan jahil manusia atas ciptaan Allah. Orang Asli dan suku bangsa yang dipandang primitif tampak 'kebodohan' namun mereka sebenarnya sebaliknya dapat karunia Allah arif dalam memahami ekosistem. Mereka dari masa ke masa pandai membaca fenomena ekosistem dan mereka jadikan fenomena itu sebagai pengalaman yang diberlanjutkannya sebagai pengetahuan untuk keturunan mereka dalam memahami ekosistem. Firman Iqra' terhadap ciptaan Allah telah berjaya menjadi amalan bagi manusia primitif konon. Sebaliknya adalah cabaran bagi ilmuan moden untuk meneliti agar lebih berkemampuan daripada manusia yang dianggap awal pertanian ini untuk turut serta memelihara keberlanjutan ilmu yang difirmankan Allah.




Rajah 5: Keberlanjutan

Rajah 5 memperlihatkan segitiga atau limas atau piramida keberlanjutan. Dalam piramida ini didapat moral memegang peranan penting. Hal itu lebih berfokus kepada ekonomi. Kerusakan banyak disebabkan kejahilan dalam ekonomi. Sebaliknya dituntut perlunya kejujuran yang berasaskan etika lingkungan dengan menggunakan ekoteknologi dalam pelaksanaan konservasi.

Pembangunan Berkelanjutan

Pembangunan adalah bagian mustahak keperluan manusia dari masa ke masa agar tercapai kesejahteraannya. Tanpa pembangunan jumlah penduduk yang senantiasa meningkat tak dapat selesa menghadapi cabaran suatu perubahan. Oleh itu diputuskan suatu teknik pembangunan yang berwawasan tak merusak tetapi senantiasa dapat memenuhi keperluan hidup manusia yang terus meningkat. Pengetahuan Tradisi yang pernah terbukti dapat menjaga keperluan manusia dalam ratusan ribu tahun patut dikaji ulang untuk selanjutnya dipadukan dengan pengetahuan moden yang hidup dengan teknologi moden.

Teknologi moden yang bagus dalam perkembangan awal selalunya tidak bagus dalam banyak hal untuk keberlanjutan. Sebaliknya pula Pengetahuan Tradisi yang dianggap tak cepat menghadapi cabaran baru tidak cepat dapat menanggulangi keperluan tersebut. Sepatutnya secara sedar teknologi pertengahanlah yang patut diguna dengan nama ekoteknologi. Pembangunan berlanjutan seperti yang tampak dalam Rajah 6 menghendaki ekoteknologi dalam berbagai kegiatan terlebih kepada kegiatan dalam ekosistem



Rajah 6: Pembangunan Berkelanjutan

Kesimpulan Umum

Berdasarkan huraian yang didapati daripada rajah 1 – 6 boleh disimpulkan bahawa (a) Pengetahuan Tradisi memegang peran penting bagi pembangunan era moden kerana mengandungi *data dasar kaedah, kearifan terhadap ekosistem* yang sepatutnya diperlukan Pengetahuan Moden. (b) Sayangnya sambungan keduanya belum dilakukan atau tidak dilakukan kerana belum kenal atau berbagai sebab lain antara lain meremehkan kemampuan Pengetahuan Tradisi (c) Akibatnya pembangunan berlangsung tanpa data dasar, kerusakan ekosistem mudah terjadi (d) pada gilirannya menimbulkan kesengsaraan kepada manusia.

Implikasi

Sehubungan dengan judul kertas kerja ini terkait dalam Bidang Interpretasi Berturut, Serentak dan Berdasarkan Kelompok Masyarakat dalam Persidangan Penterjemahan Antarabangsa Ke -11 maka tampak bahawa upaya menerjemahkan perlu memahami *lintas multi disiplin ilmu* yang sedang berkembang. Dalam terjemahan teks perlulah pemahaman yang berakar daripada sosiobudaya sesuatu teks yang sedang dibicarakan dalam terjemahan. Masalah bahasa tidak lain adalah pemahaman sosiobudaya yang proses pembentukannya melalui suatu pengetahuan sebagai proses interaksi di dalam ekosistem masyarakat secara lokal dan yang berhubungan pula dengan nilai-nilai lingkungan sosial luar sebagaimana dicoba huraikan dalam kertas kerja haruslah mendasari terjemahan agar teks dapat dibaca dengan penghayatan yang dalam.

Sesuatu teks yang berasal daripada konsep sosiobudaya asing dan hendak digunakan dalam budaya di dalam sesuatu masyarakat yang berbeza sosiobudayanya perlulah dicari titik temu di antara sosiobudaya itu. Terjemahan sesuatu teks boleh 'bias' apabila diterapkan dalam pembangunan masyarakat kecuali kalau hendak dituntut sesuatu perubahan di dalam masyarakat yang masyarakat sendiri memerlukan nilai-nilai budaya daripada lingkungan sosial luarnya. Apabila tidak kena mengena dengan sambungan Pengetahuan Tradisi masyarakat bersangkutan boleh jadi perubahan yang diharapkan dalam pembangunan itu menjejaskan keperibadian atau jati diri sesuatu masyarakat tersebut.

Oleh kerananya isu pembangunan dapat tumbuh berkembang di dalam masyarakat secara keseluruhan apabila adanya sambungan pengetahuan tradisi yang dimiliki masyarakat. Hal ini dapat diharapkan menjamin keberlanjutan mara sesuatu budaya dan bangsa dalam bentuk jati dirinya.

Bibliografi

Ali M.A.Rachman, 1996. Traditional information capture and environmental knowledge. *Mimbar Sosek JofA &RS-E.9(2);36-52*

Syamsuddin, A.1089. Konsep tata ruang lanskap colonial Belanda: Studi kasus di kota lama Jakarta. Thesis Irdi Bogor Agricultural University. *Manuscript*

**TAHAP PENGGUNAAN BAHASA MELAYU DAN
BAHASA INGGERIS DALAM KALANGAN
MAHASISWA/I IPTA DAN IPTS
DALAM SISTEM PENDIDIKAN NEGARA**
*(USAGE LEVEL OF MALAY AND ENGLISH BY IPTA AND IPTS
STUDENTS IN NATIONAL EDUCATION SYSTEM)*

Chew Fong Peng
Zahari Ishak

Abstrak

Memasuki era globalisasi, kedudukan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi Malaysia semakin tercabar oleh bahasa Inggeris, terutama pada peringkat institusi pendidikan tinggi. Justeru, kajian ini dijalankan ke atas 147 orang mahasiswa/i IPTA dan IPTS di Lembah Klang dan Kuala Lumpur untuk mengenal pasti tahap penggunaan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris dalam sistem pendidikan negara selepas Akta Pendidikan 1996 diperkenalkan. Dapatan kajian menunjukkan mahasiswa/i beranggapan bahawa bahasa Melayu paling sesuai digunakan sebagai bahasa pengantar dalam mata pelajaran Agama Islam (min 4.05), manakala bahasa Inggeris paling sesuai berperanan sebagai bahasa ilmu dalam sistem pendidikan bagi mata pelajaran Perubatan (min 4.41). Sebaliknya mahasiswa/i menganggap bahasa Melayu paling tidak sesuai digunakan dalam mata pelajaran Perubatan sebagai bahasa ilmu (min 2.19), manakala bahasa Inggeris didapati paling kurang sesuai berperanan sebagai bahasa ilmu sebagai mata pelajaran bahasa Inggeris semata-mata (min 2.94). Ujian-t juga menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan pada aras $p < 0.001$ antara mahasiswa/i IPTA dan IPTS dengan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris sebagai bahasa Ilmu dalam sistem pendidikan. Walaupun bahasa Inggeris didapati lebih tinggi tahap kepenggunaannya dalam kalangan mahasiswa/

i, kedudukan bahasa Melayu harus dipertahankan sebagai jati diri bangsa Malaysia.

Abstract

The study focuses on Malay Language as the National Language and the Official Language among private and public university students in the Klang Valley and Kuala Lumpur. A total of 147 students were involved in this study. The aim of this study is to investigate the usage of the Malay Language and the English Language as a medium in the teaching and learning context. An instrument was developed based on the Education Act 1996 and contained 54 items. Based on the results obtained, the Malay Language was found to be suitable as the medium of instruction to teach Islamic studies. The means was 4.05. On the other hand, the English Language was found to be suitable in teaching medical subject. The mean score was 4.41. In contrast, the mean score for the Malay Language in teaching medical subject was 2.94. The t-test procedure showed that there was a significant difference among private and public university students for both languages as a medium for teaching and learning in our education system.

Pengenalan

Bahasa dan pendidikan merupakan dua entiti yang penting dalam pembentukan negara bangsa, sekali gus membawa jati diri serta pembangunan manusia yang dapat diukur secara empirikal. Pendidikan menjadi satu wahana pelaburan yang sangat penting bagi sesebuah negara. Justeru, bahasa, pendidikan, perpaduan, dan pembangunan saling berkaitan dalam mencapai kemajuan sesuatu tamadun bangsa. Dalam hal ini, Malaysia tidak terkecuali dalam arus pembicaraan mengenai pelbagai dasar pendidikan dan dasar bahasa yang telah diperkenalkan sejak ratusan tahun dahulu.

Antara dasar terkini dan penting dalam mencorak pembangunan negara agar menjadi pusat kecemerlangan pendidikan dunia atas dasar globalisasi ialah Akta Pendidikan 1996 dan Akta Pendidikan Tinggi Swasta 1996. Zainal Abidin Abdul Wahid (2001:9) mengatakan bahawa kedua-dua akta ini telah menjadi pengkhianat kepada Penyata Razak (1946) dan Laporan Rahman Talib (1961), terutama dari segi tujuan

hendak menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, bahasa rasmi, bahasa ilmu, dan bahasa perpaduan.

Pengkhianatan kepada Penyata Razak (1946) dan Laporan Rahman Talib (1961) itu timbul akibat daripada wujudnya kuasa Menteri Pelajaran yang boleh mengecualikan sesuatu institusi pendidikan daripada menggunakan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar utama yang bertentangan dengan sistem pendidikan kebangsaan. Keadaan ini menjadi lebih parah dengan keghairahan Menteri Pendidikan yang meluluskan penggunaan bahasa yang lain selain daripada bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar sepertimana yang termaktub dalam Fasal 17 (1) Akta Pendidikan 1996 bahawa:

“Bahasa Kebangsaan hendaklah menjadi bahasa pengantar utama di semua institusi pendidikan dalam sistem pendidikan kebangsaan kecuali sekolah jenis kebangsaan yang ditentukan di bawah seksyen 28 atau mana-mana institusi pendidikan lain yang dikecualikan oleh Menteri dari pada subseksyen ini.”

Fasa 14 Akta IPTS pula menyatakan:-

- (1) Semua Institusi Pendidikan Tinggi Swasta hendaklah mengendalikan kursus pengajiannya dalam bahasa kebangsaan.
- (2) Kursus pengajian di bawah subseksyen (1) adalah termasuk mata pelajaran yang dikehendaki supaya diajar di bawah subsekyen 43.
- (3) Walaupun begitu subseksyen (1), Instiusi Pendidikan Tinggi Swasta boleh, dengan kuasa kelulusan Menteri
 - (a) mengadakan suatu kursus pengajian atau sebahagian yang substansial suatu kursus pengajian dalam bahasa Inggeris, atau;
 - (b) mengadakan pelajaran agama Islam dalam bahasa Arab.

(Zainal Abidin Abdul Wahid, 2001: 10)

Situasi Pengajaran Bahasa Melayu di Institut Pengajian Tinggi (IPT)

Walaupun Akta IPTS 1996 memperuntukkan bahasa Melayu sebagai bahasa Kebangsaan dan bahasa pengantar utama di Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS), namun akta ini turut memberi kuasa kepada Menteri Pelajaran untuk memberi pengecualian kepada IPTS tertentu dalam pelaksanaan Dasar Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa pengantar utama. Hal ini telah menimbulkan keresahan sehingga menjadi polemik bahasa yang berterusan oleh para cendekiawan pada akhir abad ke-20. Kesemua cendekiawan bahasa Melayu berpendapat bahawa akta ini akan menjejaskan martabat bahasa Melayu sebagai bahasa Kebangsaan dalam arus sistem pendidikan negara. (Abdul Rahim Bakar, 2000; Zainal Abidin Abdul Wahid 2001; Hassan Ahmad 2001; Kamal Shukri Abdullah Sani 2002; Juriah Long 2002; Awang Sariyan 2005).

Juriah dan rakan-rakan (2002: 134) mendapati bahawa sebilangan besar daripada IPTS hari ini bukan sahaja tidak menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar, malahan institusi ini juga tidak menjadikan bahasa Melayu sebagai mata pelajaran wajib kepada pelajar warganegara Malaysia. Kepincangan ini ditambah dengan pengajaran bahasa Melayu di IPTS dilaksanakan dengan cara yang amat daif. Pengajar/Pensyarah bahasa Melayu terdiri daripada kakitangan sepenuh masa dan separuh masa dan setengah-setengahnya kurang berkelayakan; hanya 15% daripada pensyarah di IPTS mempunyai Ijazah dalam bidang bahasa Melayu. Tambahan pula, para pensyarah ini tidak inovatif, menggunakan kaedah konvensional ketika pengajaran dan jarang menggunakan alat teknologi terkini dalam pengajaran.

Situasi ini bertambah parah apabila pihak Kementerian Pendidikan di Jabatan Pendidikan Swasta dalam surat edarannya KP(JPS)5181/01/02(73) bertarikh 19 Disember 2000, telah memberi pengecualian kepada pengajaran bahasa kebangsaan/bahasa Melayu kepada warganegara Malaysia yang mengikuti kursus peringkat Sijil, Diploma dan Ijazah di IPTS sekiranya pelajar ini mempunyai kelulusan kepujian dan lulus dalam bahasa Melayu pada peringkat SPM dan memperoleh prinsipal pada peringkat Sijil Tinggi Peperiksaan Malaysia (Juriah Long, 2002: 35).

Fenomena globalisasi, era teknologi maklumat dan komunikasi, serta pendidikan bertahap dunia, kesan daripada akta telah melahirkan golongan mahasiswa/i Malaysia baharu. Mahasiswa/i ini telah melalui pelbagai dasar dan akta ini tentu mempunyai persepsi terhadap tahap penggunaan bahasa Melayu dan ahasa Inggeris dalam sistem pendidikan negara yang tersendiri.

Bagi IPTA pula, penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan juga tidaklah cerah dan positif. Sebelum tahun 2003, Bahasa Melayu penting dan menjadi mata pelajaran wajib lulus dengan kepujian (kredit) pada peringkat SPM untuk melayakkan mereka mengikuti matrikulasi, diploma, dan ijazah di IPTA. Namun begitu, Bahasa Melayu tidak wajib diambil pada peringkat STPM dan tidak wajib lulus.

Kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu tercabar apabila Perdana Menteri keempat, Dato' Seri Dr. Mahathir Mohammad mengumumkan pelaksanaan dasar pengajaran sains dan matematik dalam bahasa Inggeris (PPSMI). PPSMI bukan sahaja menyebabkan kadar penggunaan bahasa Melayu berkurangan dalam kalangan pelajar aliran sains, malahan turut menjejaskan kedudukan bahasa Melayu. Keadaan tersebut paling terasa dalam kalangan mahasiswa/i terutama aliran sains apabila kesemua kursus mereka diajar dalam bahasa Inggeris; bahasa Melayu tiada tempat dalam program mereka.

Kenyataan ini dibuktikan oleh kajian Kamal Sukri (2002: 22) bahawa kadar penggunaan bahasa Inggeris semakin meningkat mengikut tahap pendidikan, iaitu sebanyak 40% pada peringkat sekolah rendah, 38% sekolah menengah rendah, meningkat secara mendadak kepada 65% pada peringkat menengah atas, dan meningkat lagi kepada 80% pada peringkat Tingkatan 6 dan matrikulasi, dan mencapai kemuncaknya setinggi 91% di universiti.

Walau bagaimanapun, sejauhmana sistem pendidikan negara tersebut memberi kesan kepada penggunaan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris dalam kalangan mahasiswa/i? Adakah bidang sains dan teknologi sahaja yang menerima implikasi arus globalisasi? Bagaimanakah penggunaan kedua-dua bahasa tersebut dalam bidang sastera dan sains

sosial? Kesemua persoalan ini perlu diselidik untuk mendapatkan gambaran yang sebenar.

Justeru, kajian ini dijalankan untuk meneliti tahap penggunaan bahasa Melayu dan ahasa Inggeris dalam kalangan mahasiswa/i IPTA dan IPTS generasi baru tersebut dalam sistem pendidikan negara. Adakah perbezaan kurikulum di IPTA dan IPTS mempengaruhi sikap mereka terhadap tahap penggunaan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris sebagai bahasa kebangsaan, bahasa rasmi dan bahasa perpaduan, serta bahasa ilmu?

Pendekatan Kajian

Kajian tinjauan digunakan untuk meninjau pendapat mahasiswa/i tentang tahap penggunaan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris di IPTA dan IPTS. Aspek jantina akan dianalisis sebagai faktor latar belakang sosial responden yang akan mempengaruhi pemikiran dan pendapat mahasiswa/i. Dunia pendidikan sekarang yang terbuka telah memberi peluang kepada golongan perempuan untuk melanjutkan pelajaran yang tinggi, setanding dengan lelaki. Oleh itu, jantina penting dikaji dari segi perbezaan bagaimana mereka menanggapi tahap penggunaan dua bahasa penting dalam pendidikan negara.

Untuk tujuan itu, satu set instrumen kajian telah direka bentuk. Alat instrumen yang diukur terbahagi kepada tiga bahagian, iaitu bahagian A terdiri daripada demografi responden, bahagian B mengandungi 27 soalan berkenaan tahap penggunaan bahasa Melayu dalam sistem pendidikan, dan bahagian C mempunyai 27 soalan mengenai tahap penggunaan bahasa Inggeris dalam sistem pendidikan. Kesemua 54 soalan dalam Bahagian B dan C diukur dengan menggunakan skala likert 1 hingga 5.

Sebelum kajian sebenar dijalankan, tinjauan telah dilakukan untuk mengenal pasti tahap kebolehpercayaan instrumen yang dibangunkan dalam kalangan 20 orang mahasiswa/i IPTA. Jadual 1 memperincikan mengenai nilai kebolehpercayaan instrumen.

Jadual 1 Nilai Keesahan dan Kebolehpercayaan Soal Selidik

Soal Selidik(N=20)	Indeks Kebolehpercayaan Alpha Cronbach	Jumlah item
Tahap Penggunaan Bahasa Melayu dalam Sistem Pendidikan	0.957	27
Tahap Penggunaan Bahasa Inggeris dalam Sistem Pendidikan	0.956	27

Nilai Alpha Cronbach menunjukkan 27 soalan Bahagian B soal selidik mengenai tahap penggunaan bahasa Melayu dalam sistem pendidikan sebanyak 0.957, manakala 27 soalan Bahagian C soal selidik mengenai tahap penggunaan bahasa Inggeris dalam sistem pendidikan ialah 0.956. Kedua-dua nilai tersebut adalah sangat kukuh; ini bererti soal selidik ini adalah tekal dan boleh diteruskan kajiannya.

Dapatan Kajian

Penyaringan data telah dilakukan agar kesemua data yang dimasukkan menjadi lebih tepat dan tekal. Kemudian data akan diproses untuk melihat min dan sisihan piawai (sisihan piawai) bagi setiap item. Seterusnya, ujian t dijalankan untuk melihat perbezaan antara mahasiswa/i IPTA dengan IPTS dan juga jantina dengan tahap penggunaan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris sebagai BK (bahasa Kebangsaan), BR (bahasa rasmi) BP (bahasa perpaduan) dan bahasa ilmu dalam sistem pendidikan negara.

Latar Belakang Responden

Responden kajian terdiri daripada mahasiswa/i IPTA dan IPTS yang menuntut di IPTA dan IPTS di Lembah Klang dan Kuala Lumpur. Butiran terperinci dapat dilihat dalam jadual 2.

Jadual 2 Demografi Berasaskan Jantina dan IPT

Jantina	N	Peratus
Mahasiswa	70	77
Mahasiswi	47.6	52.6
Pusat Pengajian	N	Peratus
IPTA	75	72
IPTS	51	49
Jumlah	147	100

Jadual 2 menunjukkan sejumlah 147 orang mahasiswa/i dijadikan responden dalam kajian ini. Taburan responden mengikut jantina dan IPT adalah agak seimbang, jumlah mahasiswi lebih banyak 7 orang berbanding mahasiswa, dan mahasiswa/i di IPTA lebih 3 orang daripada IPTS.

Tahap Penggunaan Bahasa Melayu Mahasiswa/i dalam Sistem Pendidikan Negara

Tahap penggunaan bahasa Melayu mahasiswa/i dalam sistem pendidikan negara khususnya IPTA dan IPTS dipaparkan dalam jadual 3 berikut.

Jadual 3 Min dan Sisihan Piawai Mahasiswa/i terhadap Tahap dan Penggunaan Bahasa Melayu dalam Sistem Pendidikan

N=147

Bil	Item	ATS%	TS%	KS%	S%	AS%	Min	Sisihan Piawai
1	BM sebagai BK	10.9	8.8	19.7	27.2	33.3	3.63	1.31
2	BM sebagai BR	9.5	11.6	22.4	23.8	32.7	3.58	1.31
3	BM sebagai BP	8.2	10.2	30.6	19.7	31.3	3.56	1.25
4	BM sebagai B Ilmu	15.6	14.3	25.9	20.4	23.8	3.22	1.37
5	BM sesuai untuk SRK	22.4	15.6	36.1	15.6	10.2	2.75	1.25
6	BM sesuai untuk SMK	27.2	20.4	40.1	10.9	1.4	2.39	1.04
7	BM sesuai untuk U	33.3	16.3	25.2	19.0	6.1	2.48	1.29
8	Msia maju menggunakan BM	29.9	16.3	25.9	21.1	6.8	2.58	1.29
9	BM sesuai untuk BM sahaja	13.6	14.3	29.9	30.6	11.6	3.12	1.20

10	BM sesuai untuk KM	2.7	7.5	12.2	43.5	34.0	3.99	1.01
11	BM sesuai untuk Sains	36.1	20.4	22.4	14.3	6.8	2.35	1.28
12	BM sesuai untuk Kejuruteraan	33.3	21.1	26.5	15.0	4.1	2.35	1.20
13	BM sesuai untuk Undang-Undang	27.9	19.7	32.7	14.3	5.4	2.49	1.20
14	BM sesuai untuk Seni Bina	27.9	21.8	29.9	16.3	4.1	2.47	1.18
15	BM sesuai untuk Ekonomi	31.3	22.4	24.5	17.7	4.1	2.41	1.21
16	BM sesuai untuk Perguruan	23.1	10.9	25.9	28.6	11.6	2.95	1.34
17	BM sesuai untuk Agama Islam	5.4	5.4	10.2	36.7	42.2	4.05	1.11
18	BM sesuai untuk TM	36.7	21.1	24.5	11.6	6.1	2.29	1.24
19	BM sesuai untuk Perubatan	40.1	21.1	23.8	9.5	5.4	2.19	1.21
20	BM sesuai untuk Farmasi	41.5	19.0	23.1	11.6	4.8	2.19	1.22
21	BM sesuai untuk Pertanian	26.5	15.6	32.0	20.4	5.4	2.63	1.23
22	BM sesuai untuk P M	12.2	9.5	27.4	36.7	19.0	3.41	1.25
23	BM sesuai untuk Sains Sukan	19.0	12.2	31.3	25.9	11.6	2.99	1.27
24	BM sesuai untuk Sains Sosial	32.7	17.7	16.3	20.4	12.9	2.63	1.44
25	BM sesuai untuk Kejururawatan	32.7	19.7	28.6	13.6	5.4	2.39	1.22
26	BM sesuai untuk Matematik	32.7	21.1	23.8	17.7	4.8	2.41	1.24
27	BM sesuai untuk Perakauanan	32.0	20.4	28.6	14.3	4.8	2.39	1.21

Petunjuk:

ATS Amat tidak setuju

TS Tidak Setuju

KS Kurang setuju

S Setuju

AS Amat setuju

BM Bahasa Melayu

BK Bahasa Kebangsaan

BP Bahasa Perpaduan

SRK Sekolah Rendah Kebangsaan

SMK Sekolah Menengah Kebangsaan

U Universiti

KM Kesusasteraan Melayu

TM Teknologi Maklumat

PM Pengajian Moral

Jadual 3 menunjukkan bahawa min tertinggi bagi tahap penggunaan BM dalam sistem pendidikan berada pada item BM sesuai dijadikan bahasa ilmu untuk mata pelajaran Agama Islam dengan nilai min 4.05 dan sisihan piawai 1.11, diikuti dengan item BM sesuai dijadikan bahasa ilmu untuk mata pelajaran KM (Kesusasteraan Melayu) dengan nilai min 3.99 dan sisihan piawai 1.01. Sebaliknya min terendah terletak pada item BM sesuai dijadikan bahasa ilmu untuk mata pelajaran Perubatan dan Farmasi dengan nilai min 2.19 dan sisihan piawai 1.21. Nilai min ini menunjukkan bahawa dalam kalangan mahasiswa/i, mereka tidak mempunyai keyakinan yang tinggi terhadap penggunaan bahasa Melayu dalam mata pelajaran Sains Tulen dan Teknikal; mereka lebih yakin dengan penggunaan bahasa Melayu dalam bidang agama dan sastera.

Bagi item “Negara Malaysia akan maju dengan menggunakan BM sebagai bahasa ilmu”, nilai minnya ialah 2.58 dengan sisihan piawai 1.29; dari segi peratusya pula, hanya 27.9% bersetuju bahawa Malaysia akan maju sekiranya menggunakan BM, tetapi 72.1% tidak bersetuju dengan item tersebut. Min dan peratus yang rendah bagi item ini menggambarkan bahawa mahasiswa/i tidak yakin dengan kemampuan bahasa Melayu untuk kemajuan negara. Perasaan tidak yakin akan kemampuan BM sebagai pemangkin kemajuan negara selari dengan kajian Juriah Long (2002:36) yang mengatakan bahawa pengajaran bahasa Melayu di IPTS dilaksanakan dengan amat daif dengan 85% pensyarahnya tidak mempunyai kelayakan dalam bidang BM. Kesannya mahasiswa/i/i hilang keyakinan terhadap kemampuan BM sebagai bahasa Ilmu.

Min dan sisihan piawai bagi item BM wajar dijadikan BK (bahasa kebangsaan), item BM wajar dijadikan BR (bahasa rasmi) dan item BM wajar dijadikan (BP) bahasa Perpaduan tidak banyak berbeza. Min dan sisihan piawai bagi BM sebagai BK ialah pada nilai min 3.63 dengan sisihan piawai 1.31, sementara BM sebagai BP pula ialah pada nilai 3.58 dengan sisihan piawai 1.31 dan min bagi BM sebagai BP ialah pada nilai min 3.66 dengan sisihan piawai 1.25. Dari segi peratus pula sebanyak 50.5 % bersetuju BM wajar dijadikan BK, tetapi 49.5 % tidak bersetuju, manakala BM sebagai BR sebanyak 56.5 % bersetuju, sebaliknya 43.5 % tidak bersetuju dan bagi item BM wajar dijadikan BP sebanyak 50 % bersetuju, manakala 50 % tidak bersetuju. Keadaan ini turut dirasai para

pejuang bahasa yang merumuskan bahawa pada era teknologi maklumat, bahasa kebangsaan akan berhadapan dengan pelbagai cabaran yang berbentuk dalaman dan luaran (Nik Safiah Karim, 2002:2).

Mahasiswa/i turut berpendapat bahawa BM tidak sesuai untuk tahap pendidikan pada peringkat U (universiti) dengan nilai min 2.48 dan sisihan piawai 1.29, atau sebanyak 25.% sahaja dalam kalangan mahasiswa/i yang bersetuju BM sesuai untuk pendidikan tahap universiti, sementara 75 % tidak bersetuju. Peratus bagi BM sesuai untuk SRK (Sekolah Rendah Kebangsaan) pula ialah sebanyak 26% bersetuju manakala 74% tidak bersetuju; bagi item BM sesuai untuk tahap pendidikan SMK (Sekolah Menengah Kebangsaan) pula sebanyak 12 % bersetuju, tetapi 88% tidak bersetuju. Persepsi peratus dan nilai min yang rendah terhadap kemampuan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar pada peringkat SK, SMK dan U selari dengan Mesyuarat Khas Naib-Naib Canselor pada 7 Ogos 1995 yang membenarkan penggunaan BI bagi kursus Sains dan Teknologi (Zainal Abidin Abdul Wahid, 2001:9).

Tahap Penggunaan Bahasa Inggeris Mahasiswa/i dalam Sistem Pendidikan Negara

Dapatan kajian mengenai min dan sisihan piawai bagi penggunaan BI dalam sistem pendidikan negara dipaparkan dalam jadual 4 berikut.

Jadual 4 Min dan Sisihan Piawai Mahasiswa/i terhadap Tahap dan Penggunaan Bahasa Inggeris dalam Sistem Pendidikan

N=147

Bil	Item	ATS%	TS%	KS%	S%	AS%	Min	Sisihan Piawai
1	B I sebagai BK	14.3	10.9	34.0	23.8	17	3.18	1.26
2	B I sebagai BR	14.3	8.8	31.3	27.2	18.4	3.27	1.27
3	B I sebagai BP	8.8	15.6	24.5	31.3	19.7	3.37	1.21
4	B I sebagai B Ilmu	4.8	8.2	13.6	44.2	29.3	3.85	1.08
5	B I sesuai untuk SRK	24.5	15.0	36.1	8.8	15.6	2.76	1.34
6	B I sesuai untuk SMK	24.5	10.2	34.0	8.8	22.4	2.94	1.44
7	B I sesuai untuk U	3.4	4.1	12.2	25.9	54.4	4.24	1.04
8	Msia maju menggunakan BI	3.4	3.4	19.7	26.5	46.9	4.10	1.05

9	B I sesuai untuk BM sahaja	19.0	15.6	32.7	17.0	15.6	2.94	1.31
10	B I sesuai untuk KM	2.0	2.7	7.5	30.6	57.1	4.38	0.89
11	B I sesuai untuk Sains	3.4	3.4	7.5	42.9	42.9	4.18	0.95
12	B I sesuai untuk Kejuruteraan	2.0	1.4	12.9	39.5	44.2	4.22	0.87
13	B I sesuai untuk Undang-Undang	1.4	2.0	15.6	38.8	42.2	4.18	0.87
14	B I sesuai untuk Seni Bina	1.4	2.0	18.4	38.8	39.5	4.13	0.87
15	B I sesuai untuk Ekonomi	1.4	3.4	17.7	40.1	37.4	4.09	0.90
16	B I sesuai untuk Perguruan	3.4	7.5	25.9	32.7	30.6	3.79	1.07
17	B I sesuai untuk Agama Islam	31.3	13.6	26.5	17.0	11.6	2.64	1.38
18	B I sesuai untuk TM	1.4	2.0	12.9	38.1	45.6	4.24	0.86
19	B I sesuai untuk Perubatan	2.0	1.4	5.4	36.1	55.1	4.41	0.83
20	B I sesuai untuk Farmasi	2.0	2.7	7.5	36.1	51.7	4.33	0.88
21	B I sesuai untuk Pertanian	2.7	6.8	32.7	31.3	26.5	3.72	1.02
22	B I sesuai untuk P Moral	8.2	1.9	40.1	23.8	15.0	3.24	1.11
23	B I sesuai untuk Sains Sukan	2.0	8.2	27.9	35.4	26.5	3.76	1.00
24	B I sesuai untuk Sains Sosial	0.7	9.5	19.0	34.0	36.7	3.97	1.00
25	B I sesuai untuk Kejururawatan	1.4	4.8	12.9	44.2	36.7	4.10	0.90
26	B I sesuai untuk Matematik	3.4	1.4	13.6	37.4	44.2	4.17	0.96
27	B I sesuai utk Perakauanan	2.0	2.7	13.6	40.8	40.8	4.16	0.90

Petunjuk:

ATS Amat tidak setuju

TS Tidak Setuju

KS Kurang setuju

S Setuju

AS Amat setuju

BM Bahasa Melayu

BI Bahasa Inggeris

BK Bahasa Kebangsaan

BP Bahasa Perpaduan

SRK Sekolah Rendah

Kebangsaan

U Universiti

SMK Sekolah Menengah

Kebangsaan

KM Kesusasteraan

Melayu

TM Teknologi Maklumat

PM Pengajian Moral

Jadual 4 menunjukkan tahap dan penggunaan BI (bahasa Inggeris) dalam sistem pendidikan negara. Min tertinggi terletak pada item BI sesuai dijadikan bahasa ilmu untuk mata pelajaran Perubatan dengan nilai min 4.41 dan sisihan piawai 0.83. Ini diikuti dengan item BI sesuai dijadikan bahasa ilmu untuk mata pelajaran KI (Kesusasteraan Inggeris) dengan nilai min 4.38 dan sisihan piawai 0.89. Dari segi peratus pula, kira-kira 90 % mahasiswa/i merasakan bahawa BI sesuai dijadikan bahasa ilmu bagi mata pelajaran Perubatan, dan hanya 10% tidak bersetuju.

Antara nilai min yang rendah terletak pada item BI sesuai dijadikan bahasa ilmu untuk bahasa Inggeris sahaja dengan nilai min 2.94 dan sisihan piawai 1.05. Dari segi peratus, 23% bersetuju bahawa BI sesuai dijadikan bahasa ilmu untuk bahasa Inggeris sahaja, sementara 77% tidak bersetuju. Dengan kata lain, mahasiswa/i bersetuju bahawa bahasa Inggeris berupaya menjadi bahasa ilmu dan merentasi mata pelajaran lain. Nilai min yang rendah seterusnya ialah item BI sesuai dijadikan bahasa ilmu untuk mata pelajaran Agama Islam dengan nilai min 2.64 dan sisihan piawai 1.38. Ini menunjukkan 29 % bersetuju bahawa BI sesuai dijadikan bahasa ilmu bagi mata pelajaran Agama Islam berbanding 71 % tidak setuju dengan kenyataan tersebut.

Nilai min bagi item BI sesuai untuk SRK dan SMK juga didapati rendah pada 2.76 dengan sisihan piawai 1.34 dan 2.94 dengan sisihan piawai 1.44 masing-masing. Ini menggambarkan dalam kalangan mahasiswa/i masih menganggap BM perlu diteruskan sebagai bahasa pengantar dan bahasa ilmu pada peringkat SRK dan SMK.

Selain itu, mahasiswa/i turut berpendapat bahawa negara kita akan maju sekiranya menggunakan BI sebagai bahasa ilmu dengan nilai min 4.10 dan sisihan piawai 1.05 berbanding dengan item menggunakan BM sebagai ilmu dengan nilai min 2.58 dan sisihan piawai 1.29. Dari segi peratus, kajian ini menunjukkan bahawa kira-kira 83% mahasiswa bersetuju bahawa negara akan maju sekiranya menggunakan BI sebagai bahasa ilmu berbanding dengan menggunakan BM sebagai bahasa ilmu pada kadar persetujuan sebanyak 27 % bersetuju dan ketidaksetujuan sebanyak 73%. Dengan erti kata lain, BI lebih meluas penggunaannya dalam kalangan mahasiswa/i kajian, lantaran itu mereka lebih

berpandangan positif terhadap kemampuan BI sebagai bahasa ilmu dalam memajukan negara.

Nilai min dan sisihan piawai bagi item BI sebagai BK(bahasa kebangsaan), BI sebagai BR (bahasa rasmi) dan dan BI sebagai BP (bahasa perpaduan) berada pada nilai yang hampir sama, iaitu pada nilai min 3.18 hingga 3.37 dan sisihan piawai berada pada nilai 1.21 hingga 1.27. Secara perbandingan, nilai min bagi BM sebagai BR, BK, dan BP lebih tinggi berbanding dengan nilai min BI sebagai BK, BR, dan BP. Data ini menggambarkan bahawa mahasiswa/i masih yakin akan status BM sebagai BK, BR, dan BP.

Secara keseluruhannya, min bagi tahap penggunaan BI dalam sistem pendidikan negara dalam kalangan mahasiswa/i adalah lebih tinggi berbanding dengan min tahap kepenggunaan BM dalam sistem pendidikan negara.

Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan, Bahasa Rasmi dan Bahasa Perpaduan

Pemboleh ubah BM wajar dijadikan sebagai BK, BR dan BP digabungkan untuk melihat min dan sisihan piawai secara keseluruhan. Analisis ujian t telah dilakukan terhadap pemboleh ubah bersandar dengan pemboleh ubah tidak bersandar dalam kalangan mahasiswa/i IPTA/IPTS dengan jantina. Butiran terperinci dapat dilihat dalam jadual 5.

Jadual 5 Min dan Sisihan Piawai Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan, Bahasa Perpaduan dan Bahasa Rasmi dalam kalangan Mahasiswa/i IPTA / IPTS dan Jantina

BM sebagai BK, BR dan BP	N	Min	sisihan piawai	Nilai t	Aras Signifikan
IPTA	75	12.8	3.05	8.11	0.00 **
IPTS	72	8.71	3.00		
Mahasiswa	70	9.61	3.48	-3.86	0.00 **
Mahasiswa	77	11.8	3.47		

** p < 0.001

Hasil dapatan menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan pada aras $P < 0.001$ antara bahasa Melayu wajar dijadikan BK, BR, dan BP dalam kalangan mahasiswa/i IPTA dan IPTS. Begitu juga hubungan antara BM sebagai BK, BR, dan BP dengan jantina adalah signifikan pada aras $p < 0.001$. Ini menunjukkan terdapat perkaitan antara pemboleh ubah BM sebagai BK, BR, dan BP dengan pemboleh ubah yang tidak bersandar.

Di samping itu, dapatan menunjukkan min IPTA lebih tinggi pada nilai 12,8 dengan sisihan piawai 3.05 berbanding dengan min IPTS pada nilai 8.71 dengan sisihan piawai 3.00. Ini memberi gambaran kepada kita bahawa mahasiswa/i IPTA lebih cenderung untuk melihat BM sebagai BK, BR, dan BP. Seterusnya nilai min mahasiswi didapati lebih tinggi, iaitu pada nilai 11.8 dengan sisihan piawai 3.47 berbanding dengan min mahasiswa pada nilai 9.61 dengan sisihan piawai 3.47 bagi pemboleh ubah BM sebagai BK, BR, dan BP. Dengan kata lain golongan mahasiswi lebih cenderung untuk menjadikan BM sebagai BK, BR, dan BP.

Bahasa Inggeris sebagai Bahasa Kebangsaan, Bahasa Rasmi dan Bahasa Perpaduan

Ujian t yang dilakukan ke atas pemboleh ubah sama ada BI wajar dijadikan sebagai BK, BR, dan BP telah dilakukan dan hasil dapatan dapat dilihat dalam jadual 6.

Jadual 6 Min dan Sisihan Piawai Bahasa Inggeris sebagai Bahasa Kebangsaan, Bahasa Perpaduan dan Bahasa Rasmi dalam kalangan Mahasiswa/i IPTA / IPTS dan Jantina

BM sebagai BK, BR dan BP	N	Min	sisihan piawai	Nilai t	Aras Signifikan
IPTA	75	8.17	3.19	-6.87	0.00 **
IPTS	72	11.54	2.72		
Mahasiswa	70	51.35	19.18	3.32	0.00 **
Mahasiswi	77	90.79	14.31		

** $p < 0.01$

Keputusan ujian t menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan pada aras $p < 0.00$ dalam kalangan mahasiswa IPTA/IPTS dengan jantina. Perbandingan min dan sisihan piawai menunjukkan bahawa min mahasiswa/i IPTS lebih tinggi pada 11.5 dengan sisihan piawai 2.72 berbanding dengan mahasiswa/i IPTA pada nilai min 8.17 dengan sisihan piawai 3.19. Min penggunaan BI yang tinggi terdapat dalam kalangan mahasiswa/i IPTS kerana bahasa pengantar di IPTS tidak semestinya dalam BM sebagaimana yang telah ditetapkan dalam Akta IPTS 1996. Min yang tinggi dalam kalangan mahasiswa/i IPTS yang ingin menjadikan BI sebagai BK, BR, dan BP berbanding dengan BM adalah disebabkan aspirasi kerajaan yang ingin menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan pada mata dunia.

Bagi jantina pula, nilai min mahasiswi mencatatkan nilai min yang lebih tinggi, iaitu pada nilai 90.79 dengan sisihan piawai 14.31 berbanding dengan min mahasiswa pada nilai min 51.35 dengan sisihan piawai 19.18. Ini bererti mahasiswi lebih berfikiran positif terhadap penggunaan BI sebagai BK, BR dan BP.

Bahasa Melayu sebagai Bahasa Ilmu dalam Sistem Pendidikan Negara

Analisis ujian t turut dilakukan untuk melihat hubungan antara tahap penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa Ilmu dalam sistem pendidikan negara dalam kalangan mahasiswa/i IPTA/IPTS dan jantina.

Jadual 7 Min dan Sisihan Piawai Bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu dalam sistem pendidikan negara dalam kalangan Mahasiswa/i IPTA dan IPTS dan Jantina

BM sebagai BK, BR dan BP	N	Min	Sisihan Piawai	Nilai t	Aras Signifikan
IPTA	75	63.95	18.32	6.98	0.00 **
IPTS	72	45.54	13.07		
Mahasiswa	70	51.36	19.18	- 2.28	0.024 *
Mahasiswi	77	58.18	17.14		

** $p < 0.01$, * $p < 0.05$

Hasil dapatan menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan dalam kalangan mahasiswa/i IPTA/IPTS pada aras $p < 0.00$ dan jantina pada aras $p < 0.05$. Min mahasiswa/i IPTA lebih tinggi berbanding dengan min mahasiswa/i IPTS bagi item bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu dalam sistem pendidikan, nilai min 63.95 dengan sisihan piawai 18.32 bagi mahasiswa/i IPTA berbanding dengan mahasiswa/i IPTS pada nilai min 45.54 dengan sisihan piawai 13.07.

Dari segi jantina, min mahasiswi didapati lebih tinggi pada nilai 58.18 dengan sisihan piawai 17.14 berbanding dengan min mahasiswa pada nilai 51.36 dengan sisihan piawai 19.18. Walaupun mahasiswi lebih berfikiran positif daripada mahasiswa terhadap isu BM sebagai bahasa ilmu dalam sistem pendidikan negara, namun perbezaan pemikiran itu tidaklah jauh.

Bahasa Inggeris Sebagai bahasa Ilmu dalam Sistem Pendidikan Negara

Seterusnya analisis ujian t dijalankan untuk melihat hubungan antara tahap kepenggunaan bahasa Inggeris sebagai bahasa Ilmu dalam sistem pendidikan negara di kalangan mahasiswa/i IPTA/IPTS dan jantina.

Jadual 8 Min dan Sisihan Piawai Bahasa Inggeris sebagai bahasa Ilmu dalam Sistem Pendidikan dalam kalangan Mahasiswa/i IPTA / IPTS dan Jantina

BM sebagai BK, BR dan BP	N	Min	Sisihan Piawai	Nilai t	Aras Signifikan
IPTA	IPTS	7572	87.6497.72	16.3014.97	- 3.90
0.00 **					
MahasiswaMahasiswi		7077	94.5490.79	18.3514.31	1.39
0.167					

** $p < 0.01$

Jadual 8 menunjukkan analisis ujian t terhadap pemboleh ubah bahasa Inggeris sebagai bahasa ilmu dalam sistem pendidikan dalam kalangan mahasiswa/i IPTA/IPTS dan jantina. Hasil dapatan menunjukkan terdapat perhubungan yang signifikan pada aras $p < 0.00$ dalam kalangan mahasiswa/i IPT. Min tertinggi bagi tahap penggunaan

bahasa Inggeris sebagai bahasa Ilmu dalam sistem pendidikan negara berada dalam kalangan mahasiswa/i IPTS dengan nilai min 97.72, manakala dalam kalangan mahasiswa/i IPTA berada pada nilai min 87.64. Ini menunjukkan bahawa mahasiswa/i di Malaysia lebih cenderung untuk menjadikan bahasa Inggeris sebagai bahasa Ilmu dalam sistem pendidikan negara berbanding dengan tahap penggunaan bahasa Melayu. Kenyataan ini boleh dikesan daripada nilai min untuk menjadikan BM sebagai bahasa ilmu dalam kalangan IPTA yang berada pada nilai min 63.95 sementara dalam kalangan mahasiswa IPTS pada nilai min 45.54 (Jadual 7). Keadaan ini menggambarkan bahawa para mahasiswa/i, tidak kira IPTA atau IPTS menganggap BI sangat penting dalam sistem pendidikan negara.

Sementara itu, bagi jantina, min tertinggi terdapat pada mahasiswa dengan nilai min sebanyak 94.54 berbanding dengan mahasiswi dengan nilai min sebanyak 90.79. Ini menunjukkan mahasiswa lebih cenderung dan ghairah untuk menjadikan BI sebagai bahasa ilmu dalam sistem pendidikan negara.

Perbincangan dan Tafsiran

Hasil kajian menunjukkan bahawa era globalisasi telah semakin menonjolkan kekuatan bahasa Inggeris apabila penggunaan bahasa tersebut bukan sahaja meluas dalam bidang sains dan teknologi, malahan meliputi bidang sains sosial, kecuali agama Islam yang dianggap lebih sesuai diajar dalam bahasa Melayu. Keadaan ini menggambarkan bahawa bahasa Inggeris ialah bahasa yang diakui penting dan diterima pakai oleh mahasiswa/i di semua IPT di Malaysia.

Kedua-dua golongan mahasiswa dan mahasiswi mempunyai tahap penggunaan yang berbeza terhadap bahasa Melayu dan Inggeris sebagai bahasa kebangsaan, rasmi, perpaduan, dan bahasa ilmu. Kajian ini menunjukkan bahawa mahasiswi di IPTA dan IPTS lebih cenderung untuk menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa kebangsaan, rasmi, perpaduan berbanding mahasiswa, sebaliknya mahasiswa pula lebih gemar menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa ilmu berbanding mahasiswi.

Walaupun terdapat perbezaan tersebut, namun tahap kepenggunaan bahasa Inggeris dalam kalangan mahasiswa/i masih tinggi berbanding bahasa Melayu. Keadaan itu jelas menunjukkan bahawa tahap penggunaan BM dalam kalangan mahasiswa/i semakin terhakis. Dapatan ini turut dikongsi bersama oleh Awang Sariyan (2005:57) yang mengatakan bahawa BM telah mengalami kemerosotan dalam aspek taraf dan mutu bahasa. Fenomena rasa terhakis dan wujudnya rasa kurang kepunyaan terhadap penggunaan BM dalam sistem pendidikan amat mencabar dalam dunia globalisasi ini, terutama bagi negara kita Malaysia yang ingin menjadi pusat kecemerlangan ilmu di rantau Asia Tenggara.

Pendidikan dwibahasa tidak semestinya mengeneppikan kedudukan dan taraf BM sebagai BK, BR, BP dan bahasa ilmu. Dasar mempelajari lebih daripada satu bahasa adalah penting, tetapi dengan mendakwa bahawa Malaysia akan maju dengan menggunakan BI sebagai bahasa ilmu adalah kenyataan yang tidak tepat. Persepsi mahasiswa/i yang mengatakan bahawa Malaysia akan menjadi maju sekiranya menggunakan BI, adalah pemikiran yang tidak relevan dan tidak berpijak di bumi nyata. Negara yang maju tidak semestinya menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa ilmu. Iktibar seharusnya diambil dari beberapa negara maju, seperti Rusia, Jerman, Jepun dan Korea yang maju dengan menggunakan bahasa kebangsaan tersendiri sebagai bahasa ilmu.

Perihal yang sama turut disentuh oleh Nik Safiah Karim (2005: 256) bahawa dalam melihat hubungan antara bahasa Melayu dengan bahasa Inggeris, pendekatan yang harus diambil bukanlah berbentuk menang-kalah, iaitu mementingkan bahasa Inggeris bererti meminggirkan bahasa Melayu atau mementingkan bahasa Melayu bererti menolak bahasa Inggeris. Beliau mencadangkan agar pendekatan menang-menang diambil untuk melahirkan kepenggunaan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris yang sihat, iaitu mendaulatkan bahasa Melayu tanpa mengabaikan bahasa Inggeris.

Pembudayaan bahasa Melayu dalam sistem pendidikan perlu dimantapkan lagi daripada peringkat prasekolah sehingga ke pusat pengajian tinggi. Perkara pokok yang menunjangi sistem pendidikan negara seharusnya berpaksikan Perlembagaan Negara Perkara 152 yang telah menetapkan kedudukan bahasa Melayu sebagai BK dan BR. Segala

pelaksanaan sistem pendidikan negara, sama ada IPTA mahupun IPTS, haruslah mematuhi landasan dan ketetapan Perlembagaan Negara.

Aspek kesantunan berbahasa mestilah memainkan peranan yang utama agar keluhuran akal budi terpamer dalam individu dan negara bangsa yang ingin dibentuk menerusi sistem pendidikan negara. Hal ini akan melahirkan suasana penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi, bahasa kebangsaan dan bahasa perpaduan yang berkesan dalam kehidupan seharian. Berikutan itu, semua warganegara Malaysia akan berbangga bertutur dalam bahasa Melayu dan bahasa Melayu menjadi identiti negara bangsa Malaysia.

Rumusan

Dalam era globalisasi, memang tidak dapat dinafikan kepentingan mempelajari dan menggunakan bahasa Inggeris dalam sistem pendidikan negara. Justeru, bahasa Inggeris menjadi semakin meluas penggunaannya bukan sahaja dalam bidang sains dan teknologi, tetapi juga bidang sains sosial. Namun begitu, kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi, bahasa kebangsaan, dan bahasa ilmu tidak harus diketepikan kerana bahasa Melayu ialah jiwa bangsa Malaysia. Malaysia akan menjadi negara yang utuh dan maju mengikut acuan sendiri dengan menggunakan bahasa Melayu secara yakin, sama seperti negara maju lain seperti Rusia, Jerman, Jepun dan Korea

Bibliografi

- Abdul Rahim Bakar. 2000. *Bahasa Jiwa Bangsa – Perspektif Politik dan Pejuang Bahasa*. Kuala Lumpur : Persatuan Linguistik Malaysia
- Awang Sariyan. 2005. *Hakikat Bahasa dan Realisasi Fungsinya dalam Pembinaan dan Penakatan Tamadun*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hassan Ahmad. 2001. *Bahasa Melayu Sebagai Teras Peradaban Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

Hassan Ahmad. 2004. *Nasionalisme dan Perjuangan Bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

Juriah Long. 2002. *Pendidikan Bahasa Melayu: Antara Hasrat dengan Pelaksanaan*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Juriah Long, Khalid Abdullah, Raja Fauzi Raja Musa, Warnoh Katiman, Zaini Mahbar dan Puteh Mohamad. 2002. Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu di Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) bagi Memenuhi Dasar Pendidikan Kebangsaan dan Pembangunan Sumber Manusia pada Abad ke-21. *Projek IRPA 07-02-02-0049*. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Kamal Shukri Abdullah Sani. 2002. *Kesan Penggunaan Bahasa Inggeris dalam Pengajaran Sains dan Matematik di Institusi Pendidikan di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Nik Safiah Karim. 2002. *Bahasa Melayu: Abad ke-21*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

Nik Safiah Karim. 2005. Bahasa Melayu: Bahasa Abad ke-21. Dlm. Abdul Rahim Bakar & Awang Sariyan (pngr.). *Suara Pejuang Bahasa*. Kuala Lumpur: Persatuan Linguistik Malaysia.

Zainal Abidin Abdul Wahid. 2001. *Bahasa Pendidikan dan Pembangunan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

PROFIL PERMAJALAHAN MELAYU DEKAD 1980-AN

(MALAY MAGAZINES PROFILE IN 1980's DECADE)

Hamed Mohd Adnan

Abstrak

Hanya 177 buah majalah baharu diterbitkan pada dekad 1980-an, berbanding 178 buah pada dekad sebelumnya. Adakah ini bermakna penerbitan majalah Melayu semakin merosot? Dengan lebih 50 buah majalah terbitan dekad 70-an yang masih bertahan, petunjuknya jelas bahawa dekad 80-an ini merupakan pencapaian yang amat baik dalam dunia permajalahan Melayu. Meskipun jumlah majalah baharu nampaknya kurang, jangka hayat umum kebanyakan majalah lebih panjang pada dekad ini. Banyak faktor yang menyumbang pada kesuburan dunia permajalahan Melayu dekad ini dan salah satu daripadanya ialah perkembangan dalam penerbitan akhbar tabloid. Sejak *Mingguan Bumi* diterbitkan pada 1981 yang kemudiannya diikuti dengan *Mingguan Perdana* dan *Bacaria* yang lebih popular pada 1982, kemunculan akhbar tabloid dalam penerbitan Melayu amat dirasakan. Artikel ini akan membincangkan profil majalah Melayu pada dekad 80-an dengan tumpuan pada perkembangan penerbitan tabloid dan kesannya terhadap penerbitan majalahan.

Abstract

Only 177 new magazines were published in 1980s compared to 178 in 1970s. Does the number mean that the Malay magazines were in declined? With more than 50 magazines published in 1970s that still survived in 1980s, the indication was clear that the decade in question was easily the best in the history of Malaysian magazine publishing. Though the number

may look less than before, the general life span of the magazine seems longer. Many factors have contributed to the development of Malay magazine in 1980s, and one of them is the emerging of tabloid newspapers. Since Mingguan Bumi published in 1981 which later followed by the more popular, Mingguan Perdana and Bacaria in 1982, tabloid newspapers has its effect to the development of Malay magazines. This article will discuss the profile of Malay magazines in this decade with the focus on the development of tabloid newspapers.

Pengenalan

Dekad 80-an menyaksikan beberapa perubahan yang kesannya signifikan terhadap perkembangan majalah dalam bahasa Melayu. Penduduk Malaysia pada tahun 1984 berjumlah 15.058 juta dengan 12.467 juta tinggal di Semenanjung, sementara 1.461 juta di Sarawak dan 1.14 juta di Sabah. Di Semenanjung Malaysia, 56 peratus penduduknya adalah Melayu, 33% Cina dan 10 peratus India. Kadar celik huruf semakin meningkat daripada dekad sebelumnya (Malaysia, 1985). Daripada 7,903,000 orang dewasa di Semenanjung Malaysia, 86 peratus adalah celik huruf dengan 66 peratus celik huruf bahasa Melayu, 34 peratus bahasa Inggeris, dan 26 peratus dalam bahasa Cina (Atan Long, 1984:19-20).

Pada 1980, 2,006,760 orang kanak-kanak memasuki sekolah rendah, 1,091,445 memasuki sekolah menengah, 53,884 di maktab perguruan, dan 20,764 berada di universiti. Jumlah ini meningkat kepada 2,260,366 orang (sekolah rendah), 1,411,739 orang (sekolah menengah), 84,168 orang (maktab perguruan), dan 29,540 orang (universiti) setahun kemudiannya (Malaysia, 1981:28). Pendapatan perkapita penduduk Malaysia pada umumnya lebih tinggi daripada negara-negara Asean yang lain kecuali Singapura. Dengan pendapatan perkapita RM4,685 pada tahun 1985, separuh daripada penduduk Malaysia berkemampuan untuk memiliki kenderaan motosikal atau kereta sendiri. Lebih 80 peratus penduduk mempunyai set televisyen atau radio di rumah masing-masing (*Media Index 1985*:17). Peningkatan pendapatan dan kadar celik huruf itu tentunya melahirkan dan mengembangkan budaya terhadap penggunaan media massa, sekurang-kurangnya sebagai alat untuk mengisi masa lapang.

Meskipun demikian, pasaran bagi produk media di Malaysia tidaklah berkembang dengan kadar yang selari dengan perubahan-perubahan yang disebutkan itu. Soal bahasa terus menjadi hambatan utama kepada pengamal media untuk mengembangkan produk masing-masing secara menyeluruh. Walaupun bahasa Malaysia telah dimantapkan menjadi bahasa pengantar pendidikan yang utama di sekolah-sekolah di samping menjadi bahasa rasmi negara, namun pasaran media di Malaysia terus terpecah-pecah mengikut bahasa yang didokong oleh kaum-kaum utama. Pasaran surat khabar umpamanya terpecah kepada empat bahasa yang utama. Daripada 20 akhbar harian di Semenanjung pada tahun 1985, empat buah adalah dalam bahasa Inggeris, lapan bahasa Cina, lima bahasa Malaysia, dan tiga bahasa Tamil. Di Sabah dan Sarawak pula, daripada 15 akhbar harian, lima buah adalah dalam bahasa Inggeris dan sepuluh buah lagi dalam bahasa Cina.

Keadaan-keadaan ini menggambarkan bahawa pasaran bagi penerbitan berbahasa Melayu masih terbatas kepada kaum itu sahaja. Bagaimanapun, angka-angka sirkulasi akhbar utama pada dekad ini menunjukkan peningkatan yang menggalakkan. Pada 1981, sirkulasi *Utusan Malaysia* mencapai 154,000 naskhah, *Mingguan Malaysia* 337,000 naskhah, *Berita Harian* 89,320 naskhah, dan *Berita Minggu* 148,251 naskhah. Akhbar yang kurang berpengaruh, *Utusan Melayu* mempunyai 44,000 naskhah sirkulasi, *Bintang Timur* 14,500 naskhah, dan *Watan* 36,500 naskhah (*Media Index 1981:23-28*). Pada Jun 1985, angka-angka itu semakin meningkat dengan *Utusan Malaysia* (220,245 naskhah), *Mingguan Malaysia* (363,091 naskhah), *Berita Harian* (211,195 naskhah), *Berita Minggu* (271,379 naskhah), dan *Utusan Melayu* menurun kepada 34,417 naskhah. Pada Disember 1985 pula, sirkulasi *Berita Minggu* ialah 275,460 naskhah, sementara *Mingguan Malaysia* 419,258 naskhah (*Media Index 1985: 42-47*).

Pada masa yang sama, perkembangan dalam medium komunikasi massa yang lain, khususnya televisyen turut memberi pengaruh terhadap perkembangan dalam penerbitan bercetak. Sementara siaran radio Malaysia tidak banyak berbeza dengan dekad sebelumnya, pada setengah dekad yang awal, perkembangan dalam siaran televisyen sedikit sebanyak membawa kesan terhadap pembacaan bahan-bahan penerbitan. Dengan pengenalan TV3 yang diuruskan oleh sebuah syarikat swasta, Sistem

Televisyen Malaysia Berhad (STMB) pada Jun 1984 bagi menambahkan dua saluran televisyen RTM yang sedia ada, orang ramai mempunyai lebih banyak pilihan untuk menghabiskan masa lapang masing-masing. Persaingan yang timbul untuk menarik penonton menyaksikan rancangan-rancangan yang lebih menarik disiarkan, khususnya antara TV3 dengan Saluran 2 RTM.

Keadaan ini sudah tentu menjejaskan perkembangan akhbar dan majalah Melayu. Meskipun tiada kajian terperinci berhubung soal ini dilakukan, namun tidak sukar untuk memahami senario ini. Dengan semakin menariknya rancangan-rancangan yang disiarkan di televisyen, ini bermakna masa senggang orang ramai yang sebelumnya mungkin digunakan untuk membaca semakin susut. Tetapi ini tidak bermakna, industri penerbitan secara umum mengalami penurunan, malahan dalam beberapa kes, umpamanya untuk penerbitan akhbar atau majalah hiburan, terdapat peningkatan yang drastik. Seperti yang dinyatakan Shirley Biagi (1997), kemunculan atau peningkatan sesuatu media akan membawa kesan yang positif kepada media yang lain kerana media yang dikatakan terjejas itu sebenarnya boleh menggunakan bahan daripada media baru itu untuk mengembangkan dirinya sendiri (Biagi, 1998:86). Kemunculan TV3 yang pada peringkat awal rancangannya lebih banyak diisi dengan rancangan hiburan telah melahirkan akhbar tabloid dan majalah-majalah hiburan.

Bagaimanapun, hanya 174 buah majalah baru diterbitkan pada dekad 80-an, atau lebih sebuah majalah daripada dekad sebelumnya. Namun, angka itu tidaklah bermakna perkembangan majalah Melayu mengalami penurunan, bahkan sebaliknya yang berlaku. Dengan mengambil kira 57 buah majalah yang diterbitkan pada dekad-dekad sebelumnya yang masih beredar dalam pasaran pada dekad 80-an ini, nyata bahawa dekad 80-an menampakkan indikasi yang sihat dalam dunia permajalahan Melayu. Maknanya terdapat 226 buah majalah yang beredar dalam pasaran pada dekad 80-an ini. Tulisan ini akan membincangkan profil dan perkembangan majalah Melayu pada dekad 1980-an—salah satu era penting dalam dunia permajalahan Melayu (Hamedi, 2005a).

Profil Majalah Melayu Dekad 1980-an

Jadual 1 di bawah menunjukkan jenis-jenis majalah utama yang diterbitkan sepanjang dekad 80-an. Daripada jadual itu, majalah-majalah agama, pengetahuan umum, pendidikan, dan suara organisasi terus menjadi tulang belakang dalam permajalahan Melayu. Di samping itu, majalah wanita dan komik/humor mula muncul dan mengukuhkan kedudukannya. Meskipun terdapat penurunan yang mendadak untuk majalah hiburan dengan hanya empat buah majalah hiburan baru diterbitkan sepanjang dekad 80-an ini, namun ini tidak bermakna pengaruh majalah sedemikian yang cukup penting sejak dekad 50-an (Hamedi, 2003) lagi semakin terhakis. Sebenarnya banyak majalah hiburan yang diterbitkan pada dekad-dekad sebelum ini (60-an dan 70-an) masih terus mewarnai pasaran pada dekad 80-an, antaranya *URTV*, *Variapop*, dan *Kisah Cinta*. Kedudukan majalah-majalah yang sudah *established* itu mungkin terlalu kukuh untuk membolehkan majalah-majalah baru diterbitkan bagi mencuri bahagian dalam kek pasaran majalah sedemikian.

Jadual 1: Perbandingan Jumlah Majalah Melayu 1970-an dan 1980-an

Jenis Majalah	Bilangan 70-an	Peratusan	Bilangan 80-an	Peratusan
Agama	24	14.1	28	16.2
Hiburan	36	22.1	06	3.5
Komik/humor	15	8.9	25	14.3
Khusus/perniagaan	06		16	9.1
Pendidikan	19	11.2	27	15.5
Sastera/bahasa	09	5.4	02	1.1
Suara organisasi	25	14.9	21	12.1
Sukan/rekreasi	04		13	7.4
Umum	21	12.4	21	12.1
Wanita	10	6.0	15	8.7
JUMLAH	170	100	174	100

Sumber: Hamedi Mohd Adnan, 2005a. Direktori Majalah Melayu Abad Ke-20. (manuskrip belum diterbitkan).

Peningkatan majalah baru pada dekad 80-an ini bagaimanapun tidak banyak bezanya dengan dekad 70-an. Keseluruhannya, terdapat 248 buah majalah beredar dalam pasaran sepanjang dekad itu. Meskipun peningkatan bilangan majalah baru agak kurang (174 buah majalah berbanding 173 buah majalah pada dekad 70-an), namun jangka hayat majalah yang sedia ada dan yang baru diterbitkan jauh lebih panjang daripada dekad-dekad sebelumnya. Kalau daripada 173 buah majalah yang diterbitkan pada dekad 70-an hanya 52 buah mampu bertahan pada permulaan dekad 80-an, sebanyak 39 buah majalah 80-an terselamat mengharungi gelombang pasaran untuk menghadapi cabaran baru pada dekad 90-an. Daripada 52 buah majalah dekad 70-an yang terselamat pada dekad 80-an itu, 29 buah daripadanya masih mampu mengekalkan hayatnya pada dekad 90-an. Maknanya 29 buah majalah itu berjaya mencapai usia sekurang-kurangnya sepuluh tahun pada dekad 90-an.

Beberapa kesimpulan dapat dibuat daripada senario ini. Yang pertama, penerbitan majalah pada dekad 80-an mula menunjukkan elemen kematangan dalam kalangan penerbitnya. Meskipun kecenderungan penerbit mengeluarkan majalah secara “cuba-cuba” masih terus berleluasa, namun hakikat bahawa jangka hayat yang lebih panjang menunjukkan para penerbitnya telah benar-benar bersedia dalam usaha penerbitannya. Mereka bukan sahaja memiliki modal pusingan yang lebih besar daripada dekad sebelumnya, tetapi juga memiliki ilmu tentang penerbitan dan pemasaran, di samping kecekalan untuk melayarkan bahtera perniagaan masing-masing dengan selamat.

Yang kedua, berlakunya pertambahan bilangan pembaca majalah Melayu yang terhasil daripada sistem pendidikan yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantarnya. Meskipun kemampuan sistem pendidikan bercorakkan peperiksaan yang diamalkan oleh kerajaan untuk membentuk generasi pembaca sering dipertikaikan, namun tidak dapat dinafikan bahawa pengguna atau kadar celik huruf bahasa Melayu telah bertambah. Dan pertambahan itu dengan sendirinya meningkatkan demografi pembaca majalah-majalah Melayu. Malahan sistem pendidikan yang diamalkan itu, yang menekankan kelulusan dalam peperiksaan, telah melahirkan ruang pasaran bagi majalah bercorak pendidikan yang agak besar. Sebanyak 31 buah majalah yang kandungannya berkisar tentang mata-mata pelajaran dalam peperiksaan dan menjadikan para pelajar

sekolah sebagai sasaran pembacanya telah diterbitkan pada dekad ini. Jumlah ini lebih banyak bilangannya daripada dekad-dekad lain sepanjang abad ke-20 ini.

Satu daripada peristiwa penting yang berlaku dalam bidang penerbitan pada dekad 80-an ini ialah penyelidikan tentang tabiat dan minat membaca rakyat Malaysia yang penemuannya diterbitkan pada tahun 1984. Penyelidikan yang diketuai oleh Profesor Atan Long itu dibiayai oleh Toyota Foundation dan dikendalikan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Kajian tersebut dijalankan pada April dan Mei 1982 ke atas 15,054 orang sampel di Semenanjung Malaysia. Kajian itu mendapati kadar literasi negara ialah 74 peratus, empat peratus lebih tinggi daripada kadar 1979. Majoriti rakyat Malaysia didapati tidak mempunyai masa yang khusus untuk membaca dan sementara 97 peratus membaca akhbar, hanya 67 peratus membaca majalah dan 42 peratus membaca buku. Di samping itu, rakyat Malaysia didapati membelanjakan kira-kira RM27.00 sebulan untuk membeli bahan bacaan dengan RM8.00 dibelanjakan untuk akhbar, RM6.00 untuk majalah, dan RM4.00 untuk membeli buku (Atan Long et al., 1980:xv).

Tabiat pembacaan rakyat Malaysia berbeza-beza mengikut pecahan kaum. Bagi kaum Melayu, 73 peratus daripada mereka membaca majalah, India (64%) dan Cina (57%). Kebanyakan mereka tinggal di kawasan bandar dan kaum perempuan didapati lebih ramai membaca majalah daripada kaum lelaki. Dari segi usia pula, 81 peratus responden berumur 16-24 tahun membaca majalah berbanding 63 peratus bagi yang berumur 25-40 tahun. Bagi yang tidak membaca majalah, alasan paling popular yang diberikan ialah "Tiada masa" dan "Tidak berminat". Mereka yang membaca memperoleh bekalan majalah menerusi kedai atau gerai buku (69%) atau daripada kawan dan jiran (29%) (Atan Long et al., 1980:35).

Dalam kajian itu juga, responden diminta menyenaraikan judul-judul majalah yang dibacanya sejak enam bulan sebelumnya. Daripada 79 majalah tempatan dan 31 majalah asing yang disenaraikan, 20 buah majalah tempatan dan lima majalah asing yang didapati mempunyai frekuensi lebih tiga peratus. Daripada senarai 20 buah majalah tempatan yang diambil kira, 11 buah adalah majalah Melayu, empat majalah Cina, dua majalah Tamil, dan tiga majalah berbahasa Inggeris. Majalah paling

populer yang disenaraikan daripada responden mengikut urutan ialah *Wanita* (20%), *Utusan Radio & TV* (19%), *Gila-Gila* (19%), *Dewan Masyarakat* (8%), *Koleksi* (7%), *Keluarga* (7%), *Mastika* (7%), *Dunia Sukan* (7%), *New Tide* (7%), *Variapop* (6%), *Readers' Digest* (6%), *Utusan Filem & Fesyen* (6%), *Jelita* (5%), dan *Indian Movie News* (5%), *Women* (4%), *Asia Magazine* (4%), *Sister Pictorial* (4%), *Udhayam* (3%), *Female* (3%), *Newsweek* (3%), *New Thrill* (3%), *Her World* (3%), *Mister* (3%), *Time* (3%), dan *Asiaweek* (3%).¹

Penemuan penyelidikan tentang tabiat dan minat membaca dalam kalangan rakyat Malaysia itu penting peranannya untuk kita melihat sambutan umum terhadap majalah, khususnya majalah Melayu. Daripada kajian itu, majalah hanyalah bacaan kedua utama selepas akhbar dan hanya dibaca oleh 67 peratus rakyat Malaysia. Walau bagaimanapun, kadar peratusan pembaca majalah Melayu lebih tinggi, iaitu 73 peratus dan ini tergambar dengan penyenaian lapan majalah Melayu sebagai majalah paling popular dibaca. Dengan demikian, perkembangan positif dalam pendidikan, celik huruf, pendapatan, dan penemuan kajian yang dilakukan itu memberi petanda yang positif untuk majalah Melayu berkembang dengan pesat pada dekad 80-an ini.

Bagaimanapun, dekad 80-an menandakan perkembangan yang ketara dalam dunia permajalahan Melayu. Organisasi media massa utama—New Straits Times Press dan Utusan Melayu Press semakin berkembang dengan pertambahan pendapatan jualan akhbar sehingga mampu menubuhkan anak-anak syarikat untuk menjalankan perniagaan lain yang berkaitan media. Pada masa yang sama, pelbagai syarikat penerbitan persendirian muncul dan berkembang dengan pesat. Antaranya yang penting ialah Kumpulan Karang kraf, Tinta Press, Amir Enterprise, Creative Enterprise, dan Pustaka Wira. Kerajaan turut tidak ketinggalan menerbitkan majalah, sama ada secara langsung atau tidak langsung. Pusat Islam, jabatan-jabatan agama negeri, dan Dewan Bahasa dan Pustaka terus menerbitkan majalah, sama ada untuk mencari untung atau sekadar memenuhi tanggungjawab sosialnya kepada masyarakat.

¹ Atan Long, et al., *A Survey of Reading Habits and Interest of Malaysian People*, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1984, hlm. 36-68.

Selain itu perkembangan yang positif dalam dunia permajalahan Melayu pada dekad ini ialah semakin meningkatnya kesedaran dalam kalangan penerbit majalah Melayu untuk majalah mereka diaudit oleh agensi *Audit Bureau of Circulations* (ABC). ABC ialah sebuah institusi yang dibiayai oleh para pengiklan, agensi pengiklan, dan penerbit yang bertanggungjawab untuk mengaudit majalah atau akhbar dengan berdasarkan suatu set format yang ditentukan. Angka-angka sirkulasi yang dikeluarkan oleh ABC dengan itu dianggap berwibawa, boleh dipercayai, dan data-datanya agak terkini meskipun diterbitkan enam bulan sekali. Setiap penerbitan boleh diaudit oleh ABC, termasuk yang diberikan secara percuma kepada pembaca. Pada dekad 70-an, sekurang-kurangnya 12 buah majalah Melayu telah diaudit oleh ABC. Pada 1982 hanya enam buah majalah Melayu diaudit, sementara pada 1984 jumlahnya meningkat kepada 24 buah. Dalam *Media Directory* Jun 1985, majalah Melayu yang memperoleh sirkulasi paling tinggi ialah *Wanita* (93,432 naskhah), diikuti oleh *URTV* (38,862 naskhah), *Dunia Sukan* (32,642 naskhah), *Jelita* (29,537 naskhah), dan *Utusan Filem & Fesyen* (22,509 naskhah).²

Kesediaan majalah-majalah Melayu diaudit oleh sebuah badan yang profesional dan berwibawa menunjukkan suatu petanda yang baik terhadap kematangannya. Pengauditan oleh ABC memberikan majalah suatu pengesahan yang berwibawa akan jumlah edaran atau jumlah pembacanya. Gunanya adalah untuk memberi maklumat yang penting tentang segmen atau bilangan pembaca majalah bagi membolehkan para pengiklan membuat keputusan untuk mengiklan produk mereka dalam majalah yang tertentu. Maknanya, majalah yang diaudit oleh ABC dan kemudiannya maklumat pengauditan itu tersiar dalam *Media Directory* mempunyai kekuatan untuk menarik pengiklan berbanding majalah yang tidak diaudit.

Pengaruh Akhbar Tabloid dan Sisipan Akhbar

Salah satu punca yang menyebabkan bilangan majalah Melayu pada dekad ini tidak banyak berubah daripada dekad sebelumnya ialah saingan yang

² *Media Index 1986*, Kuala Lumpur, Whiteknight Communications, 1987, hlm. 22-38.

terpaksa dihadapi oleh majalah daripada akhbar tabloid. Bermula pada akhir tahun 1981 apabila *Mingguan Bumi* diterbitkan dan diikuti dengan dominannya oleh *Mingguan Perdana* (10 Jan 1982) dan *Bacaria* (27 Nov 1982), dunia permajalah Melayu pada dekad 80-an menghadapi serangan yang hebat daripada akhbar-akhbar tabloid. Sesungguhnya dekad 80-an adalah zaman kesuburan untuk akhbar-akhbar sebegini yang kebanyakan kandungannya berkisar soal sensasi hiburan dan *human interest*. Meskipun akhbar tabloid muncul pada dekad sebelumnya, namun yang mendapat lebih perhatian ketika itu adalah tabloid politik seperti *Pelita Rakyat* (16 Ogos 1975), *Medan Rakyat* (Sep 1975), *Suara Rakyat* (20 Sep 1975), *Mingguan Rakyat* (13 Mac 1976), *Suara Merdeka* (5 Sep 1976), dan *Watan* (29 Jan 1977).

Soal-soal politik semasa tanah air menjadi resipi yang dominan, khususnya di sekitar isu pergeseran antara Menteri Besar Selangor yang merupakan tokoh politik yang popular ketika itu, Datuk Harun Idris dengan Perdana Menteri Tun Abdul Razak. Malahan parti UMNO sendiri, atas alasan untuk “memainkan peranan yang aktif dan positif dalam menyatukan potensi politik ahli UMNO khasnya dan orang-orang Melayu/bumiputera amnya”, turut menerbitkan tabloid politik pada Julai 1977 melalui *Suara Bersatu*. Sementara isu-isu politik kebangsaan dan kepartian terus mewarnai halaman-halaman strategik akhbar tabloid, soal berhubung hiburan, seks, dan *human interest* tersorok dengan kerdilnya dan hanya menjadi nota kaki dalam halaman-halaman akhbar tabloid itu. Elemen-elemen ini dapat ditemui dalam akhbar-akhbar tabloid seperti *Mingguan Bumi* dan *Mingguan Perdana*.

Penerbitan *Mingguan Bumi* pada akhir tahun 1981 merintis minat baru pembaca terhadap akhbar tabloid. Isu-isu semasa tentang politik masih menjadi bumbu editorial tabloid itu, tetapi dominasinya diambil alih oleh berita, skop, dan gosip sekitar dunia hiburan dan *human interest*. Antara ruangan tetap akhbar tabloid itu ialah politik tempatan, komentar mingguan oleh Ahmad Boestamam, gema dunia, medan rakyat, cerpen, medan pelajar, wanita, ruangan kesusasteraan, aktiviti, dan persatuan. Daya tarikan tabloid ini ialah pemaparan isu-isu *human interest* semasa seperti soal seks, penindasan wanita, ketidakadilan, kisah seram, dan kisah-kisah artis yang sensasi.

Mingguan Bumi bagaimanapun tidak mencapai kejayaan sepantas yang dinikmati oleh *Mingguan Perdana* yang mula diterbitkan pada 10 Januari 1982. Diterbitkan oleh Tinta Publishing House yang dikepalai oleh Khalid Jafri. Resipi *Mingguan Perdana* hampir sama dengan *Mingguan Bumi*, iaitu hiburan dan *human interest* sensasi dan sedikit seks, tetapi yang membezakannya ialah kejayaan wartawannya membuat pendedahan terhadap pelbagai isu, antaranya skandal seks di RTM. Antara ruangan yang paling popular kepada pembaca ialah “Dari Mahkamah Syariah” yang selain menceritakan hal penghakiman terhadap pasangan yang dituduh berkhawat, juga disertakan deskripsi tentang babak-babak hangat dan cumbuan yang berlaku sebelum pasangan itu ditahan.

Sesuatu isu atau berita disensasikan penampilannya dengan rupa taip yang *bold* dan *catchy* serta dihiasi pula dengan gambar-gambar yang seringkali menjolok mata. Isu tentang keruntuhan gadis Melayu umpamanya yang sudah menjadi lumrah ditampilkan dengan cara yang mampu menarik perhatian pembaca: lengkap dengan gambar-gambar yang menunjukkan keruntuhan moral itu, temu bual dengan gadis yang dikatakan runtuh moralnya, pendapat orang agama tentang gejala keruntuhan moral mudi-mudi, statistik pihak berkuasa tentang gejala sedemikian, dan yang paling menarik ialah pemerian atau gambaran yang dibuat oleh wartawan akhbar tabloid tentang satu-satu perlakuan gadis yang runtuh akhlaknya itu. Sesuatu isu utama yang *discoop* akan dinilai dan dipersembahkan dari pelbagai perspektif.

Pemberitaan secara *investigative* itu rupa-rupanya mendapat sambutan daripada pembaca. Ini ditambah lagi dengan pelbagai ruangan lain yang disediakan seperti wanita, hiburan, medan pelajar, kesusasteraan, gema dunia, dan sukan yang memberi pelbagai maklumat tambahan kepada pembaca. *Mingguan Perdana* ternyata mendapat sambutan hangat. Dalam tempoh kurang enam bulan dalam pasaran, sirkulasinya mencapai lebih 100,000 naskhah dan meningkat sehingga 300,000 naskhah pada pertengahan tahun 1983.

Kejayaan *Mingguan Perdana* dengan jumlah pembaca sebanyak 501,000 orang pada Disember 1985 ini merangsang penerbitan akhbar-akhbar tabloid yang lain untuk turut mencuba resipi yang hampir sama.

Bacaria yang diterbitkan oleh Kumpulan Karangkrif pada 27 November 1982 juga menikmati sirkulasi yang tinggi meskipun tidak dapat mengatasi *Mingguan Perdana*. Beberapa buah tabloid lain turut diterbitkan ialah seperti *Mingguan Wanita* (27 Ogo 1982) oleh Harun Hassan di Amir Print Sdn Bhd, *Harian Nasional* (10 Jan 1984) oleh Tinta Press yang turut menerbitkan *Mingguan Perdana*. *Mingguan Wanita* adalah tabloid yang pertama Amir Enterprise yang sebelum itu menerbitkan majalah-majalah *Sarina* (Apr 1976), *Keluarga* (Apr 1976), dan *Kisah Cinta* (1 Jun 1976).

Selain akhbar-akhbar tabloid itu, akhbar harian arus perdana, iaitu *Berita Harian* dan *Utusan Malaysia* turut mengamalkan gaya penerbitan yang mengancam survivaliti permajalahan Melayu pada dekad ini. Untuk menyediakan pembaca dengan *one stop reading material*, di samping untuk menarik pengiklan, akhbar-akhbar itu mula memperkenalkan sisipan atau *supplement* dalam penerbitan masing-masing. Sisipan, pada umumnya bermaksud penerbitan bersifat majalah yang menyediakan ruang tambahan dalam akhbar untuk memuatkan rencana *human interest* dan yang bercorak ringan. Apabila membeli akhbar-akhbar itu, pembaca akan memperoleh *value added* berupa pelbagai jenis dan corak penulisan yang dapat memberi mereka maklumat dan ilmu. *Berita Harian* mula mencuba resipi ini pada awal tahun 1984 apabila edisi hari Jumaat, Sabtu, dan Ahadnya ditemani dengan sisipan *Perspektif*, *Jaguh*, dan *Nadaminggu*, sebelum kemudiannya diubah kepada *Bahagian Kedua* (Han Siew Ching, 1993:64-72).

Apa hubungannya kemunculan akhbar-akhbar tabloid yang bertubi-tubi itu dengan penerbitan majalah? Tidak sukar untuk kita memahami kesan negatif yang diterima oleh dunia permajalahan Melayu akibat “kegilaan” pembaca kepada akhbar tabloid. Dengan harga yang lebih murah (purata 50 sen senaskhah) dan jumlah halaman yang menyaingi majalah, akhbar tabloid menyediakan pembaca dengan bahan bacaan yang lebih palbagai dan banyak dengan kos yang lebih murah. Tambahan pula, isu-isu semasa yang disensasikan, khususnya tentang dunia hiburan cukup menarik perhatian pembaca golongan muda. Dengan saiz dan ruangan yang lebih besar itu, akhbar tabloid dan sisipan akhbar utama meletakkan majalah dalam situasi yang tidak diperlukan pembaca lagi. Kekerapan akhbar tabloid yang diterbitkan mingguan atau dwimingguan,

berbanding bulanan bagi kebanyakan majalah, menjadikan bahan-bahan yang disiarkan dalam akhbar tabloid dan sisipan akhbar utama lebih terkini sedangkan bahan-bahan di majalah agak ketinggalan.

Kehadiran akhbar-akhbar tabloid dan sisipan akhbar itu dengan sendirinya mengecilkan pasaran dan menyempitkan ruang nafas majalah. Majalah-majalah baru tidak mampu diterbitkan kerana kesukaran untuk bersaing, sama ada dengan akhbar-akhbar tabloid atau dengan majalah lain yang sama segmen pembacanya. Peningkatan sirkulasi *Berita Harian*, *Berita Minggu*, *Utusan Malaysia*, dan *Mingguan Malaysia* dalam dekad 80-an itu mempunyai hubungan dengan pengenalan sisipan dalam penerbitan masing-masing.

Edaran tahun 1982 akhbar-akhbar *Berita Harian* (165,000), *Berita Minggu* (229,500), *Utusan Malaysia* (199,400), dan *Mingguan Malaysia* (338,900) meningkat kepada *Berita Harian* (214,300), *Berita Minggu* (275,500), *Utusan Malaysia* (248,900), dan *Mingguan Malaysia* (419,300) pada tahun 1985.³ Pada tahun 1989 pula, sirkulasinya meningkat kepada *Berita Harian* (236,200), *Berita Minggu* (334,700), *Utusan Malaysia* (226,000), dan *Mingguan Malaysia* (408,000).⁴ Daripada angka-angka itu dan daripada perkembangan sirkulasi *Mingguan Perdana* dan *Bacaria*, nyata bahawa populariti akhbar tabloid dan akhbar arus perdana memuncak dengan pantas. Justeru, majalah khususnya majalah umum, terkial-kial mencari udara untuk meneruskan hayatnya dalam lautan pasaran yang kian bergelora.

Penutup

Biarpun hambatan-hambatan yang terpaksa dihadapi, dunia permajalahan Melayu dekad 1980-an terus berputar, meskipun momentumnya tidak sepantas dekad sebelumnya. Masalah yang dihadapi untuk mengembangkan majalah umum ekoran ancaman akhbar tabloid dan sisipan akhbar telah menghasilkan lowongan baru kepada penerbit. Majalah yang lebih khusus segmen pembacanya mula diterokai. Selain corak majalah yang lazim seperti agama, hiburan, wanita, pendidikan,

³ *Media Index 1982*, hlm. 38-49.

⁴ *Media Index 1990*, hlm. 38-49.

dan suara organisasi, dua corak khusus majalah semakin mendapat perhatian, iaitu majalah perniagaan dan majalah sukan dan rekreasi. Meskipun kedua-dua jenis majalah yang akhir itu telah pun muncul sejak dekad 70-an lagi, namun dekad 80-an semakin memantapkan kehadirannya dalam senario permajalahan Melayu. Hal ini ditambah dengan hakikat bahawa sebahagian daripada majalah khusus yang muncul pada dekad sebelumnya masih terus bertahan di pasaran pada dekad 80-an ini.

Senario baharu yang turut ketara pada dekad ini ialah peningkatan dalam penerbitan majalah khusus (*specialized magazine*) dalam dunia permajalahan Melayu. Sebaliknya jumlah majalah umum, iaitu majalah yang ditujukan kepada semua golongan pembaca semakin berkurangan. Hal ini selari dengan perkembangan yang berlaku di Barat sejak 1950-an lagi apabila para penerbit menetapkan *niche* atau fokus majalah masing-masing bagi melayani segelintir pembaca, tidak lagi menyiarkan segala-galanya untuk menarik perhatian semua golongan pembaca. Meskipun penetapan *niche* itu bermakna jumlah sirkulasi akan terjejas, namun didapati usaha itu memberi kesan yang positif terhadap perolehan iklan. Para pengiklan didapati lebih cenderung mengiklan dalam majalah yang sirkulasinya rendah, tetapi demografi pembacanya dapat diharapkan untuk menerima mesej iklan mereka. Kesedaran ini mula merebak dalam kalangan penerbit majalah Melayu pada dekad 1980-an.

Bibliografi

- Atan Long, et al., 1984. *A Survey of Reading Habits and Interest of Malaysian People*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Biagi, Shirley, 1998. *Media Impact*, New York: Wadsworth.
- Hairul Nizat Siban, 1999. Mohd Khairune sebagai penerbit dan wartawan. Latihan Ilmiah Jabatan Pengajian Media, Universiti Malaya.
- Hamed Mohd Adnan, 2002. *Direktori Majalah Melayu Sebelum Merdeka*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Hamed Mohd Adnan, 2003. *Industri Permajalahan di Malaysia*, Shah Alam: Karisma.

Hamed Mohd Adnan, 2005a. Direktori Majalah Melayu Abad Ke-20. (manuskrip belum diterbitkan).

Hamed Mohd Adnan, 2005b. Direktori Akhbar Melayu Abad Ke-20. (manuskrip belum diterbitkan).

Han Siew Ching, 1993. Bagaimana supplement *Berita Harian* mempengaruhi edarannya. Latihan Ilmiah Jabatan Penulisan, Universiti Malaya.

Kerajaan Malaysia, 1981, *Forth Malaysia Plan*, Kuala Lumpur: Pencetak Kerajaan.

Media Index 1985, hlm. 17.

Media Index 1983, hlm. 23-28.

Media Index 1985, hlm. 42-47.

Media Index 1990, hlm. 38-49.

WAYANG WONG PRIANGAN: VIEWED FROM PERFORMANCE ASPECTS

Iyus Rusliana

Abstrak

Seni Pertunjukan ialah kesenian yang disajikan secara khusus sebagai media komunikasi seni dengan penontonnya, serta karya seni ini memiliki konsep dan bentuk pertunjukan yang khas. Wayang Wong Priangan adalah bagian daripada pertunjukan tari Sunda sebagai produk budaya masyarakat Jawa Barat – Indonesia, di dalamnya terungkap aspek-aspek pertunjukan yang membaku, yaitu adanya pelaku, lakon dan struktur dramatikanya, tari, dialog, narasi dalang, karawitan, tata busana dan rias, serta tata pentasnya. Berarti pertunjukan Wayang Wong Priangan ini termasuk seni pertunjukan yang lengkap atau disebut sebagai dramatari.

Abstract

Performance art is an art that is specifically presented as a communication medium to the audience and has specific form and concept in the performance. Wayang Wong Priangan is part of Sundanese dance performance as a product of West Java culture in which basic performance aspects are revealed, those are: performers, story and the dramatic structure, dance, dialogue, puppeteer narration, karawitan (music), costume and make up, and stage design. It means that Wayang Wong Priangan is included in the complete performance art or called as “dance drama”.

Introduction

The essence of an art performance is determined by two main components, those are the existence of performed art works and the human as the audience. In other words, the art categorized as performance art is the one that functions as a communication medium to the audience. Since an art work is a form of expression that is created for our perception through sense or image projection, and the thing that is expressed is human feeling (Suzanne K. Langer, 1988:14), hence every art work has specific form and concept in the performance. When the performance is a traditional art, there will be standard norms, beside the art itself, as the special characteristics of the tradition, and the aspects of performance that present the name of the art will also reveal. It is written by Soedarsono; Wayang Wong is a dance drama which exists in some places in Indonesia (2000:71); and the actors/actresses of *Wayang Kulit* are leather puppets, while the actor/actresses of Wayang Wong are human (1997:1). Wayang Wong Priangan is part of Sandanese dance works as a product of West Java culture which has variety of performance aspects that becomes a harmonic unity among performers, story, dramatic structure, dance, dialogue, *karawitan* (music), puppeteer narration, costume and make up, and stage design.

Dancer, Puppeteer, Gamelan Player (Wiyaga), Singer (Pesinden)

The form of Wayang Wong performance is expressed by performers, and the performers of Wayang Wong Priangan consist of dancers, puppeteer, *wiyaga*, and singers or called *pesinden*.

The dancers of Wayang Wong Priangan are a group of performers who are directly focused as the stage performance because they are the characters of the story and they express the plot as well. There are male characters of *wayang* such as: Arjuna, Adipati Karna, Gatotkaca, Baladewa, and Dasamuka that are acted by male dancers. There are also female characters such as: Drupadi, Utari, Arimbi, Sondari, Srikandi, and Mustakaweni that are acted by female dancers. It is also common to act in opposite gender where a female dancers, with a high and sufficient ability, acts as a male character. This, according to Sal Murgiyanto and

I Made Bandem, is included in *transvesti* (1983:59). The classification of the actors is divided into three levels. The first is call *Wayang Utama*. It is a character that has a very important role or the most determine character in a story. In every story, there are usually only two characters of this class, they are: The worst character or self-centered wayang and the most conspicuous character in eradicating crimes. The later, which is called *Sekar Lalakon*, usually becomes the audience idol (M.A. Salmun, 1942:228). The second is *Wayang Pamanggul*. It is an important character as a support or the second man of *Wayang Utama* character, not only in the side of bad character but also of the good one. The third is *Wayang Pangeuyeub*. This character is only a complement both in the side of bad and good characters.

The role of puppeteer in wayang performance (*Wayang Kulit* and *Wayang Golek*) is very important, while in Wayang Wong Priangan he is only a story teller or a narrator because the dialogue of each character is directly spoken by each dancer, and the puppeteer narration is uttered with singing (called *kakawen*) and without singing (called *nyandra*). The other role of a puppeteer is to strike *kecrek* and *cempala* instrument.

Wiyaga is a group of male performers who plays gamelan instrument. Gamelan that is used for Wayang Wong consists of: *goong*, *ketuk*, *gambang*, *bonang*, *rincik*, *panerus*, *saron anak*, *saron indung*, *rebab*, and *kendang*. The song is always sung by a woman called *pesinden*.

Lakon (Story)

Every story in Wayang wong performance is called *Lakon*, and according to Claire Holt:

“The suitable meaning for the word *Lakon* is “way (stories or action)” and this is what the story script provide essentially: *Lakon* is a line that is organized from continuous actions (*jejer* a or action, that is “line” and “way of standing”) of a performance” (1967:136).

Basically the usual performed story is referred from the main stories or called *pakem* Mahabharata including the epic of Bharata Yuda and

Arjuna Sasrabahu. There has never been performed the whole story, only some parts of the story that is considered to be interesting. In other words, the story which is performed in Wayang Wong is only a fragment and the duration of the performance is not more than one or two hours. The topic of the stories is usually about heroism, among others are: Arjuna Wijaya, or the story about Arjuna Sasrabahu defeated Dasamuka; Jaya Renyuan, or the story about the death of Abimanyu in Bharatayuhudu epic; Jaya Tigasan, or the story about the death of Jayadrata in Bharatayuhuda epic; Jaya Perbangsa, or the story about the death of Gatotkaca in Bharatayuhuda epic; Jabang Tutuka, or the story about Gatotkaca helped god in eradicating ruthlessness of Naga Percona; Brajamusti, or the story about the death of Brajamusti by Gatotkaca; and from the developed main stories or *carangan* such as the story of Srikandi-Mustakaweni and Srikandi-Larasati are also often performed.

Dramatic Structure

The dramatic structure or the scene frame here means a basic structure in performing parts of the story. This specified composition of the story is performed between 4 to 7 scenes, but it doesn't mean that every scene should always be identical with the sequences or parts of the frame. The scene structure is revealed as follows:

Performed in 4 scenes

The initial part (*leunjeuran pamuka*) is the first scene; the middle part (*leunjeuran tengah*) is the second and the third scenes; and the final part (*leunjeuran pamungkas*) is the fourth or the last scene.

Performed in 5 scenes

The initial part is the first scene; the middle part is the second, the third and the fourth scenes; and the final part is the fifth or the last scene.

Performed in 6 scenes

The initial part is the first and the second scene; the middle part is the third, the fourth and the fifth scenes; and the final part is the sixth or the last scene.

Performed in 7 scenes

The initial part is the first and the second scene; the middle part is the third, the fourth, the fifth and the sixth scenes; and the final part is the seventh or the last scene.

From the three parts of the scene frame, it is figured out that between one-two scenes or the first scene is performed in the initial parts, then in the middle part performed more than one scene or start from the second or the third scene, and in the final part performed only one scene or the next scene.

Later on the dramatic structure or the basic sequence of the dramatic action is generally revealed starting from: the initial part is the problem introduction; the middle part is the conflict and the final part is the problem solution.

Dance

The simple visualization or expression of behavior and movement of every dancer acting as Wayang Wong character basically directs to dance stylistic because the essence of a dance is an expression of human soul which is expressed through beautiful rhythm movements (Soedarsono1. 972:4). Beside dialogue, a dance is, in fact, an essential expression medium to every character of wayang wong. The dance resources, generally, come from *tayub* dance, *pencak silat*, *wayang galek* dance and wayang wong Cirebon dance. The dance in wayang wong performance is to show the actors characteristic and to reveal the story.

The actor characteristic of each character is usually related to lower or upper position or status, characteristic and also the gender. *Pangagung* is a call for the upper position of a character such as: god or Batara; King;

Governor; and Adipati. The lower position is called *abdi keraton*, such as: soldier or *balad*; bodyguards of king's family; and *panakawan* or *pawongan*. Choreography or pattern structure of special dance movement to enter and out of the stage is called *jejeran* dance. Then specifically for all *pangagung*, after they are on the stage, continue to dance called *kembangan* dance, and when a character of *wayang utama* or *sekar lalakon* performs a long dance before going to a battlefield, it is called *ngalaga*. Characteristics of choreography dealing with character and gender are as follows:

Woman or Female

Based on characterization, female is divided into *putri luruh* and *putri branyak* (Soedarsono, 1974:14). The specific term for *putri luruh* in wayang wong character is *putri lungguh* (e.g.: Drupadi, Subadra and Utari), and *putri branyak* is called *putri ladak* (e.g.: Srikandi, larasati and Mustakaweni). The choreography of *putri lungguh* or the modest women among others are: *adeg-adeg lontang tutup*; *jangkung ilo reundeuk*, and *keupat anca*. The movement patterns of *putri ladak* or an aggressive, lively and dynamic woman among others are: *adeg-adeg lontang buka*; *jangkung ilo bata rubuh*; and *keupat salancar*.

Man or Male

The choreography of modest gentle man or called *satria lungguh* (e.g.: Semiaji, Arjuna, Abimanyu and Arjuna Sasrabahu) among others are: *keupat hiji*; *adeg-adeg baplang*; and *tincak tilu*. The choreography of lively, aggressive and dynamic gentle man or called *satria ladak* (e.g.: Adipati Karna, Batara Kresna and Somantri) among others are: *keupat dua* and *keupat tilu*; *ecek*; *Santana*; and *adeg adeg sembada*. The choreography of modest strong man or called *monggawa lungguh* (e.g.: Gatotkaca and Anterja) among others are *adeg-adeg capang*; *jangkung ilo cikalong*; *gedut*; *gedig*; and *mincid galang*. The choreography of aggressive and dynamic strong man or called *monggawa dangah* (e.g.: Baladewa, Jayadrata and Suyudana) among others are: *gedig anca*; *pakblang*; and *adeg-adeg capang sonteng*. The funny choreography of *Panakawan* or *pawongan* (e.g.: Semar, Cepot, Dawala and Gareng) among others are: *oray meuntas*; *bajing*

luncat; bango titeuleum; and diadu boksen. Whereas the giant characters or called *Danawa* such as: *Danawa Patih* (e.g.: Sakipu, Brajamusti and Prabakesah) with the choreography among others are: *adeg-adeg capang; ngalaga; sirig and gedig*) and *Danawa Raja* (e.g.: Dasamuka and Naga Percona) with the choreography among others are: *adeg-adeg kiprahan; barongsayan; pakblang gancang; and gedig barungbang.*

Gesture is a reaction that can give signal to the audience visually, and to make movement as a signal, it should be clear for other people and can be communicated as information to the audience (Desmond Morris, 1977:14). Likewise the content of a story in wayang performance basically can not be apart from the illustration of events and the variety of situations. In this case dance roles as a medium of expression covers: war; *tresnan*; and to clarify the dialogue expression. War dance is a dance that expresses fighting illustration and it is always revealed in every Wayang Wong Priangan performance. That is the reason this dance or war scene becomes one of special interest and becomes part of this: *Perang tanding* is a dance which describes fighting between one character of wayang with another or one versus one, and this fighting is generally between *wayang pangagung*, among others: *perang satria* or the character of *satria lungguh* versus *satria ladak* such as Arjuna vs Adipati Karna, and Arjuna Sasrabahu vs Somantri; *perang gagahan* or the character of *monggawa* versus *monggawa* such as Bima vs Suyudana, *monggawa* versus *danawa patih* such as Gatotkaca vs Sakipu, and *monggawa* versus *danawa raja* such as Gatotkaca vs Naga Percona. Then, another fighting is *perang pancalan*, the character of gentle man versus strong man such as: *satria* versus *monggawa* (e.g.: Abimanyu vs Jayadrata); and *satria* versus *danawa* (e.g.: Arjuna Sasrabahu vs Dasamuka). Beside that, there is also female war or *perang wanoja* such as: Srikandi vs Mustakaweni, and Srikandi vs Rarasati. Another war is called *perang kembang*. This war is a fighting between female character versus male one such as Srikandi versus Bisma. The other kind of war dance is *perang rempugan*. It's a fighting between one character versus two - three other characters or versus a group of soldiers such as Abimanyu vs Kurawa soldiers. Beside that, there is also *perang balad*. It's a fighting between groups such as Kurawa soldiers vs Pandawa soldiers.

Tresnan dance is a dance or an expression of various movements to describe emotion or mood of certain characters for what they suffered. It also has specific characteristic in the symbolic forms. As what Desmond Morris clarified in discussing symbolic gesture as follows:

“Symbolic gesture can describe one’s mood and thought. It can explain anything related to abstract quality which has no similarities, either in the objects or in the movements” (1977:30).

Tresnan dance is usually about: sorrow (e.g.: Arimbi’s sadness when Gatotkaca was murdered by Adipati Karna in Jaya Perbangsa story); anger (e.g.: Arjuna’s anger when his son Abimanyu was killed by Jayadrata in Jaya Renyuan story); love (e.g.: Naga Percona loves Dewi Supraba in Jabang Tutuka story); happiness (e.g.: Jayadrata’s happiness when he killed Abimanyu in Jaya Renyuan or Jaya Tigasan Story).

Furthermore Desmond Morris discusses that in schematic gesture there is usually part of hand that give gesture, since it is necessary to have ability to express precisely and in various situations (1977:29). This is related to expressions of dance attitude and movement of every character to clarify the dialogue. The dance attitude and movement in the hand to clarify the dialogue is called *pepeta*.

Dialogue or *Antawacana*

Antawacana or the way of speaking of every character expressed by the dancers is also an important expression medium. Therefore, dance and *antawacana* are two main aspects that complete each other and strengthen the characters suitable with the story performed. In wayang wong performance, *antawacana* uses Sundanese covers: *guneman*; *nangtang*; and *tresnan*.

Guneman means conversation between one character to the other one. *Nangtang* means inviting the enemy to fight or war. While *tresnan* means talking about one’s mood whether he is sad, angry, happy or feeling love.

Puppeteer's Narration

Puppeteer's narration roles to express content of a story, scene, character and the life of a character, not only through *kakawen* (with singing) but also *nyandra* (without singing) and narration. In the performance, *kakawen* narration is usually continued with *nyandra*, but in certain traditional parts it is only expressed through *kakawen*. For further explanation, see the detail below:

In the opening of wayang wong performance, it is usually performed which is called *kakawen murwa* and *nyandra murwa*. In every scene that reveals event in a kingdom or palace (such as Astina Palace; Amarta Palace; and Wirata Palace), it is always initiated with the puppeteer's narration called *kakawen* situation of a *karaton* and *nyandra* situation of a *karaton*. If there is a scene outside the palace (such as in a penance; in a park; in a battlefield; or in a travel), it is always initiated with the puppeteer's narration called *kakawen* situation of a *luar karaton* and *nyandra* situation of a *luar karaton*. When a character expresses his mood (such as sad; angry; love; and happiness), it is always strengthened with the puppeteer's narration which is expressed with singing and it is called *kakawen tresnan*.

Karawitan or Music

The role of *karawitan* is very important in forming and making the whole Wayang Wong Priangan performance looks live. The potential of *karawitan* in Wayang Wong Priangan performance will be discussed start from: *laras gamelan*; kinds of presentation; form of song in accompanying dance; and in accompanying the puppeteer's narration.

Gamelan instruments used for wayang wong are *salendro* pitched instruments. The presentation of *karawitan* is expressed in two kinds, they are instrumentally or called *karawitan gending* and unification of instruments and vocal called *karawitan sekar gending*. The *sekar gending* constitutes unification of gamelan, singing of *pesinden* and puppeteer's narration. The types of presented song are *sekar ageung* or slow rhythm songs which are often used to accompany the beginning situation of a

palace, and *sekar alit* songs or fast rhythm songs which are often used to accompany war scenes.

Every dance expressed by each wayang wong dancer is not apart from *karawitan* accompaniment. This is written by Sudharso Pringgobroto that if a dance is considered to be a fish, so the music is the water (1971:7). It is even clarified by La Merri that music is not a servant of a dance and a dance is not a servant of music, they are both a perfect marriage (1975:30). The first role of dance *karawitan* is the basis for movement rhythm in arranging time of every movement element that is usually given the preparations of basis for rhythm and time by the sound of gamelan so that it will be easy and broad to arrange the dance movement rhythm. The second role is to clarify or support the movement dynamics in arranging to change the strength of the movement in order to be lively and interesting. The movement dynamics are also strengthened with the sound of accompanying gamelan, and the most conspicuous instrument in supporting or clarifying the movement dynamics is the hard-soft sound of a drum. The third role is to strengthen illustration of the situation, means that of every expression of an event and the mood of each character, it is always filled and strengthened with gamelan sound which is in accordance with the expressed situations.

The other role of *karawitan* is to serve basis for intonation of the dancer's *antawacana* and puppeteer's narration. Although *antawacana* of every character is not sung the intonation should absolutely adjust to the intonation of the gamelan. Likewise the puppeteer's narration, both *kakawen* and *nyandra*, is really bound to the intonation of the *salendro* pitched gamelan. The intonations that are often used cover: intonation1 (da); 2 (mi); 3 (na); and 4 (ti).

Costume and Make Up

The role of costume and make up is to show the actor characteristic of every character because each character of wayang wong wears different costume and make up. The costume and make up of wayang wong come from wayang golek Priangan.

The outline of costume for the male character covers: head gear called *makuta*; wearing short sleeved shirt called *kutung*; wearing short pants called *sontog*; and the outside part twisted with cloth called *dodot*; shawl or *soder* as dance property; and another accessory is *keris*. While costume for female character are *makuta*; short blouse called *apok*; from waist to legs wearing cloth called *sinjang lamban*, and *soder*.

Another important accessory to be exposed is something like wings called *badong* or *praba*. For this, Claire Holt has explained that about flying knight Gatotkaca is similar with us, *praba* may be constitutes wings, but it is difficult to figure out why certain kings have *praba* while the others do not (L967:134).

Likewise *badong* which is worn by characters of wayang wong Priangan, in fact, not all characters have supernatural power to fly to the sky wearing *badong*. Certain characters who usually wear *badong* are: Gatotkaca, Kresna, Arjuna Sasrabahu, Adipati Karna, Baladewa, Suyudana, and Sakipu. The form of *badong* worn by all characters of Wayang Wong Priangan is similar, but different in color. Plain *badong* which is only golden color is usually worn by *satria lungguh* and *satria ladak*, and colored *badong* or painted colorful one is usually worn by *monggawa* and *danawa*.

About *gagaman* or weapon like *keris*, arrow, and *endog panah* are merged to be used as part of costume. However, there is also *gagaman* which is not the accessory of costume so it is often called hand prop, among others are: arch called *gondewa* and spear or *tumbak*.

Make up is an art to use cosmetic tools to create face of a character (RM.A. Harymawan, 1976:33). For this, Richard Corson has explained:

“Knowledge on physiognomy principles is really helpful for characters in determining face form related with characters they have. Although with the real face expression, it can reveal various characters which are depending on the ability to act, and if we think and wish to do it then all characters for certain face expression, and the next step is, we should ask why it is suitable with a character. Is it because of illustration of the

strong or weak face expression? Does it look optimistic or pessimistic? Sensitive or rough? Aggressive or shy?”(1981:13).

Characteristics of make up for Wayang Wong Priangan dancers deal with gender, character level, giant, and not giant. Eyebrows is one of the most expressive features and its characteristic is easily to change. Although there is a little change, it still can influence the face expression in a whole. The shape of eyebrows becomes more variety in accordance with its position; some are straight, thick, short, long and some even extended almost touching hair. The thick eyebrows is usually closely related to energy, physic or mental, while the thin one shows something with less energy or soft (Richard Corson: 15). The eyebrows on the make up of Wayang Wong Priangan dancers, covers: (1) the modest female character or *putri lungguh* and the modest gentle or *satria lungguh*, the eyebrows is like a sickle called *bulan sapasi*; (2) the aggressive soft female character or *putri ladak* and the aggressive male or *satria ladak*, the eyebrows is thin and straight called *pasekon ipis*; (3) the modest strong male character or *monggawa lungguh*, the eyebrows is rather thick, straight and split called *cagak*; (4) the aggressive strong male character or *monggawa dangah*, the eyebrows is thick and straight called *pasekon kandel*; and for giants or *danawa*, the eyebrows is straight and very thick called *jedig*.

As discussed above that moustache is one of the important parts of wayang wong make up to differentiate character, that is (1) the modest gentle male and female characters or *satria lungguh*, do not have moustache; 2) the aggressive gentle male character or *satria ladak*, have thin and short moustache called *nyemprit*; (3) the modest strong male character or *monggowa lungguh*, have rather thick, rather long and split moustache called *baplang cagak*, (4) the aggressive stong male character or *monggawa dangah*, have thick and long moustache called *baplang sanga dulang*.

The other important parts of face according to Richard Corson: that the conspicuous characteristics are eye, nose, and mouth (1931:14). This make up is for *panakawan* dancers, especially on nose and mouth. The character of *panakawan Udawala* has a long and rather curve nose called

irung bengkung, Gareng has a round nose called *irung senegul*, and Semar as a wide mouth called *biwir jebleh*.

The other make up lines which completing characteristics are: (1) on the forehead for female character and *satria lungguh*, there is a line as an exclamation mark (!) called *pasu teleng hiji*, and for *satria ladak* character, there is a line as three spear knife (*trusula*) called *pasu teleng tilu*; (2) on the cheek for strong male character: *monggawa lungguh*, *monggawa dangah*, and *danawa*, there is a small curve line as a *sumping* called *pasu damis*, and on the chin there are lines forming beard called *janggot* for all character of strong man, and *cedo* for aggressive gentle man or *satria ladak*; (3) special for the strong man, *danawa*, on the side of the lower lip painted like fang called *sihung*; (4) and on the sideburn for female character, there is a line as a twisted tree root called *godeq areuy*, for gentle man character, there is a line as a thin whip called *godeq mecut ipis*, and for strong male character including giant, there is a line as a thick whip called *godeq mecut kandel*.

Stage Design

The scope of stage design is limited to fine art supporting elements which sticks to the stage (built-in), it is about stage or a palace for performance itself, scenario and lighting (Pramono Padmodarmono: 1988: 29). Likewise the stage design aspects that are always related to wayang wong performance cover: a place for performance, decoration and lighting. There are two kinds of a place for performance, they are:

Balandongan stage, in a square form, some have roof and some do not, the height of the stage is about 1 to 1.5 meter, and the audience are usually in the front, on the right and left side. To place the gamelan, there is a small stage on the right and left side and it is lower than the main stage so that the audience in the side will not be blocked.

Pendapa, in a square form, has roof every corner has a wood pole, the position of the audience and the performer is at the same height, and the audience are in front, on the right and left side. The position of gamelan is usually on the back side of *pendapa*.

Scenery is the background view of a stage (RM.A. Harymawan, 1974: 17). Therefore, the decoration as completeness of the place for

wayang wong performance directs to facility as a background view of a stage, it is:

Decoration for *balandongan* stage is a kind of scene and usually in an extended form of the backside with the height is about 2 meters, plain color (white and grey), and some are in the top middle equipped with accessories in a form of *gugunungan wayang golek*. Decoration for *pendapa* is gamelan with the players (*wiyaga*), singers (*pesinden*) and puppeteers (*dalang*).

Wayang Wong Priangan performance is generally held in the night. That is why the lighting, as the facility, has a really important role. The function of stage lighting is divided into five, those are: to have options for everything which is performed; to express form, to make natural illustration; to make composition; and to create mood or soul (1988: 155-162). The role of lighting, however, as a stage facility for wayang wong performance, traditionally is in fact only to light of the darkness. In other words, the bright of the lighting from the beginning to the end of the performance does not change.

Conclusion

Wayang Wong Priangan as a traditional performance art has various performance aspects, those are: dancers, puppeteer, gamelan players (*wiyaga*) and singers (*pesinden*). They are the performers who play role to express other aspects to be a whole unity. The aspects of story (*lakon*) and dramatic structure are the main foundation in making the story and the scene structure because specification of this performance art always brings story. Then the expression medium of the performers is also arranged, dancers with the dance and dialogue, puppeteer with *kakawen* and *nyandra* narration, gamelan players (*wiyaga*) and singers (*pesinden*) with various *karawitan* expressions. Meanwhile facilities related to visualization of the characters are that for the dancers wear costume and make up. The stage design aspects cover a place for performance, *balandongan* stage and *pendapa*, with the decoration and the lighting. Wayang Wong Priangan performance is a danced drama which is included as a total theater because it is expressed by human performers

and has elements of art forming as a whole and mutually live the performance, those are: dance, drama, puppeteer (*pedalangan*), *karawitan*, costume and make up, and stage design.

Bibliography

Corson Richard, Stage Make Up, Prentice-Hall, Inc., Englewood Cliffs, New Jersey, 1981.

Harymawan, R.M.A, Dramaturgi I and II, Indonesian Dance Conservatory, Yogyakarta, 1976.

Harymawan, R.M.A, Dramaturgi II, Indonesian Dance Conservatory Yogyakarta, 1974..

Holt Claire, Art In Indonesia: Continuities and Change, Colnell University Press, Ithaca and London, 1967 .

La Merri, Dance Composition, Translation: Soedarsono, ASTI, Yogyakarta, 1974.

Langer K. Suzanne, Problems of Art, Translation: F.X. Widaryanto, ASTI, Bandung, 1988.

Morris Desmond, Man Watching A Field Guide to Human Behavior, Horry N. Abrams, Inc., Publisher, New York, 1974.

Pramono Padmodarmoyo, Tata dan Teknik Pentas, Balai Pustaka, Jakarta, 1988.

Salmun MA., Pedalangan , Balai Pustaka, Jakarta, 1942.

Sal Murgiyanto and I Made Bandem, Teater Daerah, Proyek Pengadaan Buku Menengah Kejuruan, Dep.Dikbud., Jakarta, 1981 .

Sedarsono, Djawa dan Bali Dua Pusat Perkembangan Drama Tari Tradisional di Indonesia, Gadjah Mada University Press, Yogyakarta, 1972.

Sudharso Pringgobroto, "Tari Jawa di Daerah Jawa Tengah: Pendekatan Historis Komperatif," Dance Scholar Thesis ASTI, Yogyakarta, 1971.

_____, Beberapa Catatan Tentang Seni Pertunjukan Indonesia, Indonesian Dance Conservatory, Yogyakarta, 1974 .

_____, Wayang Wong Drama Tari Ritual Kenegaraan di Keraton Yagyakarta, Gadjah Mada University Press, Yogyakarta, 1997.

_____, Masa Gemilang dan Memudar WAYANG WONG YOGYAKARTA, Tarawang, Yogyakarta, 2000.

CABARAN DAN PROSES PEMANTAPAN BAHASA MELAYU

(CHALLENGES AND ESTABLISHMENT PROCESS OF MALAY LANGUAGE)

Jaafar Bin Jambi

Abstrak

Setelah berkembang dengan pesatnya, perkembangan bahasa Melayu terencat sedikit apabila pihak kerajaan mengumumkan termaktubnya Akta Pendidikan 1996 dan arahan penggunaan bahasa Inggeris dalam Pengajaran Mata pelajaran Sains dan Matematik. Sebenarnya sejak pemasyhurannya sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi lagi, bahasa Melayu senantiasa menghadapi cabaran dan kekangan dalam menjalankan tanggungjawab tersebut. Walaupun begitu, bahasa Melayu mesti terus diperkukuhkan demi untuk membuktikan bahawa ia mampu dan layak untuk menjadi bahasa utama dalam semua bidang termasuk sains dan teknologi. Oleh itu, pemantapan bahasa Melayu sangat penting dalam menyediakannya terus dinamik dan ampuh untuk menempuhi gelombang globalisasi.

Abstract

The development of the Malay language since independent was according to plan. But it was disturbed by the introduction of the Education Act 1996 and a directive issued by the government to use English as medium of teaching in Science dan Mathematics. Actually, since its pronouncement as the national and official language of the country, the Malay language has been always facing challenges and restrictions in carrying out its responsibility. The improvement must be carry out to prove that it is capable and qualified to be the main language used in all areas including science and technology.

Therefore, the reconstruction of the Malay language is essential in preparing itself to be dynamic and stable to face the wave of the globalization era.

Pengenalan

Apabila bahasa Inggeris diturunkan statusnya selepas 10 tahun kemerdekaan, perkembangan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa pengantar dalam pendidikan menjadi semakin menyakinkan. Bahasa Inggeris hanya tidak digunakan lagi dalam upacara-upacara rasmi kerajaan, di pejabat-pejabat kerajaan atau sebagai bahasa pengantar di universiti dan sekolah-sekolah, tetapi dalam bidang perundangan, perniagaan, perbankan, perubatan, pergigian dan sektor swasta masih menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa utama dalam urusan mereka (Asmah Hj.Omar, 2003a:73). Bahasa Inggeris kembali memberi cabaran terhadap bahasa Melayu apabila kerajaan memperkenalkan polisi penswastan dan pensyarikatan apabila pengkorporatan institusi pengajian tinggi awam dan pusat pendidikan tinggi swasta diwujudkan. Ini bermakna berlakunya perubahan dasar terhadap bahasa dan pendidikan negara yang membenarkan penggunaan bahasa Inggeris dengan lebih luas lagi. Gejala ini menjadikan martabat dan status bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa ilmu tercabar.

Cabaran-cabaran Bahasa Melayu

a) Bahasa Inggeris

Ada beberapa faktor yang menyebabkan keadaan ini boleh terus berlaku. Pertama, kenyataan yang menyatakan bahawa penguasaan bahasa Inggeris sangat penting untuk menyediakan seseorang pelajar untuk menyumbang kepada pembinaan negara peringkat tinggi sebagai seorang birokrat atau teknokrat atau profesyen-profesyen lain (Asmah Hj.Omar, 2003a:73). Kedua, bahasa Inggeris menjadi bahasa komunikasi dalam kalangan kelas atasan dan kelas menengah bagi bukan Melayu dan komunikasi akan dijalankan dalam bahasa Melayu sekiranya ada orang Melayu dalam proses komunikasi tersebut (Asmah Hj.Omar, 2003a:74). Ketiga, orang Melayu (golongan elit yang berpendidikan barat) sendiri merasa lebih selesa menggunakan bahasa Inggeris kerana tidak perlu memikirkan sangat tentang penggunaan sistem sapaan yang dikatakan ketat dalam

bahasa Melayu (Asmah Hj.Omar, 2003a:74). Keempat, kurangnya bahan rujukan dan buku teks yang ditulis dalam bahasa tempatan (bahasa Melayu) sama ada karya asli ataupun terjemahan (Hashim Hj.Musa, 2004:164). Kelima, penggunaan yang meluas bahasa Inggeris dalam sektor swasta dan bidang perindustrian dan perdagangan serta penggunaan bahasa Inggeris sebagai pengantar pendidikan tinggi di IPTA dan IPTS (Hashim Hj.Musa, 2004:164).

Memang tidak dapat dinafikan bahawa ledakan ilmu pengetahuan dan kemajuan sains dan teknologi kini yang pesat banyak ditulis dalam bahasa Inggeris dan bahasa-bahasa utama dunia. Namun proses untuk memperolehi ilmu-ilmu tersebut boleh dilakukan dalam bahasa apa sekalipun. Penyampaian dan pembudayaan ilmu pengetahuan kepada rakyat seharusnya dilakukan dalam bahasa yang paling mudah difahami oleh rakyat, iaitu bahasa kebangsaan mereka sendiri (Hashim Hj.Musa, 2004:164). Ilmu-ilmu yang berasal daripada pelbagai bahasa boleh diambil, diolah dan diterjemahkan kepada bahasa Melayu. Proses ini lebih berkesan untuk menerapkan ilmu kepada masyarakat yang mendukung bahasa tersebut. Walau bagaimanapun, penggunaan bahasa Inggeris tidak ditegah sekiranya hal ini tidak melibatkan acara rasmi kerajaan. Komunikasi antara bukan Melayu haruslah digalakkan menggunakan bahasa kebangsaan kerana dengan latihan akan menjadikan golongan ini makin cekap dan yakin untuk menggunakan bahasa Melayu apabila diperlukan nanti. Sejak bahasa Melayu dijadikan bahasa pengantar dalam sistem pendidikan negara, komunikasi antara kaum dengan menggunakan bahasa Melayu telah banyak meningkat. Situasi positif ini berpunca daripada perancangan yang teliti dalam melaksanakan pengajaran semua mata pelajaran (kecuali bahasa Inggeris) dalam bahasa Melayu. Bagi orang Melayu sendiri yang masih keberatan untuk menggunakan bahasa sendiri dengan alasan kurang selesa adalah tidak munasabah. Ada pepatah mengatakan, *bahasa menunjukkan bangsa*, oleh itu, betapa pandainya seseorang Melayu itu berbahasa Inggeris dia tetap seorang Melayu juga. Orang Jepun atau orang Korea tidak berbicara sesama sendiri dengan menggunakan bahasa asing. Pada pendapat mereka jika itu berlaku ini boleh disamakan seperti melakukan derhaka kepada negara dan bangsa. Bertapa kuatnya semangat orang-orang Jepun dan Korea terhadap bahasa mereka sehingga mereka menyanjungi keindahan dan kelebihan bahasa mereka.

Kekurangan bahan rujukan dan bahan terjemahan dalam bahasa Melayu berlaku ekoran daripada kurangnya bilangan para ilmuwan, ahli sains dan teknologi tempatan yang mampu bergiat di barisan hadapan, dan juga kurangnya jumlah pakar, pensyarah dan professor bertaraf dunia yang mahir dalam bahasa Melayu untuk menyampaikan ilmu terkini (Hashim Hj.Musa, 2004:163/164). Masalah ini dapat diatasi sekiranya galakan dan latihan dapat diberikan kepada pakar-pakar, pensyarah-pensyarah dan professor-professor untuk terus berusaha membuat penyelidikan dan pembangunan (R&D) mereka dengan menggunakan bahasa Melayu sebagai medium kajian. Dengan cara ini bahasa Melayu mempunyai nilai saintifik dan komersial dalam penerbitan-penerbitan jurnal dan buku.

b) Dilema Bahasa Melayu

Pada tahun 1951 menurut Laporan Jawatankuasa Barnes, mengakui pentingnya bahasa Melayu dalam pembinaan sistem pendidikan yang bersifat kebangsaan sebagai alat mencapai perpaduan. Kemudian kedudukan bahasa Melayu bertambah baik apabila Laporan Razak (1956) menegaskan bahawa bahasa Melayu mesti diajar disemua sekolah, dijadikan salah satu pelajaran mustahak untuk mendapat Sijil Rendah (*Lower Certificate*) dan Sijil Pelajaran Kebangsaan (*National Certificate of Education*), dan mencadangkan semua Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan wajib mengajar bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Laporan Razak (1956) disusuli oleh Laporan Rahman Talib yang dijadikan Akta Pendidikan 1961 apabila dua tindakan yang menyuburkan perkembangan bahasa Melayu, iaitu pertama, menukar bahasa pengantar Inggeris pada peringkat sekolah rendah dengan bahasa Melayu, dan kedua, peperiksaan umum peringkat sekolah menengah dijalankan dalam bahasa rasmi negara sahaja, iaitu bahasa Melayu. Akta Pendidikan 1996 telah diperkemas dengan tindakan seperti mewajibkan kelulusan dalam bahasa kebangsaan (bahasa Melayu) untuk naik ke sekolah menengah, mewajibkan kelulusan dalam bahasa kebangsaan bagi Peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran, menambah bilangan guru terlatih dan guru khas bahasa kebangsaan untuk sekolah menengah jenis kebangsaan, dan menambah dengan pesatnya sekolah menengah kebangsaan di seluruh negara. Tindakan ini bertujuan untuk menjadikan bahasa Melayu sebagai asas perpaduan rakyat berbilang keturunan, atau maksud lain untuk menjadikan bahasa

Melayu sebagai salah satu asas pembinaan negara (Awang Sariyan, 2004:43,44,45).

Pendidikan bahasa Melayu kini merupakan kesinambungan pelaksanaan yang terdahulu masih menumpukan kepada tujuan pemupukan perpaduan rakyat, proses pengilmuan masyarakat, dan penyemaian nilai-nilai kehidupan bersama melalui bahasa kebangsaan (Awang Sariyan, 2004:49). Usaha-usaha yang dijalankan dalam pendidikan kini lebih menekankan kepada aspek kualiti untuk meningkatkan lagi mutu pendidikan dan manusia yang dihasilkan melalui pendidikan.

Pada 1996 kedudukan bahasa Melayu mengalami cabaran yang hebat apabila Akta Pendidikan 1996 (Akta 550) Seksyen 17(1) diperkenalkan oleh kerajaan. Akta ini memberi kuasa kepada Menteri Pendidikan Malaysia untuk mengecualikan penggunaan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar pendidikan.

“Bahasa Kebangsaan hendaklah menjadi bahasa pengantar utama di semua institusi pendidikan dalam sistem Pendidikan Kebangsaan kecuali sekolah jenis kebangsaan yang ditubuhkan di bawah seksyen 28 atau mana-mana institusi pendidikan lain yang dikecualikan oleh Menteri Pendidikan daripada subseksyen ini.” (Undang-Undang Malaysia Akta Pendidikan 1996 (Akta 550),1996:26).

Dengan pengisytiharan undang-undang ini, penggunaan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar di institusi swasta (IPTS) makin bertambah dan penggunaan bahasa Inggeris di IPTA juga makin meningkat (Hashim Hj. Musa, 2004:165). Walaupun pengisytiharan undang-undang telah dilakukan tetapi diharapkan pihak kerajaan dapat mengawal penggunaan bahasa Inggeris di IPTA supaya ianya tidak mengatasi kepentingan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara.

Kemudian kerajaan membuat kejutan lagi apabila mengarahkan Kementerian Pendidikan Malaysia untuk melaksanakan Pengajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris. Arahan ini berlaku apabila

didapati penguasaan bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar-pelajar amat tidak memuaskan terutamanya dalam kalangan pelajar di luar bandar. Jadi bahasa Melayu telah dikorbankan kerana kelemahan pengajaran subjek bahasa Inggeris. Kajian akademik mengenai pelaksanaan dasar pengajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris menunjukkan kira-kira 20% atau setengah juta pelajar Melayu akan keciciran dalam kedua-dua subjek tersebut jika dasar ini diteruskan. Berita ini adalah sesuatu yang menakutkan. Dapatan kajian selanjutnya menunjukkan bahawa 50% anak Melayu hanya memperolehi gred C bagi bahasa Inggeris dalam Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR). Ini bermakna pelajar-pelajar ini tidak akan mampu meneruskan pengajian mereka sehingga tingkatan 5 sekiranya gagal menguasai bahasa Inggeris yang menjadi bahasa pengantar bagi mata pelajaran Sains dan Matematik. (*Mingguan Malaysia*, 27/3/2005b). Ekoran daripada keadaan ini, Kongres Pendidikan Melayu Kedua pada 26 Mac 2005 telah mengesa pihak kerajaan mengkaji semula penggunaan bahasa Inggeris sebagai kaedah pengajaran mata pelajaran Sains dan Matematik di sekolah kerana ini boleh mengancam kedaulatan dan jati diri bangsa Melayu (*Mingguan Malaysia*, 27/3/2005d).

Senario di atas menunjukkan penguasaan bahasa Inggeris masih lemah walaupun dijalankan pengajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris. Ditambah pula pengurangan masa pengajaran dalam bahasa Melayu yang telah diambil oleh bahasa Inggeris telah menyebabkan kepentingan dan nilai bahasa Melayu makin berkurangan. Ini seterusnya akan mengakibatkan kurangnya kesedaran dan hormat untuk menggunakan bahasa Melayu dengan betul.

Sementara itu Awang Sariyan melihat kemerosotan bahasa Melayu dalam dua aspek iaitu aspek, taraf dan mutu.

“Kemerosotan dalam aspek taraf berlaku apabila penggunaan bahasa Melayu dalam bidang pentadbiran, undang-undang, penyiaran dan pendidikan mutakhir ini ternyata bukan semakin meluas tetapi semakin mengecil. Bahkan kemerosotan dalam aspek mutu berlaku apabila percampuran ragam bahasa basahan sehingga bahasa Melayu kehilangan darjat dan citra sebagai bahasa budaya tinggi.

...antara faktor yang menjadi punca kemerosotan itu ialah penjawat awam yang kurang menitikberatkan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dalam urusan rasmi seperti mesyuarat, pekeliling dan majlis rasmi. “

(Mingguan Malaysia, 27/3/2005a)

Sekiranya semua pihak berusaha dengan ikhlas untuk memperkasakan lagi kedaulatan bahasa Melayu dengan semangat patriotisme dan nasionalisme, masalah keciciran anak Melayu dalam mata pelajaran Sains dan Matematik mungkin tidak timbul. Penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar dalam pendidikan telah terbukti berjaya menghasilkan ribuan mungkin jutaan anak Malaysia daripada semua golongan etnik yang berjaya dalam bidang akademik.

Pengajaran bahasa Melayu dan bahasa Inggeris sepatutnya dapat melahirkan rakyat Malaysia yang bangga dan hormat kepada bahasa kebangsaannya sebagai simbol kedaulatan negara dan pada masa yang sama boleh menggunakan bahasa Inggeris sebagai jendela kepada dunia yang luas (Asmah Hj.Omar, 2003:75).

Proses Pemantapan Bahasa Melayu

Status bahasa Melayu selepas kemerdekaan telah mendapat perhatian yang meluas. Dasar Bahasa Kebangsaan yang memperuntukkan Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan yang menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara (Awang Sariyan, 1996:85), telah dilihat sebagai bahasa yang paling sesuai untuk mewujudkan perpaduan dalam kalangan masyarakat Malaysia yang berbilang etnik. Bahasa Melayu yang sistematik mesti dirancang untuk menjamin penggunaannya secara mudah dan efisien dalam pelbagai bidang oleh semua golongan masyarakat Malaysia.

Bahasa Melayu telah diberikan taraf sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara menurut penentuan dalam Dasar Bahasa Kebangsaan berdasarkan kepada dua keperluan yang penting. Pertama, bahasa tersebut mestilah satu bahasa yang dapat menunjukkan identiti yang melambangkan sebuah negara yang merdeka dan berdaulat. Kedua, bahasa tersebut mesti dapat diterima oleh semua kaum dan sama-sama

menyanjunginya sebagai bahasa kebangsaan yang berfungsi sebagai alat perpaduan negara.

Walaupun bahasa Inggeris telah digunakan sebagai bahasa pengantar bagi mata pelajaran Sains dan Matematik di sekolah-sekolah, namun bahasa Melayu mesti terus membuktikan bahawa ianya mampu menjadi bahasa sains dan teknologi pada peringkat lebih tinggi. Di samping itu, bahasa Melayu mesti dipersiapkan dengan lebih terancang supaya dapat menyesuaikan kerelevanannya terhadap pengaruh globalisasi yang melanda dunia.

A. Perancangan Bahasa Melayu

Menurut Asmah (1993:3), perancangan bahasa adalah satu proses yang dilakukan oleh sesebuah negara untuk menentukan satu sistem bahasa yang mampu digunakan dalam semua bidang terutama sekali bidang pendidikan, pentadbiran dan ekonomi, dan yang lebih penting sekali adalah proses penyatuan negara Awang Sariyan(1996:6), mentakrifkan perancangan bahasa sebagai satu tindakan merancang sesuatu bahasa yang tertentu secara sedar untuk memenuhi fungsi-fungsi yang tertentu. Melihat kepada takrif-takrif perancangan bahasa di atas, dapat disimpulkan bahawa proses untuk menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa moden adalah suatu perancangan yang teliti supaya matlamatnya dapat dicapai.

Sebelum perancangan dapat dilakukan bahasa Melayu itu sendiri perlu dinilai atau diselidik di mana masalahnya. Masalah dalaman bahasa Melayu melibatkan dua perkara yang penting, iaitu pertama, reformasi sistem ejaan dan kedua, perkembangan istilah saintifik (Asmah,2003:191). Bahasa Melayu telah berkembang sejak dulu mengikut peredaran dan perkembangan masa. Bahasa Melayu telah dieja dengan menggunakan huruf palava semasa era Sriwijaya, huruf jawi dengan kedatangan agama Islam ke alam Melayu dan kedatangan orang Eropah telah mempengaruhi bahasa Melayu dengan huruf rumi (latin).

Mengikut Hassan Ahmad (1999:206), sistem ejaan sebelum tahun 1972 terdapat kelemahan, iaitu pertama, usaha mengkaji sistem bunyi bahasa Melayu pada masa itu tidak dijalankan secara empirikal dan tidak

berdasarkan pengetahuan berkaitan dengan ilmu fonologi, dan kedua, pendekatan yang digunakan untuk menyelesaikan masalah ejaan itu tidak jelas. Pengkaji bahasa pada masa itu terus menerangkan sifat-sifat huruf Arab (jawi) dalam penulisan teks Melayu tetapi tidak menerangkan bagaimana untuk menulis dan membunyikan bahasa Melayu.

Oleh sebab itu selepas kemerdekaan reformasi sistem ejaan bahasa Melayu telah dilaksanakan. Satu sistem bahasa yang baik dapat berfungsi untuk menyalurkan segala ilmu pengetahuan dan pengalaman dalam bidang akademik dan professional kepada masyarakat (Asmah:1992:164). Hassan Ahmad (1999:204), berpendapat bahawa satu sistem ejaan yang moden (*developed*) bukan sahaja dapat digunakan oleh masyarakat umum tetapi oleh para pakar seperti saintis, tekonologis dan lain-lain dalam penulisan teknikal mereka.

Sistem Ejaan Baru (*The Reformed Spelling System*) dilaksanakan untuk menyesuaikan dan menjadikan bahasa Melayu lebih fleksibel terhadap kemasukan perkataan-perkataan (leksikon) bahasa asing terutamanya istilah-istilah sains. Penyesuaian ini telah menyebabkan perubahan-perubahan terhadap fonologi, grafem dan struktur dalam bahasa Melayu (Hassan Ahmad, 1999:206). Perkembangan ini telah menarik minat Indonesia dan telah bersama-sama menandatangani satu perjanjian penggunaan satu sistem ejaan umum yang dikenali sebagai Ejaan Malindo (Ejaan Malaysia dan Indonesia) untuk Malaysia dan Indonesia. Pada 1967 perjanjian kedua ditandatangani oleh kedua-dua negara untuk mencari satu pendekatan terhadap satu sistem ejaan yang bersepadu dan dapat digunakan oleh kedua-dua pihak. Lima tahun kemudian, iaitu pada 1972, Ejaan Bersama Malaysia-Indonesia (Ejaan baru) telah secara rasminya digunakan oleh kedua-dua negara.

Pedoman istilah saintifik di bawah ini disesuaikan daripada buku Asmah Haji Omar yang bertajuk "*BAHASA MALAYSIA SAINTIFIK*" (1987). Istilah saintifik yang dibincang adalah istilah bahasa Inggeris yang masuk ke dalam bahasa Melayu.

- a. Kebanyakan akhiran kata sifat saintifik yang dipinjam daripada bahasa Inggeris seperti *-ive* (menjadi *-if*), *-al* (*-al*) dan *-ic* (*ik*). Akhiran-akhiran ini digunakan bersama-sama dengan perkataan

yang mendukungnya seperti *structural* (struktural), *minimal* (minimal), *active* (aktif), dan *organic* (organik). Tetapi bagi akhiran *-ic* dan *-ical* dalam bahasa Inggeris kelonggaran telah diberikan kerana dalam bahasa Indonesia kedua-dua akhiran itu mempunyai kesejajaran dengan *-is* kerana kesepadannya dengan akhiran bahasa Belanda *-ische*. Namun bahasa Melayu mengambil *-ik* dan *-ikal* bagi akhiran *-ic* dan *ical*. Perkataan-perkataan tersebut adalah seperti fonemik, fonetik, teknik, automatik, saintifik, dan fizikal, teknikal, klinikal, praktikal dan neutral. Walau bagaimanapun, terdapat contoh-contoh yang tidak mengikut pedoman yang dibincangkan itu. Contohnya, *statistical analysis* – analisis statistik, *geological map* – peta geologi, *geographical space* – ruang geografi dan lain-lain.

- b. Kata kerja dalam bahasa saintifik terbahagi kepada dua, iaitu kata kerja perbuatan dan kata kerja keadaan. Tetapi kata kerja perbuatan lebih kerap digunakan jika dibandingkan dengan kata kerja keadaan. Kebanyakan daripada kata nama boleh dijadikan dasar pembentukan kata kerja dengan menambahkan penambahan seperti *ber-*, *di-*kan, *me-*kan, dan *ter-*. Contoh, *bernitrogen* (ber + nitrogen), *bersistem* (ber + sistem), *diindekskan* (di + indeks + kan), *mendeflokulasikan* (me + deflokulasi + kan), dan *termanifestasi* (ter + manifestasi). Penambahan khas, iaitu penambahan awalan ‘*de*’ yang membawa maksud ‘menghilangkan’ dicipta. Contohnya, *mendewarnakan* (menghilangkan warna), *mendeflokulasikan*, *mendehidroksilat*. Tetapi satu ketetapan telah dicapai yang menggantikan ‘*de*’ kepada ‘*nyah*’. Contohnya seperti *menyahwarnakan*, *menyahairkan*, *nyahkorteks* dan *dinyahaminkan*. Selain itu imbuhan-imbuhan seperti *me-*, *me-*kan, *di-*, *di-*kan, *ber-* dan *ter-* memang banyak digunakan dalam bahasa saintifik.
- c. Pengambilan kata nama bahasa asing (Inggeris) telah membawa sekali imbuhan-imbuhan bahasa asing tersebut. Sebagai contoh, *-ics* menjadi *ik* (pediatrics – pediatrik), *-logy* menjadi *logi* (morphology – morfologi), *-ium* menjadi *-ium* juga (calcium – kalsium), *multi* menjadi *multi* juga (multivariate – multivariat), *ecto* menjadi *ekto* (ectoparasite – ektoparasit), *pro* menjadi *pro*, *anti* menjadi *anti*, mikro (*micro*), dan makro (*macro*).

- d. Akhiran *-tion* atau *-sion* dialihkan kepada *-si* untuk menjadi kata nama dalam bahasa Melayu. Contohnya, replikasi (*replication*), transmisi (*transmission*), implikasi (*implication*), infeksi (*infection*), aglutinasi (*agglutination*). Perkataan-perkataan boleh dijadikan sebagai kata dasar untuk pembentukan kata kerja dengan menambah penambahan seperti *me-* (mengingesi), *me-kan* (mengidentifikasi), *di-*(diingesi), *di-kan* (diregurgitasikan), *ber dan ter-*.
- e. Bagi akhiran *-isation* dan *-ification* yang menunjukkan proses telah terdapat penambahan dalam bahasa Melayu, iaitu 'pe-an'. Sebagai contoh *modernaization* – pemodenan (bukan modenisasi), *standardization* – penstandardan (bukan standardisasi), *classification* – pengkelasan (bukan klasifikasi). Penambahan 'pe-an' juga sesuai digunakan untuk kata dasar bahasa Melayu seperti dalam perkataan-perkataan *pengudaraan, pemangsaan, pendebungaan, pengkutuban dan penyahkutuban*. Padanan bagi *-ity, -th, -ness, dan -cy* pula adalah 'ke-an' dalam bahasa Melayu seperti contoh, *acidity* (keasidan), *acuteness* (ketajaman), *accuracy* (ketepatan). Penambahan 'ke-an' seperti juga 'pe-an' sesuai yang digandingkan dengan kata dasar bahasa Melayu seperti *kekutuban, keronggaan, ketumpatan dan kedalaman*.
- f. Akhiran *-ysis* dan *esis* bahasa Inggeris dipadankan dengan *-isis* dalam bahasa Melayu (*analysis* – analisis) dan (*photosynthesis* – fotosintesis). 'Pre-' dan 'inter-' pula mempunyai padanan 'pra-' dan 'antara' dalam bahasa Melayu seperti contoh, *prefloration* – prapembungaan dan *intersex* – antara jantina. Terdapat juga awalan dan akhiran yang lain tetapi tidak dibincangkan di sini memandangkan penggunaannya amat terhadap dalam bahasa Melayu.

Penyesuaian dan perubahan kepada bahasa saintifik bahasa Melayu akan berubah dan bertambah mengikut peredaran waktu dan kegunaannya terhadap perkembangan sains dan teknologi.

B. Bahasa Melayu sebagai bahasa komunikasi interaktif

Salah satu fungsi terpenting bahasa adalah menyampaikan maklumat dan berfungsi sebagai alat komunikasi. Ciri-ciri bahasa akan menjadi jelas apabila kita melihat bahasa itu dari segi guna dan sifatnya sebagai alat perhubungan (Abdullah Hassan, 1986:14). Bahasa yang digunakan sebagai alat komunikasi mesti mempunyai beberapa ciri tertentu. Di antara ciri tersebut, pertama, bahasa itu mestilah kreatif, iaitu kita boleh menggunakan unsur-unsur bunyi, kata dan rumus untuk mengeluarkan ujaran. Kedua, bahasa itu mesti arbitrari, iaitu bunyi sesuatu perkataan itu mestilah merupai bentuk sesuatu unsur dalam bahasa Melayu. Ketiga, bahasa itu mestilah bermakna.

Sesuai dengan fungsi bahasa sebagai alat komunikasi maka bahasa Melayu juga perlulah bersedia untuk melakukan peranan yang dipertanggungjawabkan untuk menyalurkan maklumat terutamanya maklumat dalam bidang sains dan teknologi dan bidang-bidang lain. Kita dapat lihat peranan tersebut dalam bidang-bidang berikut:-

i. Bidang Sains Dan Teknologi

Selaras dengan perkembangan globalisasi peranan atau fungsi bahasa telah meluas sebagai alat atau wadah untuk menyalurkan maklumat di dalam bidang sains dan teknologi. Dunia tanpa sempadan kini digerakkan oleh perkembangan pesat teknologi maklumat. Sebagai bahasa utama di negara ini bahasa Melayu juga tidak terkecuali daripada memainkan peranan dalam arus perkembangan era teknologi maklumat ini. Oleh yang demikian walaupun bidang teknologi maklumat ini bidang yang agak baru tetapi bahasa Melayu perlu bersedia menyahut cabaran yang perlu ditempuhi.

Di samping itu, bahasa Melayu mestilah juga mampu untuk menjalankan peranan menyampaikan maklumat dalam bidang-bidang sains dan teknologi yang lain. Ini kerana jika kita tidak memiliki ilmu dan teknologi yang dicipta sendiri nescaya sampai bila-bila kita akan menjadi pengguna teknologi orang lain lantas sentiasa mengharapkan belas ehsan daripada orang. Oleh yang demikian Gagasan Agenda Ilmu yang dikemukakan oleh Shahrir Mohd. Zain (1995) amat bertepatan

dengan kehendak dan keperluan negara kita supaya semua penyampaian maklumat dalam sains dan teknologi dilakukan dalam bahasa Melayu.

“Beliau mendefinisikan ilmu Malaysia sebagai ilmu yang berdasarkan sumber-sumber tempatan, bagi memenuhi keperluan-keperluan tempatan dan dengan mengambil kira isu-isu kritikal tempatan. Seterusnya beliau mengemukakan langkah-langkah yang diperlukan untuk membolehkan terciptanya ilmu Malaysia yang berdasarkan acuan tempatan. Beliau mencadangkan supaya Malaysia mengeluarkan kumpulan saintis yang besar yang dilatih dengan menggunakan bahasa pengantar bahasa Melayu. Menurut beliau penggunaan bahasa Melayu akan dapat menyampaikan nilai-nilai budaya kebangsaan sekali gus dengan latihan saintifik yang diajarkan kepada mereka.

(Abdullah Hassan, 1997:104)

Memang tidak dapat disangkal bahawa pengajaran ilmu sains dan teknologi menggunakan bahasa Melayu dapat memastikan nilai-nilai yang terdapat di dalam bahasa Melayu diasimiliasikan ke dalam pemikiran para pelajar itu dan seterusnya menjadi pedoman kepada mereka dalam mempraktikkan ilmu yang mereka pelajari nanti. Tambahan lagi penggunaan bahasa Melayu menjamin kebebasan berkomunikasi dalam proses mempelajari ilmu dan teknologi dari luar. Kebebasan belajar ilmu dan teknologi mencetuskan kreativiti ilmu sains dan teknologi Malaysia.

ii. Pengucapan Kebudayaan

Bahasa merupakan salah satu medium pengucapan kebudayaan. Bahasa yang kuat, sistematik dan ampuh mampu menjalankan proses komunikasi dalam budaya. Huntington menyebut, dua unsur utama pembentukan tamadun ialah agama dan bahasa dan bahasa adalah unsur yang amat bertenaga bagi mengeratkan hubungan akal budi penuturnya (Hashim Hj.Musa, 2004:161). Bahasa Melayu sebagai bahasa komunikasi utama di negara ini telah menjalankan peranannya dalam segala bidang termasuklah dalam pengucapan kebudayaan. Peranan komunikasi bahasa dalam kebudayaan dari sudut yang kecil boleh dibahagikan kepada aktiviti persuratan dan lisan.

“Language is becoming increasingly valuable as a guide to the scientific study of a given culture. In a sense, the network of cultural patterns of a civilization is indexed in the language which expresses that civilization.”

(Sapir, 1949:161)

Perkembangan kesusasteraan Melayu telah lama menjadikan bahasa Melayu sebagai alat komunikasi pengucapan kebudayaan sejak daripada zaman Kesultanan Melayu Melaka lagi. Kemudian ianya berkembang ke serata kepulauan Melayu. Hasil kesusasteraan Melayu yang tinggi nilai estetikanya tidak dapat disangkal. Karyawan-karyawan seperti Hamzah Fanuri, Shamsuddin al-Sumatra'i, Nuruddin al-Raniri, Raja Ali Haji dan lain-lain lagi. Bagi karya-karya kontemporari sastera Melayu nama-nama besar seperti A.Samad Said, Abdullah Hussien, Arenawati, Shahnnon Ahmad, Latif Moheidin, Lim Swee Tin dan ramai lagi telah mengolah karya unggul mereka menggunakan bahasa Melayu untuk menyalurkan nilai-nilai dan latar belakang masyarakat. Dalam karya-karya mereka, mesej-mesej yang dikehendaki dan mesej yang perlu diketepikan demi kebaikan masyarakat dapat disalurkan melalui novel-novel atau puisi-puisi menggunakan bahasa Melayu. Lantas cintanya masyarakat kepada kebudayaannya akan juga mencintai bahasa yang digunakan. Pembinaan sesebuah negara bangsa memerlukan penghayatan terhadap nilai-nilai estetika tinggi yang terkandung dalam kesusasteraan bangsa tersebut.

Demi meneruskan dan memperkuatkan lagi bahasa Melayu dalam era globalisasi ini perlu adanya perancangan yang teratur untuk menyuburkan kesusasteraan Melayu. Mengikut A.Aziz Deraman (2000:205), terdapat dua perkara yang harus dilakukan supaya proses penyuburan dapat dilaksanakan, iaitu pertama, kita harus memperkuatkan karya atau genre kesusasteraan dan ilmu kesusasteraan. Persepsi masyarakat yang hanya melihat kesusasteraan sebagai karya semata-mata tidak merangkumnya sebagai ilmu patut dikikis. Ini persepsi yang salah kerana kalau dianggap sebagai karya sahaja maka penghayatannya terbatas. Tetapi kalau kesusasteraan itu juga dianggap sebagai ilmu maka penghayatan akan bertambah luas dengan informasi dan mesej yang hendak disalurkan sampai kepada khalayak ramai. Dengan demikian penghayatan bahasa Melayu akan bertambah baik dengan meluasnya penyebaran hasil-hasil kesusasteraan tersebut. Kedua,

pengajaran kesusasteraan mestilah disatukan dengan pelajaran bahasa Melayu dalam sistem pendidikan negara. Dewasa ini pelajaran sastera disatukan dengan pelajaran bahasa Melayu dengan semua pelajar tidak kira kaum harus mempelajarinya dengan tujuan supaya rakyat Malaysia nanti membaca, memahami dan menghayati nilai-nilai kebudayaan yang satu.

Bahasa juga mempunyai pengaruh terhadap pemupukan kesenian bangsa dengan penghayatan dan penyertaan yang menyeluruh. Seperti tamadun-tamadun besar dunia didapati pengekaln fikiran dan perasaan kesenian bangsanya banyak dilakukan dalam kesusasteraan yang merangkumi penulisan dan persuratan. Bahasa Melayu juga melalui peranan kesusasteraannya perlu mengekalkan adat resam, nilai dan norma bangsa untuk dijadikan panduan dan amalan dalam proses pemasyarakatan.

Bahasa dan kesusasteraan adalah maruah bangsa Malaysia dan bahasa Melayu adalah alat komunikasi yang menjana masyarakat Malaysia yang mempunyai jati diri yang kukuh, bermaruah dan dapat menjamin negara yang berdaulat.

C. Mengantarabangsakan bahasa Melayu

Bahasa Melayu adalah bahasa keempat terbesar di dunia dari segi jumlah penuturnya, iaitu seramai 225 juta penutur di belakang bahasa Cina (1,192juta), bahasa Inggeris (456 juta) dan bahasa Sepanyol (362 juta) (Hashim Hj.Musa, 2004:159). Dengan kedudukan keempat daripada bahasa-bahasa dunia sepatutnya bahasa Melayu perlu diperluaskan penggunaannya selain daripada negara-negara yang menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara masing-masing. Bahasa Melayu boleh menjadi bahasa antarabangsa sekiranya, "*a language that is as simple, as regular, as logical, as rich and as creative as possible.*" (Sapir, 1949:113).

Beberapa proses perlu dilakukan untuk menyokong proses mengantarabangsakan atau proses perluasan penggunaan bahasa Melayu pada peringkat global. Kepesatan pembangunan ekonomi Malaysia dalam negeri dan perkembangan ekonomi Malaysia dalam arena antarabangsa haruslah berserta dengan tanggungjawab pengembangan dan penggunaan

bahasa Melayu. Tambahan pula dengan pengembangan industri pendidikan, Malaysia akan menjadi tumpuan pelajar luar negara yang datang belajar di Malaysia (A.Aziz Deraman, 2000:163). Oleh yang demikian satu dasar perlu dirangka supaya mengharuskan pelajar-pelajar ini mempelajari bahasa Melayu. Dengan itu segala kemudahan mempelajari bahasa Melayu di negara-negara pelajar asing itu atau di Malaysia haruslah dijalankan sebelum mereka memulakan pengajian di sini. Pendekatan ini bukanlah asing kerana negara Jepun sendiri mewajibkan pelajar asing untuk mengikuti pelajaran bahasa Jepun sebelum mereka mengikuti kursus-kursus di pusat pengajian di negara tersebut.

i. Badan Penyelaras Program Pengembangan Bahasa

Pengembangan penggunaan bahasa Melayu pada peringkat antarabangsa bukan sahaja dapat dijalankan di pusat-pusat pengajian tinggi atau institusi bahasa sahaja tetapi perlu dibentuk sebuah institusi seperti British Council, Goethe Institute, Alliance Francaise atau Yayasan Jepun.

Badan ini boleh bergabung dengan badan korporat Malaysia yang beroperasi di luar negara. Badan-badan korporat boleh membantu usaha ini seperti Petronas, MAS, Tabung Haji, Telekom Malaysia dan lain-lain. Dengan kerjasama daripada badan-badan ini dari segi sokongan kewangan dan moral, badan penyelaras ini boleh berfungsi seperti Yayasan Jepun iaitu terdapat dua pusat iaitu pusat kebudayaan dan pusat bahasa Jepun di bawah pentadbirannya di seberang laut. Begitu juga badan penyelaras bahasa Melayu boleh berperanan dengan menubuhkan dua pusat iaitu pusat kebudayaan Melayu dan pusat bahasa Melayu. Pusat Bahasa Melayu berfungsi menganjurkan kursus-kursus atau kelas-kelas bahasa Melayu daripada tahap asas sehingga ke tahap tinggi. Jika penubuhan pusat ini menjadi kenyataan maka perancangan yang teliti terhadap kurikulum, sukatan pelajaran, persediaan, kelengkapan dan keperluan proses pengajaran dan pembelajaran mestilah dilakukan kerana mengajar bahasa kebangsaan kepada rakyat sendiri adalah lebih mudah kerana pelajar sudah mengetahui selok-belok budaya yang menjadi teras bahasa Melayu tetapi bagi pelajar asing yang ingin belajar bahasa Melayu pengajaran mesti dimulakan daripada paling asas. Kurikulum pula

haruslah digubal supaya pengajaran bahasa Melayu itu sesuai dengan tujuan para pelajar mempelajari bahasa Melayu.

Pengajaran bahasa Melayu mestilah meliputi kemahiran menulis, membaca, dan mendengar. Sapir mencadangkan bahasa yang senang dan mudah difahami adalah di antara ciri utama menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa antarabangsa. Kalau dibanding dengan bahasa Jepun, bahasa Melayu mempunyai kelebihan kerana huruf yang digunakan adalah huruf rumi iaitu huruf alfabet yang tidak asing bagi kebanyakan negara. Jadi kemahiran mengenal huruf tidak mendatangkan banyak masalah. Perkara yang penting sekali adalah pengajaran nahu yang menjadi teras bahasa. Tahap kesukaran dalam pengajaran bahasa perlu diselaraskan dengan tahap-tahap pembelajaran. Kemudian kemahiran pendengaran diperlukan supaya komunikasi antara penutur dengan pendengar dan sebaliknya dapat dijalankan dengan berkesan.

Sebagai insentif kerajaan Malaysia atau badan-badan korporat di luar atau dalam negara dan pihak-pihak tertentu perlulah menyediakan tabung untuk dijadikan biasiswa kepada pelajar asing ini untuk menuntut di Malaysia. Syarat perlulah dikenakan supaya mereka menghabiskan beberapa ratus jam belajar bahasa Melayu sama ada di negara mereka sendiri ataupun datang belajar di sini sebelum mereka menyambung pelajaran di pusat pengajian tinggi di Malaysia. Ataupun memberikan insentif kepada mereka yang ingin belajar bahasa Melayu yang terdiri daripada bukan pelajar tetapi orang awam atau sesiapa yang minat untuk belajar bahasa Melayu sebagai menambahkan ilmu.

Selain itu terdapat kira-kira dua juta pekerja asing yang bekerja di Malaysia. Sekarang terdapat keperluan yang dikenakan kepada pekerja-pekerja asing ini untuk mempelajari bahasa Melayu (kursus induksi) sebelum datang bekerja di sini tetapi jumlah jam pelajaran bahasa Melayu terlalu sedikit. Mungkin pekerja dari Indonesia boleh dikecualikan untuk mengambil masa wajib belajar selama beberapa ratus jam tetapi pekerja-pekerja dari negara lain mesti diwajibkan. Mempelajari bahasa Melayu secara tidak langsung dapat menyalurkan informasi tentang undang-undang, nilai-nilai, pantang larang, cara hidup dan sebagainya kepada mereka. Dengan demikian apabila mereka sampai ke sini informasi itu

menjadi panduan kepada perkara-perkara yang baik dengan tidak baik, yang boleh dan yang tidak. Badan penyelaras yang mengendalikan Program Belajar Bahasa Melayu ini boleh berfungsi di luar dan dalam negara.

Selain badan penyelaras untuk pelajar dan pekerja asing, sebuah badan lagi diperlukan untuk merealisasikan proses pengantarabangsaan bahasa Melayu. Badan penyelaras akademik yang menyelaras perhubungan dan kerjasama dengan institusi-institusi pengajian tinggi di negara-negara yang menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi iaitu Malaysia, Indonesia, Brunei dan Singapura supaya memperbanyakkan penerbitan, jurnal serta hasil terjemahan dalam bahasa Melayu supaya dapat digunakan sebagai bahan rujukan dalam semua bidang ilmu (Hashim Hj. Musa, 2004:181). Badan ini juga boleh berfungsi sebagai perantara untuk mempromosikan bahasa Melayu di peringkat lebih luas serta berusaha dengan untuk menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi ASEAN.

ii. Penciptaan Istilah Sains Dan Teknologi

Dalam perancangan bahasa, menurut kerangka perancangan bahasa C.A. Ferguson, perkembangan sesuatu bahasa dapat dilihat berdasarkan tahap yang dilaluinya, iaitu penulisan, pembakuan dan permodenan (Asraf, 1996: 9). Tahap penulisan bahasa Melayu telah pun mengalami perkembangan yang pesat daripada tulisan jawi yang meminjam aksara Arab sehingga bertukar kepada tulisan rumi. Manakala perkembangan dari segi pembakuan dalam pembentukan istilah dan pembakuan tatabahasa telah diselaraskan.

Tahap ketiga iaitu tahap permodenan kini sedang dilalui oleh bahasa Melayu. Mengikut C.A. Ferguson lagi, pemodenan ialah proses mencapai taraf saling terjemah dengan bahasa-bahasa lain dalam bidang-bidang moden (Asraf, 1996: 10). Sebagai contoh, untuk menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa sains dan teknologi, bahasa Melayu itu perlulah mengembangkan laras bahasanya untuk menyesuaikan dengan cara dan gaya mengungkapkan pemikiran dan kaedah sains dan teknologi. Oleh sebab ilmu sentiasa berkembang dengan setiap masa benda baru, konsep

baru, proses baru timbul. Jadi, apabila ada sesuatu ilmu baru, bahasa kita itu hendaklah cukup anjal bagi menerima sesuatu yang baru (Abdullah Hassan, 1997:151).

Segala usaha dan sokongan diperlukan untuk memastikan penciptaan istilah bahasa Melayu dalam bidang sains dan teknologi ini dapat dijalankan sepanjang masa dengan berkesan. Langkah-langkah yang dicadangkan oleh Hashim Hj. Musa dalam buku beliau bertajuk *Pemeriksaan Tamadun Melayu Malaysia: Menghadapi Globalisasi Barat* boleh diberikan perhatian sewajarnya. Pertama, mengadakan kempen, konvensyen dan syarahan umum pada peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa untuk menyedarkan semua betapa pentingnya menjamin dan memastikan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan sebagai bahasa pengantar pendidikan, sains dan teknologi dikekalkan serta dipertingkatkan. Demi untuk menjamin bahasa Melayu sebagai bahasa sains dan teknologi penciptaan istilah sains dan teknologi perlu mendapat perhatian daripada semua golongan masyarakat melalui kempen, konvensyen dan syarahan umum.

Kedua, peruntukan kewangan maksimum dalam bentuk belanjawan kerajaan dan sumbangan daripada pihak swasta sebagai tanggungjawab sosial, untuk menggalakkan pengkayaan dalam segala bidang termasuk sains dan teknologi dalam bahasa Melayu sama ada karya asli ataupun terjemahan. Secara tidak langsung peruntukan ini akan menjana minat mencipta istilah-istilah baru terutamanya penciptaan istilah sains dan teknologi. Ketiga, dengan wujudnya dana dan peruntukan kewangan ini dijadikan sebagai skim penggalakan dan insentif kepada para ilmuwan dan ahli sains untuk menulis, menterjemah dan mencipta istilah dalam bahasa Melayu untuk dijadikan buku atau artikel dalam pelbagai bidang pengkhususan masing-masing.

Kini bahasa Melayu perlu disediakan sebagai bahasa yang berdaya saing dan anjal untuk memuatkan segala ilmu yang baru pada masa akan datang. Dengan demikian bahasa Melayu boleh menjadi medium dalam semua bidang ilmu.

iii. Menampilkan Bahasa Melayu yang Mempunyai Nilai Ekonomi dan Sains & Teknologi

Ada beberapa faktor yang digunakan untuk membangunkan ekonomi sesebuah negara. Salah satu faktor penting adalah peranan yang dimainkan oleh bahasa. Bahasa merupakan alat atau medium yang dapat menyampaikan maklumat sains dan teknologi yang menjadi pemangkin kepada pembangunan ekonomi sesebuah negara. Oleh yang demikian bahasa yang digunakan sebagai bahasa pengantar dalam sistem pendidikan menjadi bahasa yang mampu membantu membangunkan perkembangan ekonomi dan sains & teknologi.

Ini disebabkan pemindahan maklumat berlaku melalui bahasa. Ada dua peringkat pemindahan maklumat ini berlaku di Malaysia. Pertama, maklumat itu dibawa masuk ke dalam bahasa kita, iaitu bahasa Melayu, daripada bahasa asing seperti bahasa Inggeris atau Jepun. Kedua, maklumat itu disampaikan kepada orang yang menggunakan maklumat itu, atau beroperasi dalam ekonomi (Abdullah Hassan, 1997:49). Apabila bahasa Melayu digunakan, maklumat yang dibawa bahasa tersebut akan mudah difahami lantas menjadi operasi perekonomian dan sains dan teknologi akan menjadi lebih berkesan. Bahasa Melayu kini dapat menampilkan nilai-nilai ekonomi dan sains dan teknologi apabila mampu menjadi bahasa dalam proses penyebaran maklumat berkaitan bidang ekonomi dan sains dan teknologi.

Mengikut laporan Bank Dunia pada tahun 1996 menyatakan bahawa ekonomi negara-negara yang tidak berbahasa Inggeris (yang berbahasa sendiri) di Asia membangun dengan pesat seperti ekonomi Korea, Malaysia, China, Thailand dan Indonesia (Abdullah Hassan, 1997:50). Ini menunjukkan bahawa bahasa Melayu terbukti mempunyai nilai-nilai ekonomi dan sains dan teknologi sehingga dapat bersaing dengan negara-negara lain di dunia. Proses memindahkan maklumat ke dalam bahasa Melayu perlulah diteruskan memandangkan ilmu-ilmu baru dalam teknologi maklumat dan pelbagai bidang sentiasa muncul. Langkah-langkah yang proaktif perlu dilakukan demi menjadikan bahasa Melayu sentiasa seiring dengan perkembangan-perkembangan baru dalam pelbagai bidang terutamanya bidang ekonomi dan sains dan teknologi.

Langkah yang boleh dilakukan adalah dengan menubuhkan tabung khas untuk membiayai projek-projek terjemahan ke dalam bahasa Melayu. Terjemahan boleh dibuat daripada bahasa-bahasa lain seperti daripada bahasa Inggeris, Jepun, Korea, Rusia, Jerman dan lain-lain. Secara tidak langsung maklumat tentang sains dan teknologi dapat masuk ke dalam bahasa Melayu. Makin banyak terjemahan dilakukan makin banyak nilai-nilai yang ditambah ke dalam bahasa Melayu.

Oleh yang demikian bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar dalam pendidikan telah memudahkan penyampaian maklumat terkini kepada rakyat. Bahasa Melayu yang menampilkan nilai-nilai ekonomi dan sains dan teknologi memudahkan lagi proses pemindahan maklumat dan penghayatannya.

Kesimpulan

Segala cabaran yang dilalui oleh bahasa Melayu untuk menjadi bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara bukanlah suatu proses yang mudah. Pelbagai rintangan dalaman dan luaran yang ditempuhi sebelum akhirnya bahasa Melayu terbukti dan berjaya menjadi bahasa utama yang dihormati kini.

Bahasa Melayu telah diuji lagi apabila Akta Pendidikan 1996 dan Pengajaran mata pelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris sedikit sebanyak mencalarakan rekod cemerlang bahasa Melayu. Usaha-usaha untuk menyakinkan masyarakat terhadap kemampuan bahasa Melayu tidak harus terhenti dengan kesilapan-kesilapan yang dilakukan oleh pemimpin politik.

Demi kelangsungan bahasa Melayu, semua pihak dipohon bekerjasama menghormati dan menjulang bahasa Melayu pada peringkat yang lebih tinggi. Perhebatkan lagi keutuhan bahasa Melayu dengan menjalankan penyelidikan dan pembangunan dalam pelbagai bidang terutamanya dalam bidang Sains dan Teknologi. Proses ini sangat penting untuk menyediakan bahasa Melayu supaya mampu menjadi bahasa utama semasa negara menjengah tahun 2020.

Bibliografi

- A.Aziz Deraman, 2000. *Tamadun Melayu Dan Pembinaan Bangsa Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah Hassan, 1997. *Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Ilmu dan Esei-Esei Lain*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti.
- Asraf, 1996. *Manifesto Budaya. Pupus Bahasa Pupuslah Bangsa*. Kuala Lumpur: Lohprint Sdn.Bhd.
- Asmah Haji Omar, 1987. *Bahasa Malaysia Sainifik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar, 1992. *The Linguistic Scenery in Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar, 1993. *Perancangan Bahasa Dengan Rujukan Khusus Kepada Perancangan Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar, 2003a. *Language And Language Situation In South East Asia: With a Focus On Malaysia*, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Asmah Haji Omar, 2003b. *The Genius of Malay Civilisation*. Institut Peradaban Melayu, Tanjong Malim: UPSI.
- Awang Sariyan, 1996. *Warna dan Suasana. Perancangan Bahasa Melayu di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Sariyan, 2004. *Teras Pendidikan Bahasa Melayu. Asas Pegangan Guru*, PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Hashim Bin Hj. Musa, 2001. *Merekonstruksi Tamadun Melayu Islam*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.

- Hashim Bin Hj. Musa, 2004. *Pemeriksaan Tamadun Melayu Malaysia: Menghadapi Globalisasi Barat*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Hassan Ahmad, 1999. *The Language Policy of Malaysia*. Kuala Lumpur: Art Printing Works.
- Ismail Hussein, 2001. *Tamadun Melayu Menyongsong Abad Kedua Puluh Satu*. Bangi: Penerbitan Universiti Kebangsaan Malaysia
- Ismail Hussein, 1966. *Sejarah Pertumbuhan Bahasa Kebangsaan Kita*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- James T. Collins, 1998. *Malay, World Language: A Short History*,. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- James T. Collins, 1999. *Wibawa Bahasa Kepiawaiian Dan Kepelbagaian*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Keratan Akhbar Mingguan Malaysia pada 27/3/2005 bertajuk:
- a) *Bahasa Melayu Tergugat.*
 - b) *Setengah Juta Pelajar Melayu Bakal Tercicir?*
 - c) *Manfaat Sains untuk Atasi kemiskinan.*
 - d) *Kaji Semula Penggunaan BI.*
 - e) *Abdullah Tunjugu Analisis Sains, Matematik dalam Bahasa Inggeris.*
- Sapir, E, 1949. *Selected Writings In Language, Culture and Personality*. (Tiada catatan penerbit dan bandar).

PENULISAN BAHASA CENDEKIA (WRITING IN CENDEKIA LANGUAGE)

**M. Husnan Lubis
D. Mohammad**

Abstrak

Ramai orang yang menguasai bahasa Melayu sama ada dalam lisan mahupun tulisan. Akan tetapi tidak semua orang mampu dan menguasai penulisan bahasa cendekia. Bahasa cendekia maksudnya ialah bahasa yang betul, baik, benar, bagus dan beradap yang disingkat dengan bahasa 5 B. Bahasa cendekia menggunakan semua gabungan teori bahasa yang sesuai dengan sifat bahasa Melayu. Bahasa cendekia menggunakan kaedah binaan kata dan kalimat dengan berpaksi kepada makna dan maksud. Perbincangan tulisan ini memfokuskan penulis yang mempunyai tugas sebagai guru dan pensyarah. Seseorang yang bertugas sebagai guru dan pensyarah, semestinya seorang penulis. Hal ini kerana sebelum mereka memberikan kuliah, mereka seharusnya mempersiapkan diri dengan bahan-bahan kuliah secara bertulis.

Abstract

Most people may be able to master the spoken and written form of Malay Language. However, to a certain extent, not everyone are able to write and read the "academic" language. Academic language is a form of written language with a well defined standard. The Academic language consist of combinations of few language theories appropriate with the linguistic form of Malay Language. It uses the methods of word constructions that revolves around the meaning and purpose of the respective words. This writing focuses on those who work as educators, either lecturers or teachers. These people

would certainly have a role of a writer since before giving off lectures, they would usually have to prepare themselves with written materials.

Pendahuluan

Pendidik, dalam pengertian yang umum ialah orang yang menyampaikan maklumat daripada yang tidak tahu menjadi tahu dan menjadikan yang sudah tahu menjadi lebih tahu. Ada dua cara yang biasa digunakan untuk melaksanakan pendidikan, iaitu secara langsung (formal) dan tidak langsung (tidak formal).

Pendidikan secara tidak langsung, termasuklah hasil penulisan. Penulisan yang dihasilkan oleh penulis terdiri daripada pelbagai golongan, antaranya wartawan, sasterawan dan ilmuwan. Tulisan ini mengkhususkan perbincangan kepada penulis yang tugasnya sebagai, guru, pensyarah atau sebagai dosen.

Seseorang yang bertugas sebagai guru, pensyarah atau dosen semestinya penulis, kerana sebelum mereka masuk ke dalam ruang kuliah, mereka semestinya telah mempersiapkan bahan kuliah dengan tersusun berdasarkan kaedah pengajaran yang sesuai. Bagaimanapun, tidak semua pensyarah memiliki kemahiran untuk menulis semula pengetahuan yang ada dalam fikiran mereka; bagi keperluan media massa, sama ada untuk jurnal, majalah ataupun surat khabar.

Penulisan Karya Ilmiah

Pensyarah yang tidak memiliki kemahiran menulis media massa di luar perbincangan ini, sebaliknya tulisan ini berpendapat bahawa ilmuwan, ahli akademik atau apa pun istilahnya, yang berkeupayaan menulis ilmu pengetahuannya dalam media massa; dianggap sebagai kalangan pendidik yang berupaya untuk meningkatkan kemampuan berbahasa dalam rangka meningkatkan kemampuan sumber manusia.

Tulisan ini memilih *penulisan* sebagai satu cara peningkatan berbahasa dalam kalangan pendidik atau pensyarah kerana menyedari bidang penulisan secara langsung melibatkan penulisnya terhadap penggunaan bahasa. Penggunaan bahasa yang dimaksudkan bukanlah

sekedar merakamkan buah fikirannya menggunakan huruf menjadi perkataan, perkataan menjadi ayat, ayat menjadi wacana dan wacana menjadi satu rakaman maklumat lengkap sahaja, melainkan juga menyedari bentuk bahasa bertulis yang dikemukakannya tersebut.

Memang disedari bahawa bahasa bermula dalam bentuk lisan. Dalam bentuk bahasa lisan yang tidak rasmi, peraturan bahasa sering diabaikan. Pengabaian peraturan bahasa ini mempunyai beberapa sebab. Sebab pertama, makna yang ingin dikemukakan oleh si penutur dibantu oleh persekitaran, sehingga si pendengar dapat memahami makna yang diterimanya walaupun bahasa yang diterimanya itu tidak lengkap atau tidak teratur.

Berbeza halnya, jika maklumat yang ingin disampaikan itu dalam bentuk bahasa bertulis. Makna yang ingin disampaikan oleh si penulis bergantung kepada makna perkataan / ayat / wacana yang ditulisnya (tanpa bantuan makna persekitaran). Oleh itu, bahasa yang digunakan perlu teratur susunannya, sedapat mungkin disampaikan dengan perkataan yang lengkap dan menghindari makna berlapis. Ini agar si pembaca memahami maklumat yang dibacanya.

Bagaimanapun, kerana pengaruh bahasa lisan cukup kuat mempengaruhi bahasa bertulis, maka kesalahan bahasa dalam bentuk bertulis cukup banyak ditemui. Kesalahan bahasa dalam bentuk bertulis ini bukan sahaja kerana pengaruh bahasa lisan, akan tetapi juga kerana pengambilan contoh (kias/analogi) yang terdahulu, ternyata tidak betul dan tidak benar.

Pengambilan kias yang tidak benar ini merupakan kelemahan pengguna bahasa dan ahli bahasa. Pengguna bahasa yang bukan pakar bahasa menggunakan bahasa tanpa perhitungan aturan bahasa. Ahli bahasa pula ada yang berpendapat bahawa bahasa ialah hak masyarakat, ciptaan masyarakat dan milik masyarakat. Jadi apa sahaja bahasa yang dilahirkan atau dicipta oleh masyarakat dan difahami oleh masyarakat tersebut itulah bahasa yang betul. Jika sesuatu perkataan telah lazim digunakan, masyarakat telah memahami maknanya, walaupun salah penggunaannya dibiarkan sahaja, akibatnya kesalahan bahasa semakin bertambah banyak.

Apabila bahasa diakui bukan hanya sebagai alat komunikasi atau perhubungan sahaja, akan tetapi juga alat untuk mengemukakan gagasan, penyebaran agama dan ilmu, penciptaan peralatan keperluan manusia dan banyak lagi yang lain, maka bahasa yang cukup difahami sahaja tidak mencukupi. Perkara ini lebih nyata lagi untuk keperluan karya ilmiah yang menuntut agar bahasa atau perkataan mestilah tepat dan tetap. Ketepatan dan ketetapan penggunaan perkataan di dalam sesuatu wacana ilmiah akan memudahkan pembaca memahami isi wacana tersebut. (Darwis,1991:61).Keperluan ini mewajibkan penulis karya ilmiah perlu menguasai ilmu yang akan mereka tulis dan bahasa yang mereka gunakan, sebab mereka ialah penyebar, pencipta dan penyusun aturan bahasa (linguist).

Dengan perkembangan pengetahuan dalam bidang pengkomputeran bahasa, kemungkinan besar pada masa yang akan datang, pembinaan kata (morfologi) akan lebih bersistem. Perkara ini tidak seperti sekarang ini apabila satu pembinaan kata yang sama imbuhan dan bentuk awal kata dasarnya mempunyai banyak kekecualian, misalnya: *pengetar, penternak, penterjemah, penterbalikan, petinju*, padahal aturan bahasa Melayu yang umum, imbuhan *pe+* yang digunakan dengan kata dasar yang bermula dengan bunyi atau huruf *t* seharusnya *t* digugurkan sehingga perkataan di atas sepatutnya: *penar, penernak, penerjemah, penerbalikan, dan peninju*.

Oleh sebab tulisan ini menggagaskan bahasa ke arah pengkomputeran bahasa tersebut, maka akan terlihatlah nanti beberapa perkara yang tidak umum, tidak lazim, ganjil, tidak sedap bunyinya dan tidak menurut kebiasaan. Tulisan ini berpendapat bahawa bahasa yang baik, benar, betul, bagus dan beradap, haruslah dapat dicerakinkan (dianalisis) berdasarkan ilmu bahasa (linguistik), bukan kerana kebiasaan yang salah.

Bersama-sama ini dikemukakan beberapa contoh sebagai bahan perbincangan. Perbincangan kali ini dibataskan kepada pembinaan kata dan kelompok kata (morfologi). Datanya juga terbatas yang diambil daripada buku iaitu, *Apresiasi Puisi* (A. Samin, 1994). Berdasarkan contoh yang sedikit ini diharapkan dapat dikembangkan persoalan lain seluas mungkin.

Cerakinan

Cerakinan yang dimaksudkan dalam tulisan ini ialah menyelidiki atau menyasati sesuatu keadaan sama ada perbuatan, gejala, ciptaan atau sesuatu hasil, untuk mengetahui sebab musababnya dan memberi cadangan terhadapnya.

a. Istilah atau Perkataan

Perhatikan perkataan berhuruf tebal pada data yang berikut ini.

- (1) **Kata** puisi bersal dari bahasa Yunani.....(hlm, 1)
- (2) ... hasil seni sastera yang menggunakan irama, sajak, dan **kata-kata** kiasan. (hlm.1).
- (3) Pertemuan ini diekspresikan si penyair melalui bahasa, **kata-kata**, kalimat dan bunyi-bunyian. (hlm.1)
- (4) “Kesusasteraan Indonesia moden berkembang dengan pesatnya sejak setengah abad belakangan ini, **kata** penulis di dalam kata pengantar bukunya yang berjudul *Apresiasi Puisi*.”
- (5) Golongan **kata** diistilahkan oleh Harimurti Kridalaksana sebagai kelas **kata**.

Apabila sesuatu perkataan banyak digunakan, maka akan berlaku makna yang umum. Bagaimanapun, dalam karya ilmiah satu perkataan mewakili satu maksud lebih baik daripada satu perkataan mewakili banyak maksud. Perhatikan data (1) hingga (3) yang boleh diubah seperti contoh pada (6) hingga (8). Manakala data pada (4) dan (5) ialah penggunaan yang sesuai bagi perkataan kata.

- (6) Perkataan puisi berasal daripada bahasa Yunani....
- (7) ...hasil seni sastera yang menggunakan irama, sajak dan bahasa kiasan.
- (8) Pertemuan ini diekspresikan oleh si penyair melalui bahasa, ujaran, kalimat, dan bunyi-bunyian.

Perhatikan pula penggunaan perkataan *pemakaian* dan *penggunaan* pada data yang berikut ini.

- (9) Pemakaian gaya bahasa ini merupakan kekuatan puisi Kardy Syaid ini. (hlm.154)
- (10) ...puisi-puisi Rusli A.Malem ini adalah mengenai pemakaian atau penggunaan bahasa Indonesiannya.(hlm.109)
- (11) ...kejelasan dan kesingkatan dalam penggunaan kata-kata, (hlm.21).

Pada data (10), penulis berasa ragu sama ada menggunakan perkataan *pemakaian* atau *penggunaan* dan pada data (11) tanpa ragu menggunakan perkataan *penggunaan*. Dengan data (11) ini, data pada (10) yang dipilih seharusnya *penggunaan* dan contoh pada (9) seharusnya *penggunaan*, bukan *pemakaian*.

b. Kata Pemerih

Tulisan ini berpendapat bahawa kata pemerih dalam bahasa Melayu tidak serupa dengan kopula dalam bahasa Inggeris. Kopula dalam bahasa Inggeris berfungsi sebagai penghubung antara Subjek dengan Predikat, (contoh: *is, am, are*).

Dalam bahasa Melayu (Malaysia/Indonesia) fungsi kata pemerih ialah mengatakan sesuatu perkara (ialah, adalah) dan dimasukkan ke dalam golongan kata *karyaan* (kata kerja, kata sifat, kata pemerih). Oleh itu dalam *struktur dalam*, (Darwis, 1989), *kata pemerih* wajib hadir. Akan tetapi dalam *struktur luar*, (Darwis, 1989) *Kata Pemerih* boleh dlenyapkan. Perhatikan data yang berikut ini.

- (11) Apa yang digambarkan oleh Besihar Lubis *adalah* tentang kehidupan manusia...(hlm.88)
- (12) Buku punjut-punjutan *ialah* tentang peribahasa suku Angkola / Mandailing.
- (13) Tamsil *adalah* cara berbahasa.....(hlm.7)
- (14) Bentuk puisi tradisional tertua yang sangat digemari masyarakat Indonesia *ialah* pantun....(hlm.5)

Contoh pada (11) dan (12) kata pemerih *adalah* dan *ialah* diikuti oleh kata sendi nama **tentang** dan contoh pada (13) dan (14) Kata Pemerih *adalah* dan *ialah* diikuti oleh kata nama cara dan kata nama pantun.

Contoh ini memperlihatkan bahawa kedua-dua kata pemerian *adalah* dan *ialah* kadang-kadang diikuti oleh *kata sendi nama* dan kadang-kadang pula diikuti oleh kata benda. Oleh itu, tulisan ini mencadangkan agar kata pemerian *ialah* diikuti oleh kata nama dan kata pemerian *adalah* diikuti oleh kata sendi nama. Dengan demikian contoh (13) dan (14) adalah seperti yang berikut ini:

- (16) Buku Punjut-punjutan *adalah* tentang peribahasa suku Angkola/ Mandailing.
- (17) Tamsil *ialah* cerita cara berbahasa....

Bagaimana pula halnya dengan data yang berikut ini.?

- (18) Jawabannya *adalah* tidak ada satu pun definisi....(hlm.1)

Oleh sebab contoh pada (18) kata pemerian *adalah* tidak diikuti oleh kata sendi nama, melainkan diikuti oleh kelompok kata kerja¹, maka kata pemerian di sini perlu dilynepkan, sehingga menjadi:

- (19) Jawabannya tidak ada satupun definisi...

Peraturan ini juga memungkinkan kata pemerian perlu ditiadakan sekiranya di dalam ayat tersebut sudah terdapat kelompok kata sifat. Perhatikan contoh yang berikut ini:

- (20) (a)* Karangan Willem Iskander *adalah* sangat indah bahasanya².
- (b) Karangan Willem Iskander sangat indah bahasanya.

Jadi, satu rumus sederhana dapat dikemukakan, iaitu kata pemerian *ialah* diikuti oleh kelompok /kata nama dan kata pemerian *adalah* diikuti oleh kelompok / kata sendi nama.

¹ Dalam tulisan ini istilah frasa diganti dengan istilah 'kelompok kata'.

² Tanda bintang (*) bermaksud ayat tersebut tidak terterima (tidak gramatis).

c. **Kelompok Kata Sendi Namaan**

Dalam kelompok kata sendi namaan ada tiga unsur yang mungkin hadir, iaitu, : kata sendi nama-, kata nama arah-, kelompok/kata nama. Perhatikan data berikut ini:

- (21) Ketika timbul tema protes sosial-politik di **dalam** kesusasteraan Indonesia....(hlm.14)
- (22) ...memandang sesuatu pokok persoalan **dalam** kehidupan ini...(hlm.18)
- (23) Irama di **dalam** sebuah puisi merupakan....(hlm.19)
- (24) ...sikap si penyair terhadap pokok persoalan yang terdapat **dalam** puisinya.(hlm.18)

Data pada (21) dan (23) kata arah **dalam** didahului oleh kata sendi nama **di**, manakala data pada (22) dan (24) perkataan **dalam** tidak diikuti oleh sebarang kata sendi nama. Tulisan ini mencadangkan bahawa kata nama arah mestilah didahului oleh kata sendi nama. Oleh itu, data pada (21) dan (23) di atas seharusnya:

- (25) ...memandang sesuatu pokok persoalan **di dalam** kehidupan ini...
- (26) ... sikap si penyair terhadap pokok persoalan yang terdapat **di dalam** puisinya.

Perkara yang sama akan berlaku juga pada kata nama arah **antara**. Perhatikan data yang berikut ini.

- (27) ...pengaruh dari kesusasteraan Hindu, India, Arab dan Persia di **antara**/nya...(hlm.5)
- (28) Dulunya banyak orang membedakan **antara** puisi dengan sajak, (hlm.2).
- (29) ...pertikaian antar golongan politik terjadi di **antara** tahun 1954 sampai dengan tahun 1965.(hlm.14)
- (30) ...akan menjalin hubungan batin **antara** si penyair dengan pembacanya. (hlm.24)

Oleh itu, data pada (28) dan (30) seharusnya seperti yang berikut.

- (31) Dulunya banyak orang membezakan di **antara** puisi dengan sajak.
- (32) ...akan menjalin hubungan batin di **antara** si penyair dengan pembacanya.

Dengan aturan seperti ini dapatlah dirumuskan bahawa *di* dalam kelompok kata sendi namaan, kata sendi nama wajib hadir. Perhatikan pula data yang berikut ini:

- (33) Pantun ialah sejenis puisi tradisional yang terdiri atas empat baris. (hlm.5)
- (34) ...terdiri atas dua kalimat se bait....(hlm.6)

Data ini menggunakan kata nama arah, iaitu, **atas** yang tidak didahului oleh kata sendi nama. Di sini, yang menjadi persoalan bukanlah kehadiran kata sendi nama, kerana kehadiran kata sendi nama, misalnya **di** menjadi **di atas**, akan memperjelas kesilapan penggunaan kata nama arah tersebut. Ia seharusnya diubah menjadi Kata Sendi Nama; iaitu, **daripada** sehingga ayatnya menjadi seperti:

- (35) Pantun adalah sejenis puisi tradisional yang terdiri **daripada** empat baris.
- (36) ...terdiri **daripada** dua kalimat se bait...

Penggunaan **daripada** yang tepat dapat dilihat pada data (37) dan (38) yang berikut ini.

- (37) Ristata Sirad lebih kita kenal sebagai seorang cerpenis **daripada** seorang penyair. (hlm.43)
- (38) ...sudah dipoles dengan teknik yang lebih maju **daripada** pantun tradisional. (hlm.86).

d. Kata Dasar

Apabila berlaku pembinaan kata seperti penggabungan awalan dengan kata dasar, kemungkinan perubahan bunyi pada awal kata dasar memang boleh berlaku. Akan tetapi perubahan ini terhad pada awal kata dasar yang bunyi atau hurufnya **k, p, s, t**, yang diikuti oleh bunyi huruf vokal sahaja dan terbatas pada pengimbuhan *me+* dan *pe+*. Bagaimanapun, cuba lihat data berikut ini:

(39) ...apresiasi **berarti** penghargaan.....(hlm.26)

(40) ...dalam penghargaan itu tersirat **pengertian** pemahaman.(hlm.26)

Kamus Umum Bahasa Indonesia, (1976) perkataan **erti** dirujuk silang ke **arti**. Perkataan **arti** pula disamakan dengan **erti** sehingga berlakulah binaan kata: **searti, berarti, mengerti, mengerti, mengartikan, mengertikan, artian, pengertian, pengertian** (1976:58). Kamus sebagai pengumpul data memang tidak salah mencatat dua penggunaan seperti ini.

Bagaimanapun, penulis perlulah menggunakannya secara tetap. Jika **arti** yang dipilih sebagai kata dasar maka tidaklah timbul binaan kata **mengerti, mengertikan, pengertian**. Jika **erti** yang dipilih sebagai kata dasar maka tidak timbullah binaan kata **mengarti, mengartikan, pengertian**. Di Malaysia, kata dasar yang digunakan ialah **erti**, bukan **arti**, (rujuk *Kamus Dewan*, 1986:294).

Perhatikan data yang berikut ini.

(41) Kreativitas penulisan puisi di Indonesia **tampaknya** semakin subur dewasa ini.

Dalam *Kamus Umum Bahasa Indonesia*, kata dasar perkataan ini ialah **tampak**, (1976:1003), namun di dalam kamus yang sama juga dilihat kata dasar **nampak**, (1976:671). Perkataan bersaing **tampak** dan **nampak** akhirnya memilih kata dasar **nampak** kerana kesukaran binaan kata di + **tampak**, ter+**tampak**. Oleh itu, contoh data (41) boleh diubah menjadi contoh pada (42) berikut ini.

- (42) Kreativitas penulisan puisi di Indonesia **nampaknya** semakin subur dewasa ini.

Jika demikian, apa pulakah kata dasar perkataan **mempunyai** seperti data yang berikut ini.

- (43) Puisi “Catatan Perjalanan” yang terdiri atas satu bait mempunyai dua versi yang berbeda. (hlm.34)

Jika kata dasarnya **punya**, maka binaan me+m+ (punya+i) seharusnya menjadi **mempunyai**. Di sini juga telah berlaku perkembangan kata dasar. Pada mulanya kata dasar yang dimaksud ialah **empunya**, binaannya ialah me+(empunya+i) menjadi **mempunyai**. Dua bunyi /e/ di sini, dilenyapkan satu sehingga binaannya menjadi **mempunyai**. Kini, apabila perkataan tersebut dibina dengan awalan di+hasilnya **dipunyai** dan jika dibina dengan awalan be+r hasilnya ialah **berpunya**, sehingga kita yakin bahawa kata dasarnya ialah **punya**.

Juga, apakah kata dasar **meminta** seperti yang terdapat di dalam data berikut ini?.

- (44) Ia ingin **meminta** pengakuan bahawa itulah tanah leluhurnya. (hlm.87)

Adakah kata dasarnya **pinta**, (KUBI, 1976:757) atau **minta** (KUBI, 1976:650)?. Apa pula pilihan kita terhadap kata dasar **pohon**, (KUBI, 1976:62) atau **mohon**, (KUBI, 1976:653)?.

e. Pengimbuhan

Seperti yang tergambar dalam huraian, data dan contoh pada bahagian 3.4, ternyata bahasa Melayu kini belum memiliki peraturan binaan kata yang lengkap dan tepat. Perhatikan pula data yang berikut ini.

- (45). Penulisan puisi seperti ini memerlukan keterampilan dalam memilih/menapis kata. (hlm.158)
- (46) Si penyair akhirnya memperkosa norma-norma penciptaan saja tersebut. (hlm.128)

Kata dasar data pada (45) ialah **perlu** dan kata dasar pada (46) ialah **perkosa**. Jika kita lihat tiga deretan awal bunyi/huruf kata dasar ini ialah serupa; iaitu, /p/, /e/, /r/, tetapi hasil binaannya berbeza. Pada kata dasar **perlu**, huruf /p/ lenyap dan huruf /m/ hadir. Pada kata dasar **perkosa**, huruf /p/ tidak lenyap dan huruf /m/ hadir.

Ada buku tata bahasa yang mengemukakan alasan, /p/ tidak gugur kerana kata dasar **perkosa** terdiri daripada tiga suku kata. Jika alasannya tiga suku kata, bagaimana dengan kata dasar **pe-rik-sa**, **pe-rin-tah**? Bukankah hasilnya **memeriksa**, **memerintah**?

Nasib yang sama diterima juga oleh binaan kata yang telah mengalami pengimbuhan (awalan) **per+**. Walaupun tiga huruf imbuhan ini serupa dengan 3 huruf awal kata dasar **perlu**, apabila diimbuhkan dengan **me+**, huruf /p/ pada awal kata dasar tersebut tidak dilenyapkan. Perhatikan data yang berikut ini.

- (47) ...pikiran-pikiran baru yang dapat **memperkaya** khazanah perbendaharaan bahasa Indonesia.(hlm.77)
- (48) ...yang dapat lebih **memperkuat** kedudukan bahasa Indonesia...(hlm77)

Bagaimanapun, akhir-akhir ini sudah mulai terlihat gejala perubahan tersebut, seperti pada binaan kata **me+m+perhatikan** menjadi **memerhatikan** dengan mengambil kias daripada binaan kata **pe+m+perhati** yang hasilnya **pemerhati**. Sebelum ini binaan kata **pe+m+persatu** telah diterima sebagai **pemersatu**. Oleh itu, tiada sebab mengapa **memperlemah**, (hlm.110), **mempermudah** (hlm. 131), **memperjelas** (hlm,25) tidak boleh diubah menjadi **memerlemah**, **memermudah**, **memerjelas**.

f. Penjamakan

Ramai ahli bahasa berpendapat bahawa untuk menyatakan kata nama jamak, kata dasarnya perlu diulang. Perhatikan juga data yang berikut ini.

- (49) **Puisi-puisi** mereka telah memiliki irama dan gaya bahasa yang lebih halus...(hlm.13)
- (50) Ada perbedaan yang jelas antara puisi tradisional dengan puisi modern. (hlm. 5)
- (51) ...yang kita sebutkan sebagai **unsur-unsur** intrinsik puisi. (hlm.17)
- (52) diksi merupakan unsur yang penting dalam tulisan menulis...(hlm.22)

Pada data (49) dan (51) kata nama **puisi** dan **unsur** diulang untuk maksud jamak. Bagaimanapun, pada data (50) dan (52) perkataan **puisi** dan **unsur** tidak diulang, kata nama tersebut masih memiliki maksud jamak.

Perkara seperti ini berlaku juga pada perkataan yang golongan bukan kata nama. Perhatikan data yang berikut ini.

- (53) Simbolis kata *hitam* menimbulkan bermacam-macam tanggapan. (hlm.76).
- (54) ...kita sendiri langsung membaca bermacam puisi... (hlm.29)

Dalam data (54), tanpa mengulang perkataan **bermacam** maksudnya serupa juga dengan (53) yang diulang. Oleh itu, perkataan yang diulang, jika maksudnya untuk menjamakkan, tidak perlu dalam bahasa Melayu. Cara bahasa Melayu untuk menyatakan banyak adalah dengan menggunakan perkataan yang termasuk golongan kata bilangan. Perhatikan data yang berikut ini.

- (55) ...**para** penyair Indonesia masih menyempatkan diri melahirkan karya-karya.(hlm.14)
- (56) Makna kata di dalam puisi itu bersifat dwimakna atau menyimpan **banyak** pengertian.(hlm.22)

Tetapi, ini bukan bermakna dalam bahasa Melayu tidak ada pengulangan. Perkataan yang apabila diulang berbeza maknanya dengan perkataan yang tidak diulang. Dengan pengulangan seperti ini akan memperkaya lagi bahasa Melayu, contoh: **kuda** menjadi **kuda-kuda**,

pohon menjadi pepohon, bukit menjadi bukit-bukit, kupu menjadi kupu-kupu.

g. Kaitan Kata Kerja dan Kata Sendi Nama

Biasanya, apabila membincangkan kata kerja, ia akan diperinci menjadi kata kerja transitif dan kata kerja tak transtif. Kata kerja transitif pula akan dihubungkan dengan objek. Berbeza dengan kata kerja tanggap, hubungannya dengan kata sendi nama hanya dibincangkan sepintas lalu. Perhatikan data yang berikut ini.

- (56) ...yang dilindungi dan *dikuasai* oleh anggota masyarakatnya. (hlm.5)
- (57) ...apabila *dibandingkan* dengan bentuk dan ini...(hlm.5)
- (58) Bentuk puisi tradisional tertua sangat *digemari* masyarakat Indonesia...(hlm.5)
- (59) Pertemuan ini *diekspresikan* si penyair melalui bahasa...(hlm.1)

Data (56) dan (57), kata kerja *dikuasai* diikuti oleh kata sendi nama; iaitu, **oleh** dan kata kerja *dibandingkan* diikuti oleh kata sendi nama iaitu, **dengan**. Berbeda halnya dengan data pada (58) dan (59), Kata Kerja *digemari* dan Kata Kerja *diekspresikan* tidak diikuti oleh sebarang Kata Sendi Nama.

Jika data pada (58) dan (59) dilengkapi dengan Kata Sendi Nama, maka ayatnya menjadi:

- (60) Bentuk puisi tradisional tertua sangat *digemari* oleh masyarakat Indonesia...(hlm.5)
- (61) Pertemuan ini *diekspresikan* **oleh** si penyair melalui bahasa...

Jika kita semak semula data pada (56) dan (57) ternyata tanpa kata sendi nama, ayat tersebut masih dapat difahami. Persoalan yang timbul bukan masalah difahami atau tidak, tetapi persoalan keteraturan bahasa Melayu itu sendiri. Seperti yang yang terlihat pada contoh (60) dan (61), bukan sahaja menunjukkan keteraturan dan keluwesannya tetapi juga memperlihatkan adanya hubungan semantik antara kata kerja tanggap dengan kata sendi nama.

h. Fungsi Imbuan Yang Lewah

Pentranstifan dalam perkataan bahasa Melayu ditandai oleh imbuan **per+**, **+kan**, atau **+i**. Bagi pengaktifan sesuatu perkataan imbuan **me+** digunakan dan bagi pemasifan imbuan **di+** pula dihadirkan. Yang ingin dibincangkan di sini ialah gabungan kedua-duanya iaitu, 'aktif transtif' dan 'pasif transtif. Perhatikan data yang berikut ini.

- (62) ...Rusli A.Malem dalam ketiga puisi ini lebih menarik lagi apabila kita memperhatikan cara penulisannya...(hlm.109).
- (63) ...sehingga lebih meperindah dan mencekam...(hlm.131)
- (64) ...cara tidak langsung akan dapat meningkatkan keutamaan...(hlm.29)

Dalam data (63) pentranstifannya ialah **per+** manakala dalam data (64) Pentranstifannya ialah **+kan**. Akan halnya data pada (62), pentranstifannya ialah **per+** dan **+kan** yang hadir secara serentak. Makalah ini berpendapat bahawa pentranstifan berulang seperti ini berlebihan (lewah) oleh itu data tersebut dapat dibaiki menjadi:

- (65) ... Rusli A. Melem dalam ketiga-tiga puisi ini lebih menarik lagi apabila kita memerhati cara penulisannya.

Perhatikan juga data yang berikut ini :

- (66) Dari pigura bahasa yang dipergunakan si penyair... (hlm.23)
- (67) Dugaan kita diperkuat oleh tempat dilahirkannya...(hlm.89)
- (68) ... isi puisi-puisi tradisional lebih terikat apabila dibandingkan dengan bentuk dan isi-isi... (hlm.5)

Data pada (67) dan (68) hanya menggunakan satu sahaja penanda transtif, manakala pada data (66) ada dua penanda transtif; iaitu, Imbuan **per+** dan **+kan**. Agar fungsi transtif tidak lewah di dalam data tersebut, ia boleh diubah menjadi:

- (69) Berdasarkan pigura bahasa yang digunakan oleh si penyair...

Berdasarkan huraian singkat di atas, makalah ini berpendapat bahawa perkembangan bahasa Melayu perlu diiringi dengan perkembangan teori dan pendekatan baru, kerana hanya dengan cara ini sahajalah bahasa Melayu tetap terkawal.

Pengawalan bahasa bukan bermaksud menyekat perkembangannya, malahan mengembangkannya dengan aturan bahasa yang betul agar ia tidak menjadi sukar untuk dipelajari atau terlalu banyak rumus untuk sesuatu perkara yang serupa.

“Bahasa Melayu Tinggi Pancaran Budaya Tinggi³”, bukanlah satu slogan kosong yang tidak mungkin tercapai. Namun, untuk sampai ke sana tidaklah mudah, apatah lagi dengan kemajuan sains, teknologi, komputer dan komunikasi yang semakin canggih pada masa ini dan masa mendatang. Peningkatan kemampuan berbahasa dalam kalangan pendidik, ialah salah satu usaha ke arah tersebut.

Rumusan

Gagasan (konsep) *tetap dan tepat* dalam binaan kata dan binaan ayat dalam bahasa Melayu bertujuan mencari sifat bahasa Melayu yang sederhana seperti yang telah dinyatakan terdahulu. Ia boleh berjaya jika kemampuan berbahasa dalam kalangan pendidik sentiasa ditingkatkan. Kalangan pendidik yang berkemampuan melahirkan pengetahuannya di dalam bentuk lisan dan bertulis yang baik dan benar, merupakan pengembangan sumber manusia. Daripada mereka, pengguna bahasa lain akan memelajari, menggunakan dan menyebarkan bahasa yang baik dan benar tersebut.

Teori yang digunakan ialah gabungan semua teori bahasa yang sesuai untuk sifat bahasa Melayu. Pendekatannya dinamai pendekatan **Minden** dengan menggunakan kaedah Rajah Binaan Kata dan Rajah Binaan Ayat yang berpaksi pada makna dan maksud. Tujuan akhirnya adalah untuk melahirkan bahasa Melayu yang betul, benar, baik, bagus dan beradap (5B). Di sini, namanya diisytiharkan sebagai **BAHASA CENDEKIA**.

³ Sila rujuk Darwis Harahap. *Peristiwa Bahasa 1990*.

Bibliografi

- Ahmad Samin Siregar, (1994). *Apresiasi Puisi*. Medan: Universitas Sumatera Utara Press.
- Darwis Harahap, (1989). *Struktur Sintaksis Ayat Selapis dalam Bahasa Malaysia: Satu Analisis Transformasi Generatif*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- _____, (1990). *Peristiwa Bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- _____, (1991). *Persoalan Bahasa*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- _____, (1992). *Sejarah Pertumbuhan Bahasa Melayu*. Pulau Pinang. Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- _____, (1993). *Binaan Makna*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Teuku Iskandar (Penyusun), (1986). *Kamus Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- W.J.S. Poerwadarminta, (1976). *Kamus Umum Bahasa Indonesia*. Jakarta: Balai Pustaka.

**PENGARUH TAFSIR AL-MANAR DAN
KESANNYA KEPADA PERJUANGAN REFORMIS
TEMPATAN MEMARTABATKAN PENDIDIKAN
ORANG-ORANG MELAYU**
*(THE INFLUENCES OF "TAFSIR AL-MANAR" AND
THE IMPACT ON LOCAL REFORMIS STRUGGLES
IN ESTABLISHING MALAY EDUCATION)*

Mustaffa bin Abdullah*

Abstrak

Artikel ini membincangkan pengaruh Tafsir Al-Manar hasil tulisan Sayyid Muhammad Rashid Rida kepada penduduk reformis islam tempatan. Idea-idea reformasi islam dalam Tafsir Al-Manar terdiri daripada pelbagai aspek kehidupan termasuk kepentingan pendidikan untuk membebaskan umat islam di Malaysia khususnya orang Melayu daripada jurang kemiskinan. Punca kemiskinan mereka ialah kegagalan untuk menguasai ilmu yang sesuai dengan keperluan semasa. Oleh itu, artikel ini akan membincangkan isu-isu pendidikan orang Melayu yang ditekankan oleh mereka yang mempunyai pemikiran yang dipengaruhi oleh Tafsir Al-Manar.

Abstract

The article discusses the influence of Tafsir al-Manar by Sayyid Muhammad Rashid Rida to local muslim reformists. The ideas of islamic reform in Tafsir al-Manar in various aspects of life include education had successfully inspired muslim ummah in Malay (Malaysia) to free themselves from the lines of

* Dr Mustaffa bin Abdullah adalah Prof Madya merangkap Ketua Jabatan al-Quran dan al-Hadis, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

poverty. It is identified that the root cause of their poverty is their failure to master a balance knowledge which suits the necessity of their time and era. Therefore, this article will discuss issues of Malays education which were highlighted by those who had been influenced by the thoughts and teachings of Tafsir al-Manar.

Pendahuluan

Tafsir al-Manar dihasilkan oleh Sayyid Muhammad Rasyid Rida hasil bimbingan daripada gurunya Syeikh Muhammad 'Abduh. Di dalamnya memuatkan idea pembaharuan dalam segenap aspek, agama, politik sosial dan kemasyarakatan. Tulisan mendapat sambutan yang menggalakkan di Timur Tengah dan di negara-negara Islam termasuk rantau Melayu. Kelahiran *Tafsir al-Manar* berjaya mencetus perubahan terutamanya terhadap pemikiran orang-orang Melayu. Idea pembaharuan yang dikemukakan dalam *Tafsir al-Manar* meninggalkan kesan yang mendalam dalam kalangan orang-orang Melayu. Pemikiran progresif, modenisme dan reformasinya menular dan mencetus bahang kebangkitan dan kesedaran orang-orang Melayu yang membara untuk melihat perubahan dalam masyarakatnya yang serba mundur, daif dan terjajah ketika itu. Kesemua masalah itu dilihat berpunca daripada kegagalan orang-orang Melayu menguasai ilmu pengetahuan yang seimbang dan kegagalan mereka memberikan tafsiran yang betul terhadap pengertian dan maksud sebenar ayat-ayat al-Qur'an dan hadis. Hasilnya mereka berfikir secara lama dan bersifat anti kemajuan. Justeru dalam kertas ini akan dibincangkan persoalan pendidikan orang-orang Melayu yang diperjuangkan oleh golongan yang banyak terpengaruh dengan *Tafsir al-Manar*.

Pendidikan Orang-Orang Melayu

Isu pendidikan adalah antara agenda utama yang banyak disentuh oleh Sayyid Muhammad Rasyid Rida dalam *Majallah al-Manar* dan *Tafsir al-Manar*. Agenda itu kemudian diteruskan oleh ulama-ulama tempatan yang sempat berguru dan terpengaruh dengan pengarang *Tafsir al-Manar*, iaitu Sayyid Muhammad Rasyid Rida seperti Syeikh Tahir Jalaluddin al-Azhari dan rakan-rakannya. Pandangan dan saranan khususnya yang berkaitan dengan kepentingan pendidikan yang dikemukakan dalam

majalah *al-Manar* dan *Tafsir al-Manar* disebarkan kepada masyarakat tempatan dalam pelbagai bentuk samada berupa ucapan atau tulisan.¹

Majalah tempatan terawal yang amat jelas terpengaruh dengan *al-Manar* sebagai medium penyebar maklumat ialah *al-Imam* yang diterbitkan pada 23 Julai 1906. Majalah ini diusahakan oleh tokoh-tokoh tempatan beraliran *al-Manar* seperti Syeikh Muhammad Salim al-Khalali, Syeikh Tahir Jalaluddin al-Azhari, Sayyid Syeikh bin Ahmad al-Hadi, Haji Abbas Muhammad Taha, dan rakan-rakan yang lain.²

Ulama beraliran *al-Manar* ini berpendapat antara punca kemunduran umat Islam adalah kegagalan menuntut ilmu pengetahuan yang dituntut oleh Islam.³ Malah menurut Syeikh Muhammad Salim al-Khalali anggota pengasas *al-Imam*, kekurangan umat Islam menguasai ilmu pengetahuan menyebabkan mereka gagal berbakti kepada diri, agama dan negara,⁴ kerana ilmu pengetahuan sebagai asas untuk mengubah taraf hidup umat Islam dan senjata utama untuk membebaskan mereka daripada penjajah.⁵

Kesedaran tentang perkara ini mendorong ulama aliran *al-Manar* menekankan tentang kepentingan pendidikan dan menguasai ilmu pengetahuan, lantas menjadikan sejarah kegemilangan umat silam⁶ sebagai kunci untuk menyedarkan anak bangsa tentang peri pentingnya pelajaran yang merupakan alat untuk membangun dan mencapai kemajuan. Hakikat ini dapat dilihat menerusi kenyataan *Al-Imam* yang melaporkan seperti berikut:

“...adalah umat yang di tanah Eropah tiada dapat ianya membentangkan pemerintahannya daripada maghrib sampai ke masyriq melainkan dengan ilmu, dan umat Jepun yang

¹ *Al-Imam* (1906), “Pelajaran”, Bil. 1, Jil. 1, 23 Julai 1906, h. 21-26.

² Abdul Aziz Mat Ton (2001), *Politik al-Imam*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 158, 169.

³ *Ibid.*, Bil. 3, Jil. 3, 29 Ogos 1908, h. 104.

⁴ Syaykh Muhammad Salim al-Khalali (1908), “Apa kemiskinan yang sebenar dalam negeri” dalam *Al-Imam*. Bil. 7, Jil. 2, 5 Januari 1908, h. 230.

⁵ Dr. Burhanuddin al-Helmy (1999), “Agama dan Politik”, dalam Panel Pengkaji Sejarah Pusat Penyelidikan PAS, *PAS Dalam Arus Perjuangan Kemerdekaan*, Shah Alam: Angkatan Edaran Ent.Sdn. Bhd, h. 48.

tiada lebih bilangannya daripada lima puluh million orang tiada dapat ianya mengalahkan akan umat yang beratus-ratus million bilangannya melainkan dengan pengetahuan”⁷

Golongan reformis yang terpengaruh dengan *al-Manar* menyeru orang-orang Melayu supaya mengambil iktibar daripada orang Arab yang pada suatu ketika dahulu menghadapi zaman gelap, tidak bersatu padu, berpuak-puak dan sentiasa bermusuhan sesama sendiri, tetapi apabila muncul Nabi Muhammad s.‘a.w. sebagai penyelamat permasalahan itu dapat diatasi. Disekitar tahun 1900, orang Melayu juga tenggelam dalam kegelapan dan pada saat itu muncul golongan ulama khususnya reformis membawa obor agama sebagai pembimbing.⁸

Pendedahan dengan *al-Manar* mematangkan ulama-ulama tempatan yang menyebabkan mereka tidak terlalu emosional, tetapi akur dengan realiti. Mereka menerima dasar pendidikan yang bersifat anjal dan sepadu, menyeluruh dan tidak hanya berdasarkan pembacaan secara sepintas lalu buku-buku fekah, menghafal teks dan ulasan, tetapi perlu dikembangkan dan diperincikan dengan ilmu-ilmu moden, terutama ilmu ekonomi, sejarah, geografi, metamatik, kesihatan dan ilmu-ilmu lain yang seiring dengan keperluan zaman.⁹ Mereka menerima pendidikan moden yang diwujudkan oleh pihak kolonial barat sebagai satu cabaran baru yang perlu diterima secara positif. Mereka tidak menolak secara melulu sistem pendidikan barat itu, sebaliknya menerima apa-apa yang baik daripadanya bagi memperkemaskinikan lagi sistem pendidikan Islam. Menurut tanggapan mereka, Islam tidak menentang ilmu pengetahuan dan kemajuan seperti yang ditunjukkan oleh dunia barat.¹⁰ Pun begitu sikap terbuka ulama aliran *al-Manar* ini tidak disenangi oleh

⁶ Akhbar-akhbar dan majalah tempatan khususnya yang beraliran islah menyedari sejarah sebagai wahana untuk menyedarkan ummah, ekoran itu satu ruangan sejarah disediakan secara khusus dalam majalah-majalah islah seperti *Al-Imam*(1906-1908), *Neracha* (1934-1935), *Tunas Melayu* (1913-?), *Pengasuh* (1918-1937: 1946-1963: 1964-1965: 1967-1971: 1975-hingga sekarang), *Al-Hikmah* (1934-1941), *Semangat Islam* (1929-1934), *Jasa* (1927-1931), *Bulan Melayu* (1930-1932: 1935-1938- 1941) dan lain-lain. Muhd. Yusof Ibrahim (1997), *Pensejarahan Melayu 1800-1960*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 143, 145-146.

⁷ *Al-Imam*, 23 Julai 1906, h. 3-4.

⁸ Abdullah bin Haji Jaafar (1984), dalam Khoo Kay Kim (ed.), *op.cit.*, h. 87-88.

⁹ Muhammad Rasyid Rida, *al-Manar*, j. 1, h. 567, Ibrahim Ahmad al-‘Adawi, *Rashid Rida al-Imam al-Mujahid*, h. 177-178.

ulama konservatif yang mendominasi institusi pendidikan Islam tradisional.

Walau bagaimanapun, kesedaran tentang kepentingan pendidikan dan menguasai ilmu pengetahuan dalam kalangan orang-orang Melayu diberi penekanan oleh ulama tempatan khususnya yang terpengaruh dengan *al-Manar*. Namun perbezaan yang wujud antara mereka hanya dari segi pendekatan. Ulama tradisional hanya memberi prioriti kepada ilmu-ilmu agama dan ketuhanan sahaja seperti tauhid, fiqh tasawwuf dan lain-lain¹¹ serta menolak pendidikan sekular barat. Sistem pengajaran agama yang digunakan adalah lapuk dan ketinggalan zaman yang dianggap tidak sesuai lagi diamalkan pada zaman yang banyak terpengaruh oleh unsur-unsur sekularisma dan kebendaan barat.¹² Manakala pendekatan ulama aliran *al-Manar* dilihat lebih liberal, kerana selain daripada ilmu keagamaan, mereka juga memberi tumpuan kepada ilmu keduniaan¹³ yang dianggap sebagai alat dan pemangkin untuk menyelamatkan nasib dan maruah umat Islam dan orang-orang Melayu.

Realiti itu mendorong ulama aliran *al-Manar* menyarankan bahawa pihak yang bertanggungjawab perlu disedarkan tentang tanggungjawab sebenar masing-masing dalam mendidik anak bangsa.¹⁴ Ini kerana sekolah-sekolah kerajaan yang mengikut sistem pendidikan barat tidak diminati oleh orang-orang Melayu. Kebanyakan ibubapa enggan menghantar anak-anak mereka ke sekolah-sekolah tersebut kerana bimbang anak-anak mereka akan dipengaruhi pemikiran barat dan diterapkan dengan ajaran-ajaran yang bertentangan dengan Islam.¹⁵ Keengganan ini menyebabkan beberapa buah sekolah yang didirikan oleh pihak British terpaksa ditutup, seperti cawangan Penang Free School di Air Hitam yang dibuka pada 1837, cawangannya di Kepala Batas yang

¹⁰ William R. Roff (1967), *op.cit.*, h. 57.

¹¹ Abdul Aziz Mat Ton (2001), *op.cit.*, h. 220.

¹² Mohd. Sarim Hj. Mustajab (1979), "Gerakan Islah Islamiyyah Di Tanah Melayu 1906 Hingga 1948", dalam *op.cit.*, h. 156.

¹³ *Al-Imam*, jld, h. 2-3.

¹⁴ William R. Roff (1967), *op.cit.*, h. 58.

¹⁵ *Ibid.*, h. 71.

dibuka pada 1855, Malacca High School sempat beroperasi hanya seketika disebabkan faktor prejudis daripada orang-orang Melayu.¹⁶

Walau bagaimanapun, ada juga yang berpendapat keengganan keluarga Melayu menghantar anak mereka ke sekolah yang disediakan oleh pihak kolonial barat bukan hanya didorong oleh sifat prejudis melampau, malah kerana kecewa terhadap dasar British terhadap pendidikan orang-orang Melayu yang kelihatan tidak bersungguh-sungguh dalam memberi pendidikan kepada orang-orang Melayu.¹⁷ Buktinya kelulusan sekolah Melayu tidak diberi nilai ekonomi sebagaimana yang diharap-harapkan. Lulusan sekolah-sekolah Melayu tidak mendapat tempat dalam jawatan-jawatan kerajaan dan akibatnya ramai anak-anak Melayu lepasan sekolah Melayu menganggur.¹⁸ Keadaan ini dari satu aspek merugikan orang-orang Melayu dan menyebabkan mereka terpinggir dari menerima pendidikan yang lebih baik seperti bangsa lain.

Bagi mengatasi masalah itu, ulama aliran *al-Manar* seperti Syeikh Tahir Jalaluddin, Syed Syeikh al-Hadi¹⁹ dan lain-lain memberi galakan kepada orang-orang Melayu supaya mempelajari segala jenis ilmu pengetahuan seperti psikologi, pendidikan, perubatan, astronomi dan lain-lain, kerana menurut Syed Syeikh al-Hadi, Tuhan tidak menjadikan setiap perkara di alam ini sia-sia. Oleh itu khazanah alam perlu dikaji berdasarkan ilmu yang akhirnya menimbulkan keyakinan yang utuh kepada pencipta.²⁰

Persoalan seperti ini terus dipanjangkan oleh ulama yang sealiran, seperti Za'ba yang mengemukakan idea integrasi ilmu dalam sistem pendidikan. Beliau berpendapat pendidikan orang-orang Melayu perlu berteraskan identiti terpenting bangsa Melayu, iaitu agama Islam. Keyakinan ini mendorong beliau berkata:²¹

¹⁶ Ramlan b. Hamzah (1975), "Halangan Inggeris menyekolahkan orang Melayu", dlm. *Mastika*, Jun 1975, h. 115.

¹⁷ *Ibid.*, h. 112-120. Dr. Burhanuddin Elhulaimy, *Asas Falsafah Kebangsaan Melayu*, h. 34.

¹⁸ Abdullah bin Haji Jaafar (1984), "*Al-Imam*", dalam Khoo Kay Kim (ed.), *op.cit.*, h. 91.

¹⁹ *Majalah al-Ikhwan, Penggal 1*, jil. 1, 16 September 1926, h. 4.

²⁰ Syed Syeikh bin Ahmad al-Hadi (1931), *Kitab Uagama Islam dan Akal*, h. 14-15.

²¹ *Lembaga Melayu*, 6.6. 1917.

“Saya tidak percaya kedudukan kaum Islam seluruh dunia boleh jadi betul jika mereka memberatkan pelajaran serpihan dunia sahaja atau serpihan ugama sahaja seperti yang sudah-sudah dengan tidak disatukan antara kedua pihak itu bersama sekali dengan seberapa dalamnya yang boleh pada keduanya”

Za’ba mengemukakan pandangan tersebut kerana beliau berpendapat bahawa tidak wujud sama sekali pemisahan antara ‘ilmu keduniaan’ dan ‘ilmu keagamaan’ seperti yang terdapat dalam sistem persekolahan Melayu, Inggeris dan juga agama di Tanah Melayu. Keduanya dikatakan saling melengkapi dan berfaedah bagi kehidupan manusia di dunia dan akhirat.²² Penekanan kepada dua aspek ini adalah untuk memastikan anak-anak Melayu mendapat pendidikan yang sempurna dengan tujuan seperti yang diungkapnya sendiri:²³

“.....melayakkan si murid itu bagi peperangan kehidupan dan bagi menjadi seorang manusia (menjadi orang) dan anak negeri yang layak dan jaya di dalam dunia serta mulia kehidupannya di akhirat”

Pendapat yang dikemukakan oleh Za’ba mengenai masalah pendidikan orang-orang Melayu adalah amat selari dengan pemikiran Sayyid Muhammad Rasyid Rida, malah idea seperti itu kemungkinan besar adalah kesan daripada pemikiran Sayyid Muhammad Rasyid Rida yang mempengaruhi beliau hasil pembacaan karya tokoh itu khususnya *Tafsir al-Manar*,²⁴ ditambah pula dengan hubungan peribadi yang sedia terjalin di antara beliau dengan tokoh besar itu.²⁵

Sikap keterbukaan diterapkan oleh golongan reformis ke dalam minda orang-orang Melayu. Mereka disogokkan dengan falsafah

²² *Ibid.*, 5.7. 1917.

²³ *Ibid.*, 5.7.1917.

²⁴ Selain melanggan majalah *al-Manar*, Za’ba turut mengumpul karya-karya yang dihasilkan oleh Sayyid Muhammad Rasyid Rida termasuk *Tafsir al-Manar*. Untuk tujuan itu, beliau pernah berhubung menerusi surat dengan Sayyid Muhammad Rasyid Rida. Lihat surat persendirian Zainal Abidin Ahmad (Za’ba) di Arkib Negara Malaysia, SP Zainal Abidin Ahmad, 1/2002/00454, 1/2002/00453.

²⁵ Adnan Haji Nawang (1997), “Zainal Abidin bin Ahmad (Za’ba)”, dalam *Biografi Tokoh Pilihan Malaysia*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, h. 236.

pendidikan yang bersifat anjal dan akur kepada kebenaran ilmu. Justeru, umat Islam disarankan supaya mengambil nilai-nilai yang baik daripada tamadun barat dan menyaring nilai-nilai buruk yang tidak bersesuaian dengan ajaran dan budaya umat Islam. Sikap menolak sepenuhnya tamadun dan kemajuan barat tidak akan menguntungkan bangsa Melayu yang jauh ketinggalan dalam berbagai lapangan kehidupan khususnya pendidikan.²⁶

Pembelaan Terhadap Kaum Wanita

Sebenarnya masyarakat Melayu pada akhir abad ke 19 masih lagi meneruskan amalan mengongkong anak-anak perempuan. Kaum wanita Melayu mengikut adat istiadatnya hanya dibolehkan mengurus urusan rumahtangga sahaja²⁷ dan mereka dihalang daripada menuntut ilmu pengetahuan.²⁸ Pun begitu mereka dikawal, diasuh dan dididik untuk menjadi isteri yang taat dan ibu yang pengasih.²⁹ Hanya ibu bapa yang mempunyai kesedaran yang tinggi terhadap pendidikan anak-anak perempuan akan menghantar mereka ke sekolah-sekolah Melayu atau madrasah yang telah dibuka hasil daripada gerakan pembaharuan agama yang dilakukan oleh ulama tempatan yang terpengaruh dengan aliran *al-Manar*.

Agenda memperjuangkan hak-hak wanita dalam berbagai bidang khususnya pendidikan dilakukan dengan tersusun. Rayuan agar anak-anak perempuan diberikan pendidikan disiarkan dalam majalah islah seperti *al-Imam*, *Pilihan Timur*, *al-Ikhwan*³⁰ dan *Majalah Guru*³¹ dan lain-lain. Malah *al-Imam* menyarankan supaya kelas untuk anak-anak

²⁶ Talib Samat (1992), *Syed Syeikh al-Hadi*, h. 51.

²⁷ Rencana berjudul "Kebebasan Perempuan Melayu" diterbitkan dalam *Mastika*, April 1950, Bil. 42 dan ia diterbitkan semula dalam *Mastika*, April 1975. h. 115-116.

²⁸ Virginia H. Dancz (1987), *Women and Party Politics in Peninsular Malaysia*. Singapore: Oxford University Press, h. 22.

²⁹ Asiah Abu Samah (1960), *Emancipation of Malay Women (1945-57)*, Kajian Ilmiah, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Singapura, h. 2.

³⁰ *Al-Ikhwan*, Penggal 2, Jil. 1, 16 Oktober 1926, h. 4-7& 8.

³¹ Leonare Manderson (1981), *Wanita, Politik dan Perubahan: Pergerakan Kaum Ibu UMNO Malaysia 1945-1972*, Samsudin Jaapar (terj.), Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti, h. 31.

perempuan diadakan di sekolah-sekolah rendah supaya nanti dapat melahirkan ibu-ibu yang berpelajaran.³²

Menurut William Roff, orang yang paling aktif memperjuangkan hak pendidikan kaum wanita ialah Syed Syeikh al-Hadi. Beberapa rencana terjemahan daripada tulisan Kasim Amin Bey yang berjudul *Tahrir al-Mar'ah* (Pembebasan Kaum Wanita) telah diterbitkan secara bersiri di dalam *Al-Ikhwān* dan ia diterbitkan sepenuhnya di bawah tajuk *Alam Perempuan* (Pulau Pinang 1930), *Hikayat Faridah Hanum* (1925), *Hikayat Puteri Nurul'ain* (1926), dan lain-lain. Karya-karya itu menyentuh tentang emansipasi wanita dan penekanan yang diberikan adalah kepada peri mustahaknya wanita Islam diberikan kebebasan dan hak yang sama seperti kaum lelaki terutama dalam bidang pendidikan.³³

Syed Syeikh al-Hadi menginsafi keperluan menyelamatkan ibu dari “lembah kejahilan dan kebodohan” dan menyedari bahawa “tiap-tiap kaum dan bangsa hanya mendapat kemajuan.....dengan sebab kemajuan sekalian perempuannya”.³⁴ Hasil daripada cadangan seumpama itu menyebabkan dalam era itu, kanak-kanak perempuan telah mula memasuki Sekolah-sekolah Rendah Agama Rakyat, Sekolah Melayu dan Sekolah Inggeris yang dibuka oleh kerajaan.³⁵

³² Abdullah Hj. Jaafar (1971), *op.cit.*, h. 39, Zaiton bt. Ghani (1984), “Wanita Melayu Dalam Politik 1946-1948”, dalam Khoo Kay Kim (ed.), *Sejarah masyarakat Melayu Modern*, h. 211.

³³ William Roff (1967), *op.cit.*, h. 82-83, Hashim Awang (1979), “Fiksyen Melayu Di Antara Tahun-Tahun 1925-1941: Satu Tinjauan Sejarah Sosial Masyarakat Peribumi Sebelum Perang Dunia II”, dalam *Malaysia: Sejarah dan Proses Pembangunan*. Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, h. 217.

³⁴ Marina Merican (1960), *Sayid Syeikh Al-Hadi dan Pendapatnya tentang Kemajuan Kaum Perempuan*, Tesis Ijazah Sarjana Muda Universiti Malaya, Kuala Lumpur, h. 19-31. Lihat juga Mohamad Abu Bakar (1989), “Pemodenan, Pengislaman dan Pembebasan Wanita Melayu”, dalam *Tamadun Melayu*, Jil.1, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 345.

³⁵ Ekoran daripada semangat kesedaran Islam, menyebabkan didirikan sekolah-sekolah yang memberi ruang kepada pelajar lelaki dan perempuan mendapat pendidikan secara sama rata, seperti Madrasah al-Hadi al-Diniyah di Pulau Pinang, malah madrasah khusus untuk kaum wanita juga ditubuhkan. Pada tahun 1932M Madrasah Muhammadiyah Perempuan ditubuhkan. Kemudian di Bacalister Road, Pulau Pinang pada tahun 1934 dan diikuti oleh Madrasah al-Huda oleh Syaykh Hj. Abbas. Pada tahun 1936, Syaikh Muhammad Fadlullah Suhaymi telah mendirikan Madrasah al-Ma'arif al-Islamiyah di Tanjung Katong Road. Madrasah ini merupakan yang pertama di Singapura. Lihat Rahim bin Osman (t.t), “Madrasah al-Masyhur al-Islamiah”, dalam *Islam di Malaysia*, Persatuan Sejarah Malaysia, h. 80, Mohd. Sarim Hj. Mustajab (1979), “Gerakan Islah Islamiyyah Di Tanah Melayu 1906 Hingga 1948”, dalam *op.cit.*, h. 164.

Apa yang menariknya ialah usaha-usaha pembaharuan dalam bidang pendidikan yang dilakukan oleh mereka bersifat menyeluruh dengan melibatkan kaum lelaki dan wanita. Kaum wanita tidak lagi didiskriminasi, tetapi diberi pembelaan yang sewajarnya menerusi pendidikan dan pekerjaan yang sesuai dengan fitrah kejadiannya dan selari dengan tuntutan agama.³⁶ Walau bagaimanapun, usaha ini mendapat kritikan daripada ulama konservatif yang lebih suka mengekalkan adat, menyebabkan kaum wanita dihalang daripada mengejar pelajaran tinggi bagi mengelak berlakunya pergaulan bebas.³⁷

Walaupun bagaimanapun, perjuangan ulama aliran *al-Manar* membela kaum wanita Melayu tidak sama seperti pergerakan *women's liberation* di barat yang menuntut persamaan hak dalam segenap aspek. Apa yang diperjuangkan oleh ulama aliran *al-Manar* ialah usaha mengembalikan kemuliaan wanita sebagaimana yang ditetapkan oleh agama. Ini termasuklah pemberian peranan mereka sebagai isteri dan ibu sebagaimana yang digariskan dalam al-Qur'an dan juga al-Hadith. Mereka menyedari bahawa perbezaan bentuk dan sifat fizikal wanita daripada kaum lelaki adalah satu kelainan yang diberikan oleh Allah sesuai dengan peranan mereka³⁸ dan perbezaan ini bukanlah diwujudkan tanpa sebarang hikmah,³⁹ sebaliknya ia mengandungi hikmah besar untuk kebahagiaan hidup manusia. Justeru, A.K. Broki, merumuskan bahawa persamaan hak yang berkembang di barat sewajarnya ditolak kerana ia merupakan satu percubaan untuk menyamakan hak di antara kaum lelaki dan wanita dalam segenap aspek tanpa mengira aspek fitrah semulajadi yang dianugerahkan Tuhan.⁴⁰

Hasil Perjuangan Ulama Aliran *al-Manar*

Perjuangan ulama Melayu aliran *al-Manar* memberi kesedaran kepada masyarakat tempatan tentang kepentingan pendidikan dan menguasai

³⁶ Talib Samat (1992), *op.cit.*, h. 52.

³⁷ Hashim Awang (1979), "Fiksyen Melayu Di Antara Tahun-Tahun 1925-1941: Satu Tinjauan Sejarah Sosial Masyarakat Peribumi Sebelum Perang Dunia II", dalam *op.cit.*, h. 217.

³⁸ Hasan bin Abdullah Al-Eh Syeikh (1984), *Bagaimana Layanan Islam Terhadap Wanita*, Kuala Lumpur: Pustaka Zakry Abadi, h. 22.

³⁹ *Ibid.*, h. 23.

⁴⁰ A.K. Broki (1975), *Islam in the Modern World*. Lahore, h. 126.

ilmu pengetahuan amat jelas. Hasil daripada kesedaran itu akhirnya sebuah sekolah moden beraliran islah telah didirikan di Singapura, iaitu Madrasah al-Iqbal al-Islamiyyah. Ia didirikan oleh Othman Effendi Ra'fat dan penaungnya ialah Raja Haji Ali Ibn Raja Muhammad Yusuf (al-Marhum Ahmadi). Madrasah ini dibuka dengan rasminya pada tahun 21 November 1907M.⁴¹ Penubuhannya adalah untuk memenuhi keperluan semasa serta persaingan dengan sekolah penjajah.⁴² Ia juga bertujuan mengembangkan agama Islam, menyalurkan penentangan terhadap fahaman khurafat dan berusaha membangunkan kembali sikap kritis umat Islam terhadap perubahan-perubahan yang berlaku disekitarnya khususnya kemodenan yang dibawa oleh dunia barat.⁴³

Madrasah Iqbal al-Islamiyyah ini dilihat mengetengahkan pendekatan integrasi ilmu dalam sistem pendidikannya. Ini dapat dibuktikan menerusi subjek-subjek yang bersifat integrasi diajar di sekolah ini seperti Pengetahuan Agama Islam, Bahasa Arab, Bahasa Inggeris, Bahasa Melayu, Matematik, Geografi, Sejarah, Khutbah dan karang mengarang.⁴⁴ Hal sedemikian berlaku kerana sekolah ini banyak mengikut sistem persekolahan di Mesir dan di barat.⁴⁵

Pendekatan yang dilakukan Madrasah Iqbal al-Islamiyyah menarik perhatian masyarakat dan ia merintis jalan kepada penubuhan beberapa buah madrasah lain di Tanah Melayu. Ini terbukti apabila Madrasah al-Hadi di Melaka ditubuhkan pada 1917M⁴⁶ dan Madrasah

⁴¹ *Al-Imam*, Bil. 4 Jil. 2, 8 Oktober 1907, h. 120-122, *Al-Imam*, Bil. 12, Jil. 2, 1 Jun 1908, h. 388, William R. Roff (1967), *op.cit.*, h. 58 & 66.

⁴² *Al-Imam*, Bil. 12, Jil. 3, 1 Jun 1908, h. 372-375.

⁴³ Talib Samat (1992), *op.cit.*, h. 44.

⁴⁴ *Al-Imam*, Bil. 4, Jil. 2, 1 8. Oktober 1907, h.122-123. Lihat juga Abdullah Jusoh (1989), *Pengenalan Tamadun Islam di Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 95.

⁴⁵ William Roff (1967), *op.cit.*, h. 66.

⁴⁶ Madrasah al-Hadi didirikan oleh Syed Syeikh al-Hadi pada tahun 1917 di Bandar Kaba Melaka adalah sekolah agama yang kedua yang didirikan di Tanah Melayu. Ia didirikan ekoran daripada kegagalan Madrasah al-Iqbal. Pengajaran madrasah ini dijalankan dalam bahasa Arab dan tenaga pengajarnya adalah terdiri daripada golongan muda yang sama-sama mendapat pendidikan daripada Syaykh Muhammad 'Abduh di Mesir. Walau bagaimanapun madrasah ini terpaksa ditutup pada tahun 1918 kerana pelbagai faktor. Antaranya disebabkan oleh masalah keewangan, ketiadaan guru yang berkelayakan dan fenomena masyarakat tempatan yang masih tebal dengan pengajaran secara tradisional. Tambah pula wujudnya pertentangan antara Golongan Muda dan Golongan Tua di Melaka mempercepatkan penutupan Madrasah al-Hadi ini. Talib Samat (1992), *op.cit.*, h. 45.

al-Masyhor al-Islamiah⁴⁷ di Pulau Pinang pada 1919M⁴⁸ yang kemudiannya menjadi salah sebuah sekolah agama yang terkenal di Tanah Melayu.⁴⁹ Walaupun pada mulanya dua madrasah terawal ini terpaksa ditutup kerana mengalami masalah keewangan, tetapi sistem madrasah ini terus berkembang di merata negeri sepanjang abad ke 20M bagi memenuhi tuntutan perkembangan pembaharuan Islam yang menjalar di dalam masyarakat Melayu.⁵⁰

Pada tahun 1912, sebuah Madrasah ditubuhkan di Pahang oleh Hj. Omar dan Hj. Hassan Senik di Kampung Ketapang Pekan, Pahang. Kemudian Tuan Habib Hasan yang datang dari Johor telah membuka sebuah sekolah terulung di Ketapang pada 1923M, dengan nama Sekolah Agama al-Attas Ketapang.⁵¹ Manakala di Kelantan, didirikan Madrasah Muhamadiyah Melayu di Kota Bharu oleh Majlis Agama dan Adat Istiadat Melayu Kelantan. Sebelum itu Madrasah Khayriyyah telah didirikan di Lorong Tok Semian Kota Bharu pada tahun 1910M yang dianggap sebagai madrasah pertama di Negeri Kelantan.⁵² Sementara

⁴⁷ Madrasah al-Masyhur Al-Islamiah sebenarnya dibina dengan bantuan dan kerjasama beberapa orang Arab dan penduduk tempatan di Pulau Pinang. Kegagalan Madrasah al-Hadi di Melaka mendorong Syed Syeikh al-Hadi memindahkannya ke Pulau Pinang. Madrasah al-Masyhur al-Islamiah dibina di Tek Soon Street Pulau Pinang pada tahun 1919. Ia diberi nama sedemikian sempena nama seorang pujangga dan penganjur umat Islam yang terkemuka di Utara Semenanjung Tanah Melayu waktu itu. Syed Syeikh al-Hadi menumpukan sepenuh usaha dan perhatiannya untuk memajukan Madrasah Al-Masyhur ini dan di sinilah pemikirannya dapat disebar dengan meluas. Dengan bantuan rakan-rakan yang sealiran dengan perjuangannya, Syed Syeikh al-Hadi mengurus perjalanan madrasahnyanya dengan jaya berbanding dengan madrasah-madrasah yang dibina sebelumnya. Tokoh-tokoh terkemuka yang bersama-sama dalam menerbitkan *Al-Imam* seperti Syaykh Tahir Jalaluddin turut menyumbangkan tenaga yang tidak sedikit dalam memperhebat perkembangan madrasah ini. Madrasah ini merupakan salah sebuah sekolah agama yang terkenal dan berpengaruh di Tanah Melayu, malah telah berjaya menghasilkan pelajar-pelajar yang terkemuka seperti Dr. Burhanuddin Al-Helmy, bekas yang Di-Pertua Parti Islam Se-Malaysia (PAS) yang pertama, Haji Abu Bakar Ashaari (Perlis) dan lain-lain. *Ibid.*, h. 45-46.

⁴⁸ Rahim bin Osman (t.t), "Madrasah al-Masyhur al-Islamiah", dalam

Islam di Malaysia, Persatuan Sejarah Malaysia, h. 76-77.

⁴⁹ Lihat William Roff (1967), *op.cit.*, h. 82.

⁵⁰ Wahibah bt. Twahir @Tahir (1995), *Ketokohan Wanita Dalam Sejarah Pendidikan Islam di Malaysia: Kajian Khusus di Negeri Kelantan*, Kuala Lumpur: Fakulti Usuluddin, Akademi Islam, h. 156.

⁵¹ Abdullah Jusoh (1989), *op.cit.*, h. 18.

⁵² Nik Mohamad bin Nik Md. Salleh (1985), "Perkembangan Pendidikan atau Pengajian Islam di Negeri Kelantan", dalam *Warisan Kelantan IV*, Khoo Kay Kim (ed.). Kota Bharu: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan, h. 95.

di Terengganu dengan inisiatif pegawai-pegawai tinggi Melayu yang bersemangat dengan pendidikan Islam, Madrasah Zainal Abidin telah didirikan di Kuala Terengganu dalam tahun 1925.⁵³

Manakala di Johor pula, Madrasah Khayriyah didirikan oleh Penghulu Hj. Hasan bin Hj. Taib dengan bantuan saudaranya Hj. Jaafar serta masyarakat tempatan. Seterusnya pada tahun 1912M, beliau membuka pula Madrasah Hj. Taib di Muar Johor. Seterusnya pada tahun 1934, muncul dua buah madrasah yang terkenal di seluruh Tanah Melayu, iaitu Madrasah Ihya' al-Syarif Gunung Semanggol di Perak⁵⁴ yang diasaskan oleh Haji Abu Bakar al-Bakir⁵⁵ dan Maktab Mahmud di

⁵³ Yazid Othman (1978), "Sekolah Sulan Zainal Abidin dan Tokoh-Tokohnya" dalam *Nada Minggu dan Berita Minggu*, 30 Julai, 1978, h. 20-21.

⁵⁴ Sejarah penubuhan Maahad Il Ihya Assyarif yang diasaskan oleh Abu Bakar al-Bakir pada tahun 1934 di Gunung Semanggol Perak telah ditulis oleh Nabir Hj. Abdullah dengan lengkap. Sila lihat Nabir Haji Abdullah (1976), *Maahad IL Ihya Assyarif Gunung Semanggol 1934-1975*, Kuala Lumpur: Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia.

⁵⁵ Abu Bakar al-Bakir bin Said adalah pengasas kepada Maahad Il Ihya Assyarif. Beliau adalah dari keturunan Jawa. Datoknya datang dari Jawa Tengah iaitu dari jajahan Kendal. Abu Bakar dilahirkan pada tahun 1907 di Gunung Semanggol dan apabila berusia enam tahun beliau dimasukkan ke Sekolah Melayu hinggalah tamat darjah lima. Darjah lima adalah kelas tertinggi yang kedapatan di Semanggol ketika itu sehingga tahun 1931. Bagi menyambung pelajarannya beliau dimasukkan ke Sekolah Pondok al-Rahmaniah dan meneruskan pengajian di sekolah itu selama enam tahun iaitu dari tahun 1919 sehingga 1924. Pada peringkat menengah, beliau meneruskan pengajiannya di Madrasah Dairatul Ma'arif Wataniah, Kepala Batas, Seberang Prai Utara dan berada di sekolah ini selama enam tahun. Semasa di sekolah ini beliau mendapat pendidikan daripada ulama lulusan dari Timur Tengah seperti Ustaz Abdullah Pak Ahim yang mendapat kelulusan daripada Masjid al-Haram, Mekah. Semasa menuntut di sini banyak pengalaman dan kegiatan yang diperolehi, yang utamanya ialah menubuhkan Madrasah iaitu Kanzil Maarif dengan petunjuk daripada Ustaz Abdullah Pak Ahim. Kecemerlangannya menyebabkan Ustaz Abdullah Pak Ahim memberikan kepadanya gelaran al-Baqir. Apabila gurunya itu berpindah ke Kuala Kangsar, maka Abu Bakar telah ikut serta kerana mahu meneruskan pengajiannya sehingga peringkat tinggi. Oleh itu beliau memasuki Madrasah Idrisiah di mana Ustaz Abdullah Pak Ahim mengajar di situ. Beliau belajar di sini hanya dua tahun sahaja dan dua tahun berkhidmat sebagai guru pelatih sebelum pulang ke Semanggol pada tahun 1933. Setelah empat tahun di Idrisiah beliau pulang ke kampung halamaninya Gunung Semanggol dan selepas itu beliau mendirikan Madrasah Ihya Assyarif pada 15 April 1934, bersamaan 1 Muharram 1353. Il Ihya Assyarif bererti menghidupkan kemuliaan terutama dalam soal agama Islam. Dengan menghidupkan kemuliaan agama inilah maka tercetusnya masyarakat yang memuliakan dunia dan akhirat dalam bangsa Melayu. Perjuangan Abu Bakar al-Bakir lebih menyerlah apabila beliau dengan tokoh-tokoh Kaum Muda menubuhkan sebuah pertubuhan politik iaitu Hizbul Muslimin pada tahun 1948. Lihat Nabir Hj. Abdullah (1976), *op.cit.*, h. 33-38. Mohd. Sarim Hj. Mustajab (1979), "Gerakan Islah Islamiyyah Di Tanah Melayu 1906 Hingga 1948", dalam *op.cit.*, h. 166.

Alor Star, Kedah yang menjadi pusat gerakan Islam bagi pelajar-pelajar Melayu Semenanjung.⁵⁶

Sistem pendidikan madrasah dalam bentuk baru yang diperkenalkan oleh ulama aliran *al-Manar* seperti Syeikh Tahir Jalaluddin, Syed Syeikh al-Hadi dan rakan-rakan dilihat memberi kesan yang tidak sedikit kepada sistem pengajian pondok yang telah lama bertapak di negeri-negeri Melayu khususnya di pantai Timur. Malah sistem pendidikan ini juga memberi saingan kepada sistem pendidikan sekular yang diperkenalkan oleh penjajah British di Tanah Melayu ketika itu. Sistem ini bertujuan melahirkan pelajar-pelajar yang alim, berilmu dan bertanggungjawab kepada diri, bangsa dan agama.⁵⁷ Perjuangan ini mendapat tentangan daripada ulama konservatif, tetapi dipertahankan oleh mereka menerusi majalah islah khususnya *Al-Imam*.⁵⁸ Malah *al-Imam* yang merupakan lidah rasmi ulama aliran *al-Manar* atau Kaum Muda telah menekankan kepentingan pelajaran sebagai kunci untuk kesedaran dan kemajuan satu-satu bangsa.⁵⁹ Perjuangan ulama Kaum Muda memartabatkan kedudukan orang Melayu dan umat Islam khususnya dalam bidang pendidikan jelasnya amat selari dengan saranan Sayyid Muhammad Rasyid Rida yang dimuatkan dalam majalah *al-Manar* dan *Tafsir al-Manar* yang banyak tersebar di Malaysia.

Kesimpulan

Sesungguhnya pengaruh *al-Manar* dan kesannya dalam perjuangan memartabatkan pendidikan orang-orang Melayu amat jelas. Para ulama yang terpengaruh dengan *al-Manar* adalah generasi pelopor yang memberi kesedaran kepada orang-orang Melayu tentang kepentingan pendidikan dan menguasai ilmu pengetahuan. Hasil daripada kesedaran itu menyebabkan orang-orang Melayu mula menghantar anak-anak

⁵⁶ Abdullah Jusoh (1989), *op.cit.*, h. 19, Sobri Salamon (1988), "Falsafah Pendidikan Islam dan Dasar Pelajaran Malaysia", dalam *Masalah Pendidikan Islam di Malaysia*, Kuala Lumpur: al-Rahmaniah, h. 21.

⁵⁷ Talib Samat (1992), *op.cit.*, h. 44, 46.

⁵⁸ Abdullah bin Haji Jaafar (1984), "*Al-Imam*", dalam Khoo Kay Kim (ed.), *op.cit.*, h. 97.

⁵⁹ Abdullah Hj. Jaafar (1971), *Al-Imam*, Kajian ilmiah, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, h. 39.

mereka ke sekolah-sekolah kerajaan atau sekolah-sekolah agama yang diusahakan oleh ulama aliran *al-Manar*.

Sehubungan dengan itu, pendekatan sederhana yang dikemukakan oleh ulama aliran *al-Manar* berjaya menarik perhatian orang-orang Melayu menghayati perjuangan memartabatkan kedudukan mereka menerusi agenda pendidikan yang bersifat sepadu, anjal dan menyeluruh merangkumi kaum lelaki dan wanita yang merupakan sebahagian daripada entiti ummah. Perjuangan yang dicanang oleh mereka juga bersifat realistik dengan keadaan sebenar yang dialami oleh orang-orang Melayu. Justeru pendekatan yang diambil oleh ulama aliran *al-Manar* dengan mewujudkan sekolah-sekolah agama aliran moden merupakan tindakan tepat bagi melahirkan pelajar-pelajar Melayu yang mempunyai kekuatan jati diri dan ketahanan daya saing dengan bangsa-bangsa lain.

Bibliografi

A.K. Broki (1975), *Islam in the Modern World*. Lahore.

Abdul Aziz Mat Ton (2001), *Politik al-Imam*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Abdullah bin Haji Jaafar (1984), *Majalah dan Akhbar Melayu Sebagai Sumber Sejarah*, dalam Khoo Kay Kim (ed.), *Sejarah Masyarakat Melayu Moden*. Kuala Lumpur: Jabatan Penerbitan Universiti Malaya.

_____ (1971), *Al-Imam*, Kajian ilmiah, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Abdullah Jusoh (1989), *Pengenalan Tamadun Islam di Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Adnan Haji Nawang (1997), “Zainal Abidin bin Ahmad (Za’ba)”, dalam *Biografi Tokoh Pilihan Malaysia*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Al-Imam (1906), “Pelajaran”, Bil. 1, Jil. 1, 23 Julai 1906, h. 21-26.

Asiah Abu Samah (1960), *Emancipation of Malay Women (1945-57)*, Kajian Ilmiah, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Singapura.

Dr. Burhanuddin al-Helmy (1999), “Agama dan Politik”, dalam Panel Pengkaji Sejarah Pusat Penyelidikan PAS, *PAS Dalam Arus Perjuangan Kemerdekaan*, Shah Alam: Angkatan Edaran Ent.Sdn. Bhd.

_____ (1963), *Asas Falsafah Kebangsaan Melayu*. Djakarta : Tekad.

Hasan bin Abdullah Al-Eh Syeikh (1984), *Bagaimana Layanan Islam Terhadap Wanita*, Kuala Lumpur: Pustaka Zakry Abadi.

Hashim Awang (1979), “Fiksyen Melayu Di Antara Tahun-Tahun 1925-1941: Satu Tinjauan Sejarah Sosial Masyarakat Peribumi Sebelum Perang Dunia II”, dalam *Malaysia: Sejarah dan Proses Pembangunan*. Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia.

Ibrahim Ahmad al-‘Adawi, (t.t), *Rasyid Rida al-Imam al-Mujahid*, Mesir: al-Mu’assasah al-Misriyyah al-‘Ammah.

Leonare Manderson (1981), *Wanita, Politik dan Perubahan: Pergerakan Kaum Ibu UMNO Malaysia 1945-1972*, Samsudin Jaapar (terj.), Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti.

Lihat surat persendirian Zainal Abidin Ahmad (Za’ba) di Arkib Negara Malaysia, SP Zainal Abidin Ahmad, 1/2002/00454, 1/2002/00453.

Majalah al-Ikhwān, Penggal 1, jil. 1, 16 September 1926.

Marina Merican (1960), *Sayid Syeikh Al-Hadi dan Pendapatnya tentang Kemajuan Kaum Perempuan*, Tesis Ijazah Sarjana Muda Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Mohamad Abu Bakar (1989), “Pemodenan, Pengislaman dan Pembebasan Wanita Melayu”, dalam *Tamadun Melayu*, Jil.1, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Mohd. Sarim Hj. Mustajab (1979), “*Gerakan Islah Islamiyyah Di Tanah Melayu 1906 Hingga 1948*”, dalam *Malaysia, Sejarah Dan Proses Pembangunan*, Persatuan Sejarah Malaysia, Kuala Lumpur.
- Muhammad Rasyid Rida (1327), *al-Manar*, j. 1, Kaherah: Dar al-Manar.
- Muhd. Yusof Ibrahim (1997), *Pensejarahan Melayu 1800-1960*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nabir Haji Abdullah (1976), *Maahad IL Ihya Assyarif Gunung Semanggol 1934-1975*, Kuala Lumpur: Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nik Mohamad bin Nik Md. Salleh (1985), “Perkembangan Pendidikan atau Pengajian Islam di Negeri Kelantan”, dalam *Warisan Kelantan IV*, Khoo Kay Kim (ed.). Kota Bharu: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan.
- Rahim bin Osman (t.t), “Madrasah al-Masyhur al-Islamiah”, dalam *Islam di Malaysia*, Persatuan Sejarah Malaysia.
- Ramlan b. Hamzah (1975), “Halangan Inggeris menyekolahkan orang Melayu”, dlm. *Mastika*, Jun 1975.
- Sobri Salamon (1988), “Falsafah Pendidikan Islam dan Dasar Pelajaran Malaysia”, dalam *Masalah Pendidikan Islam di Malaysia*, Kuala Lumpur: al- Syed Sheikh bin Ahmad al-Hadi (1931), *Kitab Uagama Islam dan Akal*. Pulau Pinang: Jelutong Press.
- Talib Samat (1992), *Syed Syeikh al-Hadi Sasterawan Progresif Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Virginia H. Dancz (1987), *Women and Party Politics in Peninsular Malaysia*. Singapore: Oxford University Press.
- Wahibah bt. Twahir @Tahir (1995), *Ketokohan Wanita Dalam Sejarah Pendidikan Islam di Malaysia: Kajian Khusus di Negeri Kelantan*, Kuala Lumpur: Fakulti Usuluddin, Akademi Islam.

William R. Roff (1967), *The Origins of Malay Nationalism*, Kuala Lumpur: University of Malaya Press.

Yazid Othman (1978), “Sekolah Sulan Zainal Abidin dan Tokoh-Tokohnya” dalam *Nada Minggu dan Berita Minggu*, 30 Julai, 1978.

Zaiton bt. Ghani (1984), “Wanita Melayu Dalam Politik 1946-1948”, dalam Khoo Kay Kim (ed.), *Sejarah Masyarakat Melayu Modern*, Kuala Lumpur: Jabatan Penerbitan Universiti Malaya.

IMPAK SOSIOEKONOMI KE ATAS DINAMIK PERKAHWINAN DAN KUALITI KEIBUBAAPAN WANITA MELAYU

(SOSIO-ECONOMY IMPACTS ON MALAY WOMEN DYNAMIC MARRIAGE AND PARENTAGE)

Noralina Omar

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti impak sosioekonomi ke atas dinamik perkahwinan dan kualiti keibubapaan dalam kalangan wanita Melayu. Tugas keibubapaan penting dalam menentukan kualiti modal insan yang terhasil. Kesejahteraan perkahwinan turut penting apabila institusi bertindak sebagai pemangkin kepada kualiti modal insan yang dihasilkan. Namun, kelemahan sosioekonomi berisiko memberi impak negatif ke atas dinamik perkahwinan dan kualiti keibubapaan. Implikasinya, bagaimanakah bentuk generasi muda yang diasuh dalam keluarga tersebut? Mampukah mereka menjadi ahli masyarakat yang berguna dan modal insan yang baik kepada negara? Seramai 420 wanita (ibu) daripada latar belakang sosioekonomi yang rendah telah dipilih sebagai responden kajian. Hasil kajian menunjukkan bahawa kelemahan sosioekonomi memberi impak yang signifikan ke atas dinamik perkahwinan dan keibubapaan. Responden yang lemah sosioekonomi mempunyai kualiti perkahwinan dan keibubapaan yang rendah. Perkara ini memandangkan keluarga yang mempunyai taraf sosioekonomi yang rendah lebih menumpukan aktiviti harian mereka terhadap perkara yang boleh mendatangkan dan meningkatkan pendapatan keluarga. Oleh yang demikian, langkah sewajarnya perlu dilaksanakan atau diteruskan bagi meningkatkan taraf sosioekonomi golongan terbabit.

Abstract

This research aims to identify the socioeconomic impact towards marital dynamics and parenting quality among Malay women. Parental task is important in determining human capital quality that is produced. Marital wellbeing is also important which it acts as an enhancer to the human capital quality that is produced. However, socioeconomic weakness is a risk in giving negative impact towards marital dynamics and parenting quality. The implication is how the shape of the new generation which is nurtured in such a family going to be? Are they able to be a useful society member and good human capital to the nation? The total of 420 Malay married women (mothers) from the low socioeconomic group was chosen as the respondents. Research findings showed that socioeconomic weakness gives a significant impact to the marital dynamics and parenting quality. This is because low socioeconomic families are focusing more on daily activities which can produce or increase their family income. So, genuine steps should be taken and continued in order to increase the socioeconomic status among the involved group.

Pendahuluan

Keluarga merupakan agen sosialisasi paling asas dalam membentuk individu. Proses yang berlaku dalam keluarga pula penting dalam menentukan perkembangan ahli di dalamnya. Dinamik yang berlaku dalam keluarga juga penting dalam menentukan sejauh mana keluarga dapat dipertahankan sebagai sebuah institusi sosial asas yang harmoni, kukuh dan sejahtera. Elemen-elemen dalam keluarga tersebut berpengaruh dalam menentukan kekukuhan dan kesejahteraan sesebuah masyarakat.

Sebagai sebuah sistem sosial, keluarga mengandungi tiga buah subsistem iaitu perkahwinan (suami isteri), ibu bapa - anak dan adik-beradik (Belsky, 1984). Kesemua subsistem tersebut saling melengkapi dan mempengaruhi antara satu sama lain. Walau bagaimanapun, kajian ini akan memberi fokus kepada dua subsistem, iaitu perkahwinan dan ibu bapa. Hubungan perkahwinan telah diperakui sebagai teras perpaduan dan keharmonian dalam keluarga. Keibubapaan pula penting dalam proses sosialisasi anak. Oleh yang demikian, tahap kualiti hubungan

perkahwinan antara suami isteri sedikit sebanyak mempengaruhi perpaduan dan keharmonian dalam keluarga.

Hasil-hasil kajian terdahulu menunjukkan bahawa hubungan perkahwinan yang tidak baik boleh menjejaskan kualiti keibubapaan dan seterusnya menjejaskan perkembangan anak dan akhirnya menghasilkan anak yang mempunyai tingkah laku yang negatif. Beberapa kajian (Belsky 1984; Fauber, Forehead, Thomas & Wierson 1990; Harrist & Ainslie 1998; Lucas-Thompson & Clarke-Stewart 2007, Simons, Lorenz, Conger & Wu 1992) jelas menunjukkan bahawa ketidakharmonian dalam hubungan perkahwinan berupaya menjejaskan hubungan antara ibu bapa dan anak, dan seterusnya menyumbang kepada perkembangan anak yang negatif. Hal ini disebabkan konflik yang wujud dalam hubungan perkahwinan berkait dengan tingkah laku keibubapaan yang tidak konsisten (McElwain & Volling 1999) dan lemah (Jekielek 1998). Tingkah laku keibubapaan yang tidak berkesan ini pula berupaya menjejaskan hubungan ibu bapa – anak (McElwain & Volling 1999) dan mempengaruhi kesejahteraan emosi anak (Jekielek 1998). Malah, dalam satu kajian lain, konflik yang berlaku dalam perkahwinan juga turut menjejaskan hubungan ibu bapa – anak dan seterusnya memberi kesan kepada penyesuaian emosi dan tingkah laku anak yang lemah (Kline, Johnson & Tscham 1991). Maka, ketidakharmonian dalam perkahwinan mampu mempengaruhi hubungan ibu bapa - anak dan seterusnya mempengaruhi perkembangan anak.

Secara umum, faktor dalam kehidupan keluarga berupaya mempengaruhi penyesuaian anak di sekolah (Ketsetzis & Ryan 1998). Selain itu, hubungan perkahwinan yang tidak sejahtera dikaitkan dengan hubungan ibu bapa – anak yang tidak sejahtera dan seterusnya tingkah laku ganas di kalangan anak (Harrist & Ainslie 1998). Dapatan tersebut menggambarkan bahawa ketidakharmonian yang wujud dalam institusi perkahwinan bukan sahaja memberi kesan negatif kepada ahli-ahlinya, malah turut menyumbang kepada masalah tingkah laku dan penularan gejala sosial yang semakin meruncing.

Faktor sosioekonomi telah dikenal pasti sebagai salah satu faktor yang boleh mempengaruhi dinamik perkahwinan dan keibubapaan. Keadaan sosioekonomi yang lemah seperti pendapatan yang sedikit tidak

mencukupi untuk menampung ahli keluarga yang ramai dan tidak mempunyai pekerjaan tetap akibat kurang kelayakan akademik.

Pada umumnya, keluarga yang mempunyai status sosioekonomi yang rendah mempunyai kediaman yang kurang sempurna, amalan pemakanan dan penjagaan kesihatan yang kurang memuaskan serta berpendapatan rendah (Power & Maluccio, 1998). Tekanan demi tekanan yang dialami oleh keluarga tersebut berpotensi untuk memburukkan lagi kehidupannya. Perkara yang dapat ingin digambarkan di sini ialah akibat kelemahan dan kekurangan dari segi sosioekonomi, sesebuah keluarga itu mungkin tidak mampu hidup dengan sempurna, mengamalkan pemakanan yang berkhasiat dan anak tidak mampu mencapai tahap pendidikan yang baik. Taraf pendidikan yang rendah pula boleh mempengaruhi jenis pekerjaan dan jumlah pendapatan yang diterima. Secara keseluruhan, kelemahan sosioekonomi boleh mengakibatkan wujudnya lain-lain faktor berisiko dalam keluarga.

Kelemahan sosioekonomi mampu memberi impak ke atas dinamik perkahwinan dan keibubapaan. Perkara ini jelas apabila dapatan pengkaji terdahulu menunjukkan bahawa pasangan suami isteri yang berpendidikan rendah (Glenn, 1990), jumlah pendapatan yang sedikit (Schumm & Bugaighis, 1986) dan kedudukan kewangan yang tidak stabil (Dudley & Dudley, 1994) mempunyai kualiti perkahwinan yang kurang memuaskan. Manakala, hasil kajian Whiteside-Mansell dan Pope (1996) pula menunjukkan ibu yang tinggal dalam kemiskinan mempunyai kualiti tingkah laku keibubapaan yang rendah. Selain itu, kajian Hashima dan Amato (1994) juga mendapati ibu bapa yang mengalami tekanan ekonomi selalu bermasalah dalam tingkah laku keibubapaan. Satu kajian lain juga mendapati ibu bapa yang berpendapatan rendah mengamalkan didikan autokratik dan tidak mempunyai hubungan rapat dengan anak (Mohd. Shafie, 1995).

Metodologi

Sebuah kajian telah dilakukan bagi mengenal pasti impak sosioekonomi ke atas dinamik perkahwinan dan kualiti keibubapaan dalam kalangan wanita Melayu daripada keluarga bertaraf sosioekonomi rendah. Berikut ini akan dijelaskan butir-butir dan dapatan kajian.

Persampelan

Kaedah persampelan rawak telah digunakan untuk pemilihan sampel dalam kajian ini. Responden kajian terdiri daripada 420 wanita berbangsa Melayu yang mempunyai sekurang-kurangnya seorang anak yang berumur 11, 14 dan 16 tahun di negeri Johor, Selangor, Kedah dan Kelantan. Mereka ini juga terdiri daripada keluarga lengkap sahaja. Oleh kerana kajian ini meneliti keluarga yang lemah sosioekonomi, maka responden kajian dipilih berdasarkan faktor-faktor risiko berkait dengan sosioekonomi yang terdapat pada mereka. Antaranya ialah taraf pendidikan dan jumlah pendapatan.

Instrumentasi

Kualiti Perkahwinan

Kualiti perkahwinan diukur dengan menggunakan 3 instrumen berbeza bagi mengukur 3 dimensi, iaitu kepuasan, masalah dan kemahiran mengendali konflik dalam perkahwinan.

Dimensi kepuasan perkahwinan diukur dengan menggunakan skala *Kansas Marital Satisfaction Scale* (Schumm, 1986)(diubah suai oleh Rumaya, 1997) supaya lebih sesuai dengan budaya masyarakat yang dikaji. Instrumen tersebut mengandungi 4 item. *Marital Problem Questionnaire* yang telah diubah suai pula digunakan untuk menilai perkara-perkara yang boleh menimbulkan konflik antara responden ibu bersama pasangan dan keluarganya. Instrumen yang diasaskan oleh Douglass dan Douglass (1995) ini mengandungi 30 item dan terbahagi kepada 2 bahagian utama. Dimensi kemahiran mengendali konflik pula diukur dengan menggunakan *Conflict Tactics Scales*. Instrumen yang diasaskan oleh Straus (1979) ini mempunyai 19 item dalam 3 subskala iaitu rasionalisasi, serangan simbolik dan keganasan dan telah diubah suai mengikut kesesuaian norma Malaysia.

Kualiti Tingkah laku Keibubapaan

Pemboleh ubah kualiti tingkah laku keibubapaan pula diukur menggunakan instrumen *Parental Questionnaire* (Lempers et. al., 1989).

Skala ini mengandungi 29 item yang berkait dengan aspek pengasuhan, pengawasan dan konsistensi dalam tingkah laku disilin ibubapa terhadap anak.

Hasil Kajian

Maklumat Ciri Sociodemografi Responden dan Pasangan

Seramai 420 orang isteri telah dipilih sebagai responden kajian. Mereka terdiri daripada isteri berbangsa Melayu yang menetap di kawasan luar bandar daerah terpilih di 4 buah negeri di Semenanjung Malaysia, iaitu Selangor, Kelantan, Kedah dan Johor.

Jadual 1 menunjukkan maklumat ciri sociodemografi responden. Pada umumnya, majoriti (61.7%) responden yang terlibat dalam kajian ini berada dalam lingkungan umur 40 hingga 55 tahun (min=42.1, sp.=6.7). Ini bermakna sebahagian besar responden kajian ini masih berada dalam lingkungan umur produktif di mana mereka ini masih boleh menyumbang kepada guna tenaga negara.

Jadual 1: Maklumat Ciri Sociodemografi Responden dan Pasangan

	Responden		Pasangan	
	n(%)	Min Sp.	n(%)	Min Sp.
<u>Umur(tahun)</u>				
Kurang 30	9 (2.1)		0 (0)	
30 – 39	144 (34.3)		55 (13.1)	
40 – 55	259 (61.7)		294 (70.0)	
56 dan ke atas	8 (1.9)		71 (16.9)	
Keseluruhan	420 (100)	42.1 6.7	420 (100)	48.1 8.7
<u>Jumlah tahun pendidikan</u>				
0	122 (29.0)		85 (20.2)	
1 – 6	224 (53.4)		246 (58.6)	
7 dan ke atas	74 (17.6)		89 (21.2)	
Keseluruhan	420 (100)	4.6 3.5	420 (100)	5.3 3.3

Status pekerjaan

Suri rumah/ tidak bekerja	344 (81.9)	20 (4.7)
Tidak tetap	4 (1.0)	83 (9.8)
Tetap	72 (17.1)	317 (75.5)
Keseluruhan	420 (100)	420 (100)

Pendapatan

0	344 (81.9)	20 (4.7)
500 dan ke bawah	74 (17.6)	342 (81.4)
RM 501 dan ke atas	2 (0.5)	58 (13.8)
Keseluruhan	76 (100)	46.8 115.1 398 (100) 366.7 209

(yang bekerja sahaja)

Pendapatan keluarga

RM500 ke bawah	283 (67.4)
RM501 – 1500	135 (32.1)
RM1501 ke atas	2 (0.5)
Keseluruhan	420 (100) 487.4 210.7

Nota. min=purata, Sp.=sisihan piawai.

Kebanyakan (53.4%) responden dalam kajian ini juga mempunyai jumlah tahun pendidikan antara 1 hingga 6 tahun. Ini menunjukkan sebahagian besar responden hanya menerima pendidikan kurang dari 7 tahun di institusi pendidikan formal. Mereka ini boleh diklasifikasikan sebagai berpendidikan rendah.

Status pekerjaan dalam kajian ini dibahagikan kepada tetap, tidak tetap dan suri rumah/tidak bekerja. Berdasarkan data kajian, sebahagian besar (81.9%) responden dalam kajian ini adalah suri rumah sepenuh masa dan hanya sebahagian kecil (1.0%) mempunyai pekerjaan yang tidak tetap.

Bagi pendapatan responden pula, sebahagian besar mereka yang terlibat dalam kajian ini adalah terdiri daripada golongan berpendapatan rendah (kurang RM500 sebulan). Ini seiring dengan jumlah tahun pendidikan dan status pekerjaan mereka. Maklumat ini memberi gambaran bahawa kebanyakan responden dalam kajian ini mempunyai

kedudukan kewangan yang rendah. Jika diteliti dari segi pendapatan bulanan keluarga juga, kebanyakannya (67.4%) masih dalam kategori berpendapatan rendah, iaitu kurang RM500 sebulan.

Taraf pendidikan yang rendah (Othner & Neenan, 1996; Rak & Patterson, 1996), tidak mempunyai pekerjaan tetap (Larson, 1984; Liem & Liem, 1988; Thomas et. al., 1984) dan berpendapatan rendah (Power & Maluccio, 1998; Voydanoff & Donnelly, 1998) merupakan faktor risiko dalam persekitaran keluarga. Oleh itu, rumusan yang boleh dibuat mengenai ciri sosiodemografi responden ialah hampir kesemua ciri sosiodemografi yang dikaji menunjukkan responden kajian ini mempamerkan ciri sosioekonomi yang lemah.

Sebagai ketua keluarga, maklumat ciri sosiodemografi suami juga penting dalam mengkaji isteri. Kebanyakan (70.0%) pasangan responden dalam kajian ini berumur antara 40 hingga 55 tahun (min=48.1, sp.=8.7). Sebahagian besar (58.6%) pasangan responden juga mempunyai jumlah tahun pendidikan selama 1 hingga 6 tahun, iaitu sama dengan isteri, iaitu hanya setakat sekolah rendah.

Namun begitu, berhubung dengan status pekerjaan, majoriti (75.5%) suami kepada responden dalam kajian ini mempunyai pekerjaan yang tetap. Walaupun kebanyakan suami kepada responden bekerja tetap, pendapatan bulanan yang diperoleh adalah kurang daripada RM500. Ini sangat berkait dengan taraf pendidikan (jumlah tahun belajar) mereka. Maklumat ciri sosiodemografi pasangan responden lebih menjelaskan lagi keadaan keluarga responden yang lemah sosioekonomi.

Maklumat Latar belakang Perkahwinan Responden

Jadual 2 menunjukkan maklumat latar belakang perkahwinan responden. Pada umumnya, kebanyakan (77.6%) responden yang terlibat dalam kajian ini berkahwin pada usia yang muda, iaitu antara 15 hingga 25 tahun (min=20.4, sp.=5.4). Fenomena ini banyak berkait dengan tempoh penglibatan mereka dalam institusi pendidikan formal apabila kebanyakan mereka hanya belajar setakat sekolah rendah dan memulakan alam rumah tangga selepas tamat persekolahan.

Pada umumnya juga, kebanyakan (74.2%) responden telah berkahwin selama 15 hingga 29 tahun (min=21.7, sp.=7.2). Data tersebut memberi gambaran bahawa kebanyakan responden berada pada tahap kitaran hidup, iaitu anak-anak sedang meningkat remaja dan dewasa.

Jadual 2: Maklumat Latar Belakang Perkahwinan Responden

n (%)	min	Sp.	Min	Maks.	Min.
<u><i>Umur ketika berkahwin(tahun)</i></u>					
12 – 14	27 (6.4)				
15 – 25	326(76.3)				
26 – 51	67(16.0)				
keseluruhan	420 (100)	20.4	5.4	51	12
<u><i>Tempoh perkahwinan(tahun)</i></u>					
1 – 14	46(11.0)				
15 – 29	312(74.2)				
30 – 50	62(14.8)				
keseluruhan	420 (100)	21.7	7.2	50	1
<u><i>Bilangan anak(orang)</i></u>					
1 – 3	45(10.7)				
4 – 8	303(72.2)				
9 – 15	72(17.1)				
keseluruhan	420 (100)	6.3	2.4	15	1

Nota. min=purata, Sp.=sisihan piawai, Maks.=maksimum, Min.=minimum

Hasil kajian menunjukkan sebahagian besar (72.2%) responden mempunyai anak seramai 4 hingga 8 orang (min=6.3, sp.=2.4). Data tersebut menggambarkan bahawa kebanyakan responden kajian ini mempunyai anak yang ramai.

Berkahwin pada usia muda (Menaghan & Parcel, 1991; Whiteside-Mansell & Pope, 1996) dan bilangan anak yang ramai (Menaghan & Parcel,1991; Rak & Patterson, 1996) juga merupakan faktor risiko dalam keluarga. Oleh yang demikian, rumusan yang boleh dibuat mengenai

maklumat latar belakang perkahwinan menunjukkan responden sememangnya mempunyai faktor yang boleh mendatangkan risiko kepada keluarga mereka.

Kualiti Perkahwinan

Secara umumnya, majoriti (59.8%) responden dalam kajian ini mempunyai kepuasan perkahwinan yang rendah. Ini menunjukkan sebahagian besar responden kajian tidak atau kurang berpuas hati dengan perkahwinan mereka.

Hasil kajian menunjukkan kebanyakan (63.5%) responden memperoleh skor yang rendah. Ini memberi gambaran bahawa sebahagian besar responden kajian ini tidak mempunyai banyak masalah berhubung perkahwinan mereka. Berdasarkan nilai purata untuk setiap item bagi skala ini, 5 perkara yang paling kerap menimbulkan masalah dalam perkahwinan di kalangan responden ialah berkait dengan perasaan hati sendiri (min=1.88), perasaan hati pasangan (min=1.87), membayar bil (min=1.49), simpanan/pelaburan (min=1.45) dan perkara berhubung dengan matlamat dan keutamaan (min=1.41).

Kemahiran mengendali konflik perkahwinan dalam kajian ini lebih merujuk kepada teknik atau kaedah yang digunakan ketika berhadapan dengan konflik antara suami isteri. Pembahagian skor kepada 2 kategori dibuat berdasarkan nilai purata keseluruhan item. Skor adalah tinggi apabila berada di atas nilai purata manakala skor adalah rendah apabila berada di bawah nilai purata. Skor yang tinggi menunjukkan penggunaan teknik pengendalian konflik yang tinggi. Julat skor yang dicatatkan dalam kajian ini ialah di antara 19 hingga 47. Lebih separuh (56%) responden memperoleh skor yang rendah. Walau bagaimanapun, perbandingan dari segi peratusan yang dibuat antara subskala menunjukkan subskala keganasan menunjukkan skor yang paling rendah. Ini bermakna responden dalam kajian ini masih boleh bertindak secara rasional iaitu tanpa menggunakan kekerasan semasa berhadapan dengan konflik bersama pasangan masing-masing. Berdasarkan nilai purata untuk setiap item, hampir kesemua responden lebih gemar menyelesaikan konflik dengan berbincang secara tenang (min=3.88). Selain itu, cara lain yang paling kerap digunakan oleh responden semasa berkonflik ialah

mencari maklumat untuk menyokong pendapat masing-masing ketika berkonflik (min=2.62) ataupun menangis, (min=2.53) sebagai jalan penyelesaian kepada konflik di samping mendiamkan diri atau menarik diri dari bercakap semasa berkonflik (min=2.28).

Secara keseluruhan, hasil kajian menunjukkan kualiti perkahwinan adalah rendah. Responden kajian ini berpersepsi bahawa kepuasan perkahwinan mereka adalah rendah, di samping kurang menggunakan teknik penyelesaian semasa berkonflik walaupun mempunyai sedikit masalah dalam perkahwinan. Dapatan ini seiring dengan dapatan pengkaji terdahulu di mana mereka mendapati keluarga yang bertaraf sosioekonomi rendah mempunyai kualiti perkahwinan yang rendah atau kurang memuaskan (Dudley & Dudley, 1996; Glenn, 1990; Schumm & Bugaighis, 1986). Perkara ini adalah wajar kerana kepuasan perkahwinan menunjukkan perkaitan yang signifikan dengan keseluruhan kebahagiaan hidup (Bowman, 1990). Oleh yang demikian, kelemahan sosioekonomi yang dialami oleh keluarga boleh menggugat keseluruhan kebahagiaan hidup termasuk kualiti perkahwinan (Gerard & Buehler, 1999).

Kualiti Tingkah laku Keibubapaan

Hasil kajian menunjukkan lebih separuh (51.9%) responden menilai kualiti tingkah laku keibubapaan mereka sebagai rendah (min=69.2, sp.=8.5). Dapatan ini adalah membimbangkan kerana tingkah laku keibubapaan yang berkualiti adalah penting dalam pengasuhan dan sosialisasi anak.

Rumusan yang boleh dibuat berdasarkan hasil kajian mengenai variabel ini ialah kualiti tingkah laku keibubapaan adalah rendah dalam keluarga bersosioekonomi rendah. Dapatan ini adalah konsisten dengan dapatan pengkaji terdahulu seperti Whiteside-Mansell dan Pope (1996) yang mendapati faktor kemiskinan boleh merendahkan kualiti tingkah laku keibubapaan. Hashima dan Amato (1994) pula mendapati faktor risiko seperti tekanan ekonomi dan kurang sokongan sosial boleh menggugat kualiti tingkah laku keibubapaan.

Implikasi Kajian

Hasil kajian menggambarkan bahawa kelemahan sosioekonomi memberi impak yang signifikan ke atas dinamik perkahwinan dan keibubapaan. Responden yang lemah sosioekonomi mempunyai kualiti perkahwinan dan keibubapaan yang rendah.

Perkara ini memandangkan keluarga yang mempunyai taraf sosioekonomi yang rendah lebih menumpukan aktiviti harian mereka terhadap perkara yang boleh mendatangkan dan meningkatkan pendapatan keluarga. Perkara tersebut merupakan keperluan yang paling utama dalam hierarki keperluan berbanding perkara lain dalam hidup. Mencari sumber pendapatan yang mencukupi demi menjamin kecukupan dari segi keperluan makanan, tempat tinggal dan kos persekolahan anak menjadi keutamaan bagi golongan tersebut berbanding perkara lain termasuk membahagiakan perkahwinan dan mempunyai sistem keibubapaan yang baik.

Institusi perkahwinan memainkan peranan yang penting dalam pembangunan modal insan. Kesejahteraan institusi perkahwinan berpengaruh dalam menghasilkan modal insan berkualiti. Perkahwinan yang sejahtera berupaya memberi situasi yang kondusif kepada ibu bapa dalam aktiviti keibubapaan. Hubungan perkahwinan yang baik antara kedua ibu bapa pula membolehkan mereka memberikan kasih sayang, perhatian dan pengawasan terhadap anak secara optimum. Kualiti keibubapaan yang baik pula mampu menjadikan anak sebagai modal insan yang berkualiti.

Oleh yang demikian, tugas keibubapaan penting dalam menentukan kualiti modal insan yang terhasil. Namun demikian, kesejahteraan perkahwinan turut penting kerana ia bertindak sebagai pemangkin kepada kualiti modal insan yang dihasilkan. Perkahwinan yang sejahtera memberi suasana keibubapaan yang kondusif manakala aktiviti pengasuhan yang berkualiti penting dalam menentukan penghasilan modal insan yang berkualiti.

Oleh kerana fokus kepada pencarian sumber rezeki lebih diutamakan, maka mereka yang berada dalam golongan ini juga tidak

begitu menitikberatkan soal kualiti dalam hubungan perkahwinan mahupun keibubapaan. Kesannya, kualiti perkahwinan dan kualiti keibubapaan bagi keluarga dalam golongan ini berada pada tahap yang tidak memuaskan. Namun, apakah pula implikasinya kepada perkembangan generasi muda yang diasuh dalam keluarga tersebut? Bagaimanakah pula implikasinya ke atas keharmonian rumah tangga dan kesejahteraan keluarga tersebut? Kajian-kajian terdahulu berhubung kesan ketidakharmonian rumah tangga dan kepincangan dalam hal keibubapaan terhadap pasangan, keluarga dan perkembangan anak telah dijelaskan dengan panjang lebar pada awal penulisan ini. Maka, apakah langkah wajar untuk membendung masalah tersebut daripada terus membelenggu masyarakat kita pada masa yang akan datang?

Rumusan Dan Cadangan

Oleh yang demikian, beberapa langkah yang dipikul bersama oleh pelbagai pihak perlu dirancang dan dilaksanakan secara cekap dan berterusan. Ini perlu bagi menangani impak negatif kelemahan sosioekonomi di kalangan ahli masyarakat.

Program-program intensif ke arah meningkatkan dan memantapkan tahap sosioekonomi perlu dirancang dan dilaksanakan terutamanya kepada kelompok sasaran dan di kawasan luar bandar. Perkara ini amat perlu kerana tahap sosioekonomi yang baik mampu menyumbang ke arah sebuah institusi keluarga yang mampu menjalankan fungsi sosial secara optimum serta menjadi sebuah institusi sosial yang kukuh dan harmoni.

Dalam merancang sesuatu program pula, beberapa perkara perlu diambil kira. Antaranya ialah kebolehdapatan sumber dengan kos yang paling minimum, latihan kemahiran diberi secara intensif, kemudahan pinjaman kewangan bagi peserta program memulakan perniagaan sendiri dan khidmat nasihat dan rundingan daripada pegawai yang terlatih secara berterusan. Tidak dinafikan, kini terdapat beberapa agensi yang telah mengambil langkah untuk membantu golongan tertentu bagi meningkatkan taraf sosioekonomi masyarakat. Antaranya ialah KEMAS, INFRA, RISDA dan MARDI. Hasil bantuan pakar, modal dan latihan yang diberi, sebahagian masyarakat telah mendapat manfaat daripadanya. Maka, adalah dijangkakan, langkah seumpama itu yang dilaksanakan

secara berterusan, telus dan adil berupaya meningkatkan taraf sosioekonomi masyarakat.

Di samping meningkatkan taraf sosioekonomi kumpulan sasar, secara tidak langsung langkah tersebut sebenarnya berupaya mengurangkan jurang sosioekonomi yang wujud dalam masyarakat. Jurang sosioekonomi yang merupakan suatu fenomena yang berisiko mewujudkan implikasi negatif seperti diskriminasi, stereotaip dan penyisihan sosial berupaya mengakibatkan perpecahan dalam masyarakat perlu dibendung. Antara langkah wajar ke arah mengecilkan jurang sosioekonomi ialah dengan memberi insentif pendidikan kepada anak-anak daripada golongan berstatus sosioekonomi rendah seperti yang telah dilakukan oleh beberapa agensi. Anak-anak yang berpotensi untuk mencapai kemajuan dalam pelbagai bidang perlu diberi peluang untuk melanjutkan pengajian atau mendapatkan latihan kemahiran dengan kos yang minimum. Selain itu, mereka juga perlu diberi bimbingan dan khidmat nasihat dalam menentukan hala tuju kehidupan agar bakat dan potensi yang ada tidak disia-siakan.

Selain itu, program kesedaran berhubung mewujudkan sebuah perkahwinan yang bahagia perlu mendapat perhatian yang sewajarnya di kalangan kelompok sasaran. Kelompok tersebut perlu diberi pemahaman bahawa perkahwinan yang bahagia mampu memberikan suasana yang kondusif untuk perkembangan dan pembesaran anak. Mereka juga perlu diberi pemahaman berhubung sistem keibubapaan yang berkesan. Perkara ini penting kerana sistem keibubapaan yang berkesan mampu menyumbang ke arah perkembangan anak yang positif dan optimum dan akhirnya menjadi dewasa yang mampu berdikari dan maju dalam kerjaya yang diceburi. Program-program seumpama ini boleh dilakukan melalui khidmat nasihat, rundingan dan penyertaan dalam bengkel atau seminar.

Sama ada program-program tersebut telah pun dilaksanakan oleh agensi atau pihak tertentu atau tidak, ia merupakan suatu langkah praktikal yang memerlukan usaha yang berterusan dan bersungguh-sungguh berserta dengan aktiviti penilaian dan pemantauan agar program yang ditawarkan menepati keperluan semasa seisi masyarakat.

Bibliografi

- Belsky, J. 1984. The determinants of parenting: A process model. *Child Development*, 55(1): 83-96.
- Bowman, M. L. (1990). Coping efforts and marital satisfaction: Measuring marital coping and its correlates. *Journal of Marriage and the Family*, 52(2), 463-474.
- Douglass, F. M. & Douglass, R. (1995). The marital problems questionnaire (MPQ): A short screening instrument for marital therapy. *Family Relations*, 44, 238-244.
- Dudley, R. L. & Dudley, M. G. (1994). Lifestyle stress and marital adjustment among seminary students and their spouses. *Family Perspective*, 28(2), 139-153.
- Fauber, R., Forehead, R., Thomas, A. M. & Wierson, M. 1990. A mediational model of the impact of marital conflict on adolescent adjustment in intact and divorced families: The role of disrupted parenting. *Child Development*, 61: 1112-1123.
- Gerard, J. M. & Buehler, C. (1999). Multiple risk factors in the family environment and youth problem behaviors. *Journal of Marriage and the Family*, 61(2), p. 343.
- Glenn, N. D. (1990). Qualitative research on marital quality in the 1980's: a critical review. *Journal of Marriage and the Family*, 52(4), 818-831.
- Harrist, A. W. & Ainslie, R. C. 1998. Marital discord and child behavior problems. *Journal of Family Issues*, 19(2): 140-153.
- Hashima, P. Y. & Amato, P. R. (1994). Poverty, social support and parental behavior. *Child Development*, 65(1), 394-403.
- Jekielek, S. M. 1998. Parental conflict, marital disruption and children's emotional well-being. *Social Forces*, 76(3): 905-937.

- Ketsetzis, M. & Ryan, B. A. 1998. Family processes, parent-child interactions and child characteristics influencing school-based social adjustment. *Journal of Marriage and the Family*, 60(2): 374-388.
- Larson, J. H. (1984). The effect of husband's unemployment on marital and family relations in blue-collar families. *Family Relations*, 33, 503-511.
- Lempers, J. D., Clark-Lempers, D. & Simons, R. L. (1989). Economic hardship, parenting and distress in adolescence. *Child Development*, 60(1), 25-39.
- Liem, R. & Liem, J. H. (1988). Psychological effect of unemployment on workers and their families. *Journal of Social Issues*, 44, 87-105.
- Lucas-Thompson, R., Clarke-Stewart, K. A. 2007. Forecasting friendship: How marital quality, maternal mood and attachment security are linked to children's peer relationships. *Journal of Applied Developmental Psychology*, 28; 499-514.
- McElwain, N. L. & Volling, B. L. 1999. *Journal of Applied Developmental Psychology*, 20(1): 63-83.
- Menaghan, E. G. & Parcel, T. L. (1991). Determining children's home environments: The impact of maternal characteristics and current occupational and family conditions. *Journal of Marriage and the Family*, 53(2), 417-431.
- Mohd. Shafie, A. S (1999). Perkaitan antara faktor keluarga dengan jenis tingkah laku delinkuen di kalangan remaja lelaki di Sekolah Henry Gurney, Melaka. *Tesis Tahun Akhir yang tidak diterbitkan*, Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia.
- Othner, D. K. & Neenan, P. A. (1996). Children's impact on stress and employability of mothers in poverty. *Journal of Family Issues*, 17(5), p. 667.

- Power, M. & Maluccio, A. N. (1998). Intergenerational approaches to helping families at risk. *Generations*, 22(4), p. 37.
- Rak, C. F. & Patterson, L. E. (1996). Promoting resilience in at-risk children. *Journal of Counseling and Development*, 74(4), p.368.
- Rumaya, J. (1997). Marital quality as a function of gender-role egalitarianism among the Malay-Muslim student couples in midwest region of the United States of America. *Unpublished doctoral dissertation*, Michigan State University.
- Schumm, W. R. & Bugaighis, M. A. (1986). *Marital quality over marital career: Alternative explanation*. *Journal of Marriage and the Family*, 48(1), 165-168
- Simons, R. L., Lorenz, F. D., Conger, R. D. & Wu, C. 1992. Support from spouse as mediator and moderator of disruptive influence of economic strain on parenting. *Child Development*, 63(5): 1282-1301.
- Straus, M. A. (1979). Measuring intrafamily conflict and violence: The Conflict Tactics(CT) Scales. *Journal of Marriage and the Family*, 41(1), 75-88.
- Voydanoff, P. & Donnelly, B. W. (1998). Parents' risk and protective factors as predictors of parental well-being and behavior. *Journal of marriage and the Family*, 60(2), p. 344.
- White-Mansell, L. & Pope, S. K. (1996). Patterns of parenting behavior in young mothers[A]. *Family Relations*, 45(3), 273-282.

**BAHASA RESEPTIF DAN BAHASA EKSPRESIF DALAM
KOMUNIKASI VERBAL : PEMELAJARAN BAHASA
MELAYU KANAK-KANAK SINDROM DOWN**
*(RECEPTIVE AND EXPRESSIVE LANGUAGE IN VERBAL
COMMUNICATION: MALAY LANGUAGE ACQUISITION
AMONG DOWN SYNDROM CHILDREN)*

Puteri Roslina Abdul Wahid

Abstrak

Tulisan ini menghuraikan tentang pemerolehan bahasa verbal dalam kalangan kanak-kanak sindrom Down. Terdapat dua jenis pemerolehan bahasa verbal, iaitu pertama, menggunakan kata (bahasa ekspresif) dan kedua, memahami kata (bahasa reseptif). Kanak-kanak SD menghadapi masalah memproses dan mengingati maklumat verbal. Kita menggunakan kata untuk membina pengetahuan, berfikir, menaakul, mengingati, dan berkomunikasi dengan dunia di sekitar kita. Kajian ini memperlihatkan bahawa kanak-kanak SD merupakan pelajar visual (lihat) daripada pelajar auditori (dengar). Oleh itu, penguasaan bahasa verbal yang baik mengambil masa yang panjang berbanding dengan kanak-kanak normal. Justeru, pendekatan dalam pemelajaran dan pemerolehan bahasa Melayu kanak-kanak SD perlu dikaji semula agar penggunaan bahan konkrit di persekitaran kanak-kanak dapat dimanfaatkan bagi menggalakkan perkembangan kognitif mereka dirangsang bagi mempertingkatkan tahap pemelajaran bahasa Melayu.


Abstract

This article describes the verbal language acquisition by Down syndrome children. Children with Down syndrome have difficulty processing and

remembering verbal information. We use words for knowledge, thinking, reasoning, remembering and communicating with the world around us. The research also indicates that children with Down syndrome are visual learner rather than auditory learners. Due to that, the development of verbal language skills takes a longer time for children with Down syndrome compared to normal children. Thus, the approach used for language acquisition and language learning should be reviewed so that it should be able to stimulate their cognitive development and enhance their learning capability.

Apakah Sindrom Down?

Sindrom Down (SD) ialah keadaan kongenital (sejak lahir) akibat kelainan pada kromosom. Sindrom bermaksud kumpulan ciri-ciri pada individu yang dikenal pasti wujud pada masa yang sama. Kongenital pula bermaksud sesuatu yang wujud sewaktu lahir dan tidak diperolehi selepas kelahiran. Keadaan ini sudah diketahui sejak tahun 1866 apabila Dr. John Langdon Haydon Down (1828-1896) dari Britain telah menghasilkan sebuah makalah yang menghuraikan fitur yang sama dimiliki oleh sekumpulan kanak-kanak cacat mental dan didapati amat berbeza dengan kumpulan kanak-kanak cacat mental yang lain di Earlswook Asylum, Surrey, England. Kumpulan ini dinamakan sebagai sebagai “*Mongoloid*” atau “*Mongoloism*” kerana penderitanya mempunyai gejala klinikal yang khas, iaitu wajahnya seperti bangsa Mongol dengan mata yang sepet membujur ke atas (Langdon:1866). Pada tahun 1959, Dr. Jerome Lejeune dan Patricia Jacobs, berbangsa Perancis telah menemui bahawa SD terjadi disebabkan oleh ketaknormalan kromosom. Tidak lama kemudian muncul pula penemuan bahawa kromosom 21 mempunyai hubungan dengan punca berlakunya SD. Oleh itu, muncullah istilah saintifik “*Trisomy 21*” (Gambar 1). Pada tahun 1960-an, penyelidik dari Asia membantah penggunaan istilah “*Mongoloid*” atau “*Mongoloism*” kerana mereka berpandangan istilah tersebut bersifat keetnikan. Akibat daripada bantahan tersebut, ahli-ahli sains bersetuju untuk menamakannya sebagai “*Down Syndrome*” (Sindrom Down) sempena nama pengkaji yang mula-mula membuat kajian tentang kelainan tersebut.



Gambar 1 : Pembahagian kromosom dalam Trisomy 21 (Lelaki)

Di Malaysia, satu kes SD dicatatkan bagi setiap 1,000 kelahiran dan pada masa ini kira-kira 50,000 kes SD telah dicatatkan. Tanggal 21 Mac diiktiraf seluruh dunia sebagai “Hari Sindrom Down Sedunia” dengan objektif utama adalah untuk memperingati serta mewujudkan tahap kesedaran yang tinggi dalam memahami pesakit Sindrom Down. SD tidak boleh diubati. Fenomena ini berlaku akibat keadaan baka tidak normal. Secara umumnya semua kanak-kanak istimewa ini mengalami pertumbuhan keseluruhan yang lebih lambat berbanding kanak-kanak normal. Kajian menunjukkan 88 peratus kelebihan kromosom 21 ini didapati daripada ibu dan lapan peratus daripada bapa, dua peratus ketidaknormalan genetik berlaku disebabkan kesilapan mitotik, iaitu proses pembahagian sel ketika awal kehamilan, manakala dua peratus lagi tidak diketahui. Namun, yang penting untuk diingat ialah SD bukan penyakit keturunan dan SD boleh berlaku kepada sesiapa saja tanpa mengira kaum, kedudukan, dan tahap sosio ekonomi. Kebarangkalian berlaku pada anak lelaki dan perempuan adalah sama. Bahkan lelaki SD biasanya mandul dan kebarangkalian wanita SD melahirkan anak dengan masalah sama ialah 50 peratus.

Komunikasi, Bahasa, dan Pertuturan

Komunikasi ialah proses bagaimana individu bertukar maklumat dan menyampaikan idea (Owens,1990). Komunikasi merupakan proses aktif yang memerlukan penghantar yang mengenkod atau merumus mesej; dan penerima yang menyahkod mesej atau memahami mesej. Setiap pasangan mestilah menyedari keperluan bagi memastikan bahawa mesej disampaikan secara efektif serta difahami. Terdapat banyak jenis komunikasi dan bahasa merupakan bentuk abstrak yang disesuaikan dengan keperluan manusia berdasarkan masa dan budaya.


Menurut Asmah Haji Omar (1988:45), bahasa ialah alat yang digunakan oleh manusia untuk berhubung dengan manusia lain dengan menggunakan bunyi-bunyi yang dikeluarkan oleh alat ujaran yang terdapat dalam tubuh mereka. Halliday (1975) memperincikan tujuh fungsi bahasa, iaitu instrumental, penentu, interaksi, peribadi, heuristik, imiginatif, dan perlambangan. Fungsi instrumental melihat sifat yang dimiliki oleh bahasa manakala fungsi penentu berhubung dengan arahan atau suruhan. Interaksi memainkan peranan penting dalam komunikasi antara individu dan fungsi peribadi memperlihatkan hubungan yang erat antara dengan penutur dengan yang dilawan bercakap. Heuristik pula menekankan proses pemelajaran dan pemahaman manusia tentang alam sekitar. Imiginatif bermain dengan emosi melalui penggunaan kata dan bahasa berirama manakala perlambangan mengungkapkan mesej yang tersirat.

Atkinson (1990:333) membahagikan bahasa kepada dua aspek, iaitu penghasilan; yang bermula dengan pernyataan pemikiran yang dihasilkan dengan bunyi bagi menyatakan sesuatu ayat. Kedua, pemahaman; yang bermula dengan mendengar bunyi kata, kemudian menghubungkan kata dengan makna; menggabungkan kata untuk membina ayat, dan memahami pernyataan yang dibina.

Pertuturan ialah bahasa verbal yang menggunakan sistem yang sama digunakan oleh badan untuk bernafas, menelan atau makan serta melibatkan pemrograman otot, gerakan, dan koordinasi. Pertuturan juga bersifat kompleks dan melibatkan koordinasi, bunyi, resonans, dan artikulasi. Malah pertuturan merupakan sistem komunikasi yang paling

sukar bagi kanak-kanak SD. Pada hakikatnya, kanak-kanak SD memahami konsep komunikasi dan memahirkan diri dengan kemahiran prabahasa bagi menyediakan diri mereka menggunakan bahasa. Hal ini amat berkait rapat dengan apa yang dikatakan pemerolehan bahasa. Pertuturan memainkan peranan yang penting dalam komunikasi. Keupayaan bertutur membezakan manusia dengan haiwan. Pertuturan dalam bahasa merupakan merupakan kemahiran yang sering digunakan sama juga dengan kemahiran mendengar. Dunia tanpa pertuturan ialah dunia yang sepi seperti dunia cacat pendengaran dan bisu.

Justeru, bahasa dapat dikatakan asas bagi komunikasi. Kebolehan berkomunikasi bermula dari sejak lahir melalui penggunaan bahasa bukan verbal dan diikuti oleh bahasa verbal. Dalam kajian ini, bahasa verbal dapat dibahagikan kepada bahasa reseptif dan bahasa ekspresif. Bahasa reseptif ialah bahasa yang difahami manakala bahasa ekspresif ialah bahasa yang dilahirkan melalui ujaran atau lisan. Pertuturan berkait rapat dengan bahasa dan komunikasi (Rajah 1).



Rajah 1 : Pertuturan, Bahasa, dan Komunikasi

Dalam rajah di atas, pertuturan merupakan alat yang digunakan dalam bahasa dan bahasa merupakan salah satu daripada pelbagai jenis komunikasi (Irene Johansson, 1988). Pemerolehan bahasa pula bergerak daripada yang umum kepada yang lebih spesifik. Kanak-kanak mengembangkan kebolehan berkomunikasi terlebih dahulu daripada

bahasa. Perkembangan awal komunikasi dikatakan prasyarat bagi perkembangan bahasa. Menurut Bowen, C. (1990), pemerolehan bahasa dikatakan telah ada dalam diri manusia yang sebahagiannya secara nurani manakala sebahagiannya lagi perlu dipelajari apabila kanak-kanak berinteraksi dengan manusia dan persekitaran. Tahap perubahan dalam perkembangan bahasa sukar dikenal pasti kerana tiada pembahagian jitu antara peringkat bahasa bayi dengan peringkat bahasa kanak-kanak prasekolah. Pemerolehan dan penguasaan bahasa kanak-kanak berbeza walaupun umur mereka sama. Faktor persekitaran, budaya, dan keluarga serta masyarakat setempat mempengaruhi kadar pemerolehan tersebut.

Bahasa mestilah dipelajari kerana bahasa mengandungi sistem simbol yang konvensional. Terdapat bahasa verbal dan bahasa bukan verbal dalam komuniti manusia. Bahasa verbal merupakan bentuk bahasa yang banyak digunakan selain bahasa tulisan dan bahasa isyarat. Penggunaan isyarat merupakan satu lagi bentuk komunikasi. Isyarat merupakan tanda bertulis secara konvensional menggunakan kata, frasa, atau simbol. Sesuatu isyarat digunakan untuk mewakili idea atau pemikiran, cadangan, andaian, kata rahsia dan sebagainya untuk menyampaikan maklumat. Isyarat boleh berbentuk gambar atau lakaran. Semua budaya masyarakat manusia di dunia ini mempunyai bukti atau petunjuk bagi gerakan konvensional untuk menyampaikan fikiran misalnya isyarat lampu trafik, kata kunci, dan seumpamanya. Isyarat boleh dalam bentuk buatan manusia, iaitu isyarat telegrafik atau isyarat asap dalam masyarakat Red Indian di Amerika Syarikat. Perkembangan komunikasi awal kanak-kanak dan kemudiannya perkembangan komunikasi linguistik dilihat saling bergantung dari segi bentuk, kandungan, dan penggunaan. Kanak-kanak memerlukan alat untuk melahirkan perasaan bagi perkembangan kandungan dan penggunaan bahasa.

Permasalahan Kajian

Istilah 'masalah pemelajaran' mula digunakan pada tahun 1980-an. Menurut Jamila K.A. Mohamed (2005) penggunaan istilah ini diperkenalkan dalam Laporan Warnock bagi merujuk kepada kanak-kanak dengan keperluan khas. Istilah *learning disability* dan istilah *learning difficulty* pula digunakan secara saling ganti bagi menjelaskan

keadaan individu yang mempunyai tahap fungsi intelek terhad atau sedang berkembang pada tahap lambat berbanding individu normal. Kategori ini pelbagai misalnya terencat akal, sindrom Down, autisme, serebral palsy, masalah komunikasi dan perkembangan bahasa, masalah emosi dan tingkah laku, kecacatan anggota, hiperaktif, hipoaktif, keupayaan mental rendah dan pintar cerdas. Kanak-kanak ini bukan sahaja menghadapi perkembangan yang lewat tetapi juga berkaitan dengan kecacatan kompleks dari segi neurologi, psikiatri, psikologi, dan fisiologi yang memberi kesan terhadap fungsi pemelajaran kanak-kanak.

Cara biasa yang digunakan untuk menentukan sama ada kanak-kanak mengalami kecacatan akal adalah dengan menggunakan kaedah klinikal atau ujian IQ (*intelligenec quotient*). Berdasarkan ujian IQ, kanak-kanak terencat akal dibahagikan kepada tiga kategori, iaitu ringan (skor IQ 50-75), sederhana (skor IQ 30-50), dan teruk (skor IQ 30 ke bawah). Kanak-kanak terencat akal berbeza dengan kanak-kanak lain dari segi perkembangan kognitifnya yang agak terhad, pemerolehan dan penguasaan bahasanya kurang tepat, perkembangan motor kasar dan motor halus juga lambat, dan menghadapi masalah dalam perkembangan kemahiran sosial dan ciri peribadi seperti kurang daya tumpuan serta masalah tingkah laku.

Terdapat tiga aspek penting apabila memperkatakan tentang masalah pemelajaran kanak-kanak SD, iaitu masalah pertuturan, bahasa, dan komunikasi. Masalah pertuturan yang dialami memberi kesan terhadap bunyi yang dikeluarkan oleh kanak-kanak. Perbezaan dari segi cara kanak-kanak bercakap menjadi masalah apabila pertuturannya tidak difahami oleh pendengar. Kecacatan yang berlaku kemungkinan menyebabkan masalah artikulasi ataupun fonologi, iaitu kelewatan dalam upaya mengeluarkan bunyi dan menggunakan bunyi. Selain itu, suara agak kasar atau tiada bunyi apabila kanak-kanak bercakap. Dengungan, sengauan, dan kegagapan juga menimbulkan kesan terhadap pertuturan kanak-kanak.

Masalah bahasa pula dibahagikan kepada bahasa reseptif, iaitu kemampuan memahami dan mengingati apa yang diujarkan oleh orang lain; dan masalah ekspresif, iaitu kemampuan untuk mengatakan idea atau perasaannya dalam bentuk perkataan atau simbol. Masalah dari segi

bahasa ini dapat dibahagikan kepada dua, iaitu perkembangan lambat dan kecacatan berbahasa. Pemelajaran bahasa agak sukar bagi kanak-kanak SD kerana mereka menghadapi masalah kefahaman akibat perkembangan kognitif yang agak lewat atau kemungkinan menghadapi masalah pendengaran. Terdapat juga masalah memori jangka pendek yang menyebabkan kesukaran mengingat ayat yang panjang dan hasilnya ialah ayat yang bersifat telegrafik. Kanak-kanak ini juga menghadapi masalah artikulasi disebabkan oleh kelemahan otot lidah, mulut, dan muka.

Masalah komunikasi akan berlaku apabila pemerolehan bahasa reseptif dan bahasa ekspresif tidak mencapai tahap fungsian yang sesuai bagi perkembangan mental kanak-kanak. Kelewatan komunikasi seringkali berlaku dalam komunikasi verbal kerana kanak-kanak yang mempunyai masalah pemahaman dan pengaliran verbal akan memilih komunikasi bukan verbal sebagai langkah awal dalam komunikasi mereka. Kajian ini akan melihat pemerolehan komunikasi verbal berdasarkan pencapaian kanak-kanak SD dalam pemelajaran bahasa Melayu khususnya pemerolehan bahasa reseptif dan ekspresif.

Objektif Kajian


Secara khususnya pengkaji akan melihat unsur-unsur berikut, pertama, meneliti tahap komunikasi verbal pemelajaran bahasa Melayu, iaitu bahasa reseptif dan bahasa ekspresif dalam kalangan kanak-kanak SD; kedua, dan kedua, menyarankan kaedah-kaedah dalam penyediaan modul pemelajaran bahasa berdasarkan hasil dapatan kajian.

Kerangka Kajian Dan Metodologi

Tulisan ini menumpukan perhatian kepada komunikasi verbal dalam pemelajaran bahasa Melayu. Dalam komunikasi terdapat beberapa unsur penting yang perlu diperhatikan, iaitu sumber, mesej, saluran, dan penerima. Sumber merupakan pengetahuan dan kemahiran komunikasi yang ada pada individu. Mesej yang disampaikan mengandungi struktur, kod, gaya, dan seumpamanya. Saluran memperlihatkan penggunaan pancaindera individu dan bahasa dalam komunikasi. Bahasa sebagai alat penting bagi melancarkan komunikasi kanak-kanak tidak semestinya bermula dengan tuturan.

Bahasa dalam komunikasi dapat dibahagikan kepada dua, iaitu bahasa bukan verbal dan bahasa verbal. Bagi bahasa dalam komunikasi bukan verbal dibahagikan kepada komponen pertama, iaitu paralinguistik, nonlinguistik, dan metalinguistik. Tulisan ini hanya menumpukan aspek bahasa verbal sahaja. Bahasa dalam komunikasi verbal pula melibatkan dua aspek penting, iaitu bahasa ekspresif (pertuturan dan penulisan) dan bahasa reseptif (pemahaman dan pembacaan).

Rajah 2 : Bahasa Dalam Komunikasi Verbal



Metodologi yang digunakan dalam kajian ini ialah kaedah kepustakaan dan lapangan. Dalam kaedah kepustakaan, data sekunder

akan diproses terlebih dahulu. Maklumat yang diperolehi daripada kajian ini menjadi asas kepada kaedah seterusnya dalam memastikan objektif kajian dapat dicapai. Penulis telah membuat penyelidikan kepustakaan bagi mengumpul maklumat tentang SD dan sekolah yang memberikan pendidikan kepada kumpulan ini. Kaedah lapangan pula melibatkan data primer. Data primer merupakan data asli yang diwujudkan oleh penulis berdasarkan kajian lapangan. Terdapat dua pendekatan yang akan digunakan, iaitu pemerhatian dan rakaman. Kajian lapangan melibatkan pemerhatian, rakaman video, dan gambar foto. Bagi bahasa bukan verbal, pemerhatian dan rakaman merupakan kaedah yang paling sesuai.

Kajian ini berbentuk sinkronik yang dilakukan dalam tempoh tertentu sahaja, iaitu dua bulan (Februari 2008 – Mac 2008) di sebuah pusat pendidikan khas dan dapatan kajian bersifat deskriptif. Penulis menggunakan kaedah yang dicadangkan oleh Rohani Abdullah (2001) dalam usaha mengumpulkan data bagi menyokong kajian yang telah dilakukan. Kaedah yang digunakan dalam kajian ini pemerhatian sistematik (*systematic observation*), laporan diri dan soal selidik. Kaedah sistematik digunakan untuk mengesan kelakuan sebenar kanak-kanak. Pemerhatian dilakukan dalam bentuk berstruktur dan secara semula jadi. Dalam pemerhatian semula jadi, perlakuan kanak-kanak dicatat mengikut masa kejadian itu berlaku. Kaedah berstruktur pula melibatkan pemerhatian secara teratur mengikut prosedur tertentu dan mewujudkan keadaan yang sengaja agar mendapat tindak balas daripada kanak-kanak. Laporan diri pula melibatkan temu bual secara terbuka. Soal selidik diberikan kepada guru yang mengajar pelajar-pelajar tersebut. Temu bual tidak berstruktur dilakukan untuk mendapat gambaran tentang pemikiran kanak-kanak tentang sesuatu tajuk manakala temu bual berstruktur pula melibatkan jawapan kanak-kanak berdasarkan soalan-soalan yang telah disediakan terlebih dahulu. Pengukuran psikofisiologi (*psychophysiological measures*), klinikal, dan etnografi tidak dilakukan dalam kajian ini.

Subjek Kajian

Pengumpulan korpus bagi penelitian bahasa dalam komunikasi kanak-kanak SD mendapat kerjasama subjek yang dipilih. Kajian dilakukan secara pemerhatian, rakaman pengajaran dan pembelajaran dalam kelas,

soal-selidik, dan temu bual. Subjek merupakan pelajar program pendidikan khas di Sekolah Kebangsaan (1) Sultan Alam Shah, Petaling Jaya. Daripada pemerhatian yang dilakukan, kanak-kanak SD juga mempunyai upaya diri yang rendah kerana ciri-ciri yang terdapat pada dirinya. Mereka memerlukan sokongan untuk melahirkan keyakinan diri dan membina semangat berdikari dalam menghadapi cabaran hidup bermasyarakat. Mereka juga berhadapan dengan cabaran intelektual. Terdapat juga subjek yang menjalani program intervensi awal, iaitu program khas bagi membantu kanak-kanak SD berkomunikasi.

Rajah 3 : Kanak-Kanak Sindrom Down (9 -12 Tahun)

	Tarikh Lahir	Umur	Jantina	Bangsa
KK 1	12 Mei 1998	10 tahun	Perempuan	Melayu
KK 2	19 Disember 1996	12 tahun	Perempuan	Melayu
KK3	4 Jun 1996	12 tahun	Perempuan	Melayu
KK4	10 Oktober 1999	9 tahun	Lelaki	Melayu
KK5	25 Julai 1998	10 tahun	Lelaki	Melayu

Program Pendidikan Khas (Kanak-kanak Sindrom Down)

Menurut Jamila K.A. Mohamed. (2005), pendidikan khas ialah pengajaran yang direka bentuk bagi memenuhi keperluan pendidikan murid dengan keperluan khas. Pendidikan dirancang secara tersendiri, dilaksanakan secara teratur serta dinilai keberkesannya secara teliti bagi membantu murid dengan keperluan khas mencapai tahap berdikari tinggi dan kejayaan yang memuaskan. Pendidikan khas Kementerian Pelajaran Malaysia dilaksanakan melalui, pertama, ialah Sekolah Khas bagi murid bermasalah penglihatan dan bermasalah pendengaran; dan kedua, Program Pendidikan Khas Integrasidisediakan untuk murid-murid berkeperluan khas bermasalah pembelajaran, bermasalah pendengaran dan bermasalah penglihatan. Program ini diwujudkan di sekolah harian biasa peringkat rendah dan menengah dan sekolah menengah teknik/vokasional yang menggunakan pendekatan pengajaran dan pembelajaran secara pengasingan dan separa inklusif.

Kementerian Pelajaran Malaysia menurut Akta Pendidikan 1996, Peraturan-peraturan Pendidikan (Pendidikan Khas 1997 Bahagian II 3(2))

menyediakan pendidikan khas dan kemudahan untuk murid bermasalah penglihatan dan pendengaran, manakala pendidikan khas integrasi pula adalah untuk pelajar yang bermasalah pemelajaran, penglihatan, dan pendengaran. Antara program yang ditawarkan ialah prasekolah. Syarat kemasukan murid ke Program Prasekolah di Sekolah Pendidikan Khas ialah berumur 6+ hingga 14+ tahun, disahkan oleh pengamal perubatan dan boleh mengurus diri tanpa bantuan orang lain. Kedua, pelajaran rendah. Syarat kemasukan murid ke Program Pendidikan Khas Kementerian Pelajaran Malaysia ialah berumur 6+ hingga 14+ tahun, disahkan oleh pengamal perubatan dan boleh mengurus diri tanpa bantuan orang lain. Semua sekolah rendah pendidikan khas mengikuti aliran akademik. Kemudahan-kemudahan yang disediakan pada peringkat sekolah rendah termasuklah asrama dan makan minum percuma. Murid yang mengikuti Program Pendidikan Khas Integrasi boleh mengikuti kurikulum kebangsaan atau kurikulum alternatif. Ketiga, **pelajaran menengah**. Syarat kemasukan murid ke Program Pendidikan Khas Kementerian Pelajaran Malaysia ialah berumur 13+ hingga 19+ tahun disahkan oleh pengamal perubatan dan boleh mengurus diri tanpa bantuan orang lain. Pelajaran menengah menyediakan 2 jenis aliran, iaitu akademik dan vokasional.

Tempoh Pengajian atau Tempoh belajar bagi murid-murid berkeperluan khas rendah ialah enam (6) tahun. Tempoh belajar bagi murid-murid berkeperluan khas menengah ialah lima (5) tahun. Tempoh ini boleh dilanjutkan hingga dua (2) tahun maksimum pada mana-mana peringkat, iaitu sama ada rendah atau menengah mengikut keperluan murid berkenaan. Perkhidmatan kepada kanak-kanak kurang upaya merupakan tanggungjawab tiga Kementerian, iaitu Kementerian Kesihatan, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, dan Kementerian Pelajaran Malaysia. Pendidikan bagi kanak-kanak tersebut dikendalikan oleh dua Kementerian, iaitu Kementerian Pelajaran Malaysia dan Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat. Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyediakan perkhidmatan pendidikan kepada kanak-kanak yang menghadapi masalah, cacat fizikal teruk, rencatan akal sederhana dan teruk, pelbagai kecacatan, dan kecacatan yang tidak membolehkan kanak-kanak tersebut untuk belajar di sekolah-sekolah yang disediakan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia.

Kementerian Pelajaran Malaysia menyediakan perkhidmatan pendidikan untuk murid-murid pemulihan khas dan berkeperluan khas yang mempunyai masalah penglihatan, pendengaran dan bermasalah pemelajaran. Kategori kanak-kanak bermasalah pemelajaran (BP) di bawah tanggungjawab Kementerian Pelajaran Malaysia adalah seperti berikut, iaitu Sindrom Down, Autisme Ringan, *Attention Deficit Hyperactive Disorder* (ADHD), terencat akal minimum, dan bermasalah pemelajaran spesifik (contoh: Disleksia). Pendidikan yang diberi menekankan kepada perkembangan jasmani, emosi, rohani, dan intelek selaras dengan Falsafah Pendidikan Negara.

Bahasa Melayu Dalam Program Pendidikan Khas

Kurikulum Bahasa Melayu dalam program pendidikan khas diasaskan berdasarkan keupayaan individu mengikut tahap fungsian mereka. Untuk memenuhi keperluan tersebut, tiga prinsip utama telah digunakan, iaitu:

1. Pendidikan menyeluruh dan bersepadu yang bertujuan memberi fokus kepada potensi individu meliputi aspek jasmani, emosi, rohani, intelek, dan sosial. Potensi ini hendaklah dipertingkatkan melalui penglibatan kumpulan pelbagai disiplin secara kolaboratif dan bersepadu.
2. Pemelajaran yang menggemirakan dan bermakna yang merujuk kepada proses pengajaran dan pemelajaran yang merangsang dan mengekalkan minat pelajar keperluan khas kepada pemelajaran. Suasana pemelajaran yang kondusif perlu diberikan penekanan agar pelajar dapat menguasai pengetahuan dan kemahiran yang boleh digunakan untuk keperluan diri dan kehidupan bermasyarakat. Ini dapat melahirkan pelajar yang berkeyakinan dan berfikiran terbuka.
3. Pendidikan sepanjang hayat merupakan pemerolehan ilmu pengetahuan dan kemahiran di alam persekolahan yang dapat menjana peluasan ilmu secara berterusan untuk digunakan dalam kehidupan seharian.

Perhubungan antara bidang pemelajaran, pendekatan pengajaran dan pemelajaran, dan penilaian bersifat interaktif. Proses ini bermula

dengan orientasi keperluan pelajar. Kurikulum juga tidak menetapkan satu bentuk pengajaran yang tidak terikat. Ini bermakna aktiviti pembelajaran yang dilakukan mengikut keperluan pelajar yang berbeza berpandukan pemilihan pengalaman pembelajaran melalui komponen pengurusan kehidupan, bidang akademik berfungsi (bahasa Melayu, Matematik, bahasa Inggeris dan Teknologi Maklumat), bidang kerohanian dan nilai-nilai murni, dan akhirnya bidang sosial, riadah, dan kreativiti. Keupayaan individu menentukan pemilihan pendekatan pengajaran dan pembelajaran.

Bahasa Reseptif

Komunikasi verbal melibatkan penggunaan bahasa. Bahasa ialah kod yang wujud berdasarkan peraturan dan ketetapan tertentu yang menentukan makna dan cara penggunaan kod. Bahasa verbal dibahagikan kepada dua, iaitu bahasa reseptif dan bahasa ekspresif. Bahasa reseptif merujuk kepada kemahiran memahami bahasa. Kemahiran ini termasuklah kebolehan membezakan bunyi misalnya /p/ dengan /b/ atau /t/ dan /d/. KK1 tidak boleh mengingat semula apa yang diajar dan tidak boleh menyebut nama-nama benda yang diajar dalam 20 saat. Dia juga tidak boleh untuk membuat pengelasan atau penggolongan benda hidup atau benda mati. Walau bagaimanapun dari segi penamaan anggota badan, kanak-kanak ini dapat memahami dan membezakan fungsi. Keseluruhannya, dia memahami apa yang berlaku di sekelilingnya tetapi dia tidak dapat bertutur dengan lancar dan jelas.

KK2 merupakan seorang kanak-kanak yang pendiam. Dia masih tidak boleh membentuk ayat yang lebih daripada tiga perkataan. Bagi memahami bunyi yang dituturkan, tanda visual mewakili bunyi tertentu misalnya /p/, /b/, /k/, /g/ diajar bersama-sama dengan verbalisasi. Kanak-kanak SD mempunyai jangka ingatan yang singkat, iaitu kira-kira 3 digit pada umur 4-5 tahun dan 6-7 digit menjelang umur 16 tahun. Daya ingatan ini dihubungkan dengan keberkesanan tuturan dan penghasilan bunyi. Faktor ini juga mempengaruhi pemerolehan perbendaharaan kata dan pembelajaran membaca. Walau bagaimanapun, KK2 dapat menyelesaikan latihan yang diberikan dan dapat memahami arahan serta boleh berkerjasama dengan guru dan rakan.



Kanak-kanak SD memerlukan masa yang agak lama untuk mengaitkan kata dengan makna berbanding kanak-kanak normal. Pemelajaran lebih kepada bentuk visual apabila guru menggunakan gambar untuk mengaitkan kata dengan makna (objek). Bagi pengajaran kata nama, guru terpaksa mendahulukan visual berbanding huruf – ram-bu-tan. Kaedah ini banyak membantu kanak-kanak SD memahami apa yang diajarkan kepada mereka.

Bahasa Reseptif	KK1	KK2	KK3	KK4	KK5
1. Bolehkah kanak-kanak mengingat semula apa yang diajar ? (Mengira 1-10)	TBLH	KDG	KRPKL	KRPKL	TBLH
2. Menamakan nama benda yang diajar dalam 20 sa't.	KDG	KDG	KDG	TBLH	TBLH
3. Membuat pengelasan : benda hidup benda mati.	TBLH	TBLH	KRPKL	TBLH	KDG
4. Apakah kanak-kanak memahami lawak jenaka?	KDG	KDG	KRPKL	KDG	KDG
5. Apakah kanak-kanak dapat menamakan dan membezakan fungsi anggota badan?	KRPKL	KRPKL	KRPKL	KRPKL	KRPKL
6. Bolehkah kanak-kanak memadankan kata dengan gambar?	KRPKL	KRPKL	KRPKL	KRPKL	KDG
7. Apakah kanak-kanak memahami tuturan tetapi tidak dapat berbual?	YA	YA	TDK	YA	YA
8. Apakah kanak-kanak mengalami masalah memahami tatabahasa?	YA	YA	TDK	YA	YA
9. Apakah kanak-kanak boleh menyebut satu kata tetapi pada ketika lain menghadapi masalah?	YA	YA	YA	TDK	YA
10. Apakah kanak-kanak sukar membezakan /p/ dan /b/ atau /t/ dan /d/	YA	YA	TDK	YA	YA

TBLH = Tidak Boleh TP = Tidak Pernah KDG = Kadang-Kadang KRPKL = Kerap Kali

KK3 merupakan kanak-kanak yang suka bersosial dan periang. Daya kefahamannya agak tinggi dan boleh membentuk dan memahami ayat yang melebihi tiga kata. Dia berkebolehan untuk mengingati apa yang didengar misalnya siri penomboran mengikut urutan 1,2,3,... Seterusnya, dia juga berkebolehan memahami perbendaharan dan konsep kata (makna) misalnya kebolehan memahami bentuk tatabahasa (morfologi dan sintaksis) misalnya “dua buah buku” dengan “dua biji telur”. Namun begitu, pencapaiannya tidak sampai ke tahap penggunaan tatabahasa yang baik malah pada tahap umur 12 tahun, kanak-kanak ini masih pada tahap mental umur 10 tahun. Dalam hal ini penggunaan bahasa bukan verbal banyak membantu kefahaman tuturan tersebut.

Ketidakupayaan bahasa reseptif merupakan sejenis ketidakupayaan pemelajaran yang memberikan kesan terhadap kebolehan memahami ujaran, dan kadangkala bahasa tulisan. Kanak-kanak yang mempunyai ketidakupayaan bahasa reseptif menghadapi kesukaran dalam pertuturan dan menyusun idea atau pemikiran yang mengakibatkan berlakunya masalah dalam komunikasi dengan orang lain atau apabila hendak menyusun pemikiran di atas kertas. Ketidakupayaan bahasa reseptif dipercayai berkait rapat dengan kesukaran pusat pemrosesan bahasa dalam otak. Masalah ini memberikan kesan kepada penulisan. Hasil kerja mereka tidak begitu memberangsangkan dan masih pada tahap menyurih abjad yang diberikan (Lihat Gambar 1).



Gambar 3 dan 4 : Penulisan KK SD

Kanak-kanak KK3, KK4, dan KK5 juga menghadapi masalah yang sama. Mereka yang mengalami ketidakupayaan bahasa reseptif boleh memahami bahasa tetapi menghadapi masalah berkomunikasi dengan lancar. Mereka menghadapi masalah pemprosesan bahasa dan menghubungkan antara kata dengan idea yang ingin disampaikan. Kadangkala ada juga antara mereka yang menghadapi masalah ujaran kata. Keadaan ini dapat dirawat melalui Rancangan Pendidikan Individu (RPI). Fokus strategi ialah terapi bahasa untuk mengembangkan kepentingan hubungan kata, huruf, dan bunyi. Dalam hal ini, latihan dan amalan menggunakan bahasa dalam situasi sosial dapat juga membantu meningkatkan kebolehan bahasa reseptif kanak-kanak.

Bahasa Ekspresif

Bahasa ekspresif merujuk kepada kemahiran kepersisan, kesempurnaan, dan kejelasan apabila melahirkan fikiran dan perasaan, menjawab soalan, menghubungkan peristiwa, dan berbual-bual. Kemahiran ini termasuklah kebolehan menggunakan sistem bunyi (fonologi), kebolehan memilih kata dan menyusun ayat dengan baik (morfologi dan sintaksis), kebolehan memilih kata yang sesuai untuk melahirkan pemikiran (makna), dan menggunakan pelbagai fungsi bahasa (pragmatik).

Bahasa Ekspresif	KK1	KK2	KK3	KK4	KK5
1. Apakah kanak-kanak menghadapi masalah pendengaran?	TDK	TDK	TDK	TDK	TDK
2. Apakah kanak-kanak menunjukkan perkembangan lewat dalam pertuturan?	YA	YA	YA	YA	YA
3. Mengenal pasti warna.	TDK	YA	YA	TDK	YA
4. Mengira dengan sebutan 1-10	TDK	YA	YA	TDK	TDK
5. Sukar untuk meniru bunyi	YA	YA	TDK	YA	YA
6. Sukar menyebut a,e,i,o, u	YA	YA	TDK	YA	YA
7. Sukar menyebut konsonan	YA	YA	TDK	YA	YA
8. Menghadapi masalah menjawab soalan lisan	KDG	KDG	TP	KDG	KDG
9. Apakah kanak-kanak mengambil bahagian dalam perbincangan dalam kelas?	KRPKL	KRPKL	KDG	KDG	KDG
10. Apakah kanak-kanak gagap apabila bertutur?	KDG	KRPKL	TDK	TP	TP
11. Apakah kanak-kanak sudah boleh membaca?	TDK	TDK	TDK	TDK	TDK

TBLH = Tidak Boleh TP = Tidak Pernah KDG = Kadang-Kadang KRPKL = Kerap Kali


Ketidakupayaan bahasa ekspresif bermaksud kanak-kanak menghadapi masalah ekspresi verbal dan pembacaan. KK5 mempunyai ketidakupayaan bahasa ekspresif yang dicirikan oleh kesukaran kanak-kanak melahirkan fikiran menggunakan pertuturan. Dia menghadapi masalah untuk menyebut vokal (a,e,i,o,u), kadang-kadang sukar untuk menjawab soalan lisan, dan masih tidak boleh membaca. Namun begitu simptomnya berbeza daripada seorang kanak-kanak dengan yang lain. Kanak-kanak yang mengalami ketidakupayaan bahasa ekspresif tidak mampu membentuk kata menjadi ayat, menggunakan tatabahasa yang betul, atau mengingati bagaimana kata digunakan. Mereka juga tidak dapat menghubungkan pemikiran, keperluan, atau keinginan pada rhabap yang sama dengan teman sebayanya. Kanak-kanak ini kebiasaannya mempunyai jumlah perbendaharaan kata yang kecil. Masalah yang sering

dihadapi ialah kelemahan dalam mengingat apa yang diajar. Oleh yang demikian, keupayaan bahasa reseptif mempengaruhi keupayaan bahasa ekspresif.

Namun begitu, kanak-kanak ini mempunyai kebolehan memahami pertuturan dan mempunyai tahap kecerdasan yang sama dengan kanak-kanak normal. Justeru, kanak-kanak yang mempunyai ketidakupayaan bahasa ekspresif sebenarnya memahami kata yang diujarkan tetapi tidak boleh menggunakan kata tersebut dalam ayat. KK4 boleh memahami ujaran yang kompleks dan boleh melakukan arahan yang rumit namun begitu dia tidak berupaya membentuk ayat kompleks. Ini mungkin disebabkan tahap keupayaan mentalnya tidak sama dengan tahap umur sebenar. Terdapat dua jenis bahasa ekspresif, iaitu developmental dan perolehan. Ketidakupayaan bahasa ekspresif developmental tidak diketahui sebab musababnya dan muncul sewaktu kanak-kanak belajar bercakap. Ketidakupayaan bahasa ekspresif perolehan disebabkan oleh kerosakan otak selepas mengalami strok atau kecederaan traumatik pada kepala. Kebanyakan kanak-kanak SD dalam kumpulan pertama.

Tahap pembacaan bagi semua subjek yang dikaji agak lemah. Mereka hanya dapat membaca melalui bimbingan. Tahap mental mereka agak terlewar berbanding kanak-kanak normal. Terdapat dua kaedah untuk merawat ketidakupayaan bahasa ekspresif, iaitu melibatkan kanak-kanak berkerja bersama-sama dengan ahli terapi pertuturan mengikut jadual dan membuat latihan pertuturan untuk meningkatkan lagi kemahiran komunikasi. Jenis yang kedua melibatkan ibu bapa dan guru berkerja bersama-sama untuk mengintergrasikan bahasa lisan dalam aktiviti harian dan bermain. Kedua-dua jenis rawatan ini biasanya digunakan serentak dan lebih berkesan.

Peralatan (Gambar 4 & 5) yang digunakan untuk merangsang kesediaan kanak-kanak SD membaca pelbagai misalnya bahan-bahan konkrit seperti buah-buahan plastik dan juga patung untuk menggalakkan daya imiginaif kanak-kanak. Ahli patologi pertuturan menilai bagaimana kanak-kanak mengerti atau memahami maklumat.



Gambar 4 & 5 : Peralatan Pengajaran

Mereka cuba memahami makna bahasa lisan, bagaimana kemahiran mengingat memberikan kesan terhadap input maklumat, dan bagaimana kanak-kanak memahami format maklumat seperti siapa? apa?, bila?, bagaimana?, dan mengapa?. Cara seseorang kanak-kanak itu menerima maklumat akan mempengaruhi bagaimana mereka mengekspresikan diri mereka.

Rumusan Dan Cadangan

Apa yang menjadi masalah kepada kanak-kanak ini ialah pendekatan. Kadar perkembangan kanak-kanak ini berbeza antara satu dengan yang lain dan pendekatan juga harus berbeza. Penggunaan bahan konkrit sebagai proses awal pembelajaran lebih banyak membantu daripada penggunaan kertas dan pensil semata-mata. Penilaian tahap fungsian haruslah dilakukan oleh pakar psikologi klinikal bukan oleh guru bagi menentukan pendekatan yang sesuai.

Selain itu, kandungan program sekolah seharusnya sejajar dengan keperluan segera pelajar dan pengalaman sebelumnya. Kurikulum seharusnya berfokus kepada kemahiran komunikasi, kemahiran sosial, kemahiran mandiri, perkembangan motor, penyesuaian dengan persekitaran fizikal, pengayaan pengalaman sensori, fungsi akademik, dan kemahiran hidup seharian. Kurikulum juga perlu memasukkan kemahiran jangka panjang bagi memudahkan pelajar memperoleh kemahiran untuk hidup berdikari. Kanak-kanak ini perlu didedahkan

juga kemahiran untuk menghadapi kehidupan sebenar setelah proses pembelajaran di sekolah selesai.

Selanjutnya guru juga perlu menumpukan kepada satu perkara sahaja dan memberikan masa, peluang dan latihan sebelum beralih kepada latihan baru. Kanak-kanak SD sukar untuk memberikan seluruh tumpuan bagi satu sesi pembelajaran. Oleh itu setiap peluang yang ada digunakan untuk berinteraksi dengan mereka dan guru pula bersedia memberikan tindak balas kepada setiap percakapan mereka. Pemilihan alat permainan untuk tujuan pengajaran perlulah sesuai dengan tahap perkembangan kanak-kanak. Kanak-kanak SD tidak boleh dibiarkan bersendirian. Mereka perlu bergaul, memberi dan menerima tindak balas daripada rakan.

Aspek yang penting dalam pembelajaran kanak-kanak SD ialah pengajaran bahasa haruslah bersifat individu atau kelompok yang kecil tidak lebih daripada dua orang. Kaedah pengajaran yang digunakan di pusat pendidikan khas yang membentuk stesen belajar dalam kumpulan 5-6 orang tidak begitu berkesan bagi pembelajaran bahasa. Dalam beberapa sesi tertentu kanak-kanak ini bolehlah digabungkan dengan kumpulan kanak-kanak yang bermasalah dalam pembelajaran seperti kanak-kanak hiperaktif, autisme, lewat belajar, dan sebagainya bagi meningkatkan kemahiran sosial mereka tetapi sesi tertentu haruslah dihadkan secara individu agar tumpuan dapat diberikan sepenuhnya kepada kanak-kanak tersebut.

Kelambatan penguasaan bahasa menyebabkan pengetahuan am kanak-kanak SD lebih rendah berbanding kanak-kanak normal. Selain itu, kanak-kanak SD mempunyai daya ingatan singkat. Dalam hal ini kaedah perulangan perlulah dilaksanakan sepanjang masa. Kata-kata yang digambarkan dalam bentuk cetakan lebih mudah diingati berbanding dengan ujaran. Ini akan membantu pemelejaran bahasa dengan lebih lancar.

Kaedah perbandingan konsep juga perlu diketengahkan dalam pembelajaran bahasa. Kanak-kanak SD dapat mempelajari sesuatu dengan baik melalui penglibatan aktif berbanding duduk dan dengar semata-mata. Tugasan yang diberikan perlulah memperlihatkan kaedah langkah

demi langkah agar lebih mudah difahami. Pendekatan amali perlu digunakan bagi kemahiran belajar dengan individu, bahan, dan persekitaran yang berbeza. Aktiviti yang melibatkan huraian verbal perlulah digalakkan dan juga kanak-kanak digalakkan untuk membuat persembahan bagi membentangkan apa yang telah dipelajari.

Bagi ibu bapa dan ahli keluarga pula, mereka perlulah meluangkan lebih banyak masa untuk berinteraksi dan mengulang apa yang dipelajari anak mereka di sekolah. Pada masa tertentu, kanak-kanak ini perlu diberi peluang menggunakan respons motor seperti isyarat tangan kerana kanak-kanak SD mempunyai masalah dengan perkembangan sistem motor mereka (otot). Ibu bapa atau penjaga perlu bermain dengan kanak-kanak secara natural dan jadikan mereka rakan sepermainan yang gembira sebelum menjadikannya pelajar yang baik. Dari segi komunikasi harian, ibu bapa tidak perlu bimbang tentang bahasa standard bagi persekolahan kerana apa yang mereka perlukan ialah memiliki perbendaharaan kata bagi komunikasi harian. Namun begitu, ibu bapa juga perlu memastikan kanak-kanak SD mempunyai perbendaharaan kata yang mencukupi untuk berkomunikasi sebelum menjejaki alam persekolahan. Ibu bapa atau penjaga juga perlu memberikan perhatian kepada langkah kecil yang positif daripada memikirkan kesilapan yang dilakukan. Amat penting sekali bagi ibu bapa menterjemahkan bunyi atau gerakan atau isyarat kepada perkataan agar kanak-kanak boleh berkomunikasi.

Kesimpulan

Komunikasi verbal bagi kanak-kanak merupakan kunci kepada kemahiran sosial mereka dan juga perkembangan kognitif. Program pendidikan bagi kanak SD perlu dipertingkatkan agar mereka ini mudah dibimbing dan dikawal serta diberikan perhatian yang sewajarnya. Kajian ini memperlihatkan bahawa kanak-kanak SD merupakan pelajar visual (lihat) daripada pelajar auditori (dengar). Penguasaan bahasa verbal yang baik mengambil masa yang panjang berbanding dengan kanak-kanak normal. Malah penggunaan bahasa bukan verbal banyak memberikan sokongan bagi meningkatkan komunikasi dalam kalangan kanak-kanak SD sama ada sesama mereka atau interaksi dengan ahli dalam sesebuah komuniti. Justeru, pendekatan dalam pemelajaran dan pemerolehan bahasa Melayu

kanak-kanak SD perlu dikaji semula agar penggunaan bahan konkrit di persekitaran kanak-kanak dapat dimanfaatkan bagi menggalakkan perkembangan kognitif mereka dirangsang bagi mempertingkatkan tahap pembelajaran bahasa Melayu.

Bibliografi

“Sindrom Down” dipetik daripada *Berita Harian*, 28 Mac 2008.

Asmah Haji Omar. 1988. *Bahasa dan Alam Pemikiran Melayu*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Atkinson R. L. *et. al.* 1990. *Introduction to Psychology* 10th. Edition. San Diego : Harcourt Brace Jovanovich.

Bless, D., Swift, E., & Rosen, M. (1985). Communication profiles of children with Down syndrome. Unpublished manuscript, University of Wisconsin, Waisman Center on Mental Retardation and Human Development, Madison. Dipetik daripada John F. Miller *Language and Communication Characteristics of Children with Down Syndrome*. <http://altonweb.cust.he.net/cs/downsyndrome/index.htm?page=miller.html> pada 20 Disember 2007.

Bowen, C. (1998). Speech and language development in infants and young children. Retrieved daripada <http://www.speech-language-therapy.com/devel1.htm> on dipetik pada 14 April 2008.

Halliday, M.A.K. 1978. *Language as Social Semiotic*. London : Edward arnold Publications.

Hamied, F.A. 1987. *Proses Belajar-Mengajar Bahasa*. Jakarta : Depdikbud.

J. Langdon H. Down, M.D., London , 1866. *Observations on an Ethnic Classification of Idiots, London Hospital Reports*, 3:259-262, 1866 dipetik pada 14 Ogos 2007 daripada <http://www.neonatology.org/classics/down.html>

Jamila K.A. Mohamed. 2005. Pendidikan Khas untuk Kanak-Kanak Istimewa. Bentong : PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.

John Langdon H. Down 1866 “*Obersevation on an ethnic Classiifcation of Idiots*” di petik daripada <http://www.neonatology.org/classics/down.html> pada pada 20 Disember 2007.

Johannson, Irene. 1994. *Language Development in Children with Special Needs*. London : Jessica Kingsley Pub.

Kurikulum Pendidikan Khas. Kementerian Pelajaran Malaysia. 2000.

Len Leshin “*What’s in a Name?*” dipetik daripada <http://www.ds-heaalth.com/name.htm> pada 14 Ogos 2007.

Len Leshin 1997 The Origin of Down Syndrome <http://www.ds-health.com/mosaic.htm>Mosaic dipetik pada 20 Disember 2007.

Len Leshin 2001 “*What’s in a Name?*” dipetik daripada <http://www.ds-health.com/name.hm> pada 14 Ogos 2007.

Owens, R.E., Jr. 1990. Language Disorders. dlm. Shames and E.H. Wiig (Eds.) (3rd. ed.) *Human Communication Disorders*. Columbus, OH: Charles E. Merrill/Macmillan.

Pendidikan Khas daripada http://ms.wikipedia.org/wiki/Pendidikan_khas dipetik pada 1 April 2008.

The Father of Down Syndrome dipetik daripada [http:// www.about-down-syndrome.com/down-syndrome-history.html](http://www.about-down-syndrome.com/down-syndrome-history.html) pada 14 Ogos 2007.

CONTENT DESIGN FOR E-LEARNING IN MALAYSIA : VISUAL & PERFORMING ARTS

**Rahmah Bujang
Nor Azlin Hamidon**

Abstrak

Menyedari betapa pentingnya gabungan elemen teoritis dan praktis dalam pembelajaran kesenian Melayu kumpulan pensyarah di Jabatan Kesenian Melayu, Akademi Pengajian Melayu di Universiti Malaya telah menggerakkan kajian tentang E-Data Kesenian Melayu. Kajian ini dirangka sebagai proses melengkapi bahan pembelajaran, pertama, dengan menghasilkan CD interaktif dan kedua, membangunkan data melalui laman web.

Permasalahan utama ialah bersabit teori kemudian baru bersabit aspek teknikal. Pelaksanaannya ialah dengan membina rajah pokok informasi tentang kesenian Melayu atas dasar dua genrenya, iaitu seni visual dan seni persembahan. Itu telah berjaya dilakukan dalam tahun pertama bermulanya kajian. Seterusnya kajian memikirkan juga bagaimana untuk mengisi data dengan cara yang terbaik supaya dapat mencakupi segala maklumat penting untuk kedua-dua genre tersebut. Kumpulan penyelidik akhirnya bersetuju menggunakan tujuh elemen bagi membentuk bangunan modul kajian. Tujuh elemen itu merangkumi segala komponen yang diperlukan dalam mempelajari berkenaan seni visual dan seni persembahan, iaitu pertama, komponen bagi memahami asas bentuknya seperti definisi, sejarah dan teknik. Kedua, aspek dinamisme kajiannya melalui estetika, etika, fungsi dan simbolisme. Cabaran seterusnya ialah proses dan persiapan maklumat mengikut sistem modul itu.

Semua aspek tersebut dibincangkan dalam artikel ini berserta huraian berkaitan panduan menulis isian modul dengan contoh-contoh diturut sertakan. Rumusannya adalah supaya artikel ini dapat mengesankan keberkesanan pembelajaran dengan berpandukan sistem modular sebagai cara pengalaman belajar yang memberangsang dan memuaskan. Lebih utama ialah mengesankan kepentingan aplikasi teknologi tinggi seperti pengkomputeran sebagai alat mengajar pada masa kini.

Abstract

The importance of theoretical and practical elements in the teaching and learning process of Malay arts and in using technology as a basis of learning through the E-Information of Malay Arts has prompted the Research on E-Data of Malay Arts at the Department of Malay Arts, Academy of Malay Studies of University Malaya. The research is designed to advance the process of teaching and learning, first by producing interactive CDs and from there develop a Malay arts web based data on the core of its studies.

The first problem is a theoretical one. In producing data into CDs first hurdle before the technical one involves identifying the branches or divisions of Malay art and the subdivisions. The information tree of Malay arts was devised and agreed upon within a year of initiating the research. Another theoretical problem is the design of the learning. The researchers finally agreed upon a set module covering seven aspects that would be used to reflect upon the core study of Malay arts. The seven aspects can be broadly divided into two main components. The first component is in understanding the basic forms of visual and performance arts and this is done through three aspects of definition, history and technique. The second component is the study of its dynamics by investigating its aesthetic, ethical, functional and symbolic elements. In devising this mode of learning for Malay arts the main challenge is in the process and preparation of the modular information to facilitate its learning.

All these aspects will be described in this paper. It will be elaborated with examples of the text and other interactive inputs that support it. The paper hopes to highlight on the efficiency of teaching achieved by the modular system and demonstrate how its learning can be a most exciting and rewarding

experience. The idea is to become abreast with technology and utilize the computer enhanced learning tool as the best practice of the current times.

Introductory Note

Digitisation work on Malay arts at University Malaya is presently a research under the name *E-seni* (E-arts) carried out by a team of academicians under the Department of Malay Arts of the Academy of Malay Studies under the auspices of the University. In 2007 the research was awarded the bronze medal at a national exhibition of Malaysian Technology Exposition (MTE 2007) held over four days between March to April of that year at the Putera World Trade Centre in Kuala Lumpur.

This paper is an examination of its potential for the E-learning mode. I would like to highlight here that the mode of electronic learning is the main thrust of universities in the country operating on the open university concept of learning. The first is OUM (Open University Malaysia) which started in 2004. Another private university, Universiti Wawasan started 2007, presumably also following the open concept. For open universities its main business is to offer degrees to working students who may have difficulty of scheduled timetables for learning as well as the factor of geographical distance from the institution concerned.

E-learning for University Malaya was only properly activated in 2006 when the module was included into the technological support system of the university. It is still at the stage of training for academicians of the University. Students need to be addressed and taught the mode as well. Therefore, there is the initial process of familiarization of the E-learning mode for all concerned. But being one of the first to attend its introductory course of familiarization, we are happy to note how the research our team are carrying out on the digitisation of Malay Arts somehow seem tailor made to fit into the mode of E-learning.

Digitisation Of Malay Arts

Our paper therefore hopes to cover two areas of interest. The first is to inform and highlight upon the project which is basically a digitisation effort aimed at documenting all the Malay visual and performance arts

forms to culminate in a complete and comprehensive database on the two genres. The second is to emphasize the importance of digitisation of knowledge for the E-learning mode.

The digitisation process culminates in constructing a database on Malay arts knowledge. Compact discs on individual Malay art forms is another business of the research which is mainly aimed at facilitating a fast and efficient retrieval of knowledge on the arts of the Malay world for everyone and sundry. The research would expedite the learning and teaching of Malay Arts be it for the E-learning or normal mode of face-to-face contact thus paving the way for a more structured and progressive study pragmatically, creatively and technologically. Indeed, the study is very forward looking albeit an ambitious one, but for the team, being in the forefront of the Malay Arts as a department, it presents an opportunity to reconstruct and encapsulate the many variables of Malay art forms in a foolproof yet exciting way by using textual and visual means in a chosen module for multiple ways of the learning process.

Explanation Of The Project

The team for the research project is based on certain prescribed objectives as follows:

To enable a concerted and focused research based on prescribed formats and modules. Each member would be filling in the module according to their expertise areas. Input of data are coordinated and counterchecked to ascertain originality and specificity as required in the module. The aim is to ensure correct and conclusive input of data. The team leader of the project has provided a simple guide on the fulfillment of modules to allow a more efficient work procedure.

To fulfill the need of providing an audio-visual treat as a teaching-learning provision in the study of Malay Arts – visual arts genre and performance arts genre. This would be an enhancement as well as an exciting alternative to simple teacher to student lectures. With this end in mind, the research is geared into two types of output: i) interactive CDs, and, ii) E-Seni, a compilation into database format on Malay Arts. The output would concern the classification of Malay Arts into genre

and forms as well as types. The result is to maximise learning of knowledge in this one field and allows for a more interact-based learning process.

To maximise expertise in the Department of Malay Arts and gear members toward a research that would fulfill their role and enable the sharing of knowledge on Malay Arts via the latest technological platform.

To create a commercial website and market the product of the research to students, institutions, and researchers of the arts. The website would be the property of University Malaya, the financier of the project.

More so, the project aims to reach Malay Arts knowledge to the general public. On the intellectual level, it offers an opportunity at internationalization of knowledge.

Finally, the project must be kept ongoing in order to enable supervision, upgrading and updating of data, and generally maintaining the website. In short, the project is not a one-stop project, rather this is a start to a concerted effort at building and updating upon the database and improving upon it.

In summarizing what the team at the Department of Malay Arts, Academy of Malay Studies aspires to achieve is to keep abreast with the technological advancement of our times and use the mode of Information Communication Technology (ICT) to empower the teaching and learning of Malay Arts for everyone. Given the team's limited knowledge with the world of computerization and programming this means attending courses relevant to fulfilling leadership as well as work needs, but with the understanding that the main job of programming and extensive editing would have to get the relevant expertise; because only then can the research culminate successfully.

Process Of Research

This research would involve phases of work in progress as follows:

Identifying the Information Tree Regarding Malay Arts
Considering the Modules and Guides
Preparing the Templates
Conducting Research
Composing the Text, Glossary and Biography Based On the
Modules
Editing the Text
Inserting Text into the Templates
Editing Pictures, Video and Music
Inserting Pictures, Audio and Video Clips into the Templates
Completing the CD Cover
Translating the Text into Other Languages
Conducting the Voice Over
Preparing the Tutorials and Interactive Games
Inquiring the Copyright and Producing CDs
Marketing the Interactive CDs
Transferring the Data into a Database
Designing a Web Site for the Database

Work Ongoing

The team has the added mileage of having good knowledge of Malay Arts, they being academia in the given areas and this was what actually spawned the research idea for the first named paper presenter who also acted as the group leader. At a departmental meeting everyone was keen on the idea simply because to mount one lecture usually involve much segmental preparation of teaching aid usually bordering on audio involving cassettes and CDs and players, and visual ascertions using various modes from television to computer or just pictures all of which is given over and above the actual lecture.

As mentioned, executing the research work was done in various phases. The first step was categorization and classification of the Malay Arts visual and performance forms which was then named the *sulur info* or information tree and this became the team's structural prototype (see Appendix II showing sample). From the information tree each member of the team chooses one form at a time to create a databank pertaining to the form before processing it into a synthesized database using the

set module already agreed upon by the team. Understandably this part of the work, for all team members, is the most challenging yet satisfying.

Systematizing The Module¹

Data about each form is identified into a systematic module or format as follows:

Definition

History

Technique and Materials Used

Aesthetics

Ethics

Function


Symbolism

By definition the team would have to adhere to compact and concise statements that initiates understanding of an art form. The history part would inculcate an exposition of its history and expansion or regeneration. For this aspect data given priority are those based on formal research, usually at the Masters and Doctorate levels; in the absence of which would offer new research openings for a prospective student. Factors of origin, evolution and current development is the focus for this section.²

The third portion of the module is the technique and materials used in the art form. Based upon its history the portion treating the technique and materials used would encompass its phases of transformation and regeneration. From there the focus into aesthetics, ethics, functions, and symbols of the art forms would systematically be the team's prescriptives. All content aspects of the four portions of the module need to be formatted in concise and compact description and analysis. Sometimes this involve separating an art form into various components based on its complexity. The *keris* as a Malay weapon and a work of art is one such example. As an art form, keris for the Malay world epitomizes artistry in craftsmanship. Each segment of the keris from the blade to

¹ See Appendix I to see layout of module format.

the handle and the scabbard is crafted separately and they have to be projected as such (see picture). So also with many other art forms which by virtue of its vibrance must need be divided significantly into various segments to fully realize the idea of digitisation and moduling.



One sample of the Malay Keris

² For example, in the case of the first writer of this paper, she had done research on the Boria performance form for her doctor of philosophy between 1974 to 1977 and in the study it was revealed that historically boria as an art form originates from the Muharram festivals of the Shi'i moslems of the Persian countries – nowadays more known as Iran and Iraq. The form was brought by Indians serving as British soldiers into the Straits Settlements which was then under the rule of the British. The form was, however, found to be an adulterated version, merging Islamic and Hinduistic influences of religious celebration. The performance form of Shi'i celebration came with the spread of Islam to the western part of India, wherein the form transformed somewhat with the influence from various forms of ritualistic performances already in existence there. It is this admixture of Shi'i and Hinduistic celebration that was brought into Penang, where the form thrived and degenerated further into a gang warfare under the symbol of the white and red flag to denote rival factions within their groups. The Straits Settlements of that time was also beset with Chinese gang warfare also operating under the symbol of white and red flag between groups and coincidentally the same coloured flag of Indian Moslem and Chinese gangs operated in the same regions. They have been ascribed to the Racial Riot of 1867 in the Straits Settlements. For the boria this meant a turning point in its artistry, for as a result of the Racial Riots of 1867, the performance of boria was legally confined to the performers' own villages. As a result, the rivalry so easily provoked during processions was curbed. The boria as performed at the present time was a regeneration of the village performance of the art form, and has been ascribed to Penang as the only state within the Straits Settlements that could carry out that performance tradition under British rule. This means that in Singapore and Malacca the form is made illegal thus eliminating any possibility at propagation of boria as an art form there.

The team is very aware of the fact that treating the four components of aesthetics, ethics, functions, and symbolism of an art form is summarily related to metaphysical, magical, ritualistic and religious, and socio-cultural concerns. They are in fact features that build upon the dynamics of Malay culture and creativity.

Designing And Preparing The Template

This portion of the research phase is perhaps the most challenging one. Equipment, especially technological equipment, takes up a big portion of the research costing. Research assistants is another cost incurring factor as the research phases would require employing graphic designer, textual editor, visual and video editor and web caster for the research. Computers must be of high-end capacity with high memory capabilities. The team have to find the most suitable graphic software for their purpose.

Into its third active year the research has finalized on what template to use, what design, and has even come out with 10 compact discs as tryout result of the research. What needs doing is to design an interface for effortless data retrieval and for web casting. The idea is to come out with a style that is user-friendly. On the researchers' end, using a workable design would mean doing away with unwanted segments and lengthy descriptions on Malay arts.

Conducting And Realizing Research

The actual work towards input to research is done individually by each of the members in the team. In order to fill up the modules, members have to conduct a research on their own regarding the topics chosen by them from the information tree of Malay Arts. Some of the funding is applied separately from other short term research fund. Alternatively, some of the materials or data are collected from the existing findings of completed and ongoing doctoral researches.

After collecting data in the form of text, picture, music and streaming video, the co-researchers will write according to the modules. The most challenging time for us is writing on aspects in the module

that are hardly written by other academicians such as the section on symbolism, ethics, aesthetics and functions.

Upon completion of the individual work, it will be exchanged between members to be edited before handing it to the research leader. The editing phase involves the editing of language to be brief and accurate, and of facts to be precise and referred. The research leader will finally verify the text and instruct the edited softcopies of the text to be inserted in the template.

All the supporting materials will be edited using the related software. For example pictures are edited using Adobe Illustrator, Adobe Photoshop, video clips by U-lead Video Studio, Edius and music clips by Sony Sound Forge. All the data are inserted into the templates on the pages that need these supportive elements.

The CD covers are designed with an identity of similar elements such as the theme color of earth (which has been used extensively by Malay traditional artists), similar fonts and standard texts at the spine, front and back cover of the CD, as well as on the CD itself. The Malay performance art is added with another symbol, musical notes, and this notifies the difference between the Malay visual art CDs and the Malay performance ones.

Completing the above mentioned phases was an experience in itself. Starting from a general knowledge of the computer and its usage, members have attained considerable knowhow pertaining software, to succeeding in producing ten CDs (an example of how the contents are structured in the CDs is demonstrated in Appendix I), and undergoing courses on ICT. However, the completion of the research is still far away. It has a few other phases to be completed: translating the text into other languages, conducting the voice over, preparing the tutorials and interactive games, inquiring the copyright and producing more CDs, marketing the interactive CDs, and the biggest challenge of all, in transferring the data into a prescribed data base and designing a website for the output of the research.


Realizing The Database

The difficult part is designing a database, of which members finally agreed on the construct of File Maker Pro. A database of Malay arts is a collection of information, or data, that have been organized, updated, thoroughly researched, retrievable and printed as needed.

One of the outstanding features in designing the database is the way of sorting the data. Designed as a filing cabinet, it features the arrangement of files according to the subtitles in the format of the interactive CDs. However, there is a slight difference between CD interactive and the database, for the database will not have games and tutorials. It adds other utilities and features such as the easy retrieval of pictures and texts. It has also a segment on academic articles inclusive of those published at the faculty of Academy of Malay Studies and papers presented in seminars and conventions. The team of researchers also came out with the idea to include glossaries related to each topic.

In order to organize the data, not only the filing system is applied in this database, it also facilitates the researcher by allowing for reviewing a subset of the data. The database does not just perform the work of holding the information, but also analyzing according to the selected topics and keywords. To view the records, it can be done in individual record, in list record or a spreadsheet-like table. When the user clicks on the topic of the list, as in the spreadsheet-like table, the list of information will be arranged automatically in alphabetical order. If the information is hidden for the limitation of space, the column could be resized in order to view the full information by holding the mouse at the subtopic and dragging it to the right side of the column.

For the time being, the database is only shared among the researchers using the internal network. It can also be shared using the web publishing capabilities, or using ODBC (Open Database Connectivity) and JDBC (Java Database Connectivity) to share FileMaker Pro files with ODBC and JDBC compliant applications. Even though the layouts could easily be published as web pages, the researchers intended to postpone the sharing through internet because presently the database is still in construction.



Conclusion



Short and concise explanation is the work principle adopted by the team. The information format is then fitted into a serviceable data computerization program.

We must admit that there are many constraints in culminating the research and thus to fully realise the construct of each and every facet of Malay Arts into the digital mode of choice. Budget amount per annum for the research is one. Concerted effort all round among partners of the research progress is another. Plus factors about the research is the rich source on Malay Arts that are available out there be it already streamlined into graduate exercises, dissertations, and thesis or just as a proliferation of primary and secondary knowledge. We should note here that this factor also proved the stumbling block and main challenge in the process of selecting the mythic from the given knowledge, and, formatting the data into the specified module of our research. However, the research becomes promising when it opens new and neglected areas


which can help post-graduate students in seeking further studies, and they are indeed encouraged to become a contributor to the research.

The research results when complete must of course be maintained and updated occasionally. This means that the research is a never ending one. But with the recent focusing on E-learning at University Malaya the research that our team has embarked on is seen to be ready made for the module of E-learning. Understanding that face-to-face contacts are still the main thrust of study at our university the modules that the research has employed would serve its purpose for E-learning foremost as an enrichment and double up as an alternative necessity if need be.


APPENDIX I: SAMPLE OF MODULAR SET-UP of CD




APPENDIX II: 1 a) CHART ON MALAY ARTS : THE INFORMATION TREE



1.b) CHART ON MALAY PERFORMANCE ART
(BY GENRE & SOME EXAMPLES OF THE TYPES IN EACH GENRE)



1.e) CHART OF VISUAL ART (showing the many forms under Handicrafts)



Bibliografi

- Abd. Halim Nasir (1982), "Sejarah Seni Bina Rumah Melayu", *Cipta Oktober*, Kuala Lumpur: Utusan Malaysia.
- _____, *Pengenalan Rumah Tradisional Melayu Semenanjung Malaysia*, Kuala Lumpur: Darulfikir, Kompleks Pertama.
- _____ dan Wan Hashim Wan Teh, (1996), *The Tradisional Malay House*, Shah Alam: Fajar Bakti.
- _____, (1986), *Ukiran Kayu Melayu Tradisi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Khatibin and Mohammed Sijelmasi (2001), *The Splendor of Islamic Calligraphy*, London:Thames and Hudson.
- Ismail R. Al-Faruqi and Lois Lamy' Al-Faruqi (1986), *The Cultural Atlas of Islam*, the International Institute of Islam Thought, New York: Macmillan.
- Karsam (1999), *Seni Ukiran Jepara Indonesia: Kajian Ciri dan Motif*, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu.
- Laporan Panel Anugerah Seni Negara* (1993), Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia.
- Mohammad Nazzri bin Ahmad (2002), *Pemikiran Melayu Dalam Seni Ukiran Melayu: Tumpuan Kepada Tiga Generasi Pengukir*, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu.
- Mohd Afandi Yahya (1995), *Simbolisma Dalam Seni Bina Rumah Melayu Kelantan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Ghazali Abdullah (1995), *Teater Tradisional Melayu*, Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan Kesenian dan Pelancongan Malaysia.

Mohd. Ghouse Nasaruddin, (2003), *Teater Tradisional Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Monograf Jabatan Kesenian Melayu (2007), Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu.

Muhammad Affandi Yahya (1995), *Simbolisme Dalam Seni Bina Melayu Kelantan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mustaffa Mohammad (1987), *Perkembangan Seni Ukir*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Nor Azlin Hamidon (2005), "*Pandangan Al-Ghazalli Mengenai Emosi Seni dan Aplikasinya dalam Seni Lukis Melayu*," Emosi Melayu, APMUM.

Nor Azlin Hamidon (2003), "*Sumbangan Lukisan Dalam Era Perkembangan Seni Khat di Malaysia*," Kertas Kerja Dalam Seminar dan Bengkel Seni Khat Peringkat Negeri Perak dengan Kerjasama Fakulti Bahasa UPSI, Perak: Auditorium Taman Budaya Negeri Perak, Jalan Coldwell, Off Jalan Raja Hilir.

Nor Azlin Hamidon (2006), "*Kaedah Pembudayaan Seni Khat di Malaysia*", Kertas Kerja dalam Bengkel Pembudayaan Seni Khat anjuran Kementerian Kebudayaan Kesenian dan Warisan Malaysia, Kuala Lumpur: Hotel Grand Seasons.

Nor Azlin Hamidon (2007), "*Pengurusan Digital Seni Lukis Khat di Malaysia*", Prosiding Seminar, Bengkel dan Pameran Seni Khat, Tema: Pengurusan Seni dan Seni Reka Khat Melayu, anjuran Muzium Seni Asia Universiti Malaya, Persatuan Seni Khat Kebangsaan dan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Malaysia, di Muzium Seni Asia, Universiti Malaya, 13 November 2007.

Othman Mohd Yatim (1986), *Simbolisma Dalam Kesenian Islam: Rujukan kepada Nisan Kurun Ke-15 Di Semenanjung*, Kuala Lumpur: Muzium Negara.

- _____ (2000), *Mengukir Kegemilangan Lalu: Biografi Wan Su Othman*. Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan.
- Rahmah Hj. Bujang (1984), *Rampaian Pengajian Melayu*, “Cerita Lakon Boria: Satu Analisis”, hlm.198-231.
- Rahmah Hj. Bujang (1987), *Boria A Form of Malay Theater*; Singapore, Institute of Southeast Asian Studies.
- Rahmah Hj. Bujang (1989), *Jurnal Pengajian Melayu*, “ The Boria of Penang: From Ritual to Popular Performance”, hlm.98-114.
- Rahmah Hj. Bujang(1998), “Pengalaman dan Keindahan Seni Teater Tradisi Melayu”,*Jurnal Pengajian Melayu, Jilid 8*,Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu,Universiti Malaya.
- Rahmah Hj.Bujang dan Nor Azlin Hamidon (2002), *Kesenian Melayu*, Kuala Lumpur. Akademi Pengajian Melayu.
- Rahmah Hj. Bujang (2003), *Glosari Seni: Istilah Kesenian Melayu*, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Rahmah Hj.Bujang (2006), *Wacana Budaya; Sejarah Boria:Warisan Tradisi Seni Yang Anjal*”,Kuala Lumpur: Pengajian Melayu, Universiti Malaya, hlm.134-148.
- Rahmah Hj. Bujang, Nor Azlin Hamidon, Rozita Ahmad dan Maizira Abdul Majid (2006),” E-Maklumat Kesenian Melayu”, dalam *Prosiding Seminar Antarabangsa Pengajian Melayu*, Tema Warisan Melayu anjuran Akademi Pengajian Melayu Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan warisan dan Dewan Bahasa dan Pustaka di Hotel Armada, Petaling Jaya, Selangor.
- Rahmah Hj.Bujang & Nor Azlin Hamidon (2007),” Research On Malay Arts at University of Malaya; Digitisation, Preservation & Development”” *Monograf Jabatan Kesenian Melayu*, Kuala Lumpur: Akademi Pengajia Melayu, Universiti Malaya.

- Rahmah Hj.Bujang & Nor Azlin Hamidon, (2007),” Research on Malay Art at Universiti Malaya: Digitisation, Preservation & Development”, *Prosiding ICAS*, Kuala Lumpur, KLCC.
- Sweeney, P.L.Amin (1972), *The Ramayana and The Malay Shadow Play*, Bangi: Penerbit University Kebangsaan Malaysia.
- Sweeney, P.L Amin, (1970), *The Rama Tree in The Wayang Siam* (thesis Ph.D), University of London.
- Syed Ahmad Jamal (1992), *Rupa dan Jiwa*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Venetia Porter, Heba Nayel Barakat and Cecile Brasc (2004), *Mightier Than The Sword Arabic Script: “Beauty and Meaning”*, Kuala Lumpur: Muzium Kesenian Islam Malaysia.
- Wan Hashim Wan Teh (1996), *Malay Handicraft, Industries, Origins and Development*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zulkifli Hanafi (1996), *Pembinaan Bangunan Tradisional Melayu*. Kedah: Amber Solara Publication.

**BUDAYA KERJA CEMERLANG MENURUT
PERSPEKTIF ISLAM: AMALAN PERKHIDMATAN
AWAM MALAYSIA**
*(EXCELLENT WORK CULTURE FROM ISLAMIC PERSPECTIVE:
MALAYSIAN PUBLIC SERVICES PRACTICE)*

Sharifah Hayaati al-Qudsy

Abstrak

Budaya Kerja Cemerlang adalah suatu konsep dan pendekatan pengurusan pentadbiran yang telah diamalkan di Malaysia sejak 1989. Walau bagaimanapun, penekanannya telah mula diberikan tumpuan selepas kemerdekaan khususnya bagi mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru (DEB). Fokus perkhidmatan di bawah konsep ini bukan sahaja tertumpu kepada output tetapi input, iaitu proses kerja. Proses kerja yang cemerlang bukan sekadar untuk menghasilkan output atau perkhidmatan yang baik semata-mata, tetapi juga untuk mengelakkan penyalahgunaan kuasa, korupsi, pengurusan birokratik dan pelbagai bentuk kecuaiian yang sering berlaku dalam pengurusan pentadbiran. Dalam usaha menyemarakkan budaya kerja cemerlang, kerajaan telah menubuhkan Institut Integriti Malaysia dan memperkenalkan Pelan Integriti Nasional pada tahun 2004 dan mensasarkan suatu pencapaian pada 2008 yang dinamakan sebagai TEKAD 2008. Konsep ini juga menekankan penghasilan pekerja yang mempunyai tahap kebertanggungjawaban atau kebolehpercayaan yang tinggi. Penjelasan tentang konsep budaya kerja cemerlang juga dikupas dari perspektif Islam untuk menjelaskan bagaimana Islam memberikan penegasan dan penganjuran terhadap nilai-nilai murni dalam perkhidmatan.

Abstract

Excellent work culture is a concept and approach of administrative management introduced in Malaysia since 1989. However, it had been emphasized ever since Malaysia gained its independence particularly to achieve the New Economic Policy (NEP) targets and objectives. The focus of this concept is not merely to ascertain quality output but indeed quality and excellent work process or input. The quality process and input are vital to government services as they ensure not only best service practices and productivity but also able to curb various forms of maladministration including corruption, bribery, abuse of power, bureaucratic management and other malpractices in public management. In order to enhance work excellent culture the government has also introduced National Integrity Plan in 2004 with outlined targets to be achieved by year 2008 known as TEKAD 2008. This concept is also stressed on producing high reliable workforce. An explanation to this concept is also made from the Islamic perspective to explore on how Islam gives special focus and encouragement to excellent values in service providing.

Pengenalan

Secara umumnya, budaya kerja cemerlang atau *excellent work culture* ialah serangkap perkataan yang telah dijadikan dasar dalam perkhidmatan awam, bukan sahaja di negara ini, tetapi di seluruh dunia. Ini menunjukkan bahawa usaha mewujudkan sistem penyampaian awam yang cemerlang berasaskan budaya kerja adalah suatu kemestian yang tidak boleh dielak dan dianggap remeh jika ingin terus bersaing dalam pembangunan ekonomi dunia hari ini. Kekuatan dan keupayaan ekonomi sesebuah negara bergantung kepada kecekapan sistem penyampaian awam kerajaannya. Malah, keyakinan masyarakat terhadap kepimpinan kerajaan yang memerintah juga mampu diperkukuhkan melalui sistem ini. Y.A.B Perdana Menteri pernah berkata ;¹

“Cara kita tadbir dahulu lain dengan sekarang... dari segi sistem, perlu pendekkan prosedur. Kita mesti berusaha ke arah

¹ Petikan dari BERNAMA, 23hb. November 2006

itu agar hasil kerja dapat diperolehi dengan cepat. Bukan sahaja cepat, tetapi juga tepat dan menepati tujuan. Tapi ini bergantung kepada faktor manusia. Sebab itu, perlu diperbaiki, perlu ditambah (sikap) tanggungjawab, boleh dipercayai, komited, tidak membuang masa, bersemangat hendak menjayakan sesuatu yang diamanahkan dan bukan bekerja sambil lewa”.

Oleh sebab itu, usaha yang berterusan sehingga melahirkan budaya kerja yang cemerlang perlu dilakukan bukan sahaja di pihak jabatan atau unit kerajaan tetapi juga individu penjawat awam dan masyarakat. Peranan masyarakat melalui pengaduan awam, inkuiri awam, maklum balas sama ada berbentuk pujian, semangat atau pandangan berterusan perlu sentiasa dinilai dan dihargai bagi memperbaiki usaha ke arah budaya kerja yang cemerlang. Selain daripada itu, usaha Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) pada peringkat kerajaan terhadap keberkesanan dasar yang dilaksanakan perlu dinilai daripada masa ke semasa. Corak perkhidmatan seumpama inilah yang menjamin jangka hayat dan kejayaan sesebuah organisasi sebagaimana kajian yang telah dilakukan oleh Thomas J. Peter dan Robert H. Waterman ke atas syarikat-syarikat terunggul di Amerika Syarikat seperti McDonalds, Johnson & Johnson dan International Business Machines (IBM).²

Memahami Konsep Budaya Kerja Cemerlang (BKC)

Budaya kerja cemerlang adalah suatu usaha yang menitikberatkan norma-norma yang baik ke arah tingkah laku dan pelaksanaan kerja yang berkesan pada setiap peringkat perkhidmatan sama ada dilakukan secara formal atau tidak, tanpa mengambilkira sama ada dilakukan bagi mencapai sesuatu matlamat ataupun dalam melaksanakan rutin perkhidmatan seharian. BKC telah dilancarkan oleh Y.A.B Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad (kini bergelar 'Tun') pada 27 November 1989. Tingkah laku dan pelaksanaan kerja tersebut hendaklah sesuatu yang dilakukan secara berterusan dan dijadikan amalan kebiasaan. Keberkesanan sesuatu kerja yang menghasilkan kecemerlangan itu boleh dinilai antaranya dari aspek kos, masa, keselesaan dan kepuasan

² Peter & Waterman, (1982), *In Search of Excellence: Lessons From America's Best-Run Companies*, New York: Harper & Row publisher, hh.9-10

pelanggan.³ Penentuan kecemerlangan juga bukan sahaja berdasarkan jumlah kuantiti bagi produk dan kualiti perkhidmatan tetapi juga kepuasan hati pelanggan.

Menurut Mustafa Daud, budaya kerja cemerlang ialah:

“tatacara dan etika kerja di kalangan kakitangan pengurusan atasan dan pekerja bawahan. Tatacara yang baik itu antaranya ialah rajin, gigih, dayacipta, kreativiti, inovatif, semangat kerjasama, kerja berpasukan, integriti, berdisiplin dan bersikap untuk berusaha meningkatkan prestasi”.⁴

Mohd Tap bin Salleh pula mendefinisikan budaya kerja cemerlang sebagai: *“budaya kerja murni dan berkualiti yang menjadi amalan kerja bersama, diperkukuhkan dengan sistem, proses, prosedur, peraturan yang jelas dan mudah dilaksanakan. Budaya kerja bermula dari peringkat pengurusan atasan, disambut baik oleh pengurusan pertengahan dan dihayati serta dilaksanakan oleh pekerja”*.⁵

Berdasarkan definisi-definisi ini, jelaslah bahawa budaya kerja cemerlang dan etika kerja adalah dua perkataan yang saling berkait antara satu sama lain, bahkan BKC juga boleh diertikan sebagai suatu konsep yang serupa. Cuma BKC menekankan aspek ‘berterusan’ atau ‘konsisten’ dan ‘kebiasaan’ selaras dengan penggunaan perkataan ‘budaya’ dalam melakukan kerja dengan nilai-nilai yang cemerlang sama ada dalam aspek perancangan, pengorganisasian, pelaksanaan atau pembuatan keputusan dan sebagainya di setiap tahap perjawatan dan menghasilkan output yang cemerlang.

Terbaru, Perdana Menteri dalam ucapannya semasa merasmikan pembukaan Kompleks Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri di Hang

³ Mohamad Shaid b. Mohd Taufek, (1995), “Perkhidmatan Awam pada Abad ke-21: Kea rah penghayatan Budaya Kerja Cemerlang Melalui Sistem Nilai” , **Penerapan Nilai-nilai Murni Dalam Pentadbiran Kerajaan**, Ismail Ibrahim & Wan Roslili Majid, Institut Kefahaman Islam (IKIM), ,h.90

⁴ Mustafa Hj. Daud (1994), **Pengurusan Islam**, Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd. h.103

⁵ Mohd Tap bin Salleh et. al (1991), **Nilai dan Etika Dalam Perkhidmatan Awam**, Kuala Lumpur: INTAN, h.356 **News Straits Times**, Wednesday, March 14, p.2

Tuah Jaya, Melaka pada 13 Mac 2007 telah menekankan aspek kualiti kerja kepada pihak kerajaan negeri dan persekutuan dengan kata beliau; “...*the state governments and federal government must work hand in hand to successfully and effectively implement the projects under the Ninth Malaysia Plan.... We are a people-centred government... We have to perform our duties well and effectively to ensure the expectations of the people are met.. We have to change with the times and be prepared to learn.*”⁶

Beberapa inti pati boleh diambil daripada ucapan Perdana Menteri ini untuk menghasilkan suatu budaya kerja, iaitu:

- bekerjasama,
- bekerja secara efektif,
- berusaha memenuhi ekspektasi pelanggan,
- bekerja berdasarkan keperluan zaman, serta
- bersedia untuk mengadakan perubahan dan belajar ke arah melaksanakan projek-projek di bawah RMK9.⁶

Motivasi Staf Ke Arah Budaya Kerja Cemerlang

Kajian ini berdasarkan kepada kajian *Hawthorne*⁷, iaitu suatu kajian yang terkenal di loji Hawthorne milik Western Electric Co. oleh George Elton Mayo dan F.J. Roethlisberger daripada Badan Penyelidikan Kebangsaan yang dilakukan pada 1927-1932. Kajian ini mendapati bahawa manusia adalah sumber terpenting bagi sesebuah organisasi. Kecemerlangan pekerja dipengaruhi oleh sikap ambil berat pihak atasan terhadap kebajikan mereka. Selain itu, motivasi dan semangat kerja disuburkan melalui persekitaran kerja dan sosial yang kondusif. Kajian ini adalah antara kajian rintis yang membuktikan bahawa kerja yang cemerlang akan mempengaruhi prestasi sesebuah organisasi. Selepas kajian ini dibuat, pelbagai pandangan tentang kepuasan pekerja melalui motivasi telah ditekankan oleh pemikir pengurusan dan pentadbiran awam, antaranya ialah Abraham Maslow, Douglas McGregor dan Argyris. Mereka telah menggunakan model “The Hierarchy of Needs” sebagai asas pandangan.

⁶ Rancangan Malaysia Ke-9

⁷ James A.F. Stoner & Charles Wankel (1986), *Management*, 3rd edition, Prentice Hall International Inc. pp. 34-5


Kerja cemerlang sebagai suatu budaya adalah ditentukan oleh faktor kritikal kerja, iaitu motivasi - dengan melihat, sejauhmana seseorang pekerja itu merasa perlu melakukan kerjanya dengan cemerlang dan merasa gembira dengan segala tindakan yang telah dilakukan serta persekitaran kerjanya. Satu cara untuk memotivasikan pekerja ialah melalui kesedaran pengurus bahawa setiap kerjanya mempunyai keunikan personaliti yang boleh menyumbang kepada organisasi. Personaliti dan kebolehan seseorang pekerja adalah berbeza antara satu sama lain. Oleh itu, pengurus juga perlu mengenali kepelbagaian personaliti stafnya untuk mencari kekuatan yang boleh disumbangkan kepada organisasi serta mengurus mereka ke arah tersebut. Menurut Josef Eby Ruin, *'A key to motivating employees is for a manager to understand well the employees' various personalities. He ought to understand that each of them is unique and must be managed as if he was the only person working for him'*.⁸ Menurut Josef lagi, pengurus bukan sekadar perlu mengenali personaliti stafnya, tetapi perlu bertanggapan seolah-olah ia hanya bekerja bersama staf tersebut sahaja.

Selain daripada itu, motivasi juga disemarakkan dengan mewujudkan persekitaran kerja yang kondusif. Usaha mewujudkan persekitaran yang kondusif bukan sekadar menyediakan peralatan canggih, bilik atau tempat kerja yang selamat dan selesa, tetapi juga menyediakan perkhidmatan kaunseling sebagai tempat bagi kakitangan mencurahkan perasaan dan masalah yang tidak dapat dibendung secara sendirian. Ia bertujuan untuk memberi nasihat dan menambah keyakinan diri staf yang bermasalah samada di tempat kerja atau lainnya, khususnya dengan wujudnya pelbagai bentuk tekanan kehidupan seperti masalah rumahtangga, perceraian, kewangan dan sebagainya. Hal ini diakui oleh bekas Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dato' Seri Ahmad Sarji bin Abdul Hamid yang dipetik berkata: *"..Perkhidmatan kaunseling baik di dalam agensi kerajaan mahupun dalam sektor korporat boleh membantu ke arah meningkatkan produktiviti sesuatu organisasi itu"*.⁹

⁸ Josef Eby Ruin, (2001), 'Effective employee motivation' dalam **Towards Organisational & Personal Excellence**, Kuala Lumpur: The New Straits Times Press (M) Bhd.p.176

⁹ Kaunseling Dalam Organisasi dalam **Buletin Intan**,j.15,Bil.1, 1991, h.2

Motivasi yang baik akan melahirkan pekerja yang dapat mengimbangi diri, kerja dan tekanan ke arah melahirkan kerja yang cemerlang. Hubungkait antara motivasi diri dan kerja dapat dilihat sebagaimana Rajah 1 di bawah:



Rajah 1

(Sumber: Rajah 1 ini telah dimodifikasi berdasarkan Yates, J E (1979), *Managing Stress*, New York: American Management Associations, h.54)

Ukuran Budaya Kerja Cemerlang

Persoalan yang sering dikemukakan ialah kewujudan sistem pengukur tahap kecemerlangan dalam aspek perkhidmatan. Bolehkah cemerlang

diukur dengan tepat? Bagaimana penjawat perkhidmatan awam yang berjumlah 1.2 juta orang dalam pelbagai tahap perkhidmatan boleh diukur oleh kerajaan. Adakah kecemerlangan diukur berdasarkan jumlah atau angka pencapaian yang diperolehi melalui penilaian tahap kecekapan (PTK) atau berasaskan penilaian majikan, jumlah produktiviti atau tempoh perkhidmatannya? Kesemuanya dianggap penting khususnya apabila bahan atau perkara yang dinilai itu adalah manusia itu sendiri. Namun, Istilah budaya kerja cemerlang tidak dapat lari dari mengatakan aspek kualiti, keberkesanan dan kecekapan. Keberhasilan dalam mewujudkan ketiga-tiga aspek ini sama ada dalam perkhidmatan atau produktiviti bererti ia telah mencapai tahap kecemerlangan kerja. Inilah tiga aspek yang telah dikenalpasti sebagai pengukur BKC.

Perkataan **kecekapan** sering diertikan sebagai penghasilan produktiviti atau perkhidmatan yang menjangkaui input yang disediakan. **Keberkesanan** atau efektif pula didefinisikan sebagai kerja yang terhasil selaras dengan objektif yang digariskan oleh organisasi, produktiviti atau perkhidmatan yang dihasilkan menepati matlamat yang digariskan oleh organisasi ¹⁰. Manakala **kualiti** adalah apabila output sama ada produktiviti atau perkhidmatan itu memenuhi kepuasan pelanggan.¹¹ Terdapat lapan faktor kritikal yang telah dikenalpasti dalam Panduan Mengenai Peningkatan Produktiviti dalam PKPA, Bil.6,1991:

- a. Tenaga manusia
- b. Sistem dan Prosedur
- c. Struktur Organisasi
- d. Gaya Pengurusan
- e. Persekitaran Kerja
- f. Teknologi
- g. Bahan-bahan
- h. Kelengkapan modal

¹⁰ Richard L. Daft, (1983) **Organization Theory and Design**, U.S.A: West publishing Co. Minnesota, p.92


¹¹ Panduan Mengenai Peningkatan Produktiviti Dalam Perkhidmatan Awam, PKPA, Bil.6,tahun 1991

Faktor-faktor Kritikal	Tindakan Pihak Pengurusan
Tenaga Manusia	<ol style="list-style-type: none">a. Melatih kakitangan dalam bidang-bidang yang berkaitan dengan kerja.b. Mewujud dan menyebarkan nilai-nilai positif.c. Memotivasikan kakitangan supaya menghasilkan kerja yang cemerlangd. Menggalakkan penglibatan kakitangan dlm penentuan matlamat organisasi dan proses penyelesaian masalah produktiviti.e. Mewujudkan komunikasi yang berkesan dalam jabatan/pejabat.f. Menetapkan standard prestasi untuk kakitangan.g. Menempatkan kakitangan mengikut kebolehan dan kemahiran
Sistem dan prosedur	<ol style="list-style-type: none">a. Mengkaji semula sistem dan prosedur kerja untuk mengatasi kelemahan-kelemahan yang menyekat produktiviti.b. Mempermudahkan sistem dan prosedur kerja yang sedia ada.c. Memansuhkan peruntukan undang-undang atau peraturan yang tidak sesuai dengan matlamat jabatan/pejabat.
Struktur Organisasi	<ol style="list-style-type: none">a. Membuat penyelarasan fungsi bahagian-bahagian dan unit dalam organisasi jabatan/pejabat.b. Mewujudkan struktur organisasi yang fleksibel dan dinamik.c. Menentukan corak perjawatan di bahagian-bahagian atau unit dalam organisasi adalah berpadanan dengan tanggungjawab yang diberikan.d. Mendefinisikan dengan jelas bidang kuasa bahagian-bahagian dan unit dalam jabatan/pejabat.

Gaya Pengurusan	<ul style="list-style-type: none"> a. Mewujudkan wawasan dan objektif jabatan/pejabat. b. Merancang dan menetapkan matlamat prestasi jabatan/pejabat dan kemudiannya mengukur pencapaian sebenar. c. Mewujudkan budaya kerja yang menekankan produktiviti.
Persekitaran Kerja	<ul style="list-style-type: none"> a. Mewujudkan susun atur jabatan/pejabat yang sesuai dengan operasi kerja. b. Melengkapi pejabat dengan kemudahan asas. c. Menjaga kebersihan dan perhiasan di tempat kerja. d. Menyediakan kemudahan-kemudahan untuk kakitangan.
Teknologi	<ul style="list-style-type: none"> a. Mengkaji proses-proses kerja yang dijalankan sekarang untuk mengenalpasti aspek-aspek yang sesuai untuk diautomasi atau dimekanisasikan.
Bahan-bahan	<ul style="list-style-type: none"> a. Menjalankan pemeriksaan kualiti pada peringkat awal ke atas bahan-bahan input yang diperolehi daripada pembekal. b. Memberi pendidikan kualiti kepada pembekal.
Kelengkapan modal	<ul style="list-style-type: none"> a. Menyelenggara kelengkapan modal mengikut jadual. b. Menentukan kelengkapan modal berada dalam persekitaran operasi yang baik. c. Merancang penggunaan kelengkapan supaya semuanya dapat digunakan dengan optimum.

Oleh itu, bolehlah dikatakan bahawa BKC juga boleh dipengaruhi oleh kelapan-lapan faktor kritikal ini. Tindakan yang boleh diambil oleh pihak pengurusan ke atas setiap faktor ke arah mewujudkan BKC adalah dengan menilai matlamat, proses dan sistem kerja secara konsisten sebagaimana rajah berikut:¹²

¹² Richard L.Daft, *op.cit.*, p.93



Rajah 2: Tiga Pendekatan Untuk Mengukur Keberkesanan Organisasi

Amalan Budaya Kerja Cemerlang Di Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)

Antara contoh kepada amalan BKC dalam perkhidmatan awam Malaysia ialah usaha-usaha dan program yang diwujudkan oleh JPA antaranya;

a) Penggubalan Kod Etika JPA

JPA telah menggariskan lima kod etika beserta ciri-ciri bagi etika tersebut, iaitu:

i- PROFESIONALISME

Ciri-Cirinya;

- Mempunyai komitmen yang tinggi dan sentiasa bersedia menjalankan tugas
- Bertanggungjawab dan gigih dalam setiap pekerjaan yang dilakukan dalam tempoh masa yang ditetapkan, di samping menjamin kualiti

- Mempunyai kemahiran,kebijaksanaan serta kemampuan dalam menjalankan tugas yang diamanahkan
- Integriti dari segi objektif, bias dan tidak mementingkan diri sendiri
- Mempunyai ciri-ciri kreatif, inovatif, bermotivasi, berbudaya saing dan akauntabiliti

ii- BERTINDAK SEBAGAI PASUKAN

Ciri-cirinya;

- Bertindak ke arah satu visi
- Sentiasa melibatkan diri dan memberi sumbangan dalam aktiviti jabatan
- Berkongsi maklumat, pengalaman, ilmu dan pengetahuan
- Sentiasa menjaga imej jabatan
- Sentiasa bertolak ansur, toleransi, bekerjasama dan saling hormat-menghormati

iii- KECEMERLANGAN & KEUNGGULAN

Ciri-cirinya;

- Berusaha melakukan yang terbaik
- Sentiasa berusaha memperbaiki prestasi kerja
- Sentiasa peka dan prihatin kepada kemudahan pelanggan
- Keupayaan mempelajari pelbagai kemahiran (*multiple skill*) bagi menjalankan pelbagai tugas (*multiple tasks*)
- Berdedikasi dan berdisiplin

iv- BERHEMAH & BERWIBAWA

Ciri-cirinya;

- Jujur, amanah dan berakhlak dalam menjalankan tugas tanpa menyalahgunakan kuasa dan kedudukan
- Bertimbang rasa, mesra, adil dan saksama
- Sentiasa tenang, sabar dan dapat menyesuaikan diri dalam semua situasi
- Menampilkan diri dengan berpakaian kemas dan berbudi bahasa

v- PEMBELAJARAN BERTERUSAN

Ciri-cirinya;

- Bersedia belajar daripada pengalaman diri dan orang lain ke arah penambahbaikan
- Sentiasa mencari ruang untuk memaju dan meningkatkan kemahiran diri
- Sentiasa menggalakan semua anggota supaya berusaha memajukan diri
- Tidak segan untuk bertanya

Jika diteliti setiap kod dan ciri-ciri yang telah disenaraikan ini, ia seolah-olah tidak ada alasan untuk mengatakan bahawa amalan budaya kerja cemerlang tidak digalakan dalam perkhidmatan awam. Bahkan semua yang telah dinyatakan dalam setiap kod adalah selaras dengan tuntutan budaya kerja cemerlang Islam.

- b) Sistem Pemberian Maklum Balas
- c) Mewujudkan pakatan strategik
- d) Mengkaji semula peranan dan struktur organisasi
- e) Penguasaan ilmu dan kemahiran
- f) Mempertingkatkan pengukuhan prestasi

Budaya Kerja Cemerlang Menurut Islam

Islam sangat menitikberatkan persoalan kecemerlangan dalam apa jua pekerjaan yang dilakukan oleh manusia. Antara perkataan-perkataan yang melambangkannya dalam al-Quran adalah perkataan 'ahsanu amala', 'aflaha' dan, 'ihsana'. Malah dalam laungan azan telah terkandung seruan kearah kecemerlangan, iaitu '*hayya 'ala al-falah*' berkali-kali. Antara ciri-ciri cemerlang ialah apabila sesuatu pekerjaan itu dilaksanakan dengan berkualiti seperti tekun, khusyuk, ikhlas, konsisten, amanah dan sebagainya.

Abu Hamid al-Ghazzali berpendapat bahawa nilai utama dalam akhlak yang membentuk kecemerlangan terbahagi kepada empat, iaitu:¹³

¹³ Abu Hamid al-Ghazzali, (1973) *Ihya' Ulumuddin*, Cairo: Amal Kitabi al-Arabi.

1. *al-Hikmah*-Kebijaksanaan atau kesesuaian ilmu dengan amal atau tindakannya.
2. *al-'Adl*-Keadilan, iaitu jiwa yang dapat dikawal dari sifat marah, rakus, ego dan sebagainya untuk mencapai al-hikmah. Nilai ini mampu menyelamatkan dan membimbing manusia kearah kesejahteraan dan kebahagiaan.
3. *al-Shaja'ah*-Keberanian, iaitu kekuatan dan keteguhan hati dalam mempertahankan kebenaran (al-haq), tidak berundur kerana dicela dan tidak maju kerana dipuji.
4. *al-'Iffah*- Kemuliaan, iaitu mempunyai kemuliaan dengan menjaga maruah diri dari melakukan perbuatan yang dilarang Allah.

Antara budaya kerja cemerlang yang menjadi tuntutan kecemerlangan hari ini ialah sifat kompetitif. Penegasan terhadap nilai terkandung dalam Firman Allah berikut:

وَلِكُلِّ وِجْهَةٍ هُوَ مَوْلِيهَا فَاسْتَبِقُوا الْخَيْرَاتِ أَيْنَ مَا
تَكُونُوا يَأْتِ بِكُمْ اللَّهُ جَمِيعًا إِنَّ اللَّهَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ


Maksudnya: 'Dan bagi tiap-tiap umat ada kiblatnya yang ia menghadap kepadanya. Maka berlumba-lumbalah kamu dalam berbuat kebajikan. Di mana sahaja kamu berada pasti Allah akan mengumpulkan kamu sekalian pada hari kiamat. Sesungguhnya Allah Maha Berkuasa atas segala sesuatu'. [al-Baqarah:148]

Konsep kompetitif dalam Islam bukan sekadar dalam urusan melaksanakan kebaikan atau mengurus tetapi juga kompetitif dalam melakukan urusan koreksi atau pembaikan atas kesilapan. Dalam konteks keimanan, ia bererti bertaubat. Hal ini dapat difahami melalui perintah Allah s.w.t dalam Surah al-Hadid:21 sebagaimana berikut:

سَابِقُوا إِلَىٰ مَغْفِرَةٍ مِّن رَّبِّكُمْ وَجَنَّةٍ عَرْضُهَا كَعَرْضِ السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ
أَعِدَّتْ لِلَّذِينَ ءَامَنُوا بِاللَّهِ وَرُسُلِهِ ۗ ذَٰلِكَ فَضْلُ اللَّهِ يُؤْتِيهِ مَن يَشَاءُ
وَاللَّهُ ذُو الْفَضْلِ الْعَظِيمِ ﴿٢١﴾

Maksudnya: ‘Berlumba-lumbalah kamu menuju keampunan dari Tuhanmu dan syurga yang luas seluas langit dan bumi, disediakan untuk orang-orang yang beriman kepada Allah dan Rasul-rasulNya. Itulah kurniaan Allah yang dianugerahkan kepada sesiapa yang dikehendakinya, dan Allah itu mempunyai kurniaan yang besar.’ [Surah al-Hadid:21]

Selain daripada itu, kecemerlangan juga mengambil kira aspek sumber dan kaedah ia dilaksanakan, iaitu sama ada menepati piawaian standard halal atau tidak. Berikut disenaraikan intipati utama BKC dalam Islam:



Rajah 3: Model Asas Budaya Kerja Cemerlang Islam (BKCI)

Terdapat empat komponen utama penentu BKC dalam Islam selain daripada aspek nilai pada kerja yang dilaksanakan, iaitu **sumber** pekerjaan itu hendaklah bersifat halal. Ia juga tidak mengandungi perkara haram atau unsur-unsur haram atau yang bersifat 'syubhah', seperti hasil rasuah, penipuan, wang atau modal yang diperolehi secara curi. Kedua, cara atau **kaedah melaksanakan** kerja juga perlu bersih dari unsur-unsur haram seperti hendaklah tidak dengan cara paksaan, peras ugut, penipuan, penyalahgunaan kuasa dan kedudukan, manipulasi atau yang seumpama dengannya. Ketiga, hendaklah **natijah** atau **output** yang dihasilkan tidak membawa keburukan dan kemusnahan samada kepada manusia mahupun alam sejagat. Contohnya, penghasilan nuklear walaupun dihasilkan dengan nilai kerja yang cemerlang serta tidak mengandungi unsur-unsur haram dalam penghasilannya, tetapi sekiranya output tersebut digunakan atas alasan yang tidak dibenarkan syarak, iaitu mempertahankan negara misalnya, maka tidaklah penghasilannya dikira sebagai suatu pencapaian kerja cemerlang. Yang keempat, hendaklah ia dihasilkan melalui **nilai kerja** yang cemerlang seperti muafakat, perbincangan, ikhlas, tekun, sabar; tanpa eksploitasi tenaga dengan cara yang salah seperti mengarahkan sesuatu yang bukan di bawah bidang tugas atau bidang kuasa secara melampau, bekerja di luar waktu pejabat tanpa kebenaran serta menuntut imbuhan yang tidak sewajarnya dan sebagainya. Imam al-Ghazzali juga mengatakan bahawa setiap kerja itu perlu memerhatikan 3 aspek, iaitu:¹⁴

1. Apabila mengerjakan sesuatu **ikhhlaskan** hati;
2. Semasa mengerjakan sesuatu **khususukkan** hati;
3. Setelah mengerjakan sesuatu **rendahkan** hati.

Elemen nilai yang diutarakan ini kini disebut dalam pelbagai bentuk seperti tekun, fokus, dedikasi dalam kerja dan sebagainya. Oleh itu sekiranya keempat-empat komponen ini diteliti dan diawasi dalam melahirkan budaya kerja, maka ia bukan sekadar dinilai sebagai cemerlang dalam konteks beretika malah cemerlang dalam konteks beriman kepada Allah s.w.t

¹⁴ *ibid*

Apa juga nilai baik yang dijadikan etika kerja atau profesion adalah amat dituntut dalam Islam bukan sekadar kerana ia adalah aspek akhlak yang menentukan kualiti sesuatu tugas itu tetapi ia juga adalah formula untuk memastikan matlamat syariat terlaksana dengan baik. Terdapat lima matlamat syariat yang dinamakan sebagai '*maqasid khamsah*', iaitu :

1. memelihara agama ;
2. memelihara jiwa dan nyawa ;
3. memelihara akal fikiran ;
4. memelihara harta dan
5. memelihara keturunan.

Matlamat ini menunjukkan bahawa ajaran Islam bukan sekadar menggalakkan umatnya untuk cemerlang melalui nilai dan etika kerja tetapi juga bersifat memelihara mereka sebelum berlakunya sesuatu kemusnahan atau kemunduran termasuklah dalam aspek melaksanakan tugas.

Implikasi Tingkah Laku Terhadap Budaya Kerja Cemerlang

Sesuatu budaya itu tidak terhasil dengan sekelip mata, atau tindakan segera. Sebaliknya, ia menjadi suatu budaya apabila ia dilakukan secara berulang kali dan diamalkan oleh sejumlah masyarakat dalam sesebuah komuniti ataupun organisasi sehingga melahirkan suatu *trend* bekerja yang kemudiannya menjadi imej masyarakat atau organisasi tersebut. Contohnya, apabila menyebut perkataan 'sistem perkhidmatan kerajaan' masih ada dalam kalangan masyarakat dan sektor swasta yang sering mengaitkannya sebagai suatu sistem kerja yang lambat, terdapat banyak rangkaian arahan atau hirarki (*chain of command*) yang sering dikenali sebagai birokrasi. Ini bukan sekadar berlaku dalam masyarakat di negara ini, malah di mana-mana negara di dunia. Imej negatif yang lahir daripada budaya kerja inilah yang perlu diatasi dan diperbaiki salah tanggapan tersebut dengan serius.

Oleh yang demikian, proses awal untuk melahirkan suatu budaya kerja adalah dengan membentuk sikap pekerja terhadap kerja (*work attitudes*). Sikap ini antara lain ditentukan dan dipengaruhi oleh tiga

faktor iaitu **pertama**, penglibatan dalam kerja, **kedua**, kepuasan kerja dan **ketiga**, komitmen kerja. Ketiga-tiga faktor ini menurut Robert Kreitner adalah saling berkait antara satu sama lain.¹⁵

Penglibatan kerja bermaksud sejauhmana seseorang pekerja itu memainkan peranannya dalam organisasi, apakah bentuk jawatan, kedudukannya dalam hirarki dan pangkat yang disandang. Ini seringkali dikaitkan pekerja berjawatan tinggi yang lebih mengutamakan kepuasan kerja daripada mereka yang berjawatan rendah. Selain itu, mereka lebih bercita-cita dalam mencapai matlamat organisasi, bekerja dengan lebih sifat sukarela dan lebih merasa kecewa sekiranya terdapat kegagalan dalam kerja.¹⁶

Kepuasan kerja pula bermaksud sejauhmana seseorang pekerja itu merasa gembira dengan kerjaya yang dilakukannya. Apabila pekerja merasa seronok terhadap kerja yang diberi kepadanya dan berpuas hati juga dengan hasil yang diperolehi, ini akan dapat mewujudkan sifat yakin diri dalam dirinya. Manakala **komitmen kerja** pula bermaksud sejauhmana seseorang pekerja itu melaksanakan tugasannya dengan bersungguh-sungguh dan berdedikasi atau bekerja seolah-olah organisasi itu miliknya sendiri. Komitmen walaupun mempunyai kaitan dengan kepuasan kerja, tetapi tidak semestinya seseorang yang komited itu berpuas hati terhadap kerjayanya. Ada kemungkinan ketidakpuasan hati itu lahir daripada sistem ganjaran yang tidak memuaskan, dasar pembuatan keputusan yang tidak menyeluruh dan sebagainya.

Ketiga-tiga faktor ini boleh mempengaruhi sikap apabila dengan ketiga-tiga bentuk sikap tersebut mampu mempertingkatkan kualiti, produktiviti dan kesetiaan pekerja terhadap organisasinya. Dan apabila ini dapat dibudayakan, ia akan melahirkan suatu budaya kerja yang cemerlang. Selain daripada itu, ketiga-tiga faktor di atas juga bergantung kepada faktor lain seperti sistem ganjaran dan imbuhan, sistem latihan, sistem kenaikan pangkat, suasana persekitaran, kemudahan pekerja,

¹⁵ Robert Kreitner & Angelo Kinichi (2004), **Organizational Behavior**, New York:Mc Graw Hill, 6th ed.pp.86-87

¹⁶ Ahmad Shukri Mohd Nain (2002), **Tingkhalku Organisasi:Pengenalan Tingkhalku Individu**, K.L:UTM,h.2

sokongan rakan sejawat dan sebagainya. Di sinilah sistem perancangan dan pengurusan sumber manusia sangat penting dalam sesebuah organisasi, sekiranya organisasi tersebut ingin mencapai kecemerlangan.¹⁷ Kepentingan tersebut bukan sekadar dalam pengambilan, pengagihan tugas, perancangan latihan dan kenaikan semata-mata tetapi hasilnya adalah untuk melahirkan suatu corak 'sikap' atau 'tingkah laku' dalam bekerja (*work behavior/ attitude*).

Ketiga-tiga faktor ini iaitu penglibatan, kepuasan dan komitmen terhadap kerja yang mampu mencorak budaya kerja dalam sesebuah organisasi ini secara tidak langsung telah disebut dalam sepotong hadith Rasulullah s.a.w yang bermaksud, '*Sesungguhnya Allah suka apabila seseorang itu membuat sesuatu pekerjaan hendaklah dilakukan dengan tekun*'¹⁸.

Kekuatan elemen komited sehingga membentuk budaya kerja ini juga boleh dinilai melalui sabda baginda yang lain yang bermaksud, '*Wahai segenap manusia, hendaklah beramal soleh sesuai dengan kemampuan kamu, sesungguhnya Allah s.w.t tidak akan jemu sehingga kamu merasa jemu. Amal yang paling dicintai Allah itu ialah amal yang dikerjakan secara rutin dan terus-menerus walaupun sedikit*'.¹⁹

Perkataan *itqan* dalam hadith pertama, dimaksudkan sebagai komited, tekun, dedikasi dan berterusan. Dalam al-Quran, Allah s.w.t menyebut dalam Surah al-Insyirah :7 yang bermaksud, '*Dan apabila engkau telah selesai (daripada sesuatu amal soleh), maka bersungguh-sungguhlah engkau berusaha (mengerjakan amal soleh yang lain)*'.

Oleh itu, dalam pentadbiran Islam, mewujudkan sikap yang positif terhadap kerja adalah suatu galakan yang telah diperingatkan oleh Nabi Muhammad s.a.w seribu empat ratus tahun yang lalu, iaitu sebelum adanya kemudahan sains dan teknologi canggih seperti teknologi

¹⁷ Mohamad Yazam Sharif,(2001) *Asas Pengurusan Sumber Manusia*, Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd,h.43

¹⁸ 'Ali bin Hisam al-Din al-Muttaqi al-Hindi (t.t). *Kanzul 'Ummal Kitab al-Ijarah min Qism al-Aqwal*, Dar al-Fikr, no.9128, juzuk 1,h.639

¹⁹ Al-Isti'ab, jilid 4,h.1885

informasi dan komunikasi seperti komputer, mesin faksimili, telefon yang menjadi pemudahkerja pada ketika itu. Latihan yang ada adalah NASIHAT, PERINGATAN demi peringatan oleh baginda, CONTOH TELADAN dan KERJA SECARA BERPASUKAN.

Dengan itu, perlulah disedari bahawa budaya kerja cemerlang bukanlah suatu warisan turun-temurun, ia bergantung kepada komitmen kerja setiap penjawat awam pada setiap peringkat perkhidmatan. Komitmen pula tidak akan lahir secara kekal jika pengurus organisasi tidak mengusahakan pelbagai bentuk motivasi staf, latihan, persekitaran yang kondusif termasuklah perkhidmatan kaunseling daripada semasa ke semasa. Oleh itu, adalah penting untuk mengenal pasti ukuran penilaian bagi budaya kerja cemerlang dan beriltizam serta memperkukuhkan kerjasama yang kental untuk mencapainya secara holistik.

Bibliografi

'Ali bin Hisam al-Din al-Muttaqi al-Hindi (t.t). **Kanzul 'Ummal Kitab al-Ijarah min Qism al-Aqwal**, Dar al-Fikr, no.9128, juzuk 1.

Abu Hamid al-Ghazzali, (1973) **Ihya' Ulumuddin**, Cairo: Amal Kitabi al-Arabi.

Ahmad Shukri Mohd Nain (2002), **Tingka hlaku Organisasi: Pengenal Tingka hlaku Individu**, K.L: UTM.

Al-Isti'ab, jilid 4, h.1885

James A.F. Stoner & Charles Wankel, (1986), **Management**, 3rd edition, Prentice Hall International Inc.

Josef Eby Ruin, (2001), 'Effective Employee Motivation' dalam **Towards Organisational & Personal Excellence**, Kuala Lumpur: The New Straits Times Press (M) Bhd.

Kaunseling Dalam Organisasi dalam **Buletin Intan**, (1991), j.15, Bil.1.

Mohamad Shaïd b.Mohd Taufek, (1995),”Perkhidmatan Awam pada Abad ke-21: Ke arah Penghayatan Budaya Kerja Cemerlang Melalui Sistem Nilai” , **Penerapan Nilai-nilai Murni Dalam Pentadbiran Kerajaan**,Ismail Ibrahim & Wan Roslili Majid, Institut Kefahaman Islam (IKIM).

Mohamad Yazam Sharif,(2001) **Asas Pengurusan Sumber Manusia**, Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd.

Mohd Tap bin Salleh et.al, (1991), **Nilai dan Etika Dalam Perkhidmatan Awam**, Kuala Lumpur: INTAN.

Mustafa Hj.Daud, (1994), **Pengurusan Islam**, Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.

Panduan Mengenai Peningkatan Produktiviti Dalam Perkhidmatan Awam, PKPA, Bil.6,tahun 1991.

Peter & Waterman,(1982), **In Search of Excellence:Lessons From America’s Best-Run Companies**, New York: Harper & Row Publisher.

Richard L. Daft, (1983) **Organization Theory and Design**, U.S.A: West Publishing Co. Minnesota.

Robert Kreitner & Angelo Kinichi (2004), **Organizational Behavior**, New York:Mc Graw Hill, 6th ed.

Yates,J E (1979), **Managing Stress**, New York: American Management Associations.

Petikan dari **BERNAMA**, 23hb. November 2006.

News Straits Times, Wednesday, March 14, 2007.

INTERTEKSTUALITI DAN KITAB TAFSIR MELAYU (INTERTEXTUALITY AND MALAY KITAB TRANSLATION)

Zulkifli bin Haji Mohd. Yusoff¹
Wan Nasyrudin bin Wan Abdullah²

Abstrak

Kertas ini cuba melihat aplikasi teori intertekstualiti dalam kitab tafsir Melayu. Tumpuan hanya kepada Tarjuman al-Mustafid, iaitu tafsir pertama di alam Melayu yang ditulis dalam bahasa Melayu pada abad ke-17 Masehi oleh Syeikh Abdul Rauf Ali al-Fansuri al-Singkeli yang juga dikenali sebagai Tafsir Baydawi Melayu. Analisis teks Tarjuman al-Mustafid dan teks tipa induk serta hipogramnya akan dilakukan bagi melihat penyerapan dialog dalaman dan dialog luaran dalam Tarjuman al-Mustafid, juga sekaligus melihat keseimbangan antara kedua-duanya, seterusnya melihat apa yang mendominasinya.

Abstract

This paper attempts to study the application of intertextuality theory in Malay exegesis books. The focus is on the Tarjuman al-Mustafid that is the first exegesis in the Malay world written in Malay in the 17th century by Syeikh Abdul Rauf Ali al-Fansuri al-Singkeli, which is also known as Malay Baydawi Exegesis. The textual analysis of the Tarjuman al-Mustafid and the main resource text as well as its hipogram will be performed to investigate the impact of both the internal and external dialogue in the Tarjuman al-

¹ Dr. Zulkifli Haji Mohd Yusoff, professor dalam bidang Tafsir al-Quran di Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

² Dr.Wan Nasyrudin bin Wan Abdullah, tutor dalam bidang Pengajian al-Quran, Fakulti Pengajian Islam,Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.

Mustafid, and to examine the balance between them, and later to identify what dominates them

Pendahuluan

Kajian intertekstualiti amat sinonim dengan teks-teks sastera. Justeru ia adalah satu teori kritikan sastera moden. Melalui teori ini seseorang yang membaca karya sastera akan dapat merasai hubungan pengarang dengan karya yang dihasilkan. Selain itu, kebiasaannya sesebuah karya akan terpengaruh dengan situasi yang berlaku ketika karya itu dihasilkan sama ada situasi politik, sosio budaya, ekonomi, pengalaman hidup dan sebagainya.

Dalam kertas ini, penulis mengkaji aspek intertekstualiti dalam sebuah tafsir Melayu terawal, iaitu *Tarjuman al-Mustafid* oleh Syeikh Abdul Rauf Ali al-Fansuri al-Singkeli yang dicetak oleh Pustaka Nasional, Singapura. Kitab ini mengandungi 612 halaman termasuk daftar kandungan. Kitab ini terdiri daripada dua bahagian, iaitu bahagian pertama bermula daripada surah al-Fatihah (halaman 1) hingga surah al-Isra' (halaman 294), manakala bahagian kedua bermula daripada surah al-Kahfi (halaman 295) hingga surah al-Nas (halaman 610).

Kitab ini tidak mempunyai mukadimah dan dicetak berserta doa khatam al-Quran serta perakuan daripada pentashih di Maktabah al-Amiriyah, Mekah yang menyatakan bahawa kitab ini adalah terjemahan total daripada Tafsir *al-Baydawi*. Dakwaan para pentashih inilah yang menjadi titik tolak penelitian *Tarjuman al-Mustafid* menggunakan teori intertekstualiti.

Teori Intertekstualiti

Teori ini mula diperkenalkan oleh Mikhail Bakhtin³ pada tahun 1926. Pada peringkat awal kemunculannya, Bakhtin menggunakan istilah “dialogik” yang bermaksud semua karya sastera itu dihasilkan berdasarkan pada dialog antara teks dengan teks-teks yang lain. Maksud teori ini dengan bahasa yang lebih mudah ialah suatu teks itu tidak dapat tidak, dipengaruhi oleh teks-teks lain (Pradotokusumo, Partini Sardjono, 1986: 60).

Intertekstualiti ialah himpunan atau kombinasi pelbagai teks dalam sesebuah teks (Barthes, 1982: 31-32). Dalam keadaan tertentu, hasil karya yang ditulis itu mungkin lahir dalam bentuk yang baru, yang mungkin merupakan percubaan atau eksperimen pengarang untuk menghasilkan karya yang berbeza daripada apa yang pernah ditulis oleh pengarang sebelumnya. Biasanya apa yang terjadi ialah perbezaan dari segi teknik pengolahan, iaitu pengarang ingin membezakannya dengan karya sebelumnya sedangkan bahan atau temanya mungkin tentang hal yang sama (Mana Sikana, 1994).

Teori intertekstualiti mempunyai beberapa prinsip, iaitu:

- Pertama: Transformasi yang bermaksud pemindahan, penjelmaan atau penukaran sesuatu teks kepada teks yang lain.
- Kedua: Modifikasi, iaitu penyesuaian, perubahan atau pindaan terhadap sesuatu teks dalam sesebuah teks.
- Ketiga: Ekspansi, iaitu perluasan atau pengembangan terhadap sesuatu teks.
- Keempat: Demitefikasi, iaitu menentang karya yang mundur yang lebih awal.
- Kelima: Haplologi, iaitu pengguguran dalam masa berlaku kehadiran teks-teks ke dalam sesebuah teks.
- Keenam: Ekserp, iaitu teks yang digunakan adalah sama atau mungkin sama dengan intisari sebahagian, suatu petikan, suatu episod atau aspek dari hipogram atau tipa induknya.
- Ketujuh: *Parallel*, iaitu berlaku persamaan atau kesejajaran antara suatu teks dengan teks yang lain. Ia ada kaitan dengan konsep sastera yang mempunyai unsur universal, yang

³ Beliau ialah Mikhail Mikhailovich Bakhtin. Dilahirkan pada 16 November 1895 di Rusia. mendapat pendidikan di Universiti Odessa dan St. Petersburg. Menetap di beberapa tempat sepanjang hayatnya seperti Nevel, Vitebsk, Leningrad dan Saransk. Menghabiskan masa Perang Dunia II di Moscow dan di situ juga beliau menetap dari tahun 1969 hinggalah kematiannya pada 7 Mac 1975. Antara bidang yang diminatinya ialah falsafah, psikologi, budaya dogeng rakyat, linguistik, antropologi dan estetik. Beliau paling dikenali kerana penulisannya tentang teori kesusasteraan dan kritikan dengan penekanan khusus kepada fungsi bahasa dan novel sebagai suatu bentuk seni. Antara karyanya yang paling menonjol: *Problem of Dostoevsky's Poetics* dan *Rabelais and his World*. Lihat: *Ensiklopedia Sastera Dunia* (2000), Abd. Ghafar Laili (terj.), j. 1. hlm. 316-317.

memperlihatkan unsur-unsur keselarian dan kesejajaran teks-teks dalam sebuah teks.

- Kelapan: Konversi, iaitu pemutarbalikan tipa induk atau hipogram ataupun penentangan terhadap teks yang diambil guna.
- Kesembilan: Eksistensi, iaitu unsur-unsur yang diwujudkan atau diadakan dalam sesebuah karya berbeza dengan teks hipogramnya.
- Kesepuluh: Defamilirasi, iaitu unsur luar biasa dalam karya.

Setiap prinsip ini tidak semestinya hadir secara berasingan dalam setiap karya, bahkan ia boleh juga hadir secara bersama. Contohnya, apabila sesuatu teks karya itu mengalami proses transformasi, maka ia juga mungkin mengalami proses modifikasi, ekspansi atau apa saja prinsip intertekstualiti dalam masa yang sama.

Tafsir Tarjuman Al-mustafid

Tarjuman al-Mustafid ialah kitab tafsir yang pertama di alam Melayu. Kitab ini ditulis oleh Syeikh Abdul Rauf al-Singkeli pada abad ke 17 Masehi. Beliau adalah salah seorang daripada empat orang ulama Aceh yang tersohor pada zamannya.⁴

Kitab ini ditulis bertujuan membantu masyarakat untuk lebih memahami ajaran Islam. Selama ini, jika seseorang ingin memahami al-Quran, dia mesti mempelajari bahasa Arab atau merujuk para ulama untuk memahami isi kandungannya. Kitan ini ditulis sekitar tahun 1675 Masehi, iaitu ketika Syeikh Abdul Rauf masih menjadi Qadi Malik al-Adil (Riddell, Peter G. 2001: 161).

Penulisan kitab tersebut dalam bahasa Melayu bertujuan meninggikan martabat bahasa Melayu sebagai bahasa kebudayaan (Teuku Ibrahim Alfian, 1994: 2).

⁴ Tiga orang lagi ulama yang dimaksudkan ialah Syeikh Hamzah al-Fansuri, Syeikh Syamsuddin al-Sumatrani dan Nuruddin al-Raniri. Lihat: H. Harun Nasution, Prof. Dr. (1992), *Ensiklopedia Islam Indonesia*, Jakarta: Penerbit Djambatan, hlm. 31.

Tarjuman al-Mustafid bermaksud 'Penunjuk Bagi Peraih Faedah Ilmu'⁵ adalah sebuah kitab tafsir sederhana. Ia adalah kitab tafsir *bi al-ra'yi*. Pengarangnya menggunakan metodologi *tahlili* atau analitis, iaitu setiap ayat dihuraikan satu-persatu secara terperinci seperti penjelasan kosa kata, sebab nuzul, nasikh mansukh, *munasabat* dan sebagainya (Nashruddin Baidan, 2003: 67).

Banyak pendapat yang menyatakan bahawa kitab ini adalah terjemahan daripada *Tafsir al-Baydawi*.⁶ Lebih-lebih lagi terdapat kenyataan pentashih (penyemak) diakhirnya yang menyatakan bahawa ia adalah terjemahan kitab tersebut (Syeikh Abdul Rauf, 1951: 611). Namun sebahagian lagi berpendapat ianya adalah terjemahan *Tafsir al-Jalalayn*. Namun ada juga sebahagian kecil yang berpendapat ia adalah tafsir tersendiri tetapi menjadikan *Tafsir al-Baydawi* dan *Tafsir al-Jalalayn* sebagai antara rujukan pentingnya.⁷

Menurut catatan lagi, *Tarjuman al-Mustafid* pernah mengalami penambahan yang dibuat oleh anak murid beliau iaitu, Baba Daud al-Rumi. Walau bagaimanapun, kerja-kerja penambahan dan tokoh tambah ini di bawah pengetahuan Syeikh Abdul Rauf sendiri. Dalam naskhah-naskhah *Tarjuman al-Mustafid* yang terdapat di merata tempat⁸, tidak ada satu pun kenyataan yang menjelaskan bahawa terdapatnya naskah asal yang ditulis oleh Syeikh Abdul Rauf tanpa tambahan daripada anak muridnya. Riddell (1990: 26-27) menukulkan dalam manuskrip yang disimpan di Perpustakaan Teungku Dachlan al-Fairusiy di Tanah Abe,

⁵ Terjemahan ini adalah dari penulis sendiri. *Tarjuman* menurut kamus adalah penunjuk, penafsir, penyingkap, penyuluh, pembuka dan penaung. Manakala *Mustafid* ialah orang yang mengambil atau menerima manfaat dari sesuatu perkara.

⁶ Di antara sarjana yang berpendapat sedemikian ialah Snouk Hurgronje, Rinkes dan Vorhoeve. Kesemua mereka adalah sarjana Belanda. Lihat: Azyumardi Azra, Dr. (1995), *Jaringan Ulama Timur Tengah dan Kepulauan Nusantara Abad XVII dan XVIII*, c. 3, Bandung: Penerbit Mizan, hlm. 203.

⁷ Di antara pengkaji yang berpendapat bahawa *Tarjuman al-Mustafid* adalah tafsir Syeikh Abdul Rauf tersendiri ialah Prof. Dr. Nasharudin Baidan dalam buku beliau; Tafsir al-Quran di Indonesia, hlm. 62 dan Prof. Madya Dr. Wahab Md. Salleh dalam tesis PhD beliau di Universiti al-Azhar; al-Tafsir fi Shibh Jazirah Maliziyya. hlm. 442.

⁸ Riddell menyatakan bahawa terdapat sepuluh naskhah *Tarjuman al-Mustafid* yang telah ditemuinya yang tersebar di perpustakaan-perpustakaan dalam dan luar negeri. Namun tiada satu pun yang lengkap. Lihat: Riddell, Peter G. (1990), "Transferring A Tradition: Abd al-Rauf al-Singkili's rendering into Malay of The Jalalayn Commentary" (Monograf no. 31, Centers for South and Southeast Asia Studies, University of California, USA), hlm. 15.

Aceh bahawa tambahan yang dibuat oleh Daud al-Rumi itu melibatkan kisah-kisah daripada *Tafsir al-Khazin* dan sesetengah riwayat qiraat.

Menurut Azyumardi, salinan *Tarjuman al-Mustafid* yang paling awal yang masih ada berasal dari akhir abad ke 17 dan awal abad ke 18. Manakala cetakan paling awal ialah yang diterbitkan oleh Matba'ah al-Uthmaniyyah, Istanbul pada tahun 1302H/ 1884M. Selain itu, kitab ini juga dicetak di Singapura, Pulau Pinang, Jakarta, Bombay. Ia juga dicetak di Maktabah al-Amiriyah, Mekah dan Maktabah Sulayman al-Maraghi, Mesir (Azyumardi Azra, 1995: 203, Riddell, Peter G, 1990: 26-27).

Memandangkan kepada tempat cetak yang pelbagai, menampakkan bahawa kitab ini mendapat sambutan yang tinggi dalam kalangan masyarakat Islam khususnya di Nusantara. Bahkan ianya menjadi rujukan tunggal tafsir selama tiga abad sebelum kelahiran tafsir-tafsir berbahasa Melayu yang lain.

Sebagai kitab tafsir pertama yang ditulis dalam bahasa Melayu, beliau telah mengukir jasa yang besar dalam pendidikan dan pengajaran Islam. Karyanya telah membuka jalan kepada peningkatan kualiti iman dan takwa kepada Allah, khususnya di Asia Tenggara.

Aspek Intertekstualiti

Teori intertekstualiti asalnya adalah satu teori sastera yang lahir di Rusia. Teori ini digunakan bagi menganalisis dan memahami karya-karya sastera sama ada novel atau puisi. Teori ini cuba melihat imbalan antara teks dalaman dan teks luaran dalam sesebuah karya. Ia juga bertujuan memadukan antara kedua-dua unsur dalaman dan luaran ini.

Teks luaran yang merupakan teks sosial yang paling erat kaitannya dengan pengalaman pengarang, ideologi, sejarah, moral, budaya dan sebagainya memainkan peranan penting terhadap teks dalaman yakni aspek yang berkaitan dengan pembinaan sesebuah karya seperti estetik, imaginatif dan ilusi. Kedua-dua aspek ini berjalan seiring kerana sesuatu karya tidak akan dapat berdiri dengan baik tanpa gabungan antara keduanya.

Tindakan mana-mana pengarang menghasilkan karyanya dengan melakukan pengambilan, peminjaman dan pengolahan bahan dari pelbagai sumber adalah bertujuan sama ada ingin menarik minat pembaca supaya membaca, mempelajari dan mengkaji hasil karyanya, atau bertujuan menjelaskan pegangan atau isme pengarang, atau bertujuan membuat suatu tafsiran yang baru serta berbeza daripada karya-karya yang dihasilkan oleh pengarang lain (Mana Sikana, 1990: 118).

Namun begitu, penghasilan sesuatu karya semata-mata bertujuan menarik minat khalayak pembaca tidak memberikan input yang besar terhadap seseorang pengarang. Namun jika tiga aspek dialogik, iaitu yang berlaku dalam diri pengarang, dalam teks itu sendiri dan dalam diri khalayak atau pembaca, diolah dan dicerna dengan penuh teliti dan cermat, ia boleh menjadikan sesebuah karya itu lebih realistik. Perkara yang nyata ialah aspek pemikiran menjadi teras penciptaan sesebuah karya, justeru pemikiran dan ideologi selalu dikaitkan dengan mesej, tema dan motif karya. Ia biasanya menjadi faktor utama yang mendorong keinginan seseorang untuk berkarya.

Dalam teori intertekstualiti, aspek struktur menjadi landasan pembicaraan dan penelitian bagi sesebuah karya. Oleh itu, penelitian terhadap *Tarjuman al-Mustafid* juga mesti mengambil kira unsur dalamannya seperti tujuan penafsiran, gaya bahasa, penggunaan istilah, teknik penafsiran, uslub dan sebagainya.

Apabila sesebuah teks dianalisa, maka tiga persoalan penting yang berkaitan dengan prinsip intertekstualiti mesti sentiasa ditimbulkan oleh seseorang pengkaji itu, iaitu (Mana Sikana, 1999: 84):

- 1- Apa yang dilakukan oleh pengarang?
- 2- Bagaimana pengarang melakukannya?
- 3- Mengapa pengarang melakukan demikian?

Misalnya jika didapati sesuatu teks mengalami transformasi, perlu dibincangkan apakah yang ditransformasikan, bagaimana ia berlaku dan mengapa pengarang melakukannya demikian? Inilah yang mesti dilakukan bagi setiap prinsip.

Sesuatu karya itu pasti dihasilkan kerana sesuatu tujuan. Tidak ada karya yang dihasilkan tanpa tujuan dan matlamat sama ada ianya besar atau kecil. Oleh itu, tujuan penghasilan sesuatu karya itu mendorong pengarangnya mengikuti corak atau gaya tertentu. Pengarang menggunakan metodologi tertentu dalam penulisannya. Kewujudan gaya atau metodologi ini didorong oleh pembacaan, pengamatan, pengalaman dan apa sahaja yang berlaku di sekitar pengarang.

Justeru, teori intertekstualiti memberikan kebebasan kepada pengarang mengutip, mengambil, menyedut idea-idea dari teks lain seberapa banyak yang dikehendakinya dengan syarat si pengarang wajib dan berupaya mengekalkan idea dari sumber asal (Fatimah Busu, 2003: 108).

Sesebuah karya itu juga boleh dinikmati dengan menghubungkan secara positif dan negatif dengan sesebuah teks yang lain apabila teks luaran boleh membantu dalam memberi makna serta memperkuat pengertian yang hendak disampaikan oleh pengarang. Oleh itu, pengaplikasian teori intertekstualiti dalam *Tarjuman al-Mustafid* ini boleh membantu kita mencari signifikasi teks yang kadang-kadang tersembunyi dan tidak diucapkan oleh pengarang (Mana Sikana, 1999: 82).

Pengaruh Luar Dalam Teks *Tarjuman Al-mustafid*.

Pengaruh luar adalah rukun penting dalam teori intertekstualiti. Ini kerana pengaruh-pengaruh luar ini dapat membentuk 'watak' *Tarjuman al-Mustafid*. Pengaruh ini juga dapat menyerlahkan hubungan antara *Tarjuman al-Mustafid* dengan masyarakat atau sekurang-kurangnya hubungan pengarang dengan suasana sekitar dan masyarakatnya.

Hubungan dan kaitan antara teks ini akan melahirkan suatu pengertian, kefahaman, apresiasi, kekaguman atau menolaknya sama sekali (Mana Sikana, 1994). Teori intertekstualiti menyebut bahawa sesebuah teks itu tercipta berdasarkan karya-karya yang lain. Justeru, melalui analisis pengaruh luar, dapat dikenal pasti karya-karya manakah yang mempengaruhi penulisan *Tarjuman al-Mustafid*.

1. Pengaruh teks

Pengaruh-pengaruh ini teks luar dalam *Tarjuman al-Mustafid* adalah seperti berikut:

i. Riwayat israiliyyat dan sirah

Kedua-dua jenis teks ini didominasi oleh *Tafsir al-Khazin*. Manakala sebahagian yang sangat kecil sahaja diisi oleh *Tafsir al-Baydawi* dan *Tafsir al-Baghawi*.⁹

ii. Fadilat surah dan qiraat

Kedua-dua jenis teks ini didominasi oleh *Tafsir al-Baydawi*. Tetapi fadilat surah juga dikongsi oleh dua sumber lain iaitu Manafi^c al-Qur'an dan *Tafsir al-Khazin*. Namun transformasi data *Tafsir al-Khazin* hanya satu sahaja, iaitu kata Syeikh Abdul Rauf:

“bahwa tersebut dalam *Khazin* adalah Yasin itu delapan puluh tiga ayat dan tujuh ratus dua puluh kalimahnyanya dan tiga ribu hurufnya dan lagi pula tersebut dengan di dalamnya hadith barang siapa hadith barang siapa mengaji surah nescaya Yasin nescaya disuratkan Allah Taala baginya dengan hadith barang siapa mengaji surah nescaya dia itu seperti hadith barang siapa mengaji surah nescaya Quran sepuluh kali *wa billahittawfiq*” (Syeikh Abdul Rauf, 1951: 441)

Manakala qiraat pula ditransformasikan dengan menumpukan hanya tiga qiraat sahaja, iaitu Hafs, Abu 'Amr dan Nafi'. Oleh itu

⁹ Antara kutipan teks daripada *Tafsir al-Baghawi* ialah pada hlm. 250, 270, 272, 536, 542, 543 & 575. Kata Syeikh Abdul Rauf ketika mentafsir ayat 1, surah al-Ra'ad: “Fa'idah tersebut dalam Baghawi maknanya segala khabar yang telah ku ceriterakan atasmu itu segala cerita Taurat dan Injil dan segala kitab yang dahulu-dahulu”. Manakala dalam al-Baghawi pula: (يعني تلك الأخبار التي قصصتها عليك آيات التوراة والإنجيل والكتب المتقدمة). *Tafsir al-Baghawi* yang dijadikan hasyiah dalam *Tafsir al-Khazin*, al-Khazin, 'Ala' al-Din 'Ali ibn Muhammad ibn Ibrahim al-Baghdadi (1979M/ 1339H), *Tafsir al-Khazin*. Beirut: Dār al-Fikr. juz. 4. hlm. 2.

pengaruh teks qiraat daripada *Tafsir al-Baydawi* berlaku secara tidak menyeluruh.

iii. Sebab nuzul

Sekali imbas, kelihatan *Tafsir al-Khazin* banyak mendominasi transformasi data sebab nuzul dalam *Tarjuman al-Mustafid*. Tetapi sebenarnya *Tafsir al-Jalalayn*lah yang banyak mendominasi sebab nuzul dengan 110 sebab nuzul. Namun, oleh kerana Syeikh Abdul Rauf tidak mengisyaratkan kepada *Tafsir al-Jalalayn*, maka kelihatan *Tafsir al-Khazin* yang lebih menonjol sedangkan data sebab nuzulnya hanyalah 57 sahaja.

iv. Terjemahan ayat

Walaupun pengarang tidak menyatakan bahawa *Tafsir al-Jalalayn* adalah sumber rujukan beliau ketika menterjemah dan menafsirkan ayat, namun aplikasi teori intertekstualiti telah menyerlahkan rahsia ini. Sebahagian besar daripada halaman *Tarjuman al-Mustafid* terdapat persamaan dengan *Tafsir al-Jalalayn*.

2. Pengaruh sekitar

i. Sosio budaya

a. Masyarakat Aceh yang suka belayar (bermusafir)

Kesan ketara yang terdapat dalam *Tarjuman al-Mustafid* ialah ketika Syeikh Abdul Rauf menterjemah perkataan (سفر) serta pecahannya. Sepatutnya ia diterjemah sebagai ‘*musafir, bermusafir* atau *pemusafiran*’. Tetapi beliau menterjemahnya sebagai belayar atau pelayaran. Contohnya ayat 184 surah al-Baqarah:

وَأَعْتَدُوا لِلَّهِ وَلَا تَشْرِكُوا بِهِ شَيْئًا وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَانًا وَبِذِي الْقُرْبَىٰ
وَالْيَتَامَىٰ وَالْمَسْكِينِ وَالْجَارِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَالْجَارِ الْجُنُبِ وَالصَّاحِبِ
بِالْجُنُبِ وَأَبْنِ السَّبِيلِ وَمَا مَلَكَتْ أَيْمَانُكُمْ إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ مَنْ كَانَ
مُخْتَالًا فَخُورًا

Maksudnya:

(Puasa yang diwajibkan itu ialah beberapa hari yang tertentu; maka sesiapa di antara kamu yang sakit, atau dalam musafir, (bolehlah ia berbuka), kemudian wajiblah ia berpuasa sebanyak (hari yang dibuka) itu pada hari-hari yang lain; dan wajib atas orang-orang yang tidak terdaya berpuasa (kerana tua dan sebagainya) membayar fidyah iaitu memberi makan orang miskin. maka sesiapa yang dengan sukarela memberikan (bayaran fidyah) lebih dari yang ditentukan itu, maka itu adalah suatu kebaikan baginya; dan (walaupun demikian) berpuasa itu lebih baik bagi kamu daripada memberi fidyah), kalau kamu mengetahui.

Syeikh Abdul Rauf berkata: "... Maka barangsiapa ada daripada kamu tatkala melihat bulan Ramadan itu sakit ia atau berlayar ia maka berbuka ia maka wajibkan atasnya mempuasakan sebilang-bilang hari yang telah dibukakannya itu akan ganti daripadanya pada hari yang lain" (Syeikh Abdul Rauf, 1951: 29)¹⁰.

b. Amalan tasauf dan tarekat

Sekalipun Syeikh Abdul Rauf sangat terkenal sebagai pelopor tarekat Syatariyyah di Alam Melayu, tetapi secara umumnya wajah tasauf dan tarekat tidak ada dalam *Tarjuman al-Mustafid*. Namun fadilat surah seolah-olah mempunyai ikatan dengan tasauf dan tarekat.

¹⁰ Lihat juga surah: al-Baqarah, ayat: 185 dan 283. al-Nisa, ayat: 43. al-Maidah, ayat: 6. al-Taubah, ayat: 42 dan al-Kahf, ayat: 62.

c. Sistem pembelajaran

Sebelum kelahiran *Tarjuman al-Mustafid*, telah ada usaha menafsirkan al-Quran. Namun usaha itu hanya terhad kepada penafsiran al-Quran secara *juzi'e* sahaja. Umpamanya Syeikh Hamzah al-Fansuri yang mengambil aspek tasauf dalam penafsirannya. Demikian juga penafsiran secara fiqh yang terhad kepada solat, puasa, zakat, haji atau perkara-perkara yang berkaitan dengan akhlak dan sebagainya.

ii. Politik.

Suasana politik yang sentiasa panas dan tegang menjadikan Syeikh Abdul Rauf mengambil sikap sederhana dalam tafsirnya. Beliau tidak menjadikan karyanya ini sebagai tempat mempertahankan pendiriannya atau memperlekehkan lawannya. Ini tampak ketara ketika beliau menterjemah ayat 36 Surah al-Nisa'.

أَيَّامًا مَّعْدُودَاتٍ فَمَنْ كَانَ مِنْكُمْ مَّرِيضًا أَوْ عَلَى سَفَرٍ فَعِدَّةٌ مِنْ أَيَّامٍ
أُخْرٍ وَعَلَى الَّذِينَ يُطِيقُونَهُ فِدْيَةٌ طَعَامٍ مَسْكِينٍ فَمَنْ تَطَوَّعَ خَيْرًا
فَهُوَ خَيْرٌ لَهُ وَأَنْ تَصُومُوا خَيْرٌ لَكُمْ إِنْ كُنْتُمْ تَعْلَمُونَ

Maksudnya:

Kaum lelaki itu adalah pemimpin dan pengawal yang bertanggungjawab terhadap kaum perempuan, oleh kerana Allah telah melebihkan orang-orang lelaki (dengan beberapa keistimewaan) atas orang-orang perempuan, dan juga kerana orang-orang lelaki telah membelanjakan (memberi nafkah) sebahagian dari harta mereka. Maka perempuan-perempuan yang soleh itu ialah yang taat (kepada Allah dan suaminya), dan yang memelihara (kehormatan dirinya dan apa jua yang wajib dipelihara) ketika suami tidak hadir bersama, dengan pemuliharaan Allah dan pertolongan-Nya.

Ketika menterjemahkan ayat (بِمَا فَضَّلَ اللَّهُ بَعْضَهُمْ عَلَى بَعْضٍ), beliau hanya berpada dengan berkata: “dengan sebab dilebihkan Allah Taala atas segala perempuan dengan ilmu dan akal dan wilayah”.

Isu wanita menjadi pemerintah adalah perkara kontroversi sepanjang beliau menjadi Qadi al-Malik al-Adil. Namun Syeikh Abdul Rauf berjaya mendiadakan isu ini dengan tidak membincangkannya dalam tafsir beliau. Beliau berjaya meletakkan isu ini di tempat yang sewajarnya, iaitu dibincangkan dalam kitab fiqh beliau seolah-olah menunjukkan bahawa isu tersebut berkaitan dengan masalah *furu'* dan ijtihad.

3. Pengaruh pendidikan

Dominasi qiraat Nafi' dan Abu 'Amr dalam masyarakat Aceh. Qiraat yang paling banyak digunakan oleh masyarakat Asia Tenggara sekarang adalah qiraat 'Asim atau Hafs. Bahkan qiraat 'Asim atau Hafs seolah-olah sudah menjadi qiraat rasmi di negara-negara Asean. Namun melalui penelitian terjemahan terhadap ayat-ayat al-Quran dalam *Tarjuman al-Mustafid*, didapati bahawa Syeikh Abdul Rauf mempunyai caranya yang tersendiri. Terdapat banyak ayat yang diterjemah secara qiraat Abu 'Amr atau Nafi'.

Penguasaan pengarang yang luas dalam bidang qiraat membolehkannya menterjemah ayat berdasarkan qiraat Nafi' dan Abu 'Amr. Bukti pendedahan Syeikh Abdul Rauf yang luas terhadap qiraat ini, khususnya qiraat Nafi' ialah permukimannya yang lama di Madinah. Selain itu, tindakan Syeikh Abdul Rauf memasukkan perbincangan tiga qiraat tersebut mungkin menunjukkan bahawa ketiga-tiganya berkembang pesat di Aceh pada zaman beliau terutamanya qiraat Abu 'Amr.

Wujudnya penggunaan perkataan Arab yang agak banyak dalam *Tarjuman al-Mustafid* seperti *nisf*, *bayt*, *nafar*, *muqaddas*, *kharam*, *laban*, *laqab*¹¹ dan lain-lain. Ini menunjukkan pendedahan pengarang terhadap Bahasa Arab serta kesannya yang kuat dalam dirinya. Selain itu, ia secara tidak langsung menggambarkan tahap penguasaan bahasa Arab dalam kalangan orang awam.

¹¹ Makna perkataan: *nisf* (separuh atau sebahagian) [hlm. 38], *bayt* (rumah) [hlm. 63], *nafar* (individu) [hlm. 52], *muqaddas* (yang disucikan) [hlm. 55], *kharam* (kurma), *laban* (susu), *laqab* (gelaran) [9].

Sebagaimana kitab-kitab jawi terdahulu, *Tarjuman al-Mustafid* banyak menggunakan perkataan Arab yang menunjukkan tahap pendidikan agama dan bahasa Arab di Aceh pada zaman Syeikh Abdul Rauf. *Tarjuman al-Mustafid* adalah kitab tafsir yang bukan sahaja menjadi rujukan golongan ulama, bahkan juga orang awam. Jika orang awam tiada pendedahan terhadap bahasa Arab, maka *Tarjuman al-Mustafid* tidak akan banyak membantu mereka memahami al-Quran. Justeru itu, *Tarjuman al-Mustafid* telah menggambarkan mentaliti dan penguasaan ilmu masyarakat Aceh pada zamannya.

Istilah-istilah pelbagai bidang ilmu juga terdapat dalam kitab ini. Antaranya ialah istilah tajwid dan qiraat seperti *tasydid*, *tashil*, *ikhhtilas*, *tahqiq*, *isyba'*, istilah fiqh seperti harus, zihar, *khyyar*, sunat dan sebagainya.

Rujukan kepada kitab tafsir seperti *al-Tabari*¹², dan *al-Tha'labi*¹³, rujukan kepada kitab hadith seperti *Musnad Ahmad*¹⁴, *al-Bukhari*¹⁵, *Muslim*¹⁶ dan *al-Hakim*¹⁷ dan rujukan kepada kitab fiqh seperti Kitab Nihayah¹⁸ menunjukkan pendedahan Syeikh Abdul Rauf yang luas terhadap ilmu-ilmu Islam.

Antara ketiga-tiga rujukan utama *Tarjuman al-Mustafid*, iaitu *Tafsir al-Jalalayn*, *Tafsir al-Baydawi* dan *Tafsir al-Khazin*, ternyata bahawa *Tafsir al-Khazin* paling menyerlah dari segi zahirnya kerana telah disebut sebanyak 159 kali, sedangkan nama *al-Baydawi* hanya disebut 129 kali sahaja.

Ini menunjukkan bahawa Syeikh Abdul Rauf benar-benar menguasai kitab tersebut. Selain itu, kemahiran beliau menterjemah ayat dengan menyerapkan teks *Tafsir al-Jalalayn* ke dalamnya juga menunjukkan pemahaman dan penguasaan yang tinggi terhadap kitab tersebut. Umum mengetahui bahawa sekalipun *Tafsir al-Jalalayn* sangat ringkas namun

¹² Lihat: Syeikh Abdul Rauf (1951/1370), *Tarjuman al-Mustafid*, hlm. 74.

¹³ Lihat: Ibid, hlm. 14 & 17.

¹⁴ Lihat: Ibid, hlm. 113.

¹⁵ Lihat: Ibid, hlm. 284 & 302.

¹⁶ Lihat: Ibid, hlm. 284.

¹⁷ Lihat: Ibid, hlm. 284

¹⁸ Lihat: Ibid, hlm. 86.

ianya agak payah difahami oleh orang biasa. Tetapi kepayahan memahaminya telah menjadi mudah apabila seseorang itu membaca *Tarjuman al-Mustafid*.

Selain itu, melalui perbandingan data *Tarjuman al-Mustafid* dengan data tipa induk dan hipogram didapati bahawa keseluruhan data tafsir yang ada di dalamnya ialah sebanyak 534, dan *Tafsir al-Jalalayn* mengungguli sebanyak 212 data. Ini menunjukkan bahawa data *Tafsir al-Jalalayn* mendominasi transformasi data berbanding dengan *Tafsir al-Baydawi* dan *Tafsir al-Khazin*.

Pengaruh Dalaman Dalam Teks *Tarjuman Al-mustafid*

Sesebuah karya tidak akan lahir tanpa gabungan pengaruh dalaman dan luaran. Pengaruh dalaman adalah kerangka asas dalam pembentukan sesebuah karya. Unsur-unsur strukturalisme seperti tema, pemikiran, plot, perwatakan, estetik, imaginatif, ilusi dan sebagainya sangat mempengaruhi sesuatu karya. Tetapi kebanyakan unsur ini hanya sesuai diaplikasikan dalam karya-karya sastera berbentuk cerita sahaja.

Namun begitu, *Tarjuman al-Mustafid* juga mempunyai pengaruh ini. Pengaruh yang paling ketara ialah aspek bahasa dan struktur susunan teks. Bahasa yang digunakan ialah bahasa Melayu yang bercampur dengan bahasa Arab. Sekalipun istilah dan tatabahasanya sangat berbeza dengan bahasa Melayu moden, namun ia adalah bahasa yang sangat meluas penggunaannya pada zaman Syeikh Abdul Rauf.

Syeikh Abdul Rauf juga membentuk gayanya yang tersendiri ketika berkarya. Beliau memulakan tafsiran sesuatu surah dengan memperkenalkan status surah sama ada *makki* atau *madani*, bilangan ayat dan fadilat surah tersebut. Kemudian barulah beliau menafsirkan ayat demi ayat dengan menyelitkan sebab nuzul, sirah, riwayat israiliyyat dan qiraat pada tempat-tempat yang sesuai. Beliau konsisten dengan cara ini hingga ke akhir surah.

Sekalipun terjemahan ayat dalam *Tarjuman al-Mustafid* adalah terjemahan *tafsiriyyah*, namun Syeikh Abdul Rauf tidak menggunakan kesempatan ini untuk mencatatkan segala pengetahuannya. Bahkan beliau

menterjemahkan dengan ringkas dan padat. Beliau mempamerkan profesionalisme dan keakademikannya yang tinggi ketika menterjemah, apabila ianya tidak dijadikan medan untuk menyatakan pendiriannya terhadap sesuatu perkara atau mempersoalkan sesuatu perkara yang bercanggah dengan pendiriannya.

Keringkasan dan kepadatan *Tarjuman al-Mustafid* adalah bertepatan dengan matlamat asal beliau ketika menghasilkan karya ini, iaitu untuk tatapan dan bacaan masyarakat umum yang rata-ratanya tidak menguasai bahasa Arab. Al-Quran sebagai kitab hidayah telah diserlahkan dengan penuh harmoni oleh beliau melalui cara tersebut.

Sekalipun Syeikh Abdul Rauf merujuk kepada banyak kitab ketika menghasilkan *Tarjuman al-Mustafid*, namun beliau mempunyai metodologinya yang tersendiri. Perkara yang paling menyerlah ialah perbincangan qiraat. Sekalipun *Tafsir al-Baydawi* yang menjadi rujukan qiraatnya menyenaraikan banyak qiraat dan qurra', namun beliau tetap konsisten dengan tiga qurra' sahaja.

Teks-teks fadilat surah khususnya daripada *Tafsir al-Baydawi* banyak dipertikaikan oleh para ulama sejak dahulu hingga sekarang.¹⁹ Namun begitu, Syeikh Abdul Rauf tetap mencatatkannya pada setiap surah dalam *Tarjuman al-Mustafid*. Sekalipun beliau boleh dipersalahkan kerana mencatatkan teks-teks yang sebahagian besarnya tidak sahih, namun beliau telah menyerlahkan pemikiran dakwahnya.

Masyarakat Aceh pada zaman beliau sangat asyik dengan amalan tarekat hingga sebahagian mereka hanyut dalam salik buta. Keasyikan mereka dengan pelbagai cabang ilmu Islam seperti fiqh, akidah dan sebagainya telah melupakan mereka daripada sumber primer kepada ajaran Islam, iaitu al-Quran. Justeru, tindakan Syeikh Abdul Rauf ini dapat mengembalikan semula minat masyarakat Islam di Aceh untuk membaca, mengkaji, meneliti dan menghayati al-Quran.

¹⁹ al-Suyuti menegaskan bahawa hadith-hadith yang panjang tentang fadilat surah demi surah yang banyak disebut dalam kitab-kitab tafsir adalah mawdu'. Lihat: al-Suyuti Jalal al-Din 'Abd al-Rahman (1993/1414), *al-Itqan fi 'Ulum al-Quran*. Dr. Mustafa Dib al-Bugha (taqdim). j. 1, c. 2. Beirut: Dar Ibn Kathir, hlm. 1129 & 1113.

Penutup

Melalui aplikasi teori intertekstualiti dalam *Tarjuman al-Mustafid* menampakkan kemampuan Syeikh Abdul Rauf dari segi akademik, iaitu beliau menguasai banyak cabang ilmu. Beliau juga mempamerkan keindahan *Tarjuman al-Mustafid* sehinggakan tiada satupun kitab tafsir berbahasa Melayu selepasnya yang mempunyai pendekatan penafsiran sepertinya.

Kitab ini mempunyai pendekatan transformasi data yang sangat menarik apabila data-data tafsir daripada *Tafsir al-Baydawi* dan *Tafsir al-Khazin* ditransformasi dengan menunjukkan sumbernya seperti kata Syeikh Abdul Rauf: “tersebut dalam *Baydawi*” dan “tersebut dalam *Khazin*”. Manakala data-data daripada *Tafsir al-Jalalayn* ditransformasi tanpa menyebutkan sumbernya. Pendekatan ini menyebabkan nama *al-Baydawi* dan *al-Khazin* lebih menyerlah. Namun aplikasi teori intertekstualiti telah mendedahkan bahawa data dalam *Tarjuman al-Mustafid* sebenarnya didominasi oleh *al-Jalalayn*.

Bibliografi

Ensiklopedia Sastera Dunia (2000), Abd. Ghafar Laili *et al* (terj.), 6 j. Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Pradotokusumo, Partini Sardjono (1986), *Kakawin Gajah Mada*, Bandung: Penerbit Binacipta.

Barthes, Roland (1982), *Mythologies*. New York: Hill and Wang.

Mana Sikana (1994), *Tuah-Jebat dalam Drama Melayu: Satu Kajian Intertekstualiti*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

H. Harun Nasution, Prof. Dr. (1992), *Ensiklopedia Islam Indonesia*, Jakarta: Penerbit Djambatan.

Riddell, Peter G. (2001), *Islam and The Malay-Indonesian World: Transmission and Responses*, London: Hurt & Company.

- Teuku Ibrahim Alfian (1994), “Kontribusi Syeikh Abdurrauf Syiah Kuala Terhadap Rona Sejarah Nasional” (Kertas Kerja Festival Baiturrahman II, Panitia Pelaksana Seminar Syech Abdurrauf Syiah Kuala Banda Aceh, 16 Januari 1994).
- Nashruddin Baidan, Prof. Dr. (2003), *Perkembangan Tafsir al-Quran di Indonesia*, Solo, Indonesia: PT Tiga Serangkai Pustaka Mandiri.
- Azyumardi Azra, Dr. (1995), *Jaringan Ulama Timur Tengah dan Kepulauan Nusantara Abad XVII dan XVIII*, c. 3, Bandung: Penerbit Mizan.
- Syeikh Abdul Rauf (1951/ 1370), *Tarjuman al-Mustafid*, Syeikh Muhammad Idris Abdul Rauf al-Marbawi (sem.), c. 4, Singapura: Pustaka Nasional.
- Riddell, Peter G. (1990), “Transferring A Tradition: Abd al-Rauf al-Singkili’s rendering into Malay of The Jalalayn Commentary” (Monograf no. 31, Centers for South and Southeast Asia Studies, University of California, USA).
- Mana Sikana (1990), *Pendekatan Kesusasteraan Moden*, Selangor: Penerbit Karyawan.
- Mana Sikana (1999), *Teori Dan Pendekatan Kesusasteraan 1*, Universiti Kebangsaan Malaysia: Pusat Pengajian Jarak Jauh.
- Fatimah Busu (2003), *Memupuk Bakat & Minat Penulisan Kreatif Teori & Proses*, Pahang: PTS Publications & Distributors Sdn Bhd.
- al-Khazin, ‘Ala’ al-Din ‘Ali ibn Muhammad ibn Ibrahim al-Baghdadi (1979M/ 1339H), *Tafsir al-Khazin*. Beirut: Dâr al-Fikr.
- al-Suyuti Jalal al-Din ‘Abd al-Rahman (1993/1414), *al-Itqan fi ‘Ulum al-Quran*. Dr. Mustafa Dib al-Bugha (taqdim).c. 2. Beirut: Dar Ibn Kathir.